



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEBELAS
PENGKAL KEDUA
MESYUARATKETIGA**

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN

BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

(Halaman 1)

USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH P.M. 18(1):

- Pelanjutan Penahanan Enam Orang Tahanan Kumpulan Militan Malaysia Di Bawah Akta ISA Selama Dua Tahun.

- Y.B. Tuan Salahuddin bin Ayub (*Kubang Kerian*)

(Halaman 15)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2005) 2005

Jawatankuasa:-

Jadual:-

Maksud B.11 dan B.12	(Halaman 16)
Maksud B.26	(Halaman 59)
Maksud B.30	(Halaman 78)
Maksud B.41	(Halaman 94)
Maksud B.42	(Halaman 111)
Maksud B.44	(Halaman 121)
Maksud B.45	(Halaman 126)
Maksud B.46	(Halaman 133)
Maksud B.49	(Halaman 141)
Maksud B.62	(Halaman 146)

USUL:

Usul Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil.1) 2005

Jawatankuasa:-

Maksud P.10	(Halaman 16)
Maksud P.22	(Halaman 28)
Maksud P.23	(Halaman 28)
Maksud P.60	(Halaman 42)
Maksud P.26	(Halaman 59)
Maksud P.27	(Halaman 69)
Maksud P.29	(Halaman 69)
Maksud P.32	(Halaman 86)
Maksud P.41	(Halaman 94)
Maksud P.42	(Halaman 111)
Maksud P.44	(Halaman 121)
Maksud P.45	(Halaman 126)
Maksud P.62	(Halaman 146)

Meminda Susunan Aturan Urusan Mesyuarat
Di Bawah P.M 14(2)

(Halaman 42)

Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada
Peraturan Mesyuarat

(Halaman 68)

Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada
Peraturan Mesyuarat

(Halaman 120)

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Seri Diraja Ramli bin Ngah Talib, PSM., SPCM., AMN., JP. (Pasir Salak) - UMNO

“ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Lim Si Cheng, PJN., PIS. (Kulai) - MCA

“ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Dr. Yusof bin Yacob, PGDK., ADK. (Sipitang) – UMNO

MENTERI

1. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, S.P.M.S., S.S.S.J., S.P.S.A., S.S.A.P., S.P.D.K., D.P., S.P.N.S., D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas) - UMNO
2. “ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan) - UMNO
3. Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Seri Ong Ka Ting, S.P.M.P., D.P.M.P. (Tanjong Piai) - MCA
4. “ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput) - MIC
5. “ Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N., D.P.C.M. (Beruas) - GERAKAN
6. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok, P.S.M., S.P.D.K. (Ranau) - UPKO
7. “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah binti Abd. Aziz, S.P.M.T., S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar) - UMNO
8. “ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi) - UMNO
9. “ Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh) - UMNO
10. “ Menteri Penerangan, Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, D.H.M.S., P.G.D.K., D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu) – UMNO
11. “ Menteri Sumber Manusia, Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn, D.C.S.M., D.M.S.M. (Alor Gajah) - MCA
12. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, S.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Padang Rengas) - UMNO
13. “ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato' Seri Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar) - UMNO
14. “ Menteri Pelajaran, Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein, S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.J. (Sembrong) - UMNO
15. “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim, S.J.M.K., S.P.N.S., D.S.N.S. (Jelebu) - UMNO

16. Yang Berhormat Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.G.P.N., D.I.M.P. (Lembah Pantai) - UMNO
17. " Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis, S.I.M.P., D.I.M.P., S.A.P. (Rompin) - UMNO
18. " Menteri Pengangkutan, Dato' Sri Chan Kong Choy, S.S.A.P., D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang) - MCA.
19. " Menteri Kewangan Kedua, Senator Tan Sri Datuk Seri Nor Mohamed bin Yakcop
20. " Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri Dato' Seri Utama Mohd. Isa bin Abdul Samad, P.S.M., S.P.N.S., D.S.N.S., P.M.C. (Jempol) - UMNO
21. " Menteri Pelancongan, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.D.K., J.B.S. (Mukah) - PBB
22. " Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K., P.B.S., A.B.S. (Miri) - SUPP
23. " Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M. (Semporna) - UMNO
24. " Menteri Pengajian Tinggi, Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat) - UMNO
25. " Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.P.M.S., D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M., D.P.M.P., D.S.D.K. (Shah Alam) - UMNO
26. " Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato' Mohamed Khaled bin Nordin, D.S.P.N., S.M.J., P.I.S. (Pasir Gudang) - UMNO
27. " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Mustapa bin Mohamed (Jeli) - UMNO
28. " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad (Kangar) - UMNO
29. " Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato' Sri Adenan bin Satem (Batang Sadong) - PBB
30. " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Kota Marudu) - PBS
31. " Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Chua Soi Lek (Labis) - MCA
32. " Menteri Belia dan Sukan, Datuk Azalina binti Othman Said (Pengerang) - UMNO
33. " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin (Besut) - UMNO

TIMBALAN MENTERI

1. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato' Seri Kerk Choo Ting (Simpang Renggam) - GERAKAN
2. " Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Douglas Uggah Embas (Betong) - PBB
3. " Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak) - MCA
4. " Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor) - MIC
5. " Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Pandan) - MCA

6. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato' Seri Mohd. Shariff bin Omar, D.G.P.N., D.M.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor) – UMNO
7. “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato' Zainal Abidin bin Zin, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai) - UMNO
8. “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut) - UMNO
9. “ Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Anifah bin Haji Aman (Kimanis) - UMNO
10. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Dr. Tiki anak Lafe (Mas Gading) - SPDP
11. “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Ng Yen Yen, D.I.M.P., D.S.A.P. (Raub) - MCA
12. “ Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing) - UMNO
13. “ Timbalan Menteri Pelajaran, Dato' Hon Choon Kim (Seremban) - MCA
14. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk M. Kayveas, P.J.N. (Taiping) - PPP
15. “ Timbalan Menteri Penerangan, Dato' Donald Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan) - MCA
16. “ Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Dato' Fu Ah Kiow (Kuantan) – MCA
17. “ Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Zainudin bin Maidin (Merbok) – UMNO
18. “ Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Dato' Haji Noh bin Haji Omar, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang) - UMNO
19. “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato' Khamsiyah binti Yeop, P.P.T., A.M.N., A.M.P., P.M.P. (Lenggong) – UMNO
20. “ Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera) - GERAKAN
21. “ Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato' S. G. Sothinathan (Telok Kemang) - MIC
22. “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' S. Veerasingam, P.M.P., A.M.P, A.M.N. (Tapah) - MIC
23. “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Dato' Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru) - MCA
24. “ Timbalan Menteri Pelajaran, Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir (Sungai Petani) - UMNO
25. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun) - UMNO
26. “ Timbalan Menteri Pelancongan, Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok) – UMNO
27. “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Robert Lau Hoi Chew, J.B.S. (Sibu) - SUPP
28. Yang Berhormat Timbalan Menteri Luar Negeri, Dato' Joseph Salang Gandum (Julau) - PBDS

29. “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Dato’ Kong Cho Ha (Lumut) - MCA
30. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Mah Siew Keong (Telok Intan) - GERAKAN
31. “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Dato’ Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Sepang) – UMNO
32. “ Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, Dato’ Shaziman bin Abu Mansor, A.N.S. (Tampin) – UMNO
33. “ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Dato’ Zulhasnan bin Rafique, D.I.M.P., A.M.N. (Setiawangsa) - UMNO
34. “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Azizah binti Mohd. Dun (Beaufort) – UMNO
35. “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Abdul Rahman bin Bakar (Marang) - UMNO
36. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato’ Dr. Awang Adek bin Hussin (Bachok) – UMNO
37. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tuan Joseph Entulu anak Belaun (Selangau) - PBDS
38. “ Mulia Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang (Hulu Terengganu) – UMNO

SETIAUSAHA PARLIMEN

1. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Mohd Johari bin Baharum (Kubang Pasu) - UMNO
2. “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Dr. Mashitah binti Ibrahim (Baling) - UMNO
3. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato’ Seri Dr. Hilmi bin Yahaya (Balik Pulau) - UMNO
4. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Keselamatan Dalam Negeri, Datuk Wira Abu Seman Yusop (Masjid Tanah) - UMNO
5. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dr S. Subramaniam (Segamat) - MIC
6. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Dato’ Yong Khoon Seng (Stampin) - SUPP
7. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew (Klang) – MCA
8. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, Dato’ Zainal Abidin bin Osman (Nibong Tebal) - UMNO
9. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim (Batang Lepar) - PBB
10. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Puan Noriah binti Kasnon (Sungai Besar) - UMNO
11. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato’ Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim (Pokok Sena) - UMNO
12. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran, Puan Komala Devi (Kapar) – MIC
13. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Puan Chew Mei Fun (Petaling Jaya Utara) - MCA

14. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani (Bukit Katil) – UMNO
15. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Hoo Seong Chang (Kluang) - MCA
16. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan, Tuan Yew Teong Look (Wangsa Maju) - MCA
17. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Tuan Ng Lip Yong @ Ng Lip Sat (Batu) - GERAKAN
18. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengajian Tinggi, Datuk Dr. Adham bin Baba (Tenggara) - UMNO
19. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman (Silam) - UMNO
20. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Tuan Sazmi bin Miah (Machang) - UMNO
21. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato’ Lee Kah Choon (Jelutong) - GERAKAN
22. “ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Tuan Sa. Vigneswaran (Kota Raja) - MIC

AHLI-AHLI

1. Yang Berhormat Tuan Aaron Ago Dagang (Kanowit) - PBDS
2. “ Brig. Jen. (B) Dato’ Seri Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin (Parit Buntar) - UMNO
3. “ Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron (Rantau Panjang) - PAS
4. “ Datuk Abdul Ghapur bin Salleh (Kalabakan) - UMNO
5. “ Dato’ Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman (Pengkalan Chepa) - PAS
6. “ Datuk Abdul Rahim bin Bakri (Kudat) - UMNO
7. “ Dato’ Abdul Rahman bin Ariffin (Jerlun) - UMNO
8. “ Datuk Patinggi Tan Sri Abdul Taib bin Mahmud (Kota Samarahan) - PBB
9. “ Dato’ Abu Bakar bin Taib (Langkawi) - UMNO
10. “ Tuan Ahmad Shabery Cheek (Kemaman) - UMNO
11. “ Tuan Alexander Nanta Linggi (Kapit) - PBB
12. “ Datuk Haji Astaman bin Abdul Aziz (Titiwangsa) - UMNO
13. “ Dato’ Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin (Jerai) - UMNO
14. “ Tuan Baharum bin Mohamed (Sekijang) - UMNO
15. “ Tuan Bernard S. Maraat @ Ben (Pensiangan) - PBRS
16. “ Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang) - PBDS
17. “ Datuk Bung Moktar bin Radin (Kinabatangan) - UMNO
18. “ Tuan Che Azmi bin Hj. A. Rahman (Kuala Nerus) – UMNO
19. “ Dato Haji Che Min bin Che Ahmad (Pasir Puteh) - PAS
20. Yang Berhormat Tuan Chong Chieng Jen (Bandar Kuching) - DAP
21. “ Puan Chong Eng (Bukit Mertajam) - DAP
22. “ Tuan Chong Hon Min (Sandakan) - BEBAS

23. “ Dato’ Chor Chee Heung (Alor Star) - MCA
24. “ Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong) - DAP
25. “ Dato’ Chua Jui Meng (Bakri) – MCA
26. “ Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy (Cameron Highlands) - MIC
27. “ Tuan Donald Peter Mojuntin (Penampang) – UPKO
28. “ Ir. Edmund Chong Ket Wah (Batu Sapi) - PBS
29. “ Tuan Eric Enchin Majimbun (Sepanggar) - SAPP
30. “ Tuan Haji Fadillah bin Yusof (Petra Jaya) - PBB
31. “ Dato’ Firdaus bin Harun (Rembau) - UMNO
32. “ Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang) - DAP
33. “ Cik Fong Po Kuan (Batu Gajah) - DAP
34. “ Dato’ Ghazali bin Ibrahim (Padang Terap) - UMNO
35. “ Dato’ Goh Siow Huat (Rasah) - MCA
36. “ Ir. Haji Hamim bin Samuri (Ledang) - UMNO
37. “ Datuk Haji Hasan bin Malek (Kuala Pilah) - UMNO
38. “ Tuan Hashim bin Jahaya (Kuala Kedah) - UMNO
39. “ Ir. Hasni bin Haji Mohammad (Pontian) - UMNO
40. “ Tuan Henry Sum Agong (Bukit Mas) - PBB
41. “ Tan Sri Dato’ Hew See Tong (Kampar) - MCA
42. “ Tuan Huan Cheng Guan (Batu Kawan) - GERAKAN
43. “ Tuan Haji Idris bin Haji Haron (Tangga Batu) - UMNO
44. “ Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib (Maran) - UMNO
45. “ Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said (Kuala Krau) - UMNO
46. “ Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasir Mas) - PAS
47. “ Datuk Ismail Sabri bin Yaakob (Bera) - UMNO
48. “ Dato’ Jacob Dungau Sagan (Baram) - SPDP
49. “ Dr. James Dawos Mamit (Mambong) - PBB
50. “ Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu) - PBDS
51. “ Tuan Jelaing anak Mersat (Saratok) - SPDP
52. “ Tuan Jimmy Donald (Sri Aman) - PBDS
53. “ Datu Seri Joseph Pairin Kitingan (Keningau) - PBS
54. “ Dr. Junaidy bin Abdul Wahab (Batu Pahat) - UMNO
55. “ Datuk Juslie Ajirol (Libaran) - UMNO
56. “ Tan Sri Dato’ Dr. K.S. Nijhar (Subang) - MIC
57. “ Dato’ Kamarudin bin Jaffar (Tumpat) - PAS
58. “ Tuan R. Karpal Singh (Bukit Gelugor) - DAP
59. “ Tuan Lau Yeng Peng (Puchong) - GERAKAN
60. Yang Berhormat Tan Sri Law Hieng Ding (Sarikei) - SUPP
61. “ Puan Lim Bee Kau, A.M.K., B.K.M., P.J.K., J.P. (Padang Serai) - MCA
62. “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan) - DAP

63. “ Tuan Lim Kit Siang (Ipoh Timor) - DAP
64. “ Dato’ Liow Tiong Lai (Bentong) - MCA
65. “ Tuan Loh Seng Kok (Kelana Jaya) - MCA
66. “ Dato’ Loke Yuen Yow (Tanjong Malim) - MCA
67. “ Tuan M. Kula Segaran (Ipoh Barat) - DAP
68. “ Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh (Putatan) - UPKO
69. “ Tuan Markiman bin Kobiran (Hulu Langat) - UMNO
70. “ Dato’ Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan (Sabak Bernam) – UMNO
71. “ Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad (Keteroh) – UMNO
72. “ Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz (Sri Gading) - UMNO
73. “ Tuan Mohamad Shahrum bin Osman (Lipis) - UMNO
74. “ Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat, J. P. (Kuala Krai) - UMNO
75. “ Datuk Mohd. Zaid bin Ibrahim (Kota Bharu) - UMNO
76. “ Tuan Mohd. Daud bin Tarihep (Kuala Selangor) - UMNO
77. “ Dr. Mohd. Hayati bin Othman (Pendang) - PAS
78. “ Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof (Jasin) - UMNO
79. “ Dato’ Mohd. Sarit bin Haji Yusoh (Temerloh) - UMNO
80. “ Tuan Mohd. Yusop bin Majid (Setiu) - UMNO
81. “ Tuan Nasaruddin bin Hashim (Parit) - UMNO
82. “ Datuk Nur Jazlan bin Mohamed (Pulai) - UMNO
83. “ Datuk Dr. Rahman bin Ismail (Gombak) - UMNO
84. “ Tuan Raimi Unggi (Tenom) – UMNO
85. “ Dato’ Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar (Larut) - UMNO
86. “ Tan Sri Dato’ Seri Diraja Ramli bin Ngah Talib (Pasir Salak) - UMNO
87. “ Tuan Razali bin Ibrahim (Muar) - UMNO
88. “ Dato’ Razali bin Ismail (Kuala Terengganu) – UMNO
89. “ Datuk Richard Riot anak Jaem (Serian) - SUPP
90. “ Datuk Ronald Kiandee (Beluran) – UMNO
91. “ Datuk Rosli bin Mat Hassan (Dungun) - UMNO
92. “ Puan Rosnah bte. Haji Abd. Rashid Shirlin (Papar) – UMNO
93. “ Dr. Rozaidah binti Talib (Ampang) - UMNO
94. “ Tuan Salahuddin bin Ayub (Kubang Kerian) - PAS
95. “ Datuk Salleh bin Tun Said (Kota Belud) – UMNO
96. “ Ir. Shaari bin Hassan (Tanah Merah) – UMNO
97. “ Dato’ Shahrir Abdul Samad (Johor Bahru) – UMNO
98. “ Tuan Shim Paw Fatt (Tawau) - SAPP
99. “ Datuk Seri Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman (Paya Besar) – UMNO
100. Yang Berhormat Dato’ Suhaili bin Abdul Rahman (Labuan) – UMNO
101. “ Tuan Syed Hood bin Syed Edros (Parit Sulung) – UMNO
102. “ Dato’ Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail (Arau) – UMNO

-
- | | | |
|------|---|---|
| 103. | “ | Puan Tan Ah Eng (Gelang Patah) - MCA |
| 104. | “ | Dato’ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut) - GERAKAN |
| 105. | “ | Tuan Tan Kok Wai (Cheras) - DAP |
| 106. | “ | Cik Tan Lian Hoe (Bukit Gantang) - GERAKAN |
| 107. | “ | Dr. Tan Seng Giaw (Kepong) – DAP |
| 108. | “ | Tuan Teng Boon Soon (Tebrau) - MCA |
| 109. | “ | Datuk Tengku Adnan bin Tengku Mansor (Putrajaya) - UMNO |
| 110. | “ | Mulia Tengku Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang) – UMNO |
| 111. | “ | Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh) – DAP |
| 112. | “ | Tan Sri Dato’ Seri Dr. Ting Chew Peh (Gopeng) - MCA |
| 113. | “ | Dato’ Seri Tiong King Sing (Bintulu) - SPDP |
| 114. | “ | Tuan Tiong Thai King (Lanang) - SUPP |
| 115. | “ | Datuk Wahab bin Haji Dollah (Kuala Rajang) - PBB |
| 116. | “ | Dato’ Wan Adnan bin Wan Mamat (Indera Mahkota) - UMNO |
| 117. | “ | Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail (Permatang Pauh) - KEADILAN |
| 118. | “ | Dato’ Dr. Wan Azmi bin Wan Ariffin (Sik) – UMNO |
| 119. | “ | Dato’ Dr. Wan Hashim bin Wan Teh (Gerik) – UMNO |
| 120. | “ | Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar (Santubong) - PBB |
| 121. | “ | Ir. Dr. Wee Ka Siong (Ayer Hitam) - MCA |
| 122. | “ | Tuan Wilfred Madius Tangau (Tuaran) - UPKO |
| 123. | “ | Tuan Wong Nai Chee (Kota Melaka) - MCA |
| 124. | “ | Dato’ Yap Pian Hon (Serdang) - MCA |
| 125. | “ | Datuk Dr. Yee Moh Chai (Kota Kinabalu) - PBS |

MENTERI/TIMBALAN MENTERI (SENATOR)

1. Yang Berhormat Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat

Dato' Abdullah bin Abdul Wahab

Ketua Penolong Setiausaha

Roosme binti Hamzah

Ruhana binti Abdullah

Riduan bin Rahmat

Pegawai Undang-undang

Muzalni bin Soid

Penolong Setiausaha

Muhd Sujairi bin Abdullah

Lavinia a/p Vyveganathan

Bazlinda binti Bahrin

Farah Nurdiana binti Azhar

PETUGAS-PETUGAS

PENERBITAN PENYATA RASMI (HANSARD)

Azhari bin Hamzah

Hajah Paizah binti Haji Salehuddin

Supiah binti Dewak

Mohamed bin Osman

Hajah Kamisah binti Sayuti

Abd. Talip bin Hasim

Hadzirah binti Ibrahim

Saadiah binti Jamaludin

Jamilah Intan binti Haji Bohari

Hairan bin Mohtar

Nurziana binti Ismail

Suriyani binti Mohd. Noh

Marzila binti Muslim

Habibunisah binti Mohd. Azir

Aisyah binti Razki

Yoogeswari a/p Muniandy

Nor Liyana binti Ahmad

Zatul Hijanah binti Yahya

Nurul Asma binti Zulkepli

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT

Rabu, 28 September 2005

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

[Soalan No. 1 - Y.B. Tuan Tiong Thai King [Lanang] tidak hadir]

2. **Tuan Jimmy Donald [Sri Aman]** minta Menteri Pelancongan menyatakan kejayaan yang telah dicapai oleh "National Ecotourism Plan" yang baru sahaja berakhir. Apakah rancangan "ecotourism" yang akan menyusuli rancangan ini.

Timbalan Menteri Pelancongan [Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi]:
[Melangkah masuk ke Dewan]

Tuan Lim Kit Siang: Mana itu menteri, timbalan menteri, setiausaha Parlimen? *[Dewan riuh]* – Malulah.

Tuan Jimmy Donald: Soalan nombor dua Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Yang di-Pertua, eko-pelancongan sememangnya merupakan salah satu produk yang berdaya saing bagi industri pelancongan di pasaran global.

Bagi memelihara sumber alam semula jadi dan kekayaan warisan budaya yang menjadi teras bagi produk-produk eko-pelancongan, Kementerian Pelancongan yang dahulunya dikenali sebagai Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, pada tahun 1995 telah mengambil inisiatif untuk menyediakan satu Pelan Eko-Pelancongan Kebangsaan yang telah mengenal pasti 14 strategi, 52 cadangan projek yang berpotensi serta 21 pelan tindakan bagi memastikan pembangunan sumber alam semula jadi adalah berdasarkan pendekatan yang bestari demi kepentingan generasi yang akan datang.

Justeru itu, pembangunan produk-produk eko-pelancongan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan adalah berdasarkan pelan tindakan yang telah digariskan. Pelan Eko-Pelancongan Kebangsaan akan juga diguna pakai di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan. Ini memandangkan dasar, strategi dan garis panduan yang disediakan di bawah Pelan Eko-Pelancongan Kebangsaan ini masih relevan.

Di bawah Rancangan Malaysia Kelapan, sebanyak RM75.3 juta telah diperuntukkan untuk membangunkan sebanyak 20 produk berasaskan eko-pelancongan. Di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan pula, Kementerian Pelancongan telah memohon sebanyak RM247.3 juta daripada Kerajaan Persekutuan untuk melaksanakan 64 projek.

Tuan Jimmy Donald: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, pelancong dari negeri manakah yang berminat dengan eko-pelancongan dan kenapa mereka berminat dengan eko-pelancongan dan bolehkah saya tahu, apakah strategi kementerian untuk membantu rakyat luar bandar lebih-lebih lagi rakyat di rumah panjang di Sarawak, dan di Sabah supaya kita me'*monetize*'kan *the rural economy* supaya mereka tidak berhijrah dari luar bandar ke bandar? Sekian, terima kasih.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Yang di-Pertua, negara-negara yang terlibat di dalam menyumbangkan eko-pelancongan ini terdiri daripada negara-negara Eropah Barat, Amerika Utara dan Australia. Di negara-negara berkenaan, mereka tidak ada hutan hujan tropika dan secara perbandingan apabila kita keluar negara, negara-negara yang mempunyai salji, orang-orang daripada negara Tropika berasa begitu terpanggil untuk memegang salji.

Orang-orang daripada negara yang mempunyai salji apabila datang ke Malaysia dan melihat hutan hujan tropika ini sebagaimana kita melihat salji dan mereka berasa hairan, pelancong-pelancong daripada Eropah umpamanya apabila datang ke Bukit Cerakah yang sebelum ini tidak ditebang berasa terkejut bahawa apabila pokok hutan hujan tropika ini seolah-olah satu anugerah daripada Allah S.W.T. yang harus dipertahankan.

Apabila kita bawa mereka ke beberapa tempat eko-pelancongan yang lain seperti di Sarawak sendiri dan di Sabah serta di Pahang yang memang menyediakan Taman Negara, mereka merasakan bahawa eko-pelancongan ini merupakan suatu produk yang cukup menarik. Saya fikir semua Ahli Parlimen harus bertanggungjawab mempertahankan agar hutan hujan tropika ini dipertahankan bagi menarik lebih ramai lagi pelancong-pelancong daripada negara berkenaan.

Saya fikir bagi mereka yang berada di luar bandar, kita boleh menarik pelancong-pelancong dalam *special interest* ini atau binaan khas ini bagi mengadakan *home stay* dan mengekalkan rumah-rumah yang sedia ada bagi menempatkan pelancong-pelancong itu untuk menginap di kawasan-kawasan berkenaan. Terima kasih.

Tuan Lau Yeng Peng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Mengenai kemudahan asas di dalam sektor pelancongan terutama *ecotourism* ini, saya ada menerima banyak maklum balas bahawa memang semasa kerajaan kita menidentifikasi suatu kawasan pada permulaannya cantik dan semua okey. Kita ada *toilet* cantik, kita ada semua kemudahan asas. Tetapi selepas itu masalah mengenai peta untuk kawasan itu tidak ada, *signboard* kadang-kadang pun berkurangan dan saya difahamkan juga bahawa kalau ada kemudahan asas pun penyelenggaraannya (*maintenance*) pun menjadi masalah. Ini memberi satu implikasi yang sangat negatif kepada pelancong-pelancong terutamanya daripada luar negara.

Bolehkah saya tahu Yang Berhormat – soalan tambahan saya, bagaimana Kementerian Pelancongan ingin mengubah imej dalam masa-masa terdekat ini dan juga dalam masa jangka panjang? Terima kasih.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat. Apa yang telah dilakukan oleh Kementerian Pelancongan sekarang dari segi meletakkan papan tanda atau pun *signage* serta kemudahan-kemudahan asas untuk pelancong-pelancong ini kita telah bekerjasama dengan kerajaan negeri, pihak Kerajaan Tempatan, Majlis Daerah dan juga pihak swasta untuk meletakkan papan-papan tanda yang berkenaan. Sekarang ini terdapat dua syarikat yang telah dilantik bagi menambahkan papan-papan tanda berkenaan dan sebanyak 7,500 lokasi telah dikenal pasti dengan meletakkan papan tanda yang berwarna *terracotta* atau pun warna ungu, warna merah tua. Warna merah tua ertinya itu produk pelancongan yang dipromosikan melalui papan tanda berkenaan.

Berkenaan kemudahan tandas, memang banyak kemudahan tandas yang telah dibina dan dari segi *maintenance* itu dibuat oleh Majlis Daerah atau pihak Kerajaan Tempatan. Tetapi malangnya ada satu tempat yang mempunyai sebuah gua, apabila saya mengadakan satu lawatan mengejut di kawasan berkenaan, saya dapati bahawa tandas itu pintunya telah roboh, dindingnya telah tak ada dan *toilet bowl* nya dengan izin, telah ditumbuhi pokok setinggi 10 kaki dan ini amat memalukan dan mungkin kita juga akan berasa besar kemaluan kalau melihat [Ketawa] [Dewan riuh] dengan izin, kita akan berasa besar malu kita, kalau [Ketawa] kalau kita ada bersama-sama dengan kita pelancongan-pelancong datang melihat tandas yang berkenaan.

Oleh sebab itu gerakan pelancongan sedang mengadakan kempen *swing tourism* supaya bukan sahaja mereka yang terlibat dalam industri pelancongan berada di garisan hadapan untuk memastikan supaya produk-produk pelancongan dipertahankan, kemudahan dapat dijaga, tetapi, orang ramai pada keseluruhannya

hendaklah mengambil inisiatif untuk menjaga produk pelancongan ini sebagai produk kita kerana ianya menghasilkan pendapatan negara yang cukup besar RM30 bilion telah kita perolehi tahun lalu dan 15.7 juta pelancong kita telah tarik, ini semua pendapatan untuk negara. Saya minta Ahli-ahli Yang Berhormat dapat bekerjasama dengan Kementerian Pelancongan.

Tuan Salahuddin bin Ayub: Tuan Yang di-Pertua, sebelum soalan tambahan izinkan saya untuk mengalu-alukan kehadiran pimpinan PAS Kawasan Kubang Kerian [Sorak].

Seorang Ahli: Patutlah!

Tuan Salahuddin bin Ayub: Yang terdiri daripada Tok-tok Penghulu.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ha ...datang juga ya?

Tuan Salahuddin bin Ayub: Dan pimpinan Muslimat kawasan, Assalamualaikum wbt. Soalan saya Tuan Yang di-Pertua..

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *Gip hal, ya sheikh..*

Tuan Salahuddin bin Ayub: Tuan Yang di-Pertua, hutan-hutan di Kelantan sebagai contoh di Gua Musang yang kaya dengan unsur fauna dan flora ini dan juga kita melihat hutan bakau seperti di Tanjung Piai dan juga di Kuala Sepetang adalah merupakan khazanah negara yang cukup berharga dan dalam soalan tambahan saya, adakah kehadiran pelancong-pelancong Arab, yang datang yang membanjiri Malaysia hari ini, mereka ini berminat sebenarnya dengan unsur-unsur ini, kerana saya bimbang juga tok-tok Syeikh Arab mereka hanya minat di Bukit Bintang sahaja, Bintang Walks sahaja, adakah mereka dipromosikan dengan khazanah kekayaan keindahan alam semula jadi ini. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Yang di-Pertua, kita juga turut mengalu-alukan rakan-rakan dari Kubang Kerian untuk datang. Di sini melihat bagaimana Ahli Parlimennya bertanya soalan yang tidak relevan. [Ketawa]

Ahli Yang Berhormat datang daripada mewakili Kubang Kerian tetapi bertanya tentang soal Tanjung Piai, kerana beliau dilahirkan di Tanjung Piai, Johor. Sebenarnya untuk hutan tropika dan *ecotourism* ini, di negeri Kelantan sendiri kita telah bekerjasama dengan Kerajaan Kelantan untuk mempromosikan Gunung Setong, Gua Ikan dan Lata Rex dan kita mengambil kira produk-produk pelancongan ini bukan berdasarkan kepada ideologi politik. Kalau kita merasakan bahawa produk itu boleh dipromosikan maka kita promosikan dan kita harap dengan adanya aktiviti mempromosikan produk pelancongan ini, orang Arab dan pelancong-pelancong negara lain akan pergi ke negeri-negeri yang kita promosikan walaupun Kelantan untuk melihat bahawa Kelantan bukan sebuah negeri Islam yang sebenarnya sebab *the whole Malaysia* dengan izin, seluruh Malaysia adalah sebuah negara Islam dan saya fikir apa yang kerajaan lakukan adalah komited dan memperlihatkan bahawa kita amat prihatin terhadap usaha-usaha untuk mempromosikan semua produk pelancongan ini.

[Soalan No. 3 – Y.B. Datuk Mohd Zaid bin Ibrahim (Kota Bharu) tidak hadir]

4. **Datuk Haji Astaman bin Abdul Aziz [Titiwangsa]** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan mengapa masih terdapat kawasan PPR yang tidak dilengkapi dengan kemudahan asas seperti dewan serba guna, surau dan kawasan rekreasi untuk remaja dan belia seperti padang bola atau padang street soccer. Manakala dalam aspek keselamatan pula masih terdapat kawasan PPR yang hanya berpagar di bahagian depan sahaja. (Contohnya PPR Cochrane, Jalan Peel Kuala Lumpur)

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Azizah binti Mohd. Dun]: Tuan Yang di-Pertua, dalam pelaksanaan program perumahan rakyat PPR ianya telah dilengkapi dengan berbagai kemudahan asas yang mengikut piawaian dan standard yang ditetapkan dalam CIS2 1998 iaitu standard perumahan kebangsaan bagi perumahan kos rendah dan rumah pangsa serta keperluan perancangan dan undang-undang pembangunan yang berkaitan.

Ia juga memenuhi aspek keselamatan, kesihatan sesuai didiami tempat terlindung dan terjamin. Antara kemudahan asas yang disediakan adalah seperti

tempat letak kereta, dewan serba guna, surau, tadika, gerai dan taman permainan atau kawasan rekreasi serta kawasan lapang. Manakala aspek keselamatan pula adalah meliputi alat-alat pencegahan kebakaran, jeriji rumah di tingkat bawah serta termasuk pagar di sekeliling kawasan PPR yang mana sesuai atau diperlukan.

Walau bagaimanapun terdapat juga sebilangan kecil PPR yang tidak disediakan kemudahan kawasan rekreasi iaitu padang bola atau padang *street soccer* secara khusus seperti dibangkitkan di PPR Cochrane, Jalan Peel, Kuala Lumpur. Bagi projek-projek PPR yang tidak disediakan dewan, terdapat kawasan lapang di tingkat bawah yang tidak dibina unit-unit rumah yang boleh digunakan bagi maksud tersebut.

Di samping itu kemudahan tambahan tidak dapat dibuat kerana faktor kawasan pembinaan PPR yang terhad terutamanya di bandar raya seperti Kuala Lumpur. Sementara itu ada juga projek PPR yang dibina adalah kecil saiznya serta ada juga yang telah mengambil kira faktor kemudahan-kemudahan asas dan infrastruktur yang sedia ada di kawasan berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi projek PPR Cochrane, dewan serba guna ada disediakan di tingkat bawah Blok D, dan terdapat juga dewan masyarakat di pusat rekreasi UMNO Cheras di hadapan projek. Surau pula ada disediakan di tingkat bawah blok A, dan surau untuk orang awam yang sedia ada terletak di Jalan Menteri di sebelah kanan projek. Manakala Masjid Alam Shah juga terletak berhampiran dengan projek iaitu di persimpangan Jalan Tun Razak dengan Jalan Pasar.

Kawasan lapang untuk kawasan rekreasi pula ada disediakan di bahagian hadapan yang dilengkapi dengan berbagai-bagai kemudahan permainan untuk kanak-kanak serta di bahagian belakang projek bersebelahan dengan kuarter kerajaan. Selain daripada itu projek ini juga berdekatan dengan Kompleks Sukan Kampung Pandan serta padang sekolah yang berhampiran projek iaitu SMK Jalan Cochrane dan SMK Convents, Jalan Peel.

Kerajaan akan sentiasa menambah atau memperbaiki kemudahan-kemudahan di setiap PPR berdasarkan kepada keperluan penduduk dari semasa ke semasa. Namun begitu perlu diingat itu semua adalah meningkatkan kos yang akan ditanggung oleh kerajaan.

Datuk Haji Astaman bin Abdul Aziz: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang di Kuala Lumpur ini sudah timbul satu fenomena baru di mana remaja di antara umur 10 hingga 16 tahun pula mula merayau malam-malam, walau pun dia tidak ada motosikal tapi mereka menggunakan basikal. Ini sedikit sebanyak mencerminkan bahawa anak-anak remaja ini mempunyai tenaga yang berlebihan dan kedua tidak ada pagar di mana mereka boleh dikawal di PPR masing-masing.

Saya rasa tibalah masanya untuk kementerian untuk mewajibkan satu dasar di mana peralatan sukan bukan yang untuk mainan yang untuk budak-budak kecil sahaja tetapi untuk mereka lingkungan remaja ini iaitu antara 10 hingga 20 tahun mengadakan peralatan untuk *extreme game*. Peralatan untuk *extreme game* ini tidak memakan kawasan yang agak luas dan sebab tidak ada peralatan yang bergerak, ya, maknanya dia ada *rim*, *half paip* dan sedemikian.

Jadi, *maintenancenya* pun tidak begitu tinggi. Dan, kalau ada pagar pula sekurangnya Persatuan Penduduk malam-malam pun boleh juga mengawal keadaan dan memerhatikan mana budak-budak muda ini yang keluar. Jadi, persoalannya, tidakkah tiba masanya kementerian ini mewajibkan *recreational activity* untuk lingkungan remaja yang 10 hingga ke 20 tahun ini, sebab apa-apa yang dipasang sekarang hanyalah seperti *slide* dan buaian, itu hanya untuk budak-budak yang lebih kecil. Jadi, dapat diwajibkan permainan untuk itu dan yang keduanya pagar. Ini bukan sahaja dari segi hendak mengawal budak-budak tetapi dari segi kecurian yang sering berlaku di kawasan kita.

Datuk Azizah binti Mohd. Dun: Terima kasih, Yang Berhormat yang prihatin tentang masalah anak-anak remaja kita pada masa kini, khususnya di Kuala Lumpur. Kerajaan sentiasa prihatin tentang masalah-masalah ini dan perkara-perkara seperti ini Yang Berhormat, kita akan mempertimbangkan untuk rancangan kita di masa hadapan. Buat masa ini, untuk makluman Yang Berhormat, tentang pagar ini oleh kerana ia akan menambahkan kos pembinaan kita, oleh kerana itu cuma di tempat-tempat yang tertentu sahaja atas keperluan-keperluan yang utama sahaja maka pagar ini dibina di kawasan-kawasan PPR yang tertentu.

Walau bagaimanapun, kita akan pertimbangkan untuk projek-projek PPR kita di masa akan datang. Berkenaan dengan *extreme sport* tadi ini, dengan izin, biasanya kawasan lapang sedikit kita sediakan oleh kementerian, tetapi kerja-kerja untuk menjaga ini kita serahkan khususnya kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Jadi, mungkin di sini kita boleh minta kerjasama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur untuk menyediakan tapak-tapak permainan *extreme game* dengan kerjasama Kementerian Belia dan Sukan.

Saya percaya Kementerian Belia dan Sukan ada program-program *extreme game* untuk remaja kita, mungkin kita boleh mengadakan rundingan dan perbincangan dengan mereka dan ini insya-Allah dapat dilaksanakan di masa akan datang. Terima kasih, Yang Berhormat.

Tuan Mohd. Daud bin Tarihep: Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan selamat pagi. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menarik perhatian kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri kepada soalan asal yang dibawa oleh Yang Berhormat Titiwangsa mengenai kemudahan asas atau keperluan asas yang sepatutnya wujud di kawasan taman perumahan. Di mana kita sedia maklum, setengah taman perumahan tidak ada surau, balai raya, padang permainan, peralatan permainan kanak-kanak dan gerai. Jadi, adakah kementerian bercadang untuk meminta semua kerajaan negeri memastikan atau mewajibkan atau mensyaratkan pemaju ataupun pihak berkuasa tempatan membina atau membekalkan kemudahan-kemudahan asas tersebut untuk kepentingan penduduk setempat. Terima kasih.

Datuk Azizah binti Mohd. Dun: Terima kasih, Yang Berhormat. Soalan asas Yang Berhormat bagi Titiwangsa ialah berkenaan dengan rumah-rumah PPR, bukan taman-taman perumahan. Jadi, untuk rumah-rumah PPR seperti yang saya jawab kita menyediakan kemudahan-kemudahan asas seperti surau dan lain-lain ini. Kalau kita tidak bina pun, kita sediakan kawasan untuk pihak berkuasa tempatan yang akan mengambil alih pentadbiran rumah PPR kita untuk, mungkin membina surau-sarau.

Tetapi untuk perumahan-perumahan biasanya ini adalah perumahan yang dilaksanakan oleh pemaju-pemaju persendirian, jadi kita tidak menentukan untuk mereka membina surau dan sebagainya. Kecuali mungkin yang dibina oleh kerajaan, yang dimajukan oleh pihak kerajaan, yang itu kita boleh meminta pihak kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan untuk memastikan di dalam syarat-syarat untuk *development plan* dan sebagainya dimasukkan mungkin keperluan-keperluan untuk rumah-rumah ibadat. Terima kasih, Yang Berhormat.

5. **Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]** minta Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi menyatakan sistem aduan pengangkutan perdagangan yang dilaksanakan oleh Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP), tindakan penguatkuasaan terhadap aduan-aduan dan keberkesananannya untuk meningkatkan prestasi perkhidmatan pengangkutan awam.

Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi [Dato' Khamsiyah binti Yeop]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP), Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi mengendalikan beberapa sistem aduan kenderaan perdagangan. Salah satu saluran yang diwujudkan ialah aduan melalui telefon dan sistem pesanan ringkas (SMS). Sistem aduan ini bertujuan untuk mendapatkan maklum balas daripada orang ramai berhubung dengan kesalahan atau salah laku kenderaan perdagangan yang dilesenkan di bawah Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan.

Di bawah sistem ini, maklum balas yang diterima akan disiasat untuk membuktikan kesahihan terlebih dahulu sebelum sebarang tindakan diambil. Dalam hal ini, siasatan akan dijalankan untuk mengadakan bukti-bukti yang kukuh supaya tindakan yang diambil selaras dengan peruntukan undang-undang. Oleh yang demikian, sistem aduan LPKP ini bukanlah bertujuan untuk mengambil tindakan serta-merta ke atas setiap aduan yang diterima.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, bagi tempoh sepanjang tahun 2005 sehingga bulan Ogos LPKP telah menerima sebanyak 3,271 aduan terhadap

perkhidmatan kenderaan perdagangan. Daripada jumlah tersebut LPKP telah mengambil tindakan berikut:

Tindakan	Bilangan Kes
Amaran	867
Kompaun	767
Menggantung Lesen	2
Bebas	101
Dirujuk kes kepada tindakan polis dan JPJ	1,384

Tindakan-tindakan tersebut diumumkan juga dari masa ke semasa melalui pelbagai saluran termasuk media masa. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sistem aduan LPKP ini, khususnya SMS sangat berkesan untuk mendapat maklum balas daripada orang ramai.

Pengusaha-pengusaha kenderaan perdagangan kini telah menyedari bahawa mereka sentiasa diperhatikan setiap masa. Ini terbukti dengan pengurangan bilangan aduan bagi tempoh Januari, Ogos 2004 berbanding dengan tempoh yang sama pada tahun 2005 iaitu menurun sebanyak 67% daripada 10,094 aduan kepada 3,271 aduan.

Walau bagaimanapun, untuk meningkatkan lagi keberkesanan sistem aduan ini kerajaan telah memutuskan supaya satu sistem aduan yang bersepadu akan dibangunkan di bawah pengendalian Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ). Terima kasih.

Tuan Loh Seng Kok: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih di atas jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyebut bahawa adanya penurunan kes aduan yang diterima oleh pihak LPKP. Tuan Yang di-Pertua, penurunan kes aduan ataupun peningkatan penguatkuasaan mungkin menggambarkan adanya penambahbaikan perkhidmatan pengangkutan awam tetapi realitinya tidak begitu kerana orang awam mungkin sudah muak untuk membuat aduan.

Tuan Yang di-Pertua, kadar penggunaan perkhidmatan pengangkutan awam di negara kita telah menurun kepada 16% pada tahun 2004 berbanding 23% pada tahun 2000 dan 34% pada tahun 1985. Kadar penggunaan kereta persendirian di negara kita telah pun meningkat daripada 47% pada tahun 1985 kepada 71% pada tahun 2000.

Dengan itu, persoalannya adalah bagaimanakah aduan-aduan yang lepas ditangani dan dalam keadaan tidak perlu menunggu adanya aduan, sejauh manakah proaktifnya kementerian mengambil inisiatif untuk meningkatkan prestasi, meningkatkan kecekapan dan kelicinan perkhidmatan pengangkutan awam demi mengurangkan masalah kesesakan lalu lintas, khususnya di kawasan perbandaran. Terima kasih.

Dato' Khamsiyah binti Yeop: Terima kasih Yang Berhormat atas keprihatinan. Kementerian sememangnya dari masa ke semasa kita mengadakan, khususnya kursus-kursus untuk membangun etika dan disiplin pemandu-pemandu teksi dan pengangkutan perdagangan dan sebagainya.

Dalam soal ini, kita sentiasa memantau dengan mengatur beberapa penguatkuasaan terutamanya di tempat membeli-belah, di stesen-stesen bas dan di tempat orang ramai untuk memerhatikan setiap kesalahan yang dilakukan oleh pemandu-pemandu kenderaan perdagangan dan sebagainya. Namun begitu faktor kemanusiaan menjadi faktor utama seperti biasa walaupun pelbagai peraturan, aduan ataupun peraturan-peraturan menggantung, mengkompaunkan dan membuat beberapa tindakan yang drastik kepada pemandu-pemandu yang enggan membawa pelanggan ataupun enggan mengikut jadual yang telah ditetapkan, namun kesalahan tetap berlaku.

Walau bagaimanapun, itulah sebabnya seperti saya katakan tadi, pihak kementerian telah pun berusaha bersama-sama dengan JPJ dan Bahagian Trafik sendiri untuk mengadakan satu SMS ataupun aduan yang bersepadu kerana buat masa ini segala aduan SMS yang diberi kepada kementerian, kita terpaksa agih-agihkan untuk kesalahan-kesalahan di sektor keselamatan polis atau JPJ dan di kementerian sendiri. Sekian, terima kasih.

Tuan Lim Hock Seng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, antara 3,000 lebih kes yang telah diadu, apa jenis pengaduan yang berada di tempat pertama, iaitu apakah kesalahan yang *major*?

Walaupun penguatkuasaan telah dijalankan seperti yang dijawab oleh Timbalan Menteri, mengapa masih ada banyak lagi teksi yang enggan menggunakan meter seperti yang terdapat di Pudu Raya, di stesen-stesen komuter dan di lain-lain tempat. Mereka cuma berbaris di sana sahaja, tidak mahu ambil penumpang mengikut meter dan membuat tawar-menawar harga sebelum mereka mengambil penumpang.

Dato' Khamisyah binti Yeop: Terima kasih Yang Berhormat. Saya tidak mempunyai kes yang spesifik seperti soalan Yang Berhormat untuk dinyatakan. Walau bagaimanapun, saya akan beri jawapan untuk kes-kes yang terbanyak itu kepada Yang Berhormat secara bertulis.

Berkaitan dengan sebilangan besar pemandu-pemandu teksi yang enggan dan masih belum menggunakan meter dan sebagainya, sememangnya kementerian sedar dan kita sedang melakukan operasi-operasi yang hebat mulai daripada bulan September, dan perkara ini kita tambahkan lagi pegawai-pegawai penguat kuasa untuk meneruskan operasi-operasi kita supaya setiap teksi yang ada di negara kita ini akan menggunakan meter untuk kemudahan pelanggan. Terima kasih.

6. **Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]** minta Perdana Menteri menyatakan jumlah/kriteria pegawai-pegawai kanan kerajaan yang telah bersara dilantik semula jawatan secara kontrak dan adakah jawatan tersebut dianggap kritikal.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Mohd Johari bin Baharum]: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, pada dasarnya pegawai kerajaan yang bersara wajib boleh dilantik semula secara kontrak bagi mengisi jawatan terakhir mereka atau jawatan lain yang sesuai dengan kelayakan dan pengalaman yang dimiliki. Pelantikan secara kontrak tersebut dibuat melibatkan pelbagai agensi dan juga peringkat pegawai.

Bagi pegawai kanan kerajaan yang mengisikan jawatan utama dan jawatan khas yang telah bersara dan dilantik semula secara kontrak, kedudukan pada 15 September 2005 ialah seramai 98 orang. Dari jumlah tersebut, 55 orang telah mengisi jawatan yang dibayar emolumen di bawah Peruntukan Objek sebagai OS11000. Manakala 43 pegawai lagi tidak mengisi jawatan dengan dibayar emolumen di bawah Peruntukan OS2900.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, keputusan kerajaan untuk menyambung perkhidmatan pegawai tersebut adalah dibuat berasas kepada kepentingan perkhidmatan kepada rakyat, pengalaman kemahiran dan kepakaran yang dimiliki, dan prestasi perkhidmatan yang lalu serta keadaan kesihatan yang baik. Jawatan-jawatan yang diisi secara kontrak ini termasuklah jawatan-jawatan kritikal iaitu pakar-pakar perubatan.

Ir. Haji Hamim bin Samuri: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Setiausaha Parlimen. Tuan Yang di-Pertua, memang tidak dinafikan bahawa pengalaman pegawai-pegawai tinggi kerajaan sangat berharga walaupun persepsi rakyat mengatakan bahawa produktiviti mereka boleh dipersoalkan.

Contohnya, kami tadi yang diketuai oleh Ahli Parlimen bagi Johor Bahru telah pun melawat Taman Seri Petaling yang terlibat dengan pembinaan Lebuhraya Kuala Lumpur-Putrajaya. Kami bertanya berulang-ulang kali kepada penduduk di sana, betulkah tidak ada pegawai tinggi atau pegawai yang turun ke padang melihat masalah mereka – rumah mereka retak dan sebagainya.

Setiausaha Parlimen, persoalan kami ialah berapa ramaikah pegawai tinggi kerajaan untuk tahun 2005 ini yang disambung semula kontrak mereka sama ada selepas bersara ataupun sambung kontrak semula selepas tamat kontrak mereka, dan berapakah tempoh terpanjang yang mereka disambung kontraknya, dan siapakah yang boleh dikatakan menjadi juara kepada pemegang jawatan kontrak yang terpanjang ini? Sekian, terima kasih.

Dato' Mohd Johari bin Baharum: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya seperti mana yang saya katakan tadi ada pegawai-pegawai kerajaan yang disambung itu mengikut pengalaman dan juga khidmat mereka yang diperlukan. Tetapi walau bagaimanapun untuk menjawab soalan Yang Berhormat, untuk tahun ini seramai 38 orang telah disambung – 30 orang adalah yang baru disambung, 8 orang yang telah disambung semula. Yang paling lama ialah Ketua Pengarah Jabatan Kehakiman Syariah selama 8 tahun – Hakim Syariah ini payah hendak dicari – lepas itu, Yang di-Pertua Mahkamah Perusahaan iaitu seramai dua orang selama 8 tahun, Ketua Pengarah Kastam selama 5 tahun dan seorang lagi ialah Ketua Audit Negara selama 5 tahun.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, dalam perkara ini kenapa kerajaan ambil masa yang begitu lama untuk buat satu keputusan untuk meningkatkan umur bersara memandangkan di negara-negara yang lain ini sudah diamalkan – di Singapura, 62 tahun, untuk Thailand, 60 tahun – dan kita menganggap kita sebagai satu negara yang membangun, *first world infrastructure* yang mahu ada *first world mentality* memandangkan kesihatan, modenisasi, IT, bukannya demi kepentingan negara, pembangunan kita, bahawa *retirement age* khasnya bermula dengan *public sector* ditingkatkan kepada 60 tahun. Bilakah tindakan akan diambil?

Dato' Mohd Johari bin Baharum: Setakat ini untuk pengetahuan Yang Berhormat bagi Ipoh Timor, kerajaan belum lagi bercadang untuk menyambung mereka ini kepada 58 tahun. Walau bagaimanapun kita sedang mengkajilah dan kajian ini berterusan. Umpamanya macam kerja lima hari seminggu, dahulu kita kata kita tidak akan buat tetapi setelah ia difikirkan perlu, kita laksanakan mulai tahun ini. Terima kasih.

Tuan Mohamad Shahrin bin Osman: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato' Setiausaha Parlimen. Ini soalan tambahan, sejauh manakah, dengan izin, *succession plan* diadakan untuk memastikan pegawai-pegawai bawahan berpeluang untuk naik pangkat dan mereka ini tidak merasa kecewa kerana peluang mereka naik pangkat sentiasa diambil oleh pegawai-pegawai yang disambung kontraknya ini.

Yang keduanya, seperti yang saya rasa Yang Berhormat Dato' Setiausaha Parlimen tahu, ramai siswazah menganggur dan tidak ada cara lainkah selain daripada menyambung kontrak ini untuk memberi latihan kepada pegawai-pegawai bawahan. Terima kasih.

Dato' Mohd. Johari bin Baharum: Memanglah kerajaan sentiasa peka berkenaan dengan peluang-peluang kenaikan pangkat, maka sebab itulah pada tahun ini tidak ramai yang disambung dan kita juga mengambil kira berkenaan dengan pelajar-pelajar baru untuk memohon jawatan ini. Oleh sebab itulah perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Ipoh Timor tadi berkenaan dengan umur bersara 58 tahun itu tidak dapat dilaksanakan pada masa sekarang ini memandangkan kepada perkara-perkara yang saya sebutkan itu.

7. **Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan:

- (a) peratus IKS yang telah melabur dalam "R&D" dan berjaya mengeksport produknya mengikut sektor; dan
- (b) apakah rancangan kementerian untuk membantu IKS melaksanakan program "R&D" secara efektif demi meningkatkan daya saing dan mengeksport ke pasaran antarabangsa.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya

menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat bagi Puchong yang perlu dijawab pada 24 Oktober kerana kedua-dua soalan ini berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila.

Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew: Tuan Yang di-Pertua, pelaburan dalam aktiviti R&D oleh IKS berada di tahap yang rendah kerana R&D melibatkan kos yang tinggi dan masa yang lama bagi menjalani sesuatu proses penyelidikan dan memperolehi penemuan dari hasil kajian.

Walau bagaimanapun, mengikut kajian yang dijalankan oleh SMIDEC, 51% syarikat sederhana menjalankan aktiviti R&D atau aktiviti berkaitan inovasi. Bagi syarikat kecil hanya 27% mengadakan aktiviti R&D.

Mengikut sektor, pada tahun 2003 mendapati bahawa kira-kira 29.6% IKS sektor elektrik dan elektronik serta makanan dan minuman telah menjalankan R&D bagi pembangunan produk-produk keluaran mereka. Antara mereka yang menjalankan R&D, jumlah yang diperuntukkan untuk tujuan ini adalah amat kecil iaitu hanya 10% daripada jumlah jualan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, secara keseluruhannya IKS mengeksport 26.5% produk keluaran mereka dan sebilangan besar tertumpu pada pasaran tempatan. IKS juga merupakan pembekal peralatan dan komponen kepada syarikat multinasional dan boleh dianggap sebagai eksport tidak langsung terutamanya untuk produk elektrik dan elektronik serta komponen industri mesin dan automatik.

MITI melalui SMIDEC menawarkan geran untuk peningkatan produk dan proses yang bertujuan untuk menggalakkan IKS memperbaiki dan mempertingkatkan produk sedia ada, mereka bentuk produk dan proses pengeluaran pinjaman mudah untuk IKS dan memberi kemudahan kepada IKS untuk menggunakan ICT bagi meningkatkan keupayaan R&D, mereka bentuk dan proses.

Untuk makluman Yang Berhormat, pada tahun 2001 hingga Ogos 2005, 209 IKS telah mendapat geran peningkatan produk dan proses, 1,387 IKS mendapat geran peningkatan produktiviti dan kualiti dan *certification*, dengan izin; 33 IKS mendapat geran *low settle net*, 183 IKS mendapat geran peningkatan mereka bentuk kejuruteraan, 18 IKS mendapat pinjaman mudah untuk ICT.

Program-program juga dilaksanakan oleh *Malaysian Technology Development Corporation* (MTDC) melalui *The Commercialization Of Research and Development Fund* bagi menggalakkan penglibatan IKS di dalam aktiviti R&D. Ia termasuk menggalakkan kerjasama antara IKS, institut penyelidikan dan universiti serta sektor swasta dalam aktiviti R&D bagi menghasilkan produk-produk yang memenuhi kehendak pasaran.

Kedua, membantu meningkatkan sumber dan keupayaan institut penyelidikan dan universiti untuk mengkomersialkan hasil penyelidikan serta pelaksanaan khidmat nasihat yang efektif dan menubuhkan pangkalan data (*data base*) yang mengandungi teknologi proses reka bentuk sistem dan perisian dalam usaha mempromosikan penemuan penyelidikan.

Tuan Yang di-Pertua, strategi kementerian untuk meletakkan produk IKS di pasaran antarabangsa selaras dengan usaha penjenamaan Malaysia di peringkat global termasuk:

- (i) meningkatkan keupayaan pengeksport melalui latihan dan pendedahan kepada peluang-peluang pasaran antarabangsa; piawaian antarabangsa, prosedur eksport, kemahiran pemasaran dan kehendak pengguna. MATRADE dan SMIDEC mengadakan seminar, bengkel dan taklimat bagi tujuan memperkasakan IKS dengan pengetahuan dan kemahiran eksport;
- (ii) menggalakkan IKS mengambil bahagian dalam program promosi eksport seperti penyertaan dalam pameran-pameran perdagangan antarabangsa, misi perdagangan dan pelaburan;

- (iii) menyediakan kemudahan-kemudahan seperti bantuan kewangan dan insentif cukai bagi usaha-usaha promosi eksport syarikat seperti geran pembangunan pasaran untuk tujuan pembangunan pasaran aktiviti promosi eksport seperti kos penyertaan dalam pameran perdagangan antarabangsa dan percetakan bahan-bahan promosi.

Untuk makluman Yang Berhormat, dari tahun 2001 hingga Ogos 2005 sebanyak 2,857 syarikat SME telah mendapat bantuan kewangan dalam *market development grant* sebanyak RM23 milion telah diluluskan untuk tujuan ini dan tambahan insentif cukai seperti potongan cukai dua kali bagi perbelanjaan promosi eksport dan jenama Malaysia;

- (iv) menganjurkan misi-misi belian dengan izin, buy made Malaysians ke Malaysia serta mengaturkan pertemuan-pertemuan perdagangan ataupun *bussiness matching session* di antara pengimport asing dan IKS tempatan. Untuk makluman Yang Berhormat, baru-baru ini SMIDEC telah menganjurkan *Asia SME Convention* dan peserta konvensyen IKS ini telah berjaya mendapat *sales contract* sebanyak RM50 juta dalam tempoh masa dua hari sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Panjang lagi Yang Berhormat?

Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew: Tidak, tidak. Hampir habis.

Tuan Yang di-Pertua: Ringkaskan, ya?

Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew: Tuan Yang di-Pertua, kriteria pemberian geran promosi jenama antara lain ialah berdasarkan:

- (i) strategi dan pelan, penjenamaan, perniagaan serta pemasaran;
- (ii) pelaburan dan komitmen syarikat dalam program-program penjenamaan;
- (iii) *trend* dengan izin, dalam penjualan dan eksport serta *share* di pasaran serta potensi bagi jenama untuk membangun sebagai jenama antarabangsa; dan
- (iv) keupayaan jenama untuk membangunkan imej negara sebagai pengeluar barang berkualiti.

Sekian, terima kasih.

Tuan Teng Boon Soon: Terima kasih kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen dengan jawapan yang begitu lengkap. Memandangkan begitu banyak langkah-langkah yang komprehensif telah diambil oleh kerajaan, ini termasuk menyediakan infrastruktur yang merangkumi penubuhan Majlis Pembangunan IKS yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri dan juga program latihan menghasilkan pekerja yang berkemahiran dan berdisiplin di bawah Kementerian Sumber Manusia dan penubuhan Bank IKS, insentif-insentif cukai dan *data base* IKS.

Soalan saya, mengapa IKS kita tidak begitu berjaya dalam mewujudkan jenama sendiri di pasaran antarabangsa? Adakah kerajaan bercadang menerokai jalan yang baru termasuk menggerakkan pihak swasta supaya mereka mengambil inisiatif yang lebih agresif lagi dalam bidang R&D? Apakah langkah-langkah yang telah atau akan diambil oleh kementerian untuk menggalakkan penglibatan pihak swasta secara lebih proaktif?

Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, konsep jenama memang adalah satu konsep yang baru, baru diperkenalkan di kalangan IKS di negara kita. Oleh sebab Malaysia merupakan sebuah negara yang sedang maju dan bukan negara yang maju, jadi, untuk menubuhkan sesuatu jenama yang boleh diterima di negara-negara yang maju, bukanlah sesuatu yang tugas yang senang. Walau bagaimanapun, SMIDEC dan juga MATRADE dan kementerian saya MITI telah berusaha untuk memberi pelbagai bantuan kepada syarikat-syarikat tempatan supaya konsep baru ini dapat diperluaskan di kalangan IKS.

Tuan Yang di-Pertua: Ya. Silakan. Ada lagi?

Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew: Berkenaan dengan R&D, walaupun peruntukan untuk R&D bukan banyak, di negara kita terdapat 18,000 syarikat IKS dalam bidang pembuatan. Kalau kita membandingkan jumlah IKS yang berada di negara kita, bantuan kewangan diberikan kepada IKS ini, memang adalah satu jumlah yang bukan begitu besar, kecil sahaja. Walau bagaimanapun, saya rasa kita telah mendapat kemajuan di beberapa bidang termasuk R&D.

Untuk makluman Yang Berhormat, SMIDEC baru-baru ini menjalankan satu kajian iaitu Kajian Teknologi Intensif Level di kalangan EKS. Kita mendapati 55% EKS melaksanakan R&D aktiviti walaupun peruntukan itu kecil, iaitu 10% daripada jumlah jualan mereka; 19% adalah telah mendaftar *trademarks* mereka dan 3% telah mendaftar *patent*, 69% guna teknologi sendiri, 22% menggunakan lesen teknologi; 75% menggunakan *semi-automated machines* dan 5% menggunakan *automated machine* yang sepenuhnya dan di bidang ICT, 54.5% menggunakan ICT dalam operasi mereka. Sekian, terima kasih.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Panjang jawapan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Saya hendak tanya satu sahaja. Sekarang kerajaan sudah tubuh bank IKS untuk menambah dana bagi syarikat-syarikat memperbesarkan perniagaan mereka. Tetapi setelah Yang Berhormat memberi penjelasan, saya dapati bahawa peruntukan geran untuk R&D tidak mencukupi kerana R&D adalah satu bidang yang bukan murah, Tuan Yang di-Pertua, ia mahal untuk buat kajian. Jadi, saya hendak tanya Yang Berhormat, dari segi R&D, dari segi perindustrian makanan, sejauh manakah pihak kementerian telah memberi peruntukan. Kerana kita sedar kita mengimport barang makanan yang begitu besar pada hari ini, berbilion-bilion ringgit makanan dan pemakanan. Apakah kerajaan dengan sistem ataupun mungkin pembentangan Dewan Rakyat, Belanjawan ini, kerajaan akan fokus ke arah perindustrian, perindustrian asas tani.

Jadi, apakah kementerian Yang Berhormat juga bersedia untuk mempertingkatkan peruntukan kepada pengusaha-pengusaha terutama sekali di luar bandar yang melibatkan diri dalam industri makanan dan pemakanan ini. Ini kerana, hari ini Dato' kita tengok kadang-kadang depa berniaga kicap di Alor Setar tidak sampai pun Kuala Lumpur. Depa berniaga cili padi, cili sos, yang maggie dia pi seluruh dunia. Hak cili sos di belah Yan, hendak sampai Kuala Lumpur, dia singgah Ipoh botol itu meletup, gas kuat. Sedangkan kita tahu, soalnya nantilah...

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Soalan nanti. Macam daripada Cameron Highlands, ia sejuk bila turun bawah dia hangat. Makanan jadi kalut. Jadi, ini semua memerlukan R&D, ya. *[Disampuk]* Jadi, Amboi....!! Kita hendak tolong industri luar bandarlah, jangan marah. Jadi, adakah pihak kementerian akan mengkaji benda ini walaupun kita tadi kita kata R&D dari segi IT dan sebagainya. Tetapi kita jangan lupa makanan adalah satu benda yang tiap-tiap hari manusia makan. Celik-celik makan. Kemudian kita buang jadi baja. Ini Yang Berhormat bagi Arau kata. Jadi benda ini akan selalu makan. Bermaknanya perniagaan ini adalah besar. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila Yang Berhormat.

Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew: Tuan Yang di-Pertua! Yang Berhormat bagi Jerai mungkin tidak dengar jawapan saya tadi. *[Dewan gamat seketika]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: *[Senyum]*

Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew: Sebab dalam jawapan saya, saya telah sebutkan di sektor elektronik, makanan dan minuman adalah antara sektor yang menjalankan R&D yang begitu tinggi dibandingkan dengan sektor-sektor yang lain iaitu 29.6%. Berkenaan dengan sama ada kerajaan atau kementerian saya bercadang untuk menambahkan lagi peruntukan untuk R&D, kita sudah kaji. *[Ketawa]* Seperti yang saya sebutkan, bilangan IKS di negara kita, bilangannya adalah amat besar 18,000 di bidang pembuatan sahaja. Jadi, kalau kita membantu setiap syarikat, saya rasa tidak mungkin. Kalau kita buat demikian, semua kena memberi cukai yang amat tinggi. Walau bagaimanapun, di program-program SMIDEC dan MATRADE, kita memberi keutamaan kepada IKS yang terlibat dalam bidang makanan seperti di geran

jenama, di antara 23 syarikat yang mendapat geran penjenamaan ini, kebanyakannya adalah daripada bidang pembuatan makanan dan minuman. Sekian, terima kasih.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Penjelasan Yang Berhormat. Saya bukan tidak faham. Yang Berhormat jawab terlampau banyak.

Tuan Yang di-Pertua: Baik, Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Tetapi saya hendak tahu makanan yang di luar bandar ini, Tuan Yang di-Pertua. Itu yang mustahak pasal kita banyak IKS di luar bandar. Jadi saya faham, kalau boleh Yang Berhormat bagi jawapan bertulis dekat sayalah. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Soalan? Soalan yang lain? Soalan daripada Yang Berhormat bagi Maran. Silakan Yang Berhormat bagi Maran.

Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama, saya jangkakan Yang Berhormat bagi Kubang Kerian mengucapkan selamat datang kepada tetamu kita daripada tiga tempat, Kubang Kerian, Tanjong Karang dan juga kawasan Parlimen Maran. Tetapi dia sebut Kubang Kerian sahaja. Saya hendak ucapkan, selagi saya Barisan Nasional Maran, mengucapkan sekali lagi selamat datang kepada Kubang Kerian, Tanjong Karang dan juga Persatuan Belia Maran. *[Tepuk]*

8. **Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]** minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan berapakah jumlah penempatan Orang Asli di seluruh negara yang belum mempunyai kemudahan asas seperti bekalan air dan api. Bilakah kemudahan-kemudahan tersebut disediakan di beberapa buah kampung Orang Asli di Parlimen Maran?

Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Maran. Jumlah penempatan Orang Asli di seluruh negara yang masih belum menerima bekalan air dan api elektrik adalah seperti berikut. Bekalan air yang masih belum – 267 buah kampung. *[Disorak]*

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Bekalan api elektrik – 335 buah kampung.

Jumlah yang dianggarkan yang diperlu untuk membekalkan api elektrik dan air kepada kampung-kampung tersebut adalah dianggarkan lebih kurang RM150 juta. Bagi kawasan Parlimen Maran terdapat 3 buah kampung yang masih belum menerima bekalan elektrik dan 2 buah kampung yang masih belum menerima bekalan air. Kampung-kampung yang belum menerima bekalan api elektrik ialah Kampung Paya Taman, Kampung Sungai Bot dan Kampung Embus. Kampung yang masih belum menerima bekalan air ialah Kampung Paya Taman dan Kampung Sungai Bot. Kampung-kampung tersebut dijangka akan menerima bekalan air dan api sepenuhnya dalam RMK 9. Terima kasih.

Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Timbalan Menteri. Saya mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada kerajaan dalam usaha membangunkan masyarakat. Tetapi yang kita tahu bahawa Akta 134 Akta Jabatan Orang Asli kalau tidak silap saya diadakan pada tahun 1973 atau 1974. Ini bermakna telah 40 tahun Akta ini diadakan khusus untuk masyarakat Orang Asli tetapi kalau kita dengar jawapan daripada Kementerian tadi masih banyak lagi kampung-kampung Orang Asli yang belum dibela. Bahkan kalau kita lihat Tuan Yang di-Pertua, masyarakat Orang Asli masih tertinggal dari segi pendidikan bahkan ada sebahagian sekolah luar bandar apabila prestasi sekolah mereka jatuh menurun dan di mana di sekolah berkenaan terdapat anak-anak Orang Asli mereka menganggap bahawa kejatuhan mereka itu atau prestasi yang merosot itu disebabkan pelajar-pelajar Orang Asli. Ini adalah satu tanggapan yang sungguh tidak patut kita berikan kepada mereka. Saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri apakah langkah-langkah drastik yang ingin dilakukan oleh kerajaan bagi memastikan supaya masyarakat Orang Asli dan mungkin masyarakat bumiputera di Sabah dan Sarawak dapat dibela secepat mungkin.

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Terima kasih Yang Berhormat Maran. Sememangnya saya sebut tadi bahawa kampung-kampung ini akan dibekalkan dengan bekalan api dan elektrik dalam RMK-9. Bagi kampung-kampung di Maran sebenarnya Kampung Paya Taman dan Kampung Embus yang masih ketiadaan bekalan elektrik sebenarnya telah diluluskan dalam tahun 2005 ini peruntukan sebanyak RM61,000 untuk Kampung Paya Taman dan peruntukan sebanyak RM780,000 untuk Kampung Embus sudah pun diluluskan dan dijangka akan disiapkan pada pertengahan tahun depan.

Tentang masalah Orang Asli keseluruhannya, ini merupakan satu masalah yang berterusan. Kerajaan sudah mengambil pendekatan-pendekatan yang berbeza untuk memastikan keberkesanan dasar-dasarnya. Pertamanya kita tahu pendekatan awal yang diambil oleh kerajaan untuk membantu kaum Orang Asli ini ialah dengan memberi bantuan langsung (*direct*) untuk menjaga kebajikan mereka iaitu sebagai bantuan *welfare* tetapi lama-kelamaan difikirkan bantuan itu tidak akan menjamin kemajuan dan kejayaan Orang Asli dalam jangka masa panjang. Dalam tahun 80-an pendekatan diambil supaya bantuan-bantuan yang diberikan ini adalah untuk membantu Orang-orang Asli memperbaiki diri mereka sendiri iaitu dengan memberi infrastruktur dan mengadakan penempatan-penempatan semula dan dibuka ladang-ladang supaya mereka ini dapat bekerja di ladang-ladang dan mendapat pendapatan bulanan.

Namun begitu kedudukan mereka masih ketinggalan iaitu kalau kita lihat dari segi kadar kemiskinan. Kadar kemiskinan Orang Asli pada hari ini masih lagi pada tahap yang tinggi iaitu 65% dan kadar kemiskinan tegar adalah lebih 20% maka pelbagai tindakan perlu diteruskan tetapi satu hakikat mengikut Jabatan Hal Ehwal Orang Asli bila ditanya apakah masalah besar yang dihadapi pada hari ini iaitu ialah mengubah minda atau penerimaan Orang Asli kepada segala perubahan dan program-program. Ini merupakan satu perkara yang masih lagi perlu diatasi.

Saya sendiri secara pengalaman peribadi ada melawat satu post di Gua Musang melihat kemudahan sekolah yang begitu baik begitu cantik sekolah bertingkat-tingkat dengan kemudahan hostel dan sebagainya. Tetapi bila dibincangkan apakah masalahnya Orang-orang Asli ini apabila dia balik cuti hari minggu lepas tu tidak datang. Tambahan lagi dalam musim buah-buahan. Jadi cikgu-cikgu pula kena masuk kampung mencari mereka ini untuk dibawa semula ke sekolah. Kalau keadaan ini berterusan maka masalah untuk memperbaiki keadaan mereka ini akan menjadikan satu masalah yang perlu kita sentiasa berusaha. Memang dari segi matlamat dan hasrat itu kalau boleh mengangkat mereka ini supaya menjadi setaraf dengan kita tetapi berbagai-bagai masalah yang terpaksa dihadapi yang mungkin tidak dihadapi di kalangan penduduk-penduduk lain. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Kalabakan.

Datuk Abdul Ghapur bin Salleh: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bila kita bercerita pasal Orang Asli tentu sekali kita bercerita pasal *native* dalam bahasa Inggeris. Saya mahu tahu kampung-kampung yang disebut lebih dari 300 buah itu pasal Orang Asli ini termasuk Sabah dan Sarawak. Sebab Orang Asli juga digunakan di Semenanjung, panggilan untuk orang *native* ini. Tetapi di Sabah dan Sarawak mungkin dianggap sebagai *native* (Orang Asli). Jadi saya mahu tahu sama ada program ini yang mengatakan lebih 300 buah kampung yang belum ada kemudahan asas termasuk dan Sabah dan Sarawak. Kalau tidak mungkin Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh beritahu keseluruhan di negara kita ini termasuk Sabah dan Sarawak berapa banyak kampung Orang-orang Asli yang belum mendapat kemudahan asas ini. Terima kasih.

Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin: Terima kasih Yang Berhormat Kalabakan. Juga terima kasih kerana dalam lawatan saya ke Tawau baru-baru ini Yang Berhormat masak kambing cukup sedap. [Sorak] Tidak pernah saya makan kambing sebanyak makan di rumah. Kalau Ahli-ahli Yang Berhormat hendak pergilah ke Tawau. Jemputan terbuka ya Yang Berhormat Kalabakan.

Kampung-kampung yang saya sebutkan tadi sebenarnya tidak termasuk kampung di Sabah dan Sarawak kerana penduduk-penduduk di Sabah dan Sarawak tidak dinamakan Orang Asli seperti mana yang kita gunakan istilah ini dalam *working definition* dengan izin di kementerian. Di Sabah dan Sarawak mungkin tergolong dalam golongan bumiputera. Jadi kalau dicampurkan dengan kampung-kampung di sana

saya pasti jumlahnya lebih besar. Tetapi oleh kerana itu bukan tumpuan kepada soalan yang dikemukakan pada pagi ini maka maklumat yang sedemikian tidak ada pada saya sekarang ini.

[Soalan No. 9 – Y.B Datuk Seri Panglima Josep Pairing Kitingan (Keningau) tidak hadir]

10. Dr. James Dawos Mamit [Mambong] minta Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi menyatakan jumlah dan jenis hasil bioteknologi yang telah didaftarkan dan diluluskan sebagai harta intelek (IP) di negara kita dan negara asing.

Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi [Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kementerian ini tidak dapat memberikan satu angka yang muktamad mengenai jumlah harta intelek yang telah dipatenkan di negara ini dan juga di negara asing. Ini memandangkan urusan pemfailan sesuatu paten adalah dilaksanakan secara terus oleh institusi-institusi pendidikan dan institusi terlibat melalui agen paten berdaftar.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat tidak semua penyelidikan yang dijalankan di institusi penyelidikan dan institusi dibiayai oleh kementerian ini. Sebahagian daripada institusi penyelidikan dan universiti mendapat dana pembiayaan dari pelbagai sumber bagi menjalankan pendidikan di universiti masing-masing. Walau bagaimanapun, mengikut rekod bagi penyelidikan yang dibiayai oleh Bahagian Birokrat Bioteknologi Kebangsaan kementerian ini, setakat ini sebanyak 39 paten telah difailkan di dalam dan di luar negara. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat mengikut Akta Paten 1983 sesuatu paten mestilah terlebih dahulu difailkan di negara ini sebelum ia dibenarkan difailkan di luar negara. Terima kasih.

Dr. James Dawos Mamit: Terima kasih sekali lagi Tuan Yang di-Pertua. Paten adalah amat penting bagi kemajuan industri-industri dalam bentuk apa sahaja di negara kita dan di dalam bidang bioteknologi, ini akan membawa manfaat dan perkembangan kepada ekonomi. Saya ingin mengemukakan apa yang telah pun dibuat di negara yang lain. Para *scientist* mereka register *pattern*, selepas itu mereka memberikan produk-produk ataupun penemuan itu kepada pihak yang lain iaitu pihak *business* untuk menjalankan *sales* dan seterusnya.

Soalan yang saya ingin tanya ialah, di dalam bidang apakah *patterns* ini yang telah pun difailkan ataupun telah pun didaftarkan dan apakah kemajuan perdagangan ataupun *market* di dalam produk-produk yang telah pun *dipattern* ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila.

Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya yang saya maklumkan 39 *pattern* tadi ini adalah di dalam bidang bioteknologi dan sebagai contohnya salah satu produk yang telah pun masuk pasaran antarabangsa adalah *dipatternkan* di bawah *a new method for diagnosis of salmonella typhoid* iaitu demam kepala *pattern* nombornya MY106708A. Pemegangnya adalah Universiti Sains Malaysia dan produk tiga cip ini telah pun masuk pasaran antarabangsa lebih daripada 10 negara dunia telah menggunakan produk ini, sebagai contoh.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup]

USUL

MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18(1)

PERLANJUTAN PENAHANAN ENAM ORANG TAHANAN KUMPULAN MILITAN MALAYSIA DI BAWAH AKTA ISA SELAMA DUA TAHUN

Tuan Yang di-Pertua: Ya sila Yang Berhormat.

11.12 pagi.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Tuan Yang di-Pertua Usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18 (1) dan (2) saya Tuan Salahuddin bin Ayub, Yang Berhormat bagi Kubang Kerian mohon mencadangkan bahawa mesyuarat ini hendaklah ditangguhkan bagi membolehkan Dewan yang mulia ini rundingkan isu Perlanjutan Penahanan 6 Orang Tahanan yang dikatakan KMM, Kumpulan Militan Malaysia di bawah Akta ISA selama 2 tahun lagi oleh Yang Amat Berhormat Menteri Dalam Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, pada tanggal 23 September 2005 telah cukup tempoh penahanan selama 4 tahun satu kumpulan yang dikatakan Kumpulan Militan Malaysia (KMM) ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA). Mengikut sumber daripada keluarga mangsa tahanan ini, pihak Menteri Dalam Negeri telah sekali lagi melanjutkan penahanan mangsa ISA ini selama tempoh 2 tahun lagi menjadikan penahanan mereka akan mencapai kepada jangka masa 6 tahun. Penahanan mereka di bawah Akta ISA yang tidak berperikemanusiaan ini seharusnya dikutuk kerana amat bertentangan dengan prinsip keadilan, hak asasi manusia dan kemanusiaan itu sendiri.

Parlimen yang mulia ini seharusnya menjadi tempat yang terbaik untuk suara keadilan ditegakkan, mendengar rintihan dan tangisan waris-waris mereka dan mendesak supaya Menteri Dalam Negeri membawa mereka untuk diadili ke mahkamah terbuka sekiranya memiliki cukup bukti untuk mendakwa mereka adalah kumpulan militan yang mengancam keselamatan negara. Kita, Ahli-ahli Parlimen juga mengutuk sesiapa juga yang berhasrat untuk melakukan keganasan di negara ini tanpa mengira dari bangsa, kumpulan dan agama mana sekali pun.

Penahanan tanpa bicara adalah amalan yang tidak bertamadun dan sumber suburnya istana kezaliman pemerintah terhadap rakyat. Di dalam Dewan yang mulia ini saya bangun sekali lagi bagi mendesak mereka yang dizalimi ini dibebaskan serta-merta atau diheret ke muka pengadilan sekiranya cukup bukti mereka adalah pengkhianat kepada negara ini. Seharusnya Malaysia mengambil contoh negara Indonesia, selepas jatuhnya rejim Suharto untuk mengambil tindakan mendakwa kumpulan atau individu yang didakwa dan dituduh melakukan keganasan di mahkamah terbuka. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu pemberitahu Usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) daripada Ahli Yang Berhormat kawasan Kubang Kerian pada 27 September 2005. Teks Usul itu adalah seperti yang dibacakan oleh Ahli Yang Berhormat itu sebentar tadi.

Bagi membolehkan perkara ini ditimbangkan oleh Majlis Mesyuarat pada hari ini, saya sebagai Tuan Yang di-Pertua hendaklah berpuas hati bahawa perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu memenuhi 3 syarat:

- (i) bahawa perkara itu tertentu;
- (ii) bagi kepentingan orang ramai; dan
- (iii) ia berkehendak disegerakan.

Saya telah meneliti perkara ini dan saya berpendapat bahawa perkara ini adalah perkara tertentu, ia adalah bagi kepentingan orang ramai dan berkehendak disegerakan. Pada fikiran saya perkara ini tidak memerlukan perbincangan yang segera di Dewan ini. Tindakan perlanjutan penahanan 6 orang tahanan KMM di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri selama 2 tahun lagi adalah oleh sebab mereka perlu menjalani proses-proses yang tertentu yang biasa diikuti oleh orang-orang yang ditahan seperti ini di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri.

Oleh yang demikian, saya menolak Usul ini di bawah Peraturan Mesyuarat 18(2).

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (2005) 2005****DAN**

USUL**ANGGARAN PEMBANGUNAN (TAMB.) (BIL.1) 2005****Jawatankuasa**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2005) 2005 dan Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama 2005 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis."
[Hari Kedua]

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Maksud B.11, B.12 [Jadual] -

Maksud P.10 [Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.1) 2005] -

Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bagi Tumpat, Kubang Kerian, Bagan, Larut, Rembau dan Pasir Mas yang pada hari semalam membincangkan perkara-perkara yang berbangkit dalam perkara B.11 iaitu Perkhidmatan Am Perbendaharaan dan B.12 Peruntukan Kepada Kumpulan Wang Terkanun dalam peringkat Jawatankuasa ini.

Tuan Pengerusi, saya ingin menarik apa yang dibangkitkan secara teguran berkepentingan oleh wakil Tumpat yang menyatakan kerajaan tidak perlu menyebut kerugian ke atas subsidi yang dikeluarkan kepada rakyat di atas harga petroleum. Saya ingin jelaskan, Tuan Pengerusi, bahawa teguran yang dibuat itu secara berkepentingan kerana apa yang sebenarnya disebut oleh kerajaan kepada rakyat itu sangat jelas dan difahami oleh seluruh rakyat bahawa harga petroleum yang berada di pasaran ini adalah atas sekadar ataupun atas harga yang disubsidi oleh kerajaan.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: [Bangun]

Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang: Maka kalau kita lihat daripada unjuran.....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat Rantau Panjang. Yang Berhormat hendak bagi jalan?

Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang: Belum *start* lagi, Yang Berhormat bagi Rantau Panjang, sila.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Terima kasih. Saya hendak minta penjelasan sedikit apa sebenarnya maksud teguran berkepentingan dia diolahkan oleh Yang Berhormat bagi Tumpat, semalam? Minta penjelasan sedikit.

Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang: Boleh, saya hendak jelaslah ini. Tuan Pengerusi, apa yang saya kata begitu kerana kita sedar harga petroleum, harga petrol contohnya, di pasaran sepatutnya pada hari ini RM2.53 seliter, tetapi setelah disubsidi oleh kerajaan, harga yang dibayar oleh kita semua sebagai pengguna adalah RM1.62 seliter.

Begitu juga diesel, diesel harga sepatutnya RM2.153 per liter tetapi dibayar oleh pengguna hanya RM1.281 per liter setelah diberi subsidi oleh kerajaan. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, subsidi yang dikeluarkan sepanjang tahun oleh kerajaan berbanding, semakin meningkat apalagi pada tahun ini kita lihat malapetaka demi malapetaka melibatkan harga petrol ini semakin naik.

Dan kita bandingkan jumlah subsidi pada tahun 2000 - RM9 bilion, 2004 - RM11.9 bilion hampir RM12 bilion, manakala pada tahun ini setakat September RM10.8 bilion dan dijangka pada Disember kita akan menampung sebanyak RM16 bilion. Saya katakan begini kerana apabila dikatakan oleh kerajaan kita memberi subsidi ke atas harga ini untuk membendung harga petrol ini naik di pasaran. Maksud saya tadi, kalau tidak diberi subsidi RM2.53, apabila harga petrol ini naik maksudnya barang-barang

yang melibatkan kos, barang-barang di pasaran ikan, sayur, pengangkutan dan sebagainya pasti akan naik dan ini akan membebankan rakyat.

Apabila perkara ini berlaku, saya percaya rakan saya daripada Tumpat dan rakan-rakan lain juga termasuk Rantau Panjang akan bersyarah rata dunia termasuk di kawasan-kawasan luar bandar mengatakan, tengok kerajaan tidak cekap dengan harga minyak naik, barangan naik dan sebagainya, menghasut rakyat dan sebagainya. Tetapi apabila kita sebut subsidi, harga sebenarnya terpaksa ditanggung oleh kerajaan, maka disebut pula dengan ini tugas kerajaan.

Ini yang saya katakan kepentingan tadi, seolah-olah kerajaan buat betul pun salah, tak buat betul lagi salah, kepentingan semata-mata untuk pembangkang, mengelirukan rakyat, meracuni fikiran rakyat supaya tidak menyokong kerajaan, ini saya rasa kepentingan. *[Tepuk]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Rantau Panjang, dia bagi jalan.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Yang Berhormat,, memang kalau kita lihat begitu semua rakyat mengetahui tugas rakyat, cuma bagi pihak kerajaan kadang-kadang ia tuduh perkara itu, tugas kerajaan itu sendiri. Kerajaan sebenarnya ia cuba mempengaruhi rakyat supaya rakyat tidak mengetahui. Ini tugas kerajaan sebenarnya, bukan pembangkang. Pembangkang memperbetulkan apa yang dituduh oleh pihak kerajaan sebenarnya sebab sebahagian besar rakyat tidak mengetahui keadaan ini dan kita perlu beritahu kepada rakyat.

Kerajaan mesti memberitahu rakyat yang baik-baik, yang betul-betul, yang tak baik dan tak betul, kerajaan tuduh, jadi ini tugas pembangkang untuk memberitahu mendedahkan kepada rakyat, bukan kita ada kepentingan apa. Ini penjelasannya wajib bagi kita sebagai pembangkang menerangkan, menjelaskan kepada rakyat perkara yang betul.

Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang: Terima kasih Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, Ahli-ahli Yang Berhormat, saya sangat suka kerana pada pagi ini disahut oleh Yang Berhormat daripada Rantau Panjang. Kita bercakap soal petroleum. Petroleum di Rantau Panjang, syarikat-syarikat minyak ataupun petrol-petrol *pump* di Rantau Panjang terlibat secara langsung, Yang Berhormat. Saya percaya secara langsung apabila kita tengok negara-negara jiran kita tidak memberi subsidi, di sebelah Johor ataupun di sebelah Kelantan, harga lebih mahal dan berduyun-duyun sebelum Subuh masuk ke Rantau Panjang untuk mengisi minyak. Ada juga yang *smuggle*, ataupun membawa minyak keluar daripada Rantau Panjang, mungkin Yang Berhormat sendiri pun bertindak.

Ini kita lihat harga yang lebih mahal tetapi oleh sebab kerajaan membantu rakyat, memberi harga yang subsidi dan sebagainya tidak sebagaimana negara jiran maka rakyat membayar, rakyat faham oleh sebab harga naik terpaksa harga diesel ini naik juga dan berterima kasih kepada kerajaan kerana subsidi tadi. Jadi saya ingat tak payah dikelirukan lagi.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: *[Bangun]*

Dato' Ghazali bin Ibrahim: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ada dua yang bangun.

Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang: Saya bagi kepada Padang Terap.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Padang Terap.

Dato' Ghazali bin Ibrahim: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih timbalan menteri. Adakah kerajaan bercadang untuk mempamerkan harga-harga minyak petrol ini di stesen-stesen minyak? Harga kerajaan yang sebenar dan harga subsidi yang diberikan supaya rakyat tahu sebenarnya berapa jumlah subsidi yang telah pun diberikan kepada rakyat. Terima kasih.

Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang: Terima kasih Padang Terap, itulah sebenarnya nanti kerajaan terpaksa mengeluarkan kos pula beritahu kepada rakyat oleh sebab fitnah puak-puak ini, rakan-rakan kita daripada ini ya, di Dewan yang mulia ini pun nak mengelirukan orang ramai, apa lagi di luar. Jadi ini saya rasa saya

tegur secara baik, teguran berkepentingan, kepentingan kepada pembangkang semata-mata. Ya, Yang Berhormat bagi Puchong.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Puchong, sila.

Tuan Lau Yeng Peng: Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Timbalan Menteri. Sebenarnya di dalam negara kita ini sekarang satu dilema sebab sebagai contoh negara kita merupakan satu negara pengeksport minyak iaitu hasil minyak kalau tak silap saya sebanyak 750 ribu tan tong sehari. Tetapi penggunaan ataupun *consumption* dengan izin dalam negara ini ialah lebih kurang 430 ribu tan sehari. Ini bermakna negara kita adalah pengeksport diesel atau net *exported* petroleum dengan diesel dan juga gas semua ini.

Kalau harga minyak di pasaran dunia ini naik, ini bermakna pendapatan negara kita bertambah. Saya tahu minyak dan gas di bawah akta *Petroleum Act 1974* iaitu Petronas yang membuat keputusan yang akhir, ini Petronas pun *belongs to government* dengan izin, so banyak maklum balas daripada rakyat Malaysia bahawa kalau harga minyak naik di pasaran dunia bermakna pendapatan negara bertambah dan ini bermakna kita mempunyai lebih banyak wang untuk memberi subsidi kepada minyak dan sebagainya. Dan bagaimana Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk memperjelaskan lagi kemelut ataupun dilema ini? Terima kasih.

Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang: Terima kasih Yang Berhormat Puchong, sesuai dengan apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Pasir Mas pada hujung perbahasan semalam menyatakan dalam isu yang sama. Sukacita Yang Berhormat sebenarnya negara kita sebagai negara pengguna minyak dan tentu sekali kos ataupun apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu benar tetapi kita memikirkan sebab itulah kita menggunakan pendapatan daripada cukai yang dikenakan kepada syarikat pengeluar minyak ataupun pengeksport minyak ini untuk digunakan sebagai subsidi sesuai dengan apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat sebentar tadi.

Saya bersetuju juga dengan cadangan Yang Berhormat bagi Tumpat supaya kita memikirkan untuk mengenakan cukai baru yang lebih wajar.

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: [Bangun]

Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang: Sebenarnya sekarang ini kita mengenakan cukai pendapatan..... sekejap Yang Berhormat bagi Ketereh,... 38% ke atas syarikat minyak bukannya 28% seperti mana syarikat-syarikat biasa untuk memastikan apa yang kita bangkit sebentar tadi. Mengenai kenaikan ataupun pengenaan harga cukai-cukai yang lebih tinggi daripada syarikat minyak ini cadangan yang baik, boleh difikirkan. Silakan Yang Berhormat bagi Ketereh.

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Timbalan Menteri. Saya dengar cadangan Rantau Panjang tadi dia sebut... biasalah, *you just ignore* lah benda-benda macam itu, Tuan Pengerusi. Dia memang kerja dia. Kenaikan harga minyak ini memang tak dapat kita lari sebab kita pembeli - selain daripada kita menjual, kita juga membeli - kita membeli lebih banyak daripada kita menjual.

Masalah di Indonesia juga serupa, Indonesia juga pengeluar minyak tapi untuk makluman Rantau Panjanglah, saya baru balik daripada Makasar, di sana harga minyak juga mahal. Di Brunei harga minyak dia murah kerana rakyatnya sedikit, minyaknya banyak. Soal harga minyak ini tentunya akan naik dari masa ke semasa, tak boleh nak buat kecuali *supply* nya banyak.

Saya nak tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, sekarang kita bercakap tentang penggunaan alternatif menggunakan biodiesel, menggunakan gas. Apakah kerajaan sedar sekarang ini bahawa penggunaan gas yang ada di Kuala Lumpur ini, ramai orang nak guna gas tapi sebenarnya stesen gas itu tak ada. Nombor satu, stesen gas itu tak cukup. Itu di Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan, di negeri lain, di Ketereh langsung tak ada, di Kota Bharu tak ada, negeri-negeri lain memang tak ada langsung penggunaan gas ini, itu yang pertama, tempat jualnya tak ada.

Yang kedua, bila kita nak buat, nak *convert*, nak tukar guna gas, ia terlalu mahal. Saya bawa kereta saya baru ini sebab penggunaan kereta minyak ini terlalu berat, saya nak pakai gas jugalah, tak apalah nak beratur sekali dengan teksi. Saya

pergi tanya kereta saya kereta Volvo 940 beli masa pencen dulu, beli dengan kerajaan. Harga nak *convert* sebuah kereta Volvo itu RM5,000, saya kata tak boleh ke murah lagi? Teksi RM2,500. Jadi cadangan saya atau pertanyaan saya ialah apakah kerajaan sedar perkara ini dan bilakah kerajaan nak buat perkara ini? Sebab saya yakin kalau ada stesen gas banyak, penggunaan *conversion* itu juga murah, saya yakin ramai akan tukar, itu yang pertama mengenai gas.

Yang kedua mengenai biodiesel, 10 tahun yang lalu, Tun Ghafar Baba telah guna bio diesel untuk kereta rasminya, itu semua orang tahu. Dia guna kereta Mercedes rasminya pakai minyak kelapa sawit dan dia telah berjaya, dia kata murah dan itu katanya eksperimen digunakan kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri tapi sampai sekarang penggunaan biodiesel ini masih lagi tidak berjalan.

Apakah langkah seterusnya yang akan diambil oleh kerajaan untuk memastikan bahawa penggunaan alternatif minyak yang tentunya naik dari sehari ke sehari ini dibuat? Terima kasih.

Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang: Terima kasih sahabat saya dari Ketereh beritahu kepada Rantau Panjang sebentar tadi, apa yang dibangkitkan oleh Ketereh Yang Berhormat Tuan Pengerusi sesuai apa juga yang dibangkitkan semalam oleh Kubang Kerian dan Bagan. Cuma Bagan dan Kubang Kerian, dia keliru sedikit soal LPG dan NGV. Ketereh sebut betul LPG ini sebenarnya gas yang memasak bukan yang dipakai oleh kereta, LPG ini ialah yang kita bawa tong gas di rumah. NGV yang dipakai ini iaitu yang betul dan yang disebut oleh rakan saya Ketereh sebentar tadi.

Jadi saya setuju dengan apa yang dibangkitkan oleh ahli-ahli Yang Berhormat. Sebenarnya apabila kita terdesak kita akan cari alternatif, harga mahal alternatif yang kita cari untuk yang lebih murah. Tentu sekali sekarang ini NGV yang murah tetapi penggunaan ataupun pemasangan di stesen-stesen minyak ini agak bukan sahaja mahal kenderaan yang terpaksa diubahsuai. Kalau teksi Yang Berhormat terpaksa berbelanja agak lebih kurang RM1,500 hingga RM2,000 atau kenderaan biasa. Manakala kalau kenderaan besar dalam bentuk bas ataupun lori terpaksa belanja lebih kurang RM70,000 hingga RM100,000 sekarang ini. Sebab perkara baru, macam handphone dahulu juga, kalau baru memang mahal, sudah lama pasaran sudah terbuka mungkin murah.

Kemudian stesen minyak untuk mengadakan perkhidmatan NGV ini terpaksa belanja hampir RM1 juta. Juga NGV ini kita dapat bekalan daripada Petronas, Petronas terpaksa memasang paip-paip besar di seluruh negara termasuk di Rantau Panjang, Ketereh, Kuala Berang dan sebagainya. Ini kos yang mahal juga, memerlukan kos belanja yang mahal, maka untuk mendapatkan alternatif ini dalam masa yang singkat, dalam masa minyak naik hendak tunggu pasang ini, lambat kos dan sebagainya, kita memikirkan subsidi.

Oleh sebab saya katakan tadi sebagai alternatif jangka panjang tentu sekali kita akan ke arah itu, termasuk juga bio-diesel yang saya pun masih ingat yang difikirkan beberapa tahun dahulu tetapi pada ketika itu harga minyak tidak mahal dan tidak sebagaimana hari ini maka pada masa itu tidak ada syarikat-syarikat, tidak ada orang-orang berkepentingan untuk membina bio-diesel ini sebagai alternatif kepada petrol. Tetapi sekarang ini sudah banyak alhamdulillah, kita tengok dalam penerangan di akhbar-akhbar telah banyak syarikat yang ingin menceburi bidang dalam bidang bio-diesel ini dan kita harap dengan pelaburan yang baik, segera akan dapat memberi alternatif dan akan memberi peluang kepada negara kita menjadi pengeluar bio-diesel yang terbesar satu hari nanti, terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Liow Tiong Lai: [Bangun]

Tuan Nasaruddin bin Hashim: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, ada dua orang bangun Yang Berhormat. Bentong dengan Parit.

Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang: Silakan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, silakan Bentong.

Dato' Liow Tiong Lai: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri dan terima kasih Tuan Pengerusi. Selain daripada NGV dan juga bio-diesel yang

dibincangkan tadi saya rasa kerajaan telah pun melihat alternatif yang lain dari segi tenaga solar dan juga tenaga nuklear. Apakah perancangan yang telah dibuat selama ini kerana banyak telah kita per katakan tentang tenaga solar dan memang kita galakkan rakyat kita kerana kita adalah tropical country, negara tropika yang mempunyai matahari yang panjang tetapi nampaknya kita tidak mempunyai R&D yang cukup untuk memastikan kita dapat menggunakan tenaga solar dengan sepenuhnya dan juga adakah kita juga mengkaji bagaimana kita dapat menggunakan tenaga-tenaga lain seperti tenaga nuklear dan sumber-sumber lain, cuba beri penjelasan sedikit.

Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang: Terima kasih Yang Berhormat. Saya rasa itu cadangan Yang Berhormat dan difikirkan oleh kerajaan dan alternatif sedemikian rupa memang difikirkan oleh kerajaan dan kita berharap satu hati nanti akan memberi kemudahan ataupun keuntungan ini kepada negara kita.

Tuan Pengerusi, izinkan saya untuk....

Tuan Nasaruddin bin Hashim: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Parit bangun.

Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang: Sila Yang Berhormat Parit.

Tuan Nasaruddin bin Hashim: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya hendak berbalik kepada soal penggunaan NGV tadi. Jadi saya faham apa yang timbalan menteri sebutkan soal apabila supply ini kurang harga dan harganya tinggi dan sebagainya tetapi kita hendak tahu apakah langkah-langkah insentif daripada kerajaan supaya semua pihak sama ada pembekal pam minyak di stesen minyak ataupun pengguna ini menggunakan kepada alternatif NGV ini. Galakan misalannya diberi macam mana, galakan supaya mereka menggunakan di mana kedua-dua pihak ini supaya boleh membantukan masalah ini. Begitu juga soal bio-diesel tadi, kita tahu kita ini negara tropika yang mana banyak bahan-bahan pokok-pokok seperti yang saya difahamkan pokok jarak, biji buah jarak itu boleh jadi bio-diesel, apakah galakan kepada pihak-pihak pelabur ataupun usahawan untuk meneruskan usaha projek bio-diesel dengan bahan-bahan tanaman yang saya sebutkan tadi selain daripada minyak kelapa sawit. Yang kita faham kebanyakan minyak kelapa sawit ini dieksport tetapi pokok-pokok lain dan tanaman-tanaman lain yang boleh digunakan masih banyak seperti yang disebutkan tadi buah jarak misalnya. Jadi apakah galakan yang diberi oleh kerajaan supaya penggunaan bio-diesel ini lebih meluas daripada apa yang ada sekarang, terima kasih.

Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang: Terima kasih Parit. Saya percaya kerajaan juga memikirkan cadangan sebagaimana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dan dalam konteks ataupun dalam peranan NGV ini sebenarnya sekarang ini galakan yang utama diberikan tanpa langsung cukai jualan tidak dikenakan. Kemudian insentif-insentif lain saya percaya banyak diberikan supaya terutama untuk pemasangan sebagaimana sahabat kita Ketereh sebutkan tadi, oleh sebab kerja-kerja ini dilaksanakan oleh syarikat swasta, barangkali insentif-insentif dalam bentuk pengecualian cukai dan sebagainya diberi.

Kemudian juga dalam bentuk bio-teknologi ini termasuk bio-diesel dan sebagainya, sebenarnya dalam usaha kerajaan sekarang ini dalam - keutamaan pun diberi keutamaan dan berbagai-bagai insentif lain pun diberi termasuk pengenalan cukai LNG dan sebagainya saya percaya dalam bajet yang akan datang ini pun lebih banyak tumpuan dan insentif akan diberi kepada usaha ini.

Dato' Haji Abd. Halim bin Abd. Rahman: [Bangun]

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Nak beri yang mana Yang Berhormat?

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana beri peluang kepada saya, saya bukan orang kewangan dan saya tidak berapa faham soal penggunaan wang tetapi saya hendak ambil logik. Now, kita gunakan RM8 bilion untuk subsidi minyak.

Seorang Ahli: Per year!

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: Untuk subsidi minyak, Yang Berhormat Menteri beritahu tadi untuk buat satu stesen NGV perbelanjaannya ialah RM1 juta, kosnya RM1 juta kepada stesen minyak. Berputar di fikiran saya apakah tidak mungkin kerajaan mengambil peruntukan yang RM8 bilion ini kita ambil separuh sahaja RM4 bilion atau suku sahaja RM2 bilion atau RM100 milion atau RM200 milion untuk 200 stesen minyak atau 400 *throughout the country*, kita gunakan ini untuk membantu mereka membuat infrastruktur untuk membina stesen NGV tadi. Jadi kita jimat kurang daripada RM1 bilion setahun tetapi untuk selamanya, apakah tidak mungkin boleh kita berbuat demikian daripada kita tiap-tiap tahun, saya akan dengar menteri dan pengguna akan datang ke sini, kita bayar RM4 bilion dan kita bayar RM8 bilion, every year Menteri di Jabatan Perdana Menteri macam itu juga, ini bertambah-tambah tetapi kita buat *investment once for all* akhirnya selesai. Itu formula mudah saya, saya tahu memang sukar untuk berbuat demikian, apakah logik saya ini boleh diterima akal, Yang Berhormat Menteri? Sekian terima kasih.

Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang: Terima kasih Ketereh, sebenarnya memang boleh diterima tetapi kita kena faham sebenarnya sedikit apabila kita tarik daripada subsidi ini bermakna kita membiarkan harga itu kita ditanggung oleh pengguna. Puak-puak ini akan round seluruh negara ini tengok harga mahal. Jadi dalam masa yang.....

Beberapa Ahli: [Menyampuk]

Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang: Geng-geng Tumpat dan Rantau Panjang ini lah, ini yang sebenarnya mesti Tumpat dan Rantau Panjang akan turun ke bawah terangkan yang sebenarnya, terang sebagaimana dengan ikhlas tanpa kepentingan. Jadi ini yang saya maksudkan berkepentingan tadi.

Datuk Ronald Kiandee: [Bangun]

Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman: [Bangun]

Datuk Ronald Kiandee: Yang Berhormat! Beluran, Beluran.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, ada dua bangun, Beluran dengan Pengkalan Chepa.

Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang: Pengkalan Chepa dahulu selepas itu Beluran.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Pengkalan Chepa dahulu, silakan Yang Berhormat.

Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman: Saya rasa Yang Berhormat Menteri dan Timbalan Menteri tidak payah takut pada kami kerana kami sedikit di sini. Saya hendak tanya begini, di negara-negara maju seperti England dan Eropah lain apabila minyak ini naik, dan berapa lama sudah mereka buat anggaran kenaikan ini, penggunaan diesel *road tax* pada *transport* ataupun kereta-kereta diesel ataupun pengangkutan diesel ini sangat murah sehingga di England itu *road tax*nya sama dengan petrol. Jadi untuk mengurangkan kos *transport*, boleh jadi kos *transport* ini bila naik, bila mahal barang-barang pun mahal. Bolehkah kerajaan timbangan untuk mengurangkan *road tax* kepada *transport* yang menggunakan diesel, sebagaimana kerajaan timbangan kepada motosikal dan juga kepada tol? Bolehkah kerajaan timbangan untuk mengurangkan keadaan itu? Keadaan barang-barang ini naik.

Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang: Terima kasih Pengkalan Chepa. Sebenarnya kita tidak takut pada PAS ini kerana dia cakap tidak benar, dia cakap tidak benar, bohong kemudian fitnah pula yang betul dia kata tidak betul, jadi tidak pernah takut. Cuma yang kita hendak beritahu yang betul, kemudian apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu sebenarnya telah dan akan dilakukan oleh kerajaan. Kita harap bajet akan datang ini akan terus memberi,... sebagaimana kata Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ataupun Menteri Kewangan kita, masa kita susah kita tanggung sama-sama, masa kita senang kita *enjoy* sama-sama. Masa susah ini kerajaan susah lebih tidak apa, rakyat lebih senang. Jadi kita harap Yang Berhormat sokong ya.

Dr. James Dawos Mamit: [Bangun]

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: [Bangun]

Datuk Ronald Kiandee: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ada tiga yang bangun Yang Berhormat hendak bagi jalan? Beluran?

Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang: Beluran dahulu.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Beluran sila.

11.42 pagi.

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya terima logik Ketereh, tetapi akhirnya itu kerajaan mesti mempunyai pendirian sama ada untuk membina lebih banyak stesen NGV ataupun membiarkan dalam keadaan yang sekarang ini. Saya pernah menanya soalan kepada Kementerian Perusahaan dan Perladangan sebelum ini, empat tahun yang lalu, tentang kemungkinan untuk mengadakan *investment* dalam bio-diesel. Ketika empat tahun yang lalu dijawab bahawa bio-diesel tidak ekonomik, ianya *investment* yang terlalu mahal. Hari ini kita baca surat khabar Menteri baru dalam kementerian yang sama mengatakan tiga syarikat telah diundang untuk membuat bio-diesel. Bererti empat tahun lalu tidak ada kesungguhan, sekarang ini ada kesungguhan.

Kalau kita lihat dalam *power station* umpamanya *investment cost* untuk hidro terlalu tinggi sama *investment cost* untuk mengadakan stesen NGV, tetapi *over time* dalam masa yang panjang hidro merupakan sumber tenaga yang murah dalam perkiraan jangka masa yang panjang. Jadi dalam keadaan ini kesungguhan kerajaan, keseriusan dan keutamaan kerajaan merupakan faktor yang penting. Saya inginkan penjelasan.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Tuan Pengerusi, minta izin sambung cerita yang sama.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, terpulang kepada Timbalan Menteri dia hendak bagi jalan ke tidak?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Dia hendak.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, sila.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Ini berkenaan dengan diesel dan juga bio-diesel Tuan Pengerusi. Saya mengalu-alukan langkah kerajaan yang akan membuat pengumuman, saya dengar bahawa *road tax* diesel akan turun. Dan ini menjadi amalan. Di Eropah sekarang kerajaan dia bagaimana yang disebutkan oleh Pengkalan Chepa tadi, *road tax* dia lebih kurang samalah dan kita sudah semestinya pada hari ini kerajaan kena galakkan orang kita.

Kalau kita hendak gunakan gas kita kena buat *infrastructure* yang ada, kita kena perbaiki *pipeline* dan sebagainya - lagilah tinggi. Sekarang *infrastructure* sudah ada hanya kita galakkan rakyat kita menggunakan diesel, kerana didapati bahawa agen-agen diesel menggunakan minyak 35% lebih rendah berbanding dengan petrol. Jadi kalau subsidi kita 16 bilion kita dapat menyelamatkan 35% kerana enjin diesel menggunakan 35% lebih kurang, bermakna daripada situ sahaja kerajaan dapat menjimatkan 5.9 juta bilion ringgit, apatah lagi esok kalau bio-diesel.

Bio-diesel ini pun saya tidak tahu, tahun sudah saya sampai hentak-hentak meja kerana pada hari ini *nothing new*. Di Eropah sekarang sudah mula, sudah *advance* dan mereka menggunakan minyak sayuran dan *market* untuk minyak sayuran ialah USD650, walhal minyak kelapa sawit kita baru 400 sehingga USD450. Kita ada premium USD200 mengapa lambat? Mengapa hendak minta syarikat FELDA tidur ke? FELCRA tidur ke? Sekarang dunia sudah macam ini, Eropah sudah macam itu dan kalau kita hendakkan memperjuangkan penghidupan peneroka-peneroka kita daripada FELDA dan juga FELCRA sudah sampai masanya FELDA dan FELCRA dikejutkan untuk sama-sama di dalam bidang bio-diesel ini supaya peneroka kita dapat nikmat. Apa kata Yang Berhormat Timbalan Menteri?

Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang: Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih kepada Beluran....

Dr. James Dawos Mamit: *[Bangun] [Mengetuk meja]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Mambong Yang Berhormat, Yang Berhormat Mambong bangun.

Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang: Isu yang sama ke?

Dr. James Dawos Mamit: Boleh soalan yang sama?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Mambong tidak payah gendang saya nampak.

Dr. James Dawos Mamit: Nampak ke?

Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang: Sila. Pendek sila saya faham.

Dr. James Dawos Mamit: Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Timbalan Menteri Kewangan. Saya ada dua pertanyaan. Yang pertama adalah mengenai cukai jalan ataupun *road tax* lebih-lebih lagi di negeri Sarawak. Setakat ini apabila kerajaan mengurangkan harga cukai jalan di seluruh negara hanya kepada kenderaan yang kurang daripada 2000 cc, tetapi di Sarawak di kawasan luar-luar bandar memang mereka menggunakan kenderaan yang lebih daripada 2000 cc dan mereka juga menggunakan diesel. Oleh yang demikian, saya mohonlah kerajaan untuk mempertimbangkan di Sarawak lebih-lebih lagi di kawasan luar bandar kerana mereka memang memerlukan kenderaan seperti ini, pacuan empat roda yang lebih daripada 2000 cc dan yang menggunakan diesel.

Yang kedua tentang bio-diesel ini. Saya difahamkan bahawa bio-diesel yang dibuat di negara kita ini mengandungi 95% mineral diesel, dan 5% sahaja minyak ataupun yang dinamakan *triglyceride* hanya 5%. Kenapa di Germany mereka boleh membuat bio-diesel dan menggunakan *triglyceride* sepenuhnya sebab proses mereka berlainan daripada proses kita. Ini adalah satu bioteknologi yang harus juga diguna pakai di negara kita, di mana minyak ini seperti minyak sawit dicampur dengan *catalyst* seperti *potassium hydroxide* dan ia seterusnya menjadi *glycerol* dan *esters*. Dan *esters* ini boleh diguna pakai terus di dalam kenderaan.

Di Germany sekarang, setakat sekarang lebih daripada 300 stesen pam minyak yang menggunakan bio-diesel ini. Dan di dalam dunia ini sekarang mungkin pada hari ini nilai bio-diesel ini ialah USD20 bilion sekarang. Kenapa negara kita tidak terus membuat intensif *research* dan sebagainya untuk menjadi sebuah negara yang boleh mengeluarkan bio-diesel yang terulung kerana kita banyak minyak, banyak CPO *crude palm oil*. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang: Tuan Pengerusi...

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Saya hendak tambah sedikit lagi ...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Hendak bagi jalan?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof:apa yang disebut oleh Mambong cara teknikal, tetapi saya meniaga minyak sejak tahun 1984 Tuan Pengerusi, saya ada stesen minyak. Saya dapati pada ketika itu ada pengusaha-pengusaha lori yang tuang diesel dekat pam minyak saya lepas itu dia beli minyak makan V-Sawit, apa minyak sawit, masuk dalam tangki.

Saya tanya dia kenapa you masuk minyak makan ini masuk dalam tangki, katanya, 'ini Tuan, boleh kurang asap, mahu pergi *test R&D*. Ini sudah dipraktikkan diluar, *there is nothing new*. Yang kita hairan ini Tuan Pengerusi, yang *Oil Palm Board* kita ini, *claiming to have the best facility in the world* untuk *research oil palm*, tetapi sehingga hari ini *we are loosing now*. *British Oil One Company* pada hari ini, menanam di Afrika satu tanaman jenis *Jatopra* untuk mengambil biji dia untuk perah jadi minyak supaya buat bio-diesel, terpaksa pergi dekat Afrika, Madagascar, segala-gala dekat Afrika sekarang. Ribu-ribu, juta-juta hektar dia pergi menanam. Yang kita sudah ada berpuluh tahun dah, apa? Tidurkah? Terima kasih Tuan Pengerusi.

Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bagi Jasini ini kita bagi sedikit dia hendak banyak. Minta sedikit dapat bagi banyak. Tuan Pengerusi, saya percaya atas keprihatinan Ahli-ahli Yang Berhormat, kita bincang panjang soal diesel ini, kita bersama-sama dengan kerajaan untuk melihat perkembangan dunia, perkembangan kenaikan minyak ini supaya kita sama-sama menjadikan di negara kita ini tidak dibebani ataupun tidak ditanggung beban yang terlalu kuat oleh rakyat. Jadi, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat.

Kemudian ramai bangkit soal *road tax* sebagainya. Sebenarnya semalam menteri sudah jawab soal bio-diesel, kita tahu arah tuju negara kita sekarang ini, kita telah diberitahu bahawa kita ini bio-teknologi tertinggal 30 tahun ke belakang dari negara maju dan kita baru hendak mula dan kita telah memberi pelbagai insentif sebagainya, jadi terima kasih Yang Berhormat bagi Mambong. Saya nampak inilah usaha-usaha kita, saya harap semua Yang Berhormat kita jangan bawa keluar terutamanya pembangkang, soal harga naik, barang naik, kita sama-sama bendung, kita sama-sama beri peluang.

Tuan Ahmad Shabery Cheek: [Bangun]

Dr. James Dawos Mamit: [Bangun]

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ada tiga yang bangun Yang Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat bagi Kemaman, Mambong dan Cameron Highland.

Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang: Saya ingat kita banyak lagi perkara hendak bincang, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Itu terpulang pada Yang Berhormat. Dia tidak bagi.

Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang: Sebab perkara ini sudah jelas, cuma Yang Berhormat hendak bagi cadangan.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Minta satu sahaja..

Dr. James Dawos Mamit: Sedikit sahaja.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Sedikit sahaja.

Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang: Saya bagi Yang Berhormat bagi Kemam dahulu sedikit.

Tuan Ahmad Shabery Cheek: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Datuk Timbalan Menteri. Saya tertarik dengan jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat sebentar tadi sebagai reaksi kepada pandangan kawan-kawan tentang soal bio-diesel dan alternatif kepada petrol yang kita gunakan sekarang dan termasuklah tentang soal pengurusan sistem *road tax* dan sebagainya. Kalau mendengar jawapan itu, saya rasa gambaran yang kami terima di kalangan ahli-ahli Parlimen dan juga rakyat sekarang ini bahawa seolah-olah tidak ada satu *road map*, satu rancangan ataupun satu *contingency plan* secara menyeluruh yang dibuat oleh kerajaan sekarang untuk menggarab keseluruhan masalah, bukan soal penggantian minyak sahaja, sistem *road tax* kita dan sebagainya.

Kita sekarang ini seolah-olahnya kita bertindak secara *ad hoc*, hari ini naik benda ini, kita hendak selesai ini. Perkara ini kita dengar cerita inilah bertahun-tahun. Apabila dengar pandangan-pandangan bernas daripada Yang Berhormat bagi Mambong, pandangan bernas daripada Yang Berhormat bagi Jasin, pandangan bernas daripada Yang Berhormat bagi Ketereh dan sebagainya, inilah selalu jawapan kita terima pandangan ini dan kita akan buat, kita terima, seolah-olah kita hendak tahu apa itu *contingency plan*, perencanaan segera yang diambil oleh kerajaan dalam menghadapi isu ini yang cukup besar sekarang ini melanda dunia. Kalau dahulu ada isu *millennium bulk*, dengan izin, kita ada perancangan setahun, perancangan persiapan-persiapan kita apa itu yang sekarang ini kita hendak tahu secara menyeluruh. Saya tahu seolah-olah sekarang ini bila ada isu bio-diesel, ini kita tunggu Menteri Inovasi yang akan melancarkan. Tetapi daripada atas serupa, apa dia perancangan secara menyeluruh dalam menghadapi masalah ini, terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: [Bangun]

Dr. James Dawos Mamit: [Bangun]

Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang: Saya rasa Tuan Pengerusi, cukuplah, kita sudah dengar...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia tidak bagi jalan Yang Berhormat, belum bagi jalan.

Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang: Cukulah saya ingat...

Dr. James Dawos Mamit: Ini tentang *road map ini* sambung daripada dia, Yang Berhormat.

Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang: Tidak, saya rasa cukup, cukup untuk kita lihat.....

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Yang Berhormat Timbalan Menteri, tadi janji hendak bagi lepas.....

Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang: Tuan Pengerusi...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia tidak bagi Yang Berhormat, sila duduk Yang Berhormat.

Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang: Tuan Pengerusi, kita....

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Tidak bagi ya?

Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang: Kita berbincang sekarang ini soal perbekalan tambahan dalam Jawatankuasa. Ini bukan bio-gaskah? Bukan.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Ini subsidi diesel.

Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang: So, saya ingat apa yang sudah kita cadangkan tadi cukup untuk memberitahu bahawa kepentingan kita dan saya percaya tindakan yang segera adalah kita menambah subsidi. Kita mohon kepada Dewan pada hari ini dan program-program lain lagi, saya percaya sedang dijalankan oleh kerajaan. Saya minta semua ahli Yang Berhormat kita sama-sama dengan kerajaan untuk melihat fenomena kenaikan harga petroleum ini supaya sama-sama kita fahamkan kepada rakyat agar tanggungan ini kita tanggung bersama, jangan kita bebankan kepada kerajaan semata-mata. Jadi Tuan Pengerusi, izinkan saya untuk terus...

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Cameron Highland bangun juga Yang Berhormat.

Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang: Saya sentuh isu-isu lain, nanti boleh Yang Berhormat bagi Cameron Highlands ya?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia belum bagi lagi Yang Berhormat.

Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang: Seterusnya Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bagi Tumpat membangkitkan soal RM150 juta daripada Tabung Pinjaman Pendidikan (TPP) yang diberikan kepada Kumpulan Wang Tabung Kemahiran bagi menggalakkan ataupun program MLVK di bawah Kementerian Sumber Manusia. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, tambahan peruntukan ini diberi bagi menampung program Kementerian Sumber Manusia di bawah program MLVK bagi tahun kemasukan pelajar-pelajar 2005 yang berjumlah 9,500 orang pelatih. Kemudian kita juga menanggung kos operasi tahun pertama penubuhan Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran Negara. Jadi soal keberkesanan barangkali sebagai agensi pelaksana di bawah Kementerian Sumber Manusia boleh menerangkan kepada Dewan dan saya yakin bahawa program ini sangat baik, keperluan tambahan ini bagi kita memenuhi komitmen Kementerian Sumber Manusia untuk melihat pelatih-pelatih ataupun latihan MLVK ini dapat disebar luas ke semua peringkat ke seluruh negara.

Tuan Pengerusi, juga dibangkitkan soal tambahan sepatutnya diberi lebih banyak kepada Tabung Pendidikan Tinggi Negara (PTPTN). Apa yang dibincangkan oleh Yang Berhormat bagi Tumpat dan Yang Berhormat bagi Kubang Kerian, bimbang PTPTN ini akan ditumpukan kepada kursus-kursus kritikal sahaja. Suka saya menjelaskan Tuan Pengerusi, mengenai peruntukan tambahan ini, kita tumpukan kepada TPP bagi menampung pelajar-pelajar di peringkat sijil iaitu di Politeknik, Kolej Komuniti yang kita pindahkan daripada PTPN untuk meringankan beban PTPN. Selama ini PTPN tumpu juga kepada bidang ini, tetapi sekarang kita asingkan dan kita

minta Kementerian Pengajian Tinggi untuk tumpukan kepada latihan ini supaya PTPN hanya boleh beri tumpuan yang lebih kepada tujuan asalnya dan jumlahnya juga saya difahamkan bahawa kursus-kursus 'kritila' itu tidaklah benar.

Tuan Pengerusi, mengenai jumlah yang di bawah TPP ini juga, di bawah peruntukan Kumpulan Wang Terkanun juga, wakil Tumpat mohon penjelasan mengenai Syarikat Infineon Technologies yang tercatat dalam kertas ini, Kertas Perintah 18 (A) ini.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, sebenarnya syarikat, ini adalah merupakan syarikat pengeluar '*Leading H Power Semi Conductors*' yang terbesar di dunia. Syarikat ini telah pun mempunyai tiga buah kilang di Melaka dan sekarang ini ia merupakan pengeksport dan juga pengeluar bidang ini terbesar dan kita menawarkan sebenarnya bukanlah kita memberi bantuan tetapi insentif dalam bentuk grant atau pun pinjaman mudah dalam tempoh lima tahun, untuk sebenarnya dalam memastikan peranan syarikat ini membekalkan. Dijangka 1,700 peluang pekerjaan di Kulim Hi-Tech kepada pekerja sepenuh masa termasuk 530 orang jurutera. Kita jangka dengan peranan syarikat ini akan menambah pengeluaran atau pun eksport bidang ini daripada negara kita..

Tuan Pengerusi, mengenai apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Kubang Kerian, soal pinjaman yang diberikan kepada YAPIM bagi skim Ar-Rahnu, sukacita saya menjelaskan tambahan RM50 juta yang kita peruntukkan ini, memberikan jumlah pengeluaran atau tabungan kepada YAPIM sebanyak RM120 juta. Sebelum ini kita sudah keluarkan RM20, RM50 dan kali ini RM50, dan keberkesanannya sangatlah baik, di mana tabung ini digunakan oleh usahawan-usahawan kecil, peniaga-peniaga kecil, individu perniagaan di peringkat bawah, akar umbi, sebagaimana yang dibangkit oleh Yang Berhormat bagi Pasir Mas, dia kata Ar-Rahnu ini di Kelantan sahaja, sebenarnya kita telah pun ada 148 kaunter di seluruh negara, melaksanakan skim Ar-Rahnu. saya

Sukacita saya memberi tahu kepada Dewan bahawa faedah yang telah didapati oleh peniaga, usahawan kecil petani, nelayan dan sebagainya dalam skim ini berjumlah 1,082,713 usahawan kecil yang menjadikan modal terkumpul di bawah skim Ar-Rahnu ini berjumlah RM1.02 bilion di mana bukan sahaja YAPIM melaksanakannya termasuk juga Bank Rakyat, Bank Islam dan kerajaan negeri.

Tuan Pengerusi, mengenai apa yang dibangkitkan sedikit oleh Yang Berhormat bagi Bagan, kesusahan nelayan-nelayan membeli diesel bagi di kawasan Bagan, sukacita saya jelaskan bahawa diesel ini, subsidi diesel kepada nelayan telah disalurkan melalui persatuan nelayan yang mempunyai jeti masing-masing. Kementerian Hal Ehwal Pengguna tidak membenarkan penjualan di merata-rata tempat melalui tong-tong dan sebagainya, tetapi nelayan bolehlah melalui persatuan di jeti-jetinya untuk mendapatkan bekalan supaya saluran atau penyaluran subsidi ini sebenarnya dapat kepada nelayan tidak kepada golongan sasaran yang lain.

Kepada apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Rembau mengenai peranan beberapa syarikat GLC untuk peruntukan ini, sukacita saya maklumkan bahawa kriteria utama dalam mempertimbangkan pembiayaan kerajaan kepada syarikat-syarikat GLC ini bahawa mereka sangat mampu untuk membantu golongan PKS atau pun petani bagi mengemukakan atau peluang-peluang pekerjaan dan juga peluang-peluang bekalan, kontrak-kontrak kecil bagi melaksanakan program-program atau pun apa yang di peruntukan kepada mereka sebagaimana utama yang digalakkan oleh pihak kerajaan. Juga dibangkitkan oleh Yang Berhormat apakah peranan Prosper di bawah PUNB dan setakat ini berapakah manfaat daripada peranan ini di dapati oleh usahawan.

Untuk makluman Yang Berhormat, Prosper ini dilancarkan sejak tahun 2000. Sambutan di kalangan usahawan runcit bumiputera adalah sangat memuaskan dan setakat Ogos 2005 sebanyak 795 permohonan telah diluluskan oleh PUNB dengan melibatkan sebanyak 1,602 usahawan. Jumlah Pembiayaan yang telah dikeluarkan oleh PUNB setakat ini RM97.7 juta ringgit dan bagi tahun 2005 PUNB menasaskan 250 perniagaan runcit lagi dapat dibangunkan dan pihak PUNB yakin jangkaan ini boleh mencapai sasaran, dicapai sebanyak 164 permohonan akan diluluskan setakat tahun ini.

Tuan Pengerusi, mengenai yang dibangkitkan oleh ahli Yang Berhormat bagi Larut, jumlah yang di peruntukan bagi kumpulan Wang Amanah Sukan Negara. Sukacita saya jelaskan bahawa peruntukan ini diagihkan sebagaimana program yang telah disusun oleh Kementerian Belia dan Sukan, yakni untuk menampung program-program sukan negara termasuk program Sukan MASSA. Ia tidak termasuk dalam pembangunan infrastruktur sukan tetapi program-program seperti kecergasan nasional, pembangunan reaksi, pembangunan sukan para Olimpik, pembangunan dan kemajuan sukan teras di peringkat akar umbi, pembangunan organisasi dan menggalakkan sukan-sukan, kelab sukan, komuniti sebagainya dan NGO termasuk pengurus dan pemimpin sukan. Ini sedang berjalan dan akan terus berjalan pada tahun ini dan kita harap seluruh program ini berlangsung di seluruh negara, negeri-negeri, sehingga di peringkat akar umbi di peringkat daerah-daerah dan akan dimanfaatkan sepenuhnya oleh masyarakat.

Akhir sekali Tuan Pengerusi, ingin saya menjelaskan mengenai peranan atau pun program Amanah Ikhtiar Malaysia yang juga dibangkitkan oleh sahabat kita daripada Rembau di mana ada laporan bahawa sebelum daripada ini AIM ini bermasalah dan sebagainya. Sukacita saya menjelaskan kepada Yang Berhormat, setakat ini seramai empat puluh lima ribu sahabat Amanah Ikhtiar meminjam, yang merupakan peminjam kepada skim ini dan Amanah Ikhtiar ini ditubuhkan bukanlah disebabkan program itu gagal, ia sebenarnya masalah-masalah yang sangat kecil yang dihadapi oleh skim ini di mana dalam sekitar 2.4% sahaja pinjaman ini tidak berbayar dan ia melibatkan kebanyakannya orang-orang yang terlalu tua, uzur dan telah meninggal dunia.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, dari segi kumulatif pinjaman pada setakat Jun 2005, seramai 148,744 orang dengan jumlah RM1.4 bilion telah dikeluarkan oleh Amanah Ikhtiar Malaysia. Saya percaya hasrat kerajaan melalui skim Amanah Ikhtiar Malaysia ini untuk memberi peluang perniagaan yang paling kecil di peringkat akar umbi supaya dapat kita mengatasi masalah kemiskinan tegar ia akan dapat dicapai dan disusun urus dan dapat dipindahkan ke skim-skim yang lain, skim pinjaman-pinjaman yang lebih besar dan sebagainya.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Rembau.

Dato' Firdaus bin Harun: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri, memandangkan Skim Amanah Ikhtiar ini sangatlah baik dalam usaha untuk membasmi kemiskinan dan memberi peluang kepada rakyat yang berpendapatan rendah khususnya mereka yang dalam kemiskinan tegar untuk memperbaiki taraf hidup mereka. Ada tidak pihak kerajaan bercadang untuk memperluaskan lagi skim ini khususnya di Negeri Sembilan, sebab di Negeri Sembilan skim ini saya ingat masih belum dilaksanakan secara meluas, jadi bagaimana pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang: Terima kasih Yang Berhormat bagi Rembau. Sebenarnya kerajaan sentiasa memantau dan memberi harapan kepada program ini supaya bukan sahaja Negeri Sembilan tetapi di seluruh Negara supaya manfaatnya dapat dicapai di peringkat paling rendah dan akhirnya mereka dapat berpindah kepada skim-skim yang lebih besar.

Tuan Pengerusi oleh kerana Cameron Highlands tidak ada berbangkit dan yang lain-lain Yang Berhormat pun tidak ada berbangkit, saya rasa itulah penerangan saya. Terima kasih. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM6,292,000,000 untuk Maksud B.11 dan RM733,130,900 untuk Maksud B.12 di bawah Kementerian Kewangan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak RM6,292,000,000 untuk Maksud B.11 dan RM733,130,900 untuk Maksud B.12 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM20 untuk Maksud P.10 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama bagi tahun 2005 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak RM20 untuk Maksud P.10 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.1) 2005.

Maksud P.22 [Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.1)2005] -

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kepala Pembangunan P.22 di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah terbuka untuk di bahas.

[Tiada perbahasan]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang perbelanjaan sebanyak RM112,400,000 untuk Maksud P.22 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama bagi tahun 2005 di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM112,400,000 untuk Maksud P.22 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.1) 2005.

Maksud P.23 [Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.1)2005] -

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kepala Pembangunan P.23 di bawah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar terbuka untuk di bahas. Yang Berhormat bagi Kepong selepas itu Menteri boleh menjawab.

12.11 tgh.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Pengerusi, itu P.23 ini - 4.4 Pengindahan Sungai Melaka Fasa 2 yang melibatkan tambahan RM20 juta ini dan saya berminat dengan usaha untuk memperindahkan sungai-sungai termasuk Sungai Melaka yang merupakan sungai yang kotor, sangat kotor. *[Disampuk]* Memang tercemar seperti Sungai Klang kita, Sungai Langat pun sangat tercemar, tercemar sekalilah itu. *[Disampuk]* Tidak ada, Sungai Kepong tidak ada, Sungai Keroh dan Sungai Jinjang ada di Kepong.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Sri Gading pun tidak ada sungai.

Dr. Tan Seng Giaw: Tidak ada langsung?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak ada.

Dr. Tan Seng Giaw: Kalau tidak ada langsung, baik kita diam sahaja.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Itulah sebenar nasihat saya, melalui Yang Berhormat Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw: Ya, ya. Saya berharaplah Sri Gading kalau tidak ada sungai kita diam sahaja, dengar sahajalah. Kita ada beberapa batang sungai yang tercemar, yang paling tercemar itu Sungai Klang. Saya mengharapkan Sungai Klang dapat diindahkan, dibersihkan supaya dalam masa 10 tahun atau 20 tahun menjadi sungai yang terbersih sekali di negara ini. Kita tidak mahulah seperti di Arau sungai semakin hari semakin tercemar. *[Ketawa]* Sungai Melaka pun begitu juga, ia semakin hari semakin tercemar. Saya hendak bertanya pihak kementerian, apakah kaedah yang digunakan untuk membersihkan sungai-sungai ini dan mengapa kita perlukan begitu banyak, ini tambahan sahaja RM20 juta perbelanjaan yang diperlukan untuk mengindahkan Sungai Melaka Fasa 2. Bolehkah Yang Berhormat menerangkan berapa fasakah yang diperlukan untuk mengindahkan Sungai Melaka ini dan bilakah kerja ini akan disiapkan?

Tuan Pengerusi, memang kita sentiasa hendak tekankan begitu pentingnya semua pihak termasuklah pembangkang dan semua Ahli Parlimen mesti prihatin kepada usaha.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Pendang bangun.

Dr. Tan Seng Giaw: Baik, baik. Pendang ada sungai, ya?

Dr. Mohd. Hayati bin Othman: Ada.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya tidak tahu...

Dr. Mohd. Hayati bin Othman: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Kepong. Selain daripada sungai yang disebut oleh Kepong tadi, ada kita dengar Sungai Juru di Pulau Pinang yang merupakan antara sungai yang tercemar sekali di Malaysia, selain daripada Klang. Sungai Juru ini merupakan sungai yang banyak kilang-kilang haram masuk ke dalamnya yang menyebabkan banyak ikan dan juga ternakan kerang mati di Sungai Juru ini. Apakah dalam Belanjawan Tambahan ini termasuk penutupan kilang-kilang yang menuju ke Sungai Juru, duit yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi ini?

Dr. Tan Seng Giaw: Bukan, ini semata-mata untuk Sungai Melaka sahaja tetapi saya berharaplah ada projek untuk mengindahkan dan membersihkan Sungai Juru juga. Itu perlu kita buat seperti juga dengan Sungai Langat. Kita ada empangan di Sungai Langat, kita ambil air dari Sungai Langat tetapi Sungai Langat ini merupakan salah satu sungai yang tercemar juga. Tiap-tiap hari kita ambil air daripada situ, walaupun kita ada rawatan dan sebagainya, lebih baik kita bersihkan sungai itu.

Saya tidak nampaklah mengapa hanya ada projek untuk mengindahkan Sungai Melaka dan membersihkan Sungai Melaka bahkan projek-projek seumpama ini mestilah diadakan untuk Sungai Juru, Sungai Langat dan Bagan, termasuk Sungai Klang. Saya berharap Yang Berhormat bagi Pendang itu sungai jangan dicemarkan lagi dan itu tanggungjawab Ahli Parlimen Yang Berhormat bagi Pendang untuk menasihatkan orang di Pendang jangan mencemarkan sungai.

Tuan Pengerusi, seterusnya ini ada Sungai Pinang di Pulau Pinang, ia tidak melibatkan Sungai Juru. Ada projek pembersihan dan rawatan air Sungai Pinang bukan Juru. Itu baik jugalah.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat tidak tahu apa masalah yang dihadapi oleh Sungai Pendang, Yang Berhormat tidak tahukan?

Dr. Tan Seng Giaw: Pendang, dia memang ada masalah, kalau tidak ada masalah tidak bangun dia sebab saya dengarlah itu.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Dengar sahajalah Yang Berhormat, Yang Berhormat tidak pergilah..

Dr. Tan Seng Giaw: Ya, ya. Saya ada dengarlah semakin hari sungai-sungai di situ pun tercemar juga. Tuan Pengerusi, mengenai projek pembersihan rawatan Sungai Pinang ini, memang satu perkara yang baiklah dan saya berharap Yang Berhormat Menteri dapat menjawab bilakah kerja pembersihan dan rawatan air Sungai Pinang ini boleh disiapkan dan jumlah perbelanjaan yang diperlukan untuk projek ini. Ada dua projek di sini, saya alu-alukanlah kerana kita perlu buat demikian. Selain daripada itu, saya berharaplah dengan akhirnya projek-projek seumpama ini dilaksanakan di lain-lain tempat termasuklah yang saya sebutkan tadi di Sungai Langat, Sungai Klang, Sungai Juru dan juga Sungai Keroh dan Sungai Jinjang, di kawasan saya. Saya pun berharap kawasan Yang Berhormat Tuan Pengerusi pun dapat projek-projek untuk membersihkan sungai. Ada sungai atau tidak?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ada.

Dr. Tan Seng Giaw: Ada, mesti ada. Sungai Muar pun kotor sekali. *[Disampuk]* Di Johor, sekarang ia sudah membangun dan kilang-kilang itu tidak mengikut peraturan yang tertentu.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, boleh cadangkan hendak tambah peruntukan untuk Kulai bersihkan sungailah. *[Disampuk]*

Dr. Tan Seng Giaw: Untuk Kulaikah? Saya akan mencadangkan jugalah. Saya berharap cadangan saya untuk menambahkan peruntukan mengadakan projek-projek termasuklah di Kulai juga dan di Pendang. Sekian sahajalah, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak ada lainkah, Yang Berhormat?

Dr. Tan Seng Giaw: Hah?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak ada.

Seorang Ahli: Baganlah, Baganlah.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Bagan tadi tidak bangun.

Seorang Ahli: Sekarang bangun, bolehlah.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Satu orang lima minitlah, Bagan, Baganlah.

Tuan Lim Hock Seng: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya menyentuh Maksud P.23. iaitu di bawah butiran 4.4 – RM20 juta diperuntukkan untuk kerja-kerja mengindahkan sungai Melaka. Saya difahamkan bahawa sungai Melaka kini sedang dibina waterfront. Bukan sahaja RM20 juta ini, sebelum ini pun telah banyak diperuntukkan. Saya ingin menanya berapa jumlah keseluruhannya untuk kerja-kerja pengindahan Sungai Melaka ini.

Dan saya pernah pergi ke Melaka, dan saya mendapati *waterfront*nya agak cantik dan indah, tetapi saya juga cemburu kerana mengapa Melaka, mengapa Kuching, mengapa Kota Kinabalu, semua-semua ini ada *waterfront*. Tetapi di Pulau Pinang satu pun tidak ada. Ini bukannya sesuatu yang berat sebelah? Kalau hendak diperuntukkan dengan wang Persekutuan pada negeri-negeri untuk mengindahkan sungai-sungai, maka semua negeri-negeri perlu...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Jasin bangun.

Tuan Lim Hock Seng: Semua negeri perlu juga mendapat peruntukan yang sama supaya kesemua negeri dapat mengadakan *waterfront* dan mengindahkan tempat itu.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat ini sebahagian sahaja, sebahagian sahaja peruntukan.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Ini Tuan Pengerusi, terima kasih sahabat saya daripada Bagan. Janganlah iri hati dekat Melaka. Melaka apa ada? Bukit sudah bagi Cina, Tanjong dah bagi Keling. [Ketawa] Yang sungai saja, Tuan Pengerusi tinggal lagi Melaka ini.

Seorang Ahli: Kasi siapa? [Bercakap tanpa pembesar suara]. [Ketawa]

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Dan sungai yang Melaka kita nak buat ni Bagan, akan menjadi *Venice of the East*! Aaah..

Beberapa Ahli: [Menyampuk]

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Jadi, kalau nak buat kat Penang, kat mana hendak ini..?

Seorang Ahli: [Menyampuk]

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Hendak jadi apa tu Penang, kalau Melaka dah ambil *venice*, Penang nak ambil apa?

Seorang Ahli: [Menyampuk]

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Janganlah marah sangat kepada Melaka. Hanya Melaka tidak ada apa, Tuan Pengerusi, kita harapkan hasil pelancong, Penang macam-macam ada, Silicon Valley ada dekat Penang, kat Melaka ini pelancong sahaja, dan kita berharap dengan peruntukan yang besar kepada kerajaan untuk mengindahkan Sungai Melaka ini, pelancong-pelancong akan datang ke Melaka. Apabila dia datang ke Melaka, seolah-olah dia melawat *the whole of Malaysia*. Terima kasih Yang Berhormat bagi Bagan.

Tuan Lim Hock Seng: Terima kasih. Tadi saya ada kata, kerja-kerja pengindahan itu membawa Sungai Melaka kepada satu destinasi yang indah dan cantik kerana saya telah pergi tengok juga. Tetapi saya rasa, mengapa ia diberi dan negeri-negeri lain tidak ada. Kalau mungkin Bukit Cina, Tanjung Keling, sungai apa? Sungai Melaka. Dan kalau Pulau Pinang sekarang telah dalam keadaan tenat, Indah Street Tourism, industri sudah jadi tenat, tidak ada tempat baru. Yang lama-lama itu semua sudah jadi usang. Dan kami minta supaya peruntukan juga boleh disalurkan kepada

negeri kita. Tadi Yang Berhormat bagi Jasin juga tanya, Penang hendak jadi apa? Penang hendak jadi *Pearl of the Orient*. Sekarang itu pearl itu sudah jadi mati.

Puan Chong Eng: Sangat kotor!

Tuan Lim Hock Seng: ... itu sudah jadi sungai mati. Dan inilah Sungai Pinang. Sungai Pinang kalau tidak salah saya pada 10 tahun, 15 tahun dalam Dewan Undangan Negeri pun pernah ada projek ini. Dan dalam Dewan yang mulia ini pun ada peruntukan untuk diberi kepada Sungai Pinang. Tetapi setakat ini, air yang mengalir dari Sungai Pinang mengalir ke laut sudah macam dakwah, hitam sahaja. Hitam! Tapi telah berpuluh-puluh juta belanja, masih menjadi 'dakwe' hitam..

Seorang Ahli: Dakwat!

Tuan Lim Hock Seng: Dakwah.

Seorang Ahli: [Ketawa]

Tuan Lim Hock Seng: Jadi apa kerja-kerja itu, sia-sia saja wang itu. Saya masih ingat, ada seorang Ahli Exco Pulau Pinang, beliau kata sebab ia kawasan Sungai Pinang. Dia kata, saya *adopt* Sungai Pinang untuk dijadikan satu sungai yang hidup, sekarang Sungai Pinang ini sudah mati. Dia kata, saya *adopt*, tetapi Ahli Exco ini sudah lama pun tidak ada di Pulau Pinang.

Seorang Ahli: Mati juga?

Tuan Lim Hock Seng: Dan dia mati juga. Sungai juga mati sekali. [Ketawa] Baik, saya minta kementerian memberitahu bilakah projek pembersihan dan rawatan Sungai Pinang ini dimulakan? Bila? Sejak bila? Dan setakat ini berapa banyak wang sudah dibelanjakan dan bila ia akan disiapkan? Dan saya berharap wang yang berjuta-juta ini, berpuluh-puluh juta ini bukan sia-sia sahaja kerana kita memang tengoklah *budget* tambahan berapa ratus juta, berapa milion, bilion, tetapi hasilnya sama ada telah mencapai matlamat-matlamat atau tidak.

Jadi antara salah satu masalah di Sungai Pinang ini adalah setinggan-setinggan di tepi-tepi sungai ini, di tebing sungai ini. Saya melalui Sungai Pinang ini dan mendapati banyak rumah setinggan dibina di tebing-tebing sungai. Dan sekiranya setinggan-setinggan ini tidak dipindah dan diperuntukkan rumah-rumah yang lain, bagaimana kerja-kerja pembersihan hendak dijalankan? *Tractor* pun sudah hendak masuk ke tebing sungai, sudah cuci di sini, orang lagi buang sampah-sampah! Bukan sampah-smpah sahaja, kalau pergi sana tanya mana tandas? Oh, tandas di atas sungailah! [Ketawa]. Jadi sini buang, sana bersih, sini buang, sana bersih, sana bersih, sini buang, sampai bila?

Seorang Ahli: Sampai pagi..

Tuan Lim Hock Seng: Ha, ikan memang tidak hidup. Pada masa dahulu, kami boleh pergi tangkap ikan di Sungai Pinang. *Peacock, peacock, peacock*. [Ketawa] Ikan *peacock*, sekarang ikan *peacock* pun tidak ada! Jadi, yang mustahaknya, peruntukan bukan sahaja perlu untuk membersihkan sungai, tetapi yang penting sekali ialah peruntukan diberi untuk membina rumah-rumah yang mampu dibeli oleh setinggan-setinggan. Ini selepas memindahkan setinggan-setinggan di tebing sungai, barulah kerja-kerja pembersihan dan rawatan Sungai Pinang ini dapat berkesan. Sekian sahaja.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Tanjong, Sungai Pinang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Kepong, Yang Berhormat bagi Bagan, apa lagi? [Ketawa].

Tuan Chow Kon Yeow: Sebenarnya mereka ...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Bersetuju dengan pandangan mereka?

Tuan Chow Kon Yeow: Bukan, tidak haruslah sebab projek ini di kawasan saya. Saya layak untuk membahar.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah.

Tuan Chow Kon Yeow: Yang dia di Kepong, yang dia di Bagan..

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Mereka tidak fahamlah..

Puan Chong Eng: *[Menyampuk]*.

Tuan Chow Kon Yeow: Tetapi saya menyambut baiklah keprihatinan mereka ini terhadap projek ini. *[Menyampuk]*.

Tuan Lim Hock Seng: Tetapi sekolah saya di tepi Sungai Pinang.

Tuan Chow Kon Yeow: Oh..

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Tuan Lim Hock Seng: Sekolah, sekolah..

Tuan Chow Kon Yeow: Saya ingin tahu dari kementerian, saya rasa projek ini memang tergendala buat satu tempoh yang agak lama, boleh dikatakan apabila projek ini diluluskan, ia membawa harapan kepada penduduk bahawa akhirnya Sungai Pinang yang tercemar itu dapat dibersihkan dan dapat dirawat dengan peruntukan yang begitu besar itu. Tetapi apa yang selalu kita memperhatikan sebagai wakil rakyat berdekatan dengan Sungai Pinang itu, papan-papan tanda yang didirikan untuk projek ini sudah didirikan sejak tahun 2003 dan apabila peruntukan ini dipindahkan dari Kementerian Pelancongan kepada Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, kita nampak pindaan-pindaan dibuat terhadap papan-papan tanda itu. Itu sahajalah yang kami perhatikan kerja-kerja yang berjalan.

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Chow Kon Yeow: Tukar papan-papan tanda sahaja. Tetapi kerja-kerja sebenar untuk membersihkan, merawat dan juga memindah setinggan-setinggan yang berada di tebing-tebing sungai itu dikatakan amat sulit. Jadi saya berharap dengan projek ini dipindahkan kepada Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, projek pembersihan dan rawatan air Sungai Pinang ini dapat dihabiskan. Sepatutnya mengikut papan-papan tanda projek itu, projek ini harus disiapkan pada bulan Disember tahun ini. Tetapi saya rasa, tak sampai 10% atau 20% kerja sudah disiapkan. Jadi saya berharap kementerian yang berkenaan dapatlah mengambil usaha yang lebih dan mengarahkan JPS Negeri untuk mempergiatkan lagi pelaksanaan projek pembersihan dan rawatan air Sungai Pinang. Sekian.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya.... sebelum itu saya kena minta menteri jawab. *[Ketawa]*

12.30 tgh.

Setiausaha Parlimen Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar [Tuan Samzi bin Miah]: Tuan Pengerusi, terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Kepong, Yang Berhormat bagi Tanjong dan juga Yang Berhormat bagi Bagan kerana membahaskan mengenai dengan Perbekalan Tambahan berkenaan dengan pengindahan Sungai Melaka Fasa 2 dan juga projek pembersihan dan rawatan air Sungai Pinang.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat, projek ini dilakukan secara bersepadu bagi pengindahan Sungai Melaka, bersamaan dengan kerajaan negeri, di mana apabila ada cadangan untuk mengadakan *waterfront* dan sebagainya, ia adalah inisiatif daripada kerajaan negeri itu sendiri. Seperti Pulau Pinang yang tidak ada, saya harapkan sekiranya kerajaan negeri berhasrat untuk mengadakan *waterfront* dan sebagainya, bolehlah mencadangkan kepada Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Pelancongan ataupun kementerian kami sendiri di dalam mengadakan cadangan tersebut.

Bagi pihak kementerian, sememangnya di dalam kita menjaga kebersihan dan juga sungai tersebut daripada menjadi mati dan sebagainya, orang ramai perlu memainkan peranan utama di dalam menjaga alam sekitar kita. Seperti Yang Berhormat bagi Bagan kata tadi, apa yang terjadi sekarang ialah "sana buang, sini bersih, sana buang sini bersih". Oleh itu, pihak kementerian sememangnya mengadakan banyak program-program untuk memberi penerangan dan juga mendidik mereka, terutamanya penduduk-penduduk berdekatan dengan sungai, supaya menjaga sungai tersebut.

Walau bagaimanapun, kadang-kadang kerjasama daripada pihak kerajaan tempatan adalah amat penting, seperti masalah setinggan yang kita hadapi di Sungai Pinang. Di dalam usaha kita hendak membersihkan sungai tersebut, kita terpaksa

berhadapan dengan pihak orang-orang kampung dan sebagainya. Ini adalah manusia, kita tidak berdepan dengan mesin ataupun dengan binatang.

Manusia ini susah sikitlah. Itulah yang menyebabkan banyak kerja-kerja tidak dapat dilaksanakan. Apabila ada jentera-jentera yang masuk, hendak cuci sungai dan sebagainya disekat. Kita pun tidak boleh hendak marah kepada merekalah. Saya harap pihak kerajaan tempatan dapat membantu kita di dalam memindahkan setinggan tersebut sebab itu bukan di luar bidang kerja kita. Kita cuma mendapat peruntukan kontrak untuk membersihkan sungai dan perpindahan setinggan dan sebagainya.....

Dr. Mohd. Hayati bin Othman: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Pendang bangun.

Dr. Mohd. Hayati bin Othman: Terima kasih Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Berhubung dengan setinggan, saya rasa ada kawasan-kawasan yang bukan hanya setinggan yang duduk di tepi sungai. Kebanyakan macam saya lihat di tempat saya, kilang-kilang haram, ada kadang-kadang. JPS ataupun MADA agak sukar untuk membersihkan sungai kerana ada macam kilang-kilang yang memproses benda-benda yang tidak mendapat kelulusan ini banyak yang dibuat di tepi-tepi sungai. Jadi apakah pandangan daripada Yang Berhormat untuk menghadapi masalah macam ini?

Tuan Sazmi bin Miah: Cuba ulang sekali lagi, saya kurang faham.

Beberapa Ahli: [Menyampuk]

Dr. Mohd. Hayati bin Othman: Kilang-kilang haram di tepi sungai.

Tuan Sazmi bin Miah: Itu pun memang menjadi masalah kita juga. Kilang-kilang yang berlesen kita boleh saman. Kilang-kilang haram, kita hendak saman atas apa sebenarnya? Itu masalahnya. Ini sepatutnya, penguatkuasaan dilakukan oleh pihak berkuasa tempatan. Tetapi *discharge* daripada kilang itu sememangnya kita selalu pantau dan tengok *affluence* yang keluar daripada kilang-kilang tersebut. Apabila dia haram, dia tidak ada lesen, dia tidak ada syarikat dan sebagainya, bagi pihak kementerian, kita bertindak atas Akta Alam Sekitar tahun 1974.

Jadi kalau kilang ini tidak haram, kita boleh saman. Kilang ini haram siapa yang kita hendak saman? Itu masalah. Tetapi untuk tutup kilang tersebut, pihak berkuasa tempatan. Ini sepatutnya dilakukan oleh pihak berkuasa tempatan dari masa ke semasa. Untuk pembersihan Sungai Pinang tersebut, perbelanjaan memerlukan sebanyak RM25 juta. Itu sebanyak RM4 juta untuk kajian dan juga pembinaan sebanyak RM21 juta. Dianggarkan akan siap pada bulan Disember 2006 iaitu lebih kurang setahun lewat daripada jadual asal.

Yang Berhormat bagi Pendang juga bertanya apakah peruntukan ini melibatkan Sungai Juru? Bagi peruntukan Sungai Pinang, ia tidak melibatkan Sungai Juru, ia hanya melibatkan tiga kilometer Sungai Pinang di bahagian kuala sahaja untuk fasa yang ini.

Yang Berhormat bagi Kepong bertanya apakah kaedah yang digunakan untuk membersihkan sungai-sungai ini - Sungai Melaka. Kaedah yang kita lakukan untuk pembersihan sungai tersebut ialah dengan kaedah yang pertama iaitu penstabilan tebing-tebing sungai dan merawat air kumbahan, mengadakan perangkap-perangkap sampah, juga mengorek dasar sungai lebih dalam lagi dan menyediakan lencongan terhadap sungai tersebut. Untuk Sungai Melaka ini, ia melibatkan tiga fasa dan ia dijangka siap pada akhir Rancangan Malaysia Kesembilan.

Yang Berhormat bagi Kepong juga bertanya bila rawatan dan pembersihan Sungai Pinang akan siap? Ini saya sudah cakap tadi. Sungai Langat, Sungai Jinjang semua, kebanyakan sungai-sungai yang kita kenal pasti sebagai sungai yang tercemar kita akan adakan satu program di mana kita panggil "Satu Sungai Satu Negeri" di mana kita kenal pasti satu sungai yang paling tercemar di setiap negeri untuk dijadikan sebagai sungai angkat di mana kita akan adakan program pembersihan dan juga rawatan bagi setiap negeri tersebut. Untuk sungai-sungai yang telah dinamakan seperti Sungai Langat dan sebagainya, ianya akan dimasukkan dalam projek-projek Rancangan Malaysia Kesembilan nanti.

Tuan Baharum bin Mohamed: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Sekijang.

Tuan Baharum bin Mohamed: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak tanya tentang Program "Satu Negeri Satu Sungai" untuk "sungai angkat" ini. sebab saya berpendapat kalau "Satu Negeri Satu Sungai" diangkat, dibuat anak angkat, yang ini tidak memberikan satu gambaran yang menyeluruh sebab ada negeri yang besar di dalam Malaysia dan ada negeri yang kecil. Ada negeri yang mempunyai banyak sungai dan ada negeri yang tidak mempunyai sungai.

Jadi kalau hendak dibuat "Satu Negeri Satu Sungai" yang diangkat ini, saya rasa Kementerian harus memikirkan semula kerana ada di antara negeri-negeri yang mempunyai banyak sungai, yang tercemar yang mana sungai ini bukan sahaja untuk kita beriadah tetapi juga yang lebih penting ia merupakan sumber atau sebagai punca air untuk manusia ataupun untuk negara kita. Terima kasih.

Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, saya hendak sambung sikit mengenai dengan sungai-sungai ini. Saya ingin tahu Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, mengenai dengan Sungai Kelantan yang agak lama, telah dibina di Pasir Pekan dan masih belum siap. Saya telah ditanya.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ini perkara spesifik.

Tuan Mohamed Razali bin Che Mamat: Ini spesifik dengan fasal sungai tadi, ya. Jadi kita hendak tahu adakah ini kerajaan negeri ataupun Kerajaan Persekutuan? Terima kasih.

Tuan Sazmi bin Miah: Yang Berhormat bagi Sekijang tadi, sememangnya kita tahu, kita sudah kenal pasti dalam lima buah sungai yang paling tercemar di Malaysia dan sungai-sungai ini memang dalam Rancangan Malaysia Kesembilan akan dimasukkan di dalam program rawatan dan pembersihan sungai tersebut. Tetapi yang program "Satu Sungai Satu Negeri" ini adalah program perintis di mana kita akan membuat satu jawatankuasa yang terdiri daripada semua lapisan masyarakat terutama yang tinggal di lembangan sungai tersebut. Agensi-agensi kerajaan tempatan, agensi-agensi Kerajaan Pusat, sektor swasta dan juga badan bukan kerajaan untuk bekerjasama secara bersepadu untuk memulihkan dan menjaga sungai tersebut daripada tercemar.

Dan model ini kebanyakannya didapati di negara-negara Eropah, dan juga Jepun ataupun Korea di mana badan-badan NGO penduduk setempat memainkan peranan yang besar dalam menjaga lembangan sungai tersebut dari tercemar dan seterusnya memulihara keadaan sungai tersebut. Ini lain daripada pemulihan sungai-sungai yang telah tercemar.

Bagi Yang Berhormat bagi Kuala Krai berhubung dengan isu yang dibangkitkan, saya sebenarnya tidak ada maklumat berkenaan dengan Sungai Kelantan itu. Yang saya tahu bila musim hujan Sungai Kelantan ini ia berubah warna (*colour*) kerana pembalakan yang berleluasa di Hulu Kelantan, tetapi apabila musim kemarau sungai itu menjadi jernih balikhlah. Jadi kita tahulah punca sebenarnya. Bagi Rancangan Malaysia Kesembilan pihak.....

Dr. Mohd. Hayati bin Othman: [Bangun]

Dr. Tan Seng Giaw: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Pendang.

Dr. Mohd. Hayati bin Othman: Terima kasih Tuan Pengerusi.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, saya atau Pendang?

Tuan Sazmi bin Miah: Pendang, Pendang, Pendang.

Dr. Mohd. Hayati bin Othman: Pendang. Terima kasih Setiausaha Parlimen. Saya hendak tanya tentang "satu negeri satu sungai" tadi adakah sungai itu sendiri ataupun anak-anak sungai yang mengalir ke sungai yang tersebut yang dipilih sebagai anak angkat tadi ini. Sebab di kawasan MADA selalunya ada banyak anak-anak sungai yang masuk ke dalam sungai besar itu, jadi adakah anak-anak sungai ini termasuk dalam peliharaan yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat tadi? Terima kasih.

Tuan Sazmi bin Miah: Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, bolehkah Yang Berhormat terangkan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan dan juga Rancangan Malaysia Kelapan sekarang yang akan berakhir daripada tahun ini, apakah perancangan untuk Sungai Klang misalnya. Saya dengar tadi ada rancangan untuk membersihkan Sungai Klang. Kenyataan seumpama itu sudah dibuat beberapa kali. Dan sekarang apakah rancangan sebenar untuk membersihkan semua sungai di dalam Wilayah Persekutuan kita ini.

Tuan Sazmi bin Miah: Terima kasih Pendang. Apabila kita bercakap berkenaan dengan lembangan sungai kita harus faham bahawa ia adalah satu sistem sungai di mana termasuk dengan anak-anak sungai dan punca-punca air yang mengalir ke dalam sungai yang besar tersebut. Jadi apa yang kita cadangkan ialah cuma sungai yang besar tersebut dahulu. Maksudnya sungai yang mengalir ke sungai yang besar. Sistem ini dinamakan lembangan yang terdiri dari beratus sungai-sungai kecil yang akan menjadikan satu lembangan, tetapi yang kita cuba lakukan pada Rancangan Malaysia Kesembilan ini ialah sungai yang besar tersebut dahulu daripada peringkat pertama.

Bagi soalan Yang Berhormat bagi Kepong di mana dia kata kita berjanji hendak buat dan sebagainya, ingin saya nyatakan di sini ianya termasuk dalam lembangan sungai seperti mana yang saya cakapkan tadi. Kita tidak boleh sahaja hendak bersihkan sungai ini katakanlah daripada Sungai Gombak sampai ke Sungai Klang ataupun Sungai Gombak sampai ke punca air. Kita kena lihat ia sebagai sebuah lempangan sungai. Maksudnya apa yang dibuat dalam Rancangan Malaysia Kelapan, kalau Yang Berhormat Kepong tidak tahu kita telah pun mengadakan beberapa pakej pengindahan dan juga pembersihan Sungai Klang bermula daripada Gombak sampai ke kuala di sana, cuma ada permasalahan dari segi setingan, kilang-kilang dan sebagainya. Kerja-kerja ini masih lagi berjalan di mana kita masih ada lagi tiga atau empat pakej tender yang belum diberi.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, ini satu cerita yang malang. Yang Berhormat, ini bukan kesalahan Yang Berhormat. Mungkin Yang Berhormat pun tahu lebih 20 tahun rancangan itu. Saya pun ingat Rancangan Malaysia lima tahun sahaja setiap kali. Ini lebih 20 tahun, pakej demi pakej, daripada Hulu Sungai Gombak kepada muara Sungai Klang, 4 pakej selama 20 tahun tidak boleh siap. Saya tidak tahulah projek seperti mana yang memerlukan dua dekad. Bolehkah Yang Berhormat terangkan macam mana kita perlukan masa yang begitu panjang. Adakah ini satu projek khas seperti kita hendak buat piramid 20 atau 30 tahun, itu biasalah. Ini hendak bersihkan sungai sahaja lebih dua dekad. Apakah masalahnya? Seolah-olah setingan itu 20 tahun tidak boleh dibersihkan. Walhal kita mengisytiharkan kita hendak mensifarkan setingan pada tahun 2000 lagi. *[Ketawa]*

Tuan Sazmi bin Miah: Yang Berhormat Kepong, itulah yang saya cakapkan tadi masalah manusia, bukan masalah binatang atau masalah mesin dan sebagainya. Jadi apabila manusia terpaksa mengikut kaedah cara manusia menguruskan masalah masing-masing dan kita di pihak kerajaan memang mempunyai perancangan. Tetapi seperti Yang Berhormat Bagan cakap sana buang sini cuci, sana buang sini cuci, jadi ianya bersepadu, kita terpaksa memberi penerangan dan membuat kempen-kempen supaya penduduk tidak membina rumah membelakangkan sungai, supaya penduduk bina rumah mendepankan sungai dan sebagainya, 'Cintailah Sungai Kita' yang kita buat kempen daripada tahun 1993 lagi. Tetapi nampaknya benda ini kurang berkesan. Jadi ...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Pasir Mas.

Tuan Sazmi bin Miah: Pasir Mas, sungai Pasir Mas ke sungai apa?

Tuan Haji Ismail bin Noh: Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Saya tertarik masalah pembersihan sungai. Saya hendak tarik perhatian kita semua bahawa sungai ini adalah pemberian Allah S.W.T. kepada kita makhluk yang bernama manusia supaya manusia dapat

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat hendak kempen

Tuan Haji Ismail bin Noh: Sikit, sedikit sahaja.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Saya rasa tak payahlah.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Sepatutnya kebersihan sungai ini dijaga oleh semua pihak. Apa yang saya lihat bahawa kita tidak ada pendidikan kepada rakyat kita tentang sayang dan kasih pada sungai. Kurang pendidikan kepada pengawalan kebersihan terhadap sungai. Ini menjadikan sungai-sungai di negara kita ini terlalu buruk, wajahnya sudah hilang daripada asalnya kepada sungai memberikan suatu yang terbaik kepada manusia. Di Timur Tengah airnya payah. Saya lihat Sungai Nil di Kaherah, Mesir di mana ia dijaga dengan begitu terkawal sekali. Airnya dan saliran airnya sehingga ia dimanfaatkan oleh bukan sahaja untuk kegunaan pertanian tetapi dimanfaatkan untuk kebersihan sampai ke kampung-kampung. Airnya masih berwarna elok, kebersihannya juga kawal.

Bila kembali ke negara kita ini kita melihat sungainya begitu banyak. Di Mesir hanya ada satu batang sungai sahaja daripada Sudan ke Egypt terus ke muara ada satu sungai. Di negara kita ini ada berbelas-belas sungai tetapi satu sungai pun tidak terjaga. Hendak jaga benda-benda lain, apa lagi hendak jaga sungai pun tidak boleh. Jadi bagaimana pandangan Yang Berhormat untuk kita jaga sungai kita dan sekali gus untuk rakyat kita diberi pendidikan supaya kasih sayang dan sekali gus mengambil tanggungjawab masing-masing jaga sungai.

Sungai Kelantan tidak kotor sebenarnya. Saya tidak melihat sampah sarap di Sungai Kelantan, cumanya air keruh itu musim, berubah musim, musim hujan mestilah sungai ini berubah warnanya. Tetapi kalau tidak musim hujan, tidak musim banjir Sungai Kelantan akan menjadi bersih sebagai mana biasa. Tetapi saya melihat sungai-sungai lain dengan kekotoran, dengan najis dan bangkai-bangkainya penuh yang berlaku dan sebagai macam tidak ada penguatkuasaan daripada pihak-pihak berkaitan. Sekian, terima kasih.

Tuan Sazmi bin Miah: Saya bersetuju dengan Yang Berhormat berkenaan dengan kita patut mengurus, tadbir dan menjaga sungai kita. Saya harap ianya bermula di negeri Kelantan dan Yang Berhormat sekali sama-sama menjayakan benda ini. Kita di pihak kerajaan pun sama. Ingat kita tak suka ke lihat sungai kita bersih. Kita buat, dan untuk pengetahuan Yang Berhormat satu lembangan sungai di Dok Lukoh. Satu lembangan sungai untuk kita bersihkan akan memakan belanja lebih kurang RM2 bilion hingga RM3 bilion dan kita ada 189 lembangan sungai di Malaysia di mana 9 atau 10 lembangan yang didapati tercemar dan kalau kita kali dengan 9 lembangan sungai ini kita memerlukan dalam RM18 bilion atau RM20 bilion untuk membersihkan.

Tetapi apabila sana buang sini cuci, sana buang sini cuci itu masalah kita, jadi saya harap kita sebagai rakyat Malaysia perlu memainkan peranan sama-sama berperanan mencuci dan menjaga sungai kita.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob: [Bangun]

Dr. Tan Seng Giaw: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat ada dua Ahli Yang Berhormat bangun, Yang Berhormat Bera dan Yang Berhormat Kepong.

Tuan Sazmi bin Miah: Yang Berhormat Kepong cukuplah, bagi Yang Berhormat Bera.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob: Terima kasih, saya cuma hendak tanya, setahu kita pihak kementerian ada membuat kempen tentang penjagaan sungai dan sebagainya. Jadi sejauh manakah keberkesanan kempen untuk menyayangi sungai ini, kebersihan sungai dan berapa setakat ini jumlah yang dibelanjakan untuk kempen kebersihan sungai ini?

Tuan Sazmi bin Miah: Jumlah itu saya tidak ada sekarang ini, tetapi saya boleh bagilah lepas pada ini. Sebenarnya kempen ini dia seperti kempen rokok "Tak Nak", kita hendak *gage* ataupun hendak *benchmarkkan*, sama ada dia berjaya ataupun tidak, apa yang kita buat ialah peningkatan mutu ataupun kualiti air daripada sungai-sungai yang kita pantau.

Buat masa sekarang ini Jabatan Alam Sekitar memantau 120 lembangan sungai, daripada 189 tersebut tadi kita dapati penurunan dari segi pencemaran daripada tahun 2000 hingga 2004 amat ketara sekali. Pada tahun 2000 kita ada lebih kurang 12 sungai yang tercemar dan pada tahun lepas kita hanya ada 9.

Datuk Bung Moktar bin Radin: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Kinabatangan.

Tuan Sazmi bin Miah: Terima kasih.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Saya terlebih dahulu ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat sebab baru-baru ini beliau telah turun ke Kinabatangan, melawat Sungai Kinabatangan dan beberapa buah kilang dan telah mengajak saya, tetapi saya kebetulan tidak berada di situ pada masa itu. Terima kasih di atas keprihatinan Yang Berhormat.

Persoalan yang ingin saya kemukakan, daripada tinjauan Yang Berhormat memang mungkin terdapat sedikit pencemaran di Sungai Kinabatangan. Jadi apakah cadangan daripada kementerian untuk kita memastikan bahawa sungai itu dapat dipelihara secara jangka panjang, dan bagaimanakah kriteria dia untuk mewujudkan satu jawatankuasa untuk memastikan Sungai Kinabatangan ini yang nombor dua terpanjang di negara kita ini dapat diselia, dan dipantau akan kebersihannya dari masa ke semasa?

Tuan Sazmi bin Miah: Terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan, ya memang saya pergi, saya tengok di Sungai Kinabatangan itu ada pencemaran sedikitlah dari segi bahan terampai atau mendapan.

Apa yang saya cadangkan ialah penubuhan jawatankuasa lembangan sungai tersebut dianggotai oleh *all the state holders*, dengan izin yang mempunyai kepentingan di dalam lembangan sungai tersebut termasuklah Ahli Majlis Kerajaan Tempatan, Ahli-ahli Parlimen, pekilang-pekilang yang melepaskan sisa-sisa kumbahan ke dalam sungai tersebut, peladang-peladang kelapa sawit yang *one of the best place* untuk ladang kelapa sawit di Kinabatangan daripada hulu sungai sampailah ke hiliran sungai, dan juga dianggotai oleh jawatankuasa-jawatankuasa, NGO yang menjaga *wildlife*, sungai dan sebagainya.

Daripada situ kita juga boleh bermula dengan penduduk tempatan sebagai ketua-ketua JKK yang tinggal di sekitar lembangan sungai tersebut, dan apabila jawatankuasa ini ditubuhkan boleh digubal garis panduan dan sebagainya, boleh diangkatkan juga sebahagian sungai-sungai tersebut untuk tujuan eko-pelancongan, tujuan menternak *aquaculture* dan sebagainya....

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Rantau Panjang.

Tuan Sazmi bin Miah:dan saya yakin di Kinabatangan boleh dijadikan sebagai contoh, satu jawatankuasa lembangan sungai untuk menjaga kepentingan sungai tersebut.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Saya tertarik tentang kajian lembangan sungai, kajian demi kajian tentang lembangan sungai ini. Saya hendak menarik perhatian kepada kajian lembangan sungai Kelantan ataupun *Kelantan River Basin Study* dan Sungai Golok, *Golok River Basin Study* yang telah dibuat oleh satu syarikat daripada New Zealand yang pendek namanya ialah 'ENEC' yang dibuat tahun 1978 waktu Kerajaan Barisan Nasional memerintah Kelantan dahulu.

Apakah keputusan ataupun hasil kajian yang dibuat oleh kedua-dua lembangan sungai tersebut? Dan apa tindakan susulan yang dibuat oleh kerajaan, yang dicadangkan oleh 'ENEC', salah satu syarikat yang saya sebutkan tadi untuk sama-sama kita majukan kedua-dua lembangan sungai tersebut?

Tuan Sazmi bin Miah: Itu sudah keluar tajuk jauh itu, itu cerita masa kita memerintah dahulu kita hendak buatlah, tetapi orang ambil kita pun tidak buatlah lagu ini.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob: [Bangun]

Tuan Sazmi bin Miah: Susah hendak berbincang, jadi saya hendak jawab yang Yang Berhormat Bagan tadi berkenaan dengan.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Bera bangun.

Tuan Sazmi bin Miah: Oh, Yang Berhormat Bera, Yang Berhormat Bera ok.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob: Terima kasih Setiausaha Parlimen, ada Tasek Bera. Saya tertarik dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen mengenai pencemaran daripada kilang-kilang dan sebagainya, dan di tempat saya juga menghadapi masalah pencemaran ekoran daripada kilang-kilang mengeluarkan sisa-sisa dan sebagainya.

Tetapi alasan biasanya yang digunakan adalah, pihak kementerian tidak mempunyai cukup penguat kuasa untuk mengawal, jadi saya hendak tanya dari segi kekuatan anggota ini, dari segi *average* setiap daerah berapa ramaikah anggota penguat kuasa yang ada? Dan setakat ini.....

Puan Teresa Kok Suh Sim: Tuan Pengerusi....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ya?

Puan Teresa Kok Suh Sim: *Point of order.*

Seorang Ahli: Ha?

Puan Teresa Kok Suh Sim: *Point of order.*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Duduk dahulu.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Terima kasih. Tuan Pengerusi, saya ingin membuat bantahan keras tentang jawapan yang saya terima pada 27....

Datuk Bung Moktar bin Radin: Baca dahulu *point of order* mana?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ya, mana satu?

Puan Teresa Kok Suh Sim: Ini, ini, 26(1)(p), tentang 26 September soalan yang diberi kepada saya oleh Timbalan Menteri Kewangan tentang 20 syarikat, *market capitalization*, 20 syarikat yang terbaik di Bursa Saham Malaysia dan apa yang saya dapati ialah jawapan yang saya terima di sini, adalah berlainan dengan apa jawapan yang disiarkan di semua media semalam.

Yang mana jawapan yang saya terima itu yang hanya beri saya peratusan saham pegangan bumiputera, bukan bumiputera dan juga asing tanpa Khazanah *Holdings*. Tetapi di dalam jawapan yang diberi oleh Kementerian Kewangan kepada pihak media adalah dimasukkan Khazanah *Holdings*, dan saya dapati terdapatnya penipuan di mana pegangan saham oleh Khazanah *Holdings* dimasukkan dalam golongan bukan bumiputera.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Ini menjadikan pegangan saham bukan bumiputera di 20 syarikat terbesar ini dinaikkan, jadi saya rasa ini adalah satu penipuan yang mana harus diambil tindakan Tuan Pengerusi...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, Yang Berhormat, bila Yang Berhormat mendapat jawapan itu?

Puan Teresa Kok Suh Sim: Saya dapat jawapan, 26 September 2005, yang *report* itu disiarkan pada 27 September.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Saya rasa ini adalah satu kesalahan yang *intention*, penipuan yang ada bukti.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Jadi Yang Berhormat, dalam hubungan ini saya tidak akan bersetuju dengan cadangan-cadangan untuk peruntukan Peraturan Mesyuarat 26(1)(p) itu. Maka dengan ini saya, Yang Berhormat hendak rujuk kepada seseorang ahli kepada jawatankuasa menggunakan Peraturan Mesyuarat 26(1)(p). Peruntukan ini boleh digunakan hanya serta-merta pada kejadian itu dan sekarang ini....

Puan Teresa Kok Suh Sim: Saya tidak tahu.

Seorang Ahli: Nanti macam mana menteri hendak jawab?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, tidak tahu itu.....

Beberapa Ahli: *[Menyampuk] [Bersorak]*

Cik Fong Po Kuan: Ini penipuan mana tahu lepas baru tahu.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, baik ini keputusan saya akan buat, Yang Berhormat dapatkan jawapan pada 26 hari bulan, surat khabar yang dikeluarkan pada 27. Jadi keputusan saya peruntukan ini tidak terpakai.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Apa?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak terpakai.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Jadi apa peruntukan, macam mana yang kalau menteri tipu Ahli Yang Berhormat di Dewan, cakap bohong di Dewan.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ini Yang Berhormat saya ingin maklumkan kita ada peruntukan yang lain untuk Yang Berhormat membuat.....

Cik Fong Po Kuan: Apa, apa, mana bagi tahu dia mana?

Puan Teresa Kok Suh Sim: Yang mana? Peruntukan apa itu? Boleh tidak Tuan Pengerusi cadangkan?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat boleh rujuk kepada peruntukan Peraturan Mesyuarat kita dan bertindak memberikan notis kepada Dewan yang mulia.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Dalam hubungan ini saya putuskan tidak terpakai jadi ditolak itu.

Cik Fong Po Kuan: *Caution* sahaja.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Tapi kalau kita lihat Yang Berhormat Bukit Gelugor pernah juga diambil tindakan kerana kesalahan yang begitu kecil dibuat oleh beliau.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat boleh kemukakan Usul mengikut Peraturan Mesyuarat yang tertentu.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Usul apa itu?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat saya fikir Yang Berhormat akan faham.

Beberapa Ahli: *[Bersorak] [Menyampuk]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Dan di sini....

Puan Teresa Kok Suh Sim: Ya, saya hendak minta tunjuk ajar daripada Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Saya putuskan atas cadangan yang dikemukakan 26(1)(p) itu tidak terpakai. Usul Yang Berhormat boleh kemukakan mengikut Peraturan Mesyuarat yang tertentu dan saya fikir Yang Berhormat memang faham.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Yang mana itu? Yang mana itu?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik cukup! Setiausaha Parlimen teruskan jawapan.

Tuan Sazmi bin Miah: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sudah cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Sazmi bin Miah: Ya, saya *last minutes* hendak jawab Yang Berhormat Bera tadi.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah tidak payahlah, cukuplah.

Tuan Sazmi bin Miah: Terima kasih kepada Yang Berhormat, Yang Berhormat yang telah berbahas dan berbincang dengan.....

Beberapa Ahli: [Menyampuk]

Puan Teresa Kok Suh Sim: Ini adalah satu *misleading* Dewan Rakyat....

Tuan Sazmi bin Miah: Perbekalan tersebut....

[Dewan Riuh seketika]

Beberapa Ahli: [Menyampuk]

Puan Teresa Kok Suh Sim: Saya rasa Tuan Pengerusi yang mempengerusikan mesyuarat, mesyuarat haruslah ambil tindakan?

Tuan Sazmi bin Miah: Jadi saya sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat yang telah berbahas dan saya sudah dengan wabillahitaufik. Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Saya rasa ini adalah perkara yang serius segala penipu.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat saya sudah maklumkan, saya tidak akan campur tangan dalam isi kandungan sebagaimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat, sama ada menteri ataupun jawapan itu betul tidak betul terpulang kepada Yang Berhormat. Walau bagaimanapun Yang Berhormat kalau tidak puas hati boleh membawa Usul untuk pertimbangan Dewan yang mulia ini mengikut Peraturan Mesyuarat yang tertentu. Sekarang saya buat keputusan atas cadangan 26 (1)(p), yang lain itu saya tidak....

Puan Teresa Kok Suh Sim: Mana? Artikel yang mana, Peraturan Mesyuarat yang mana yang boleh saya pakai itu rujuk Menteri Kewangan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat kita ada Peraturan Mesyuarat untuk mengemukakan Usul.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Jawatankuasa keistimewaan hak.

Cik Fong Po Kuan: Yang mana beritahu sedikitlah.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah, cukuplah.

Tuan Lim Kit Siang: *Point of order* itu masalah ialah Usul dibuat tetapi tidak boleh dibahas - tidak guna. Apa yang kita mahu ialah apabila ada pelanggaran keistimewaan perkara ini ditangani, bukan pada rekod, *order paper* wujud dalam Peraturan Mesyuarat tetapi tidak pernah dibincang, itu tidak guna.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Ini kita mahu satu Dewan yang mulia, yang serius yang boleh[Menyampuk]..... Ahli-ahli Parlimen.....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ini seriuslah, Tuan Pengerusi kena buat *ruling*.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ini perkara yang berlainan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *You* patuhlah itu seriuslah tanpa rujuk.....

Tuan Lim Kit Siang: Patut rujuk Parlimen *relevant* tidak *relevant*...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kerana saya membuat keputusan atas cadangan peruntukan Peraturan Mesyuarat yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Seputeh.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, sebab itu 26(1)(p) perlu diterima oleh kerana kalau kita tidak terima tidak guna. Ada apa-apa pelanggaran keistimewaan tentu tidak akan ditangani.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Sebab itu 26 (1)(p) sangat mustahak.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat inilah kuasa berikan kepada saya, terpaksa saya mengikut Peraturan Mesyuarat ini kecuali.....

Saya lebih suka Yang Berhormat Ipoh Timor boleh membuat cadangan supaya kuasa lebih berikan kepada Speaker dan saya akan mengalu-alukan cadangan itu.

Seorang Ahli: Apa itu?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Menyampuk]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat masa sudah cukup Dewan bersidang semula.....

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat ini Majlis dalam Jawatankuasa saya belum selesai.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM25,500,030 untuk Maksud P.23 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama bagi tahun 2005 di bawah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak RM25,500,030 untuk Maksud P.23 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.1) 2005.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat dengan ini saya tangguhkan mesyuarat ini sehingga jam 2.30 petang.

Mesyuarat dtempohkan pada jam 1.04 petang.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

USUL

MEMINDA SUSUNAN ATURAN URUSAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 14(2)

2.32 ptg

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan;

"Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 14(2), giliran Kementerian Pertahanan di nombor 16 di dalam Ringkasan Jadual Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Pertama 2005 dan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama 2005 didahulukan perbahasannya di peringkat Jawatankuasa."

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

Maksud P.60 [Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.1)2005 –

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala Pembangunan P.60 di bawah Kementerian Pertahanan terbuka untuk dibahas. Tumpat.

2.34 ptg.

Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]: Tuan Pengerusi, assalamualaikum dan salam sejahtera, saya bangun untuk sama-sama membahaskan maksud P.60 di bawah Kementerian Pertahanan yang melibatkan wang sejumlah RM1.7 bilion lebih untuk kegunaan ketiga-tiga jabatan di bawah Kementerian Pertahanan iaitu Darat, Laut,

dan Udara, yang melibatkan dari segi Kementerian Tentera Daratnya ialah "*battle tanks, short range air defence* dan *single span tactical bridge*". Manakala bagi tentera lautnya pembelian kapal selam, *missile* berbagai-bagai jenis. Manakala tentera udaranya ialah untuk pembelian kapal perang daripada Rusia, Shukoi - SU seterusnya dan CN235 daripada Indonesia dan alat-alat ketenteraan udara yang lainnya.

Secara umumnya Tuan Pengerusi, kita sudah tentu sama-sama dengan pihak kerajaan berhasrat untuk melihat supaya keadaan negara kita ini sentiasa berjalan dengan baik dan khususnya menerima payung pertahanan ketahanan yang kuat supaya rakyat semuanya selamat. Pertamanya saya hendak rujuk kepada Tentera Laut, sebagaimana kita maklum isu terbesar dari segi kontrak dan *procurement* tentera laut ini melibatkan terbengkalainya pembinaan kapal-kapal laut terutama sekali yang sepatutnya dibuat oleh suatu syarikat dalam negara yang bernama PSCI Berhad yang sepatutnya membina beberapa belas kapal-kapal tentera laut OPV yang sehingga hari ini, satu pun kapal OPV belum lagi siap dan diserahkan kepada Kementerian Pertahanan.

Oleh itu harapan kita ialah tempahan untuk kapal-kapal selam ini yang mujurnya nampaknya walaupun sedih juga tapi tidak dibuat dalam negara, saya difahamkan dibuat di negara Perancis dan negara-negara Barat yang lainnya. Saya harap ia tidak mengalami permasalahan yang sama. Soalan saya ialah pertamanya apakah jalan penyelesaian yang kementerian bercadang untuk dikenakan terhadap Syarikat PSCI dan apakah bebanan kos tanggungan kerajaan dalam usaha untuk menyiapkan sebahagian atau sepenuhnya projek OPV ini.

Keduanya khusus berkaitan dengan kapal selam ini kita mahu tahu berapa kapal selam yang ditempah dan apakah peringkat-peringkat persiapan kapal ini sama ada ia hampir siap dan akan diserahkan kepada Kementerian ataupun ia dalam peringkat-peringkat yang tertentu yang masih mengambil masa untuk kita gunakan? Dari segi Tentera Laut ini juga kita dimaklumkan dalam laporan akhbar bahawa kerajaan kita bersama-sama dengan kerajaan-kerajaan negara-negara jiran terutamanya Thailand, Indonesia dan Singapura telah mengikat perjanjian untuk sama-sama mempertahankan Selat Melaka.

Saya ingin bertanya kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri selaku Menteri Pertahanan, adakah ini langkah yang paling bijak untuk kepentingan negara kita dari segi ia sedikit sebanyak bererti kita berkongsi Selat itu namanya Selat Melaka dari segi haknya paling utama ialah kita dengan Indonesia. Tetapi dalam kes untuk mempertahankan laluan Selat Melaka ini, kita turut berkongsi dengan negara-negara yang nampaknya tidak ada hak dari segi Undang-undang Laut terhadap Selat itu iaitu Indonesia dan mungkin juga Singapura.

Saya nak bertanya kepada Yang Amat Berhormat sama ada ini adalah keputusan yang baik, ini adalah keputusan yang memberikan kepentingan yang paling tinggi kepada negara kita, terutama sekali dari segi yang kita tahu hubungan kita yang bertambah sensitif dengan Singapura dari segi ketidaksediaan Singapura untuk bekerjasama dengan kita walaupun dari segi ketenteraan kita sanggup jemput mereka berkongsi untuk sama-sama memanfaatkan Selat Melaka.

Dari segi perniagaan kita sanggup menjual saham-saham syarikat-syarikat strategik kita dalam bidang telekomunikasi, dalam bidang perbankan kepada Singapura tetapi Singapura tidak pun sanggup untuk bekerjasama dengan kita dalam membina satu jambatan baru sehingga ke hari ini. Adakah ini suatu keputusan bijak bagi pihak kita dengan Singapura? Begitu juga dengan Thailand yang mengambil sikap yang amat tidak ingin bekerjasama dengan kita dalam soal khusus hari ini masalah di Selatan Thailand itu.

Mereka mengambil sikap bahawa mereka berhak untuk seolah-olah melakukan apa sahaja kepada rakyat mereka, warganegara mereka walaupun berbentuk keganasan yang belum pernah berlaku dalam sejarah negara-negara jiran pembunuhan beramai-ramai rakyat mereka yang berkebetulan beragama Islam pada setahun yang lalu dan pada Ramadhan yang lalu dan kita sudah menghampiri bulan Ramadhan pula perkara ini tidak selesai, perkara itu menjadi bertambah buruk dan rakyat mereka terpaksa berlari ke negara kita. Jadi hubungan kita dengan Thailand nampaknya menjadi runcing dan dari sudut ketenteraan kita masih kekalkan hubungan yang begitu erat dengan mereka sanggup berkongsi maklumat-maklumat dan sanggup berkongsi lautan Selat Melaka dengan mereka.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: [Bangun]

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, Yang Berhormat Rantau Panjang bangun.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Jadi ini adalah perkara....ya silakan.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Terima kasih. Dari ucapan Yang Berhormat Tumpat sebentar tadi menggambarkan kepada kita kerajaan Malaysia berada dalam keadaan serba-salah dari segi pertahanan ini. [Disampuk] Mestilah..... Apa pendapat dan pandangan Yang Berhormat dari Tumpat ini, daripada kegelisahan yang kita nampak sekarang ini di sebelah kerajaan kita dalam isu pelarian rakyat pada Thailand yang masih lagi tidak menentu status mereka ini yang telah disebutkan beberapa kali oleh pihak kerajaan kita ini dan adakah ini menggambarkan kerajaan kita hampir-hampir mengalah dalam isu-isu tersebut.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Terima kasih Yang Berhormat Rantau Panjang, kami lambung pun tidaklah sampai tiga hari dan sebagainya tetapi hanya tiga minit sahaja untuk melambung dan mereka ada peluang Dato' Seri untuk berucap sampai tiga hari manakala ada seorang menteri, tiga tahun sekali pun mengikut Ketua Pembangkang tidak datang langsung ke Dewan yang mulia ini. Jadi ini keadaan yang kita hadapi dalam proses demokrasi berparlimen kita. Berkenaan dengan masalah Selatan Thai Tuan Yang di-Pertua, memang ini cukup sensitif.

Malangnya umat Islam yang menjadi rakyat dan warganegara Thai itu menjadi alat yang digunakan oleh Taksin. Dari segi keganasan, kezaliman mereka dibunuh, dari segi kepentingan pilihan raya parti, Thai Rak Thai Taksin, masalah kononnya Selatan Thai ini digunakan oleh beliau dan parti beliau dengan sepenuh-penuhnya untuk meraih populariti dalam pilihan raya dalam sistem di negara Thai itu. Jadi malang sekali bagi rakyat mereka ini yang diperalatkan dari kezalimannya, yang diperalatkan dari segi politik pilihan raya, parti-parti politik negara Thai iaitu di antara khususnya parti Thai Rak Thai pimpinan Taksin dan parti demokratik yang dipimpin dahulu oleh Chuan Lik Pai.

Jadi ini keadaannya, oleh itu kita perlu bertambah simpati terhadap mereka ini dan saya ingin menyeru kepada kerajaan untuk mengambil berat akan hal mereka ini dan saya yakin kerajaan tidak akan menghampakan umat Islam yang berada di Selatan Thailand itu.

Kemudian saya beralih kepada kes butiran 00600 – Tentera Udara, kita beli dan ingin beli daripada negara Soviet Rusia, kapal pesawat Shukoi 30-MKN pada prinsipnya saya sealaran dengan pandangan kerajaan supaya kita melebarkan pilihan pesawat-pesawat dan alat-alat ketenteraan dan kita tidak bergantung pada kapal terbang Amerika atau Perancis atau Itali atau negara-negara Barat yang tradisional sahaja, kita sepatutnya memilih daripada pilihan yang ada dan daripada kalangan pembekal-pembekal negara-negara lain, termasuklah negara Rusia yang mana Shukoi ini kita beli daripada mereka.

Harapan saya ialah kerana kita dengar yang agak kurangnya tentang alat-alat ketenteraan seperti ini daripada negara Rusia ini ialah *the after sales service* dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Itu saya harap dari segi perkhidmatan untuk penjagaan pesawat-pesawat ini, dari segi keduanya barang-barang gantian dan alat ganti, spare part yang kita ada kontrak yang akan menjamin bahawa kapal-kapal pesawat ini tidak akhirnya terpaksa kita gunakan ada istilahnya daripada kapal terbang yang sedia ada untuk membantu kapal terbang yang perlu dibaiki.

Yang keduanya pesawat CN-235, kalau tidak silap saya daripada negara Indonesia yang mana mengikut saya tahu, syarikat ini sudah pun yang dibandung itu ditutup kesan daripada masalah ekonomi tahun 1998 dan berikutan dengannya syarikat ini kalau tidak silap saya kecuali ini yang daripada Sepanyol saya tidak tahu atau Brazil yang mana asalnya syarikat-syarikat yang ada di bandung di Indonesia itu tetapi kalau ia syarikat tersebut mengikut maklumat saya kilangnya sudah tutup dan oleh itu saya ingin tahu daripada Yang Amat Berhormat sama ada kita tidak membeli daripada negara atau syarikat tersebut. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Salahuddin bin Ayub: [Bangun]

Tuan Haji Ismail bin Noh: [Bangun]

Tuan Lim Kit Siang: [Bangun]

Tuan Pengerusi: Ipoh Timor.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya pendekkan sahaja oleh sebab dengan izin, saya ... *surprise* dengan perubahan jadual ini. Sungguhpun begitu, mengenai peruntukan anggaran tambahan, untuk Kementerian Pertahanan adalah angka yang terbesar sekali dalam peringkat ini. Saya mahu cadang mungkin untuk masa hadapan bolehlah satu prosedur yang baru di mana peruntukan-peruntukan bukan sahaja untuk *supplementary estimate* tetapi pun untuk bajet di mana perbelanjaan yang mana melibatkan angka-angka yang begitu besar untuk hardware pertahanan. Sebelum itu adalah satu proses di mana Ahli-ahli Parlimen boleh faham, boleh kaji sama ada wajar atau tidak wajar, perbelanjaan atau pembelian itu dibuat supaya Ahli-ahli Parlimen lebih bukan sahaja peka tetapi boleh ambil bahagian dan lebih bermakna dalam *decision making process* dan dalam bidang Kementerian Pertahanan sama ada mengenai dengan menentukan dasar ataupun mengenai pembelian *defense hardware*.

Kita tahu bahawa khasnya dalam masa ini apabila kerajaan di bawah pucuk pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang menegaskan dan betapa pentingnya adalah integriti, saya rasa dalam Kementerian Pertahanan khasnya perlulah memberi satu contoh bahawa segala aspek perbelanjaan ini oleh kerana angka yang begitu besar, berbilion-bilion ringgit memberi contoh kepada kementerian-kementerian yang lain bahawa *open transparent* dan boleh *scrutinizes* oleh satu mekanisme yang boleh disertai oleh Ahli-ahli Parlimen dan sebab itu saya harap bahawa Yang Berhormat Menteri boleh memberi pertimbangan sewajarnya kepada satu cadangan ada satu *Parliamentary Select Committee* untuk pertahanan bukan sahaja boleh bincang lebih mendalam atau kaji lebih mendalam mengenai dasar-dasar pertahanan yang wajar kita boleh ikuti tetapi pun bentuk benda-benda yang kita perlu beli untuk memperkuat pasukan pertahanan kita.

Kita tahu antara lain yang saya hendak sebut ialah bahawa ada ura-ura bahawa pembelian hardware adalah komisen, adalah ingat masa lampau saya pernah bangkit dalam Dewan yang mulia ini mengenai 'defense zar' itulah 80-an, 90-an atau 80-an khasnya ada 'defense zal' di mana semua pembelian melalui 'defense zal' ini, kita tidak mahu perkara semacam ini diulangi pada masa ini dan saya percaya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Saya minta sedikit penjelasan Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, ya boleh.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih Ipoh Timor, lembut, depan pemimpin kita, inilah yang kita hendak. Tidak begitu tinggi suara, kita pun harap itu berterusan dan covering consistent dengan cara demikian, syabas. Kadang-kadang saya pun risau juga tengok Yang Berhormat Ipoh Timor, bimbang juga.

Beberapa Ahli: Hendak minta penjelasan kah?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Saya hendak minta penjelasan, hendak mintalah, saya hendak minta....

Tuan Lim Kit Siang: [Ketawa] Jangan ambil peluang untuk kacau-kacau ya.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Tidak, tidak, tidak, Yang Berhormat, saya hendak minta depan Timbalan Perdana Menteri jangan main-main, baguslah begitu Yang Berhormat. Saya tertarik kerana kita pun makin berumur, ya.

Jadi, apakah Yang Berhormat setuju Kementerian Pertahanan ini cukup penting untuk mempertahankan kita semua daripada segala ancaman. Ancaman dari segi keganasan mempertahankan negara kita demi keamanan. Apakah Yang Berhormat Ipoh Timor setuju supaya Belanjawan Kementerian Pertahanan ini dapat dipertingkatkan lagi demi mempertahankan negara kita dari sebarang bentuk ancaman. Terima kasih, Yang Berhormat. Tidak kacau.

Tuan Lim Kit Siang: Kita tidak beri *blank cheque* mana-manalah atau apa-apa perkara. Biasa untuk Ahli-ahli Barisan Nasional memberi *blank cheque*, itu mentaliti *blank cheque*. Semalam saya ingat lagi bahawa apabila saya berucap mengenai ketiadaan kehadiran seorang Menteri ada seorang Ahli Parlimen, Yang Berhormat bagi Sri Gading ada berdiri kata bahawa kalau Yang Berhormat Menteri

berkenaan ada di sini saya akan cakap senada, tidak berubah dan tentu tidak tetapi apa mustahaknya menunjukkan sikap itu. Ahli-ahli Barisan Nasional mungkin, apabila ada Menteri tidak ada sini, sangat lantang, sangat garang, tetapi ada Menteri semua takut, semua pengecut. [Disorak] Mungkin itu satu *reflection*.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Sangkaan jahat. [Ketawa]

Tuan Lim Kit Siang: Saya tidak mahu timbus perkara semacam ini tetapi terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Larutlah, saya harap saya boleh teruskan dan tidak ada campur tangan.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Yang Berhormat sabar sedikit, sabar banyak sedikit.

Tuan Lim Kit Siang: Apa ini tiada hak berdiri, mana hak berdiri? [Ketawa]

Tuan Pengerusi: Teruskan, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Ya! Saya percaya Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri tahulah oleh kerana kita ada dengar ada ura-ura, ada khabar angin bahawa adalah komisen dibayar khasnya mengenai pembelian kapal selam dan semua ini saya rasa kita perlu menjelaskan. Saya harap Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri nanti pun boleh beri penjelasan dalam perkara ini. Dan, satu perkara lagi akhirnya, ia pun ada dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Tumpat ialah mengenai OPV.

Ini perkara sudah lama dan sungguhpun PAC ada buat satu siasatan, satu lawatan kepada Lumut Navy Base tetapi perkara ini saya rasa perlu satu penjelasan yang memuaskan. Oleh kerana sungguhpun ada usaha untuk ambil alih daripada syarikat atau di *control* daripada Amin Shah melalui *Power State* yang dikuasai oleh Lembaga *Armed Forces* tetapi kalau akhirnya kerajaan perlu bayar satu OPC, harga asal ialah RM900 juta perlu bayar lagi 30% ialah tambah RM300 juta ringgit sebuah OPV, akhirnya siapa rugi? Rakyat rugi.

Kenapa kita boleh membenarkan orang yang sudah menyalah guna kuasa, yang berlaku penyelewengan apabila dapat kontrak itu untuk 27 buah OPV itu, RM23 bilion, RM24 bilion tambah lagi 30%? Kenapa kita tidak ada satu mekanisme di mana kalau ada berlaku penyelewengan, penyalahgunaan kuasa, berpecah itu kontrak bahawa usaha-usaha atau langkah-langkah, tindakan-tindakan yang diambil tidak menyebabkan kerugian yang lebih besar yang dihadapi oleh rakyat, oleh kerajaan. Pengerusi PAC pun ada kata bahawa ada pecah, *criminal bitch of trust* adalah sangat grid semuanya, kenapa? Tetapi sampai sekarang nampaknya mereka semacam BMF skandal masa itu, satu *heinous crime*, satu jenayah jijik tetapi tanpa penjenayah a *heinous crime* tetapi *heinous crime without criminals*. Kenapa perkara semacam ini kerap kali berlaku?

Ada skandal yang besar di mana rakyat rugi, kerajaan rugi berpuluh bilion ringgit pun tetapi *heinous crime* tanpa penjenayah. Tiada orang yang diheret ke mahkamah, tiada orang yang perlu bayar oleh kerana kerugian ini. Saya harap Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri boleh memberi satu penjelasan mengenai OPV skandal ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Salahuddin bin Ayub: [Bangun]

Tuan Haji Ismail bin Noh: [Bangun]

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat bagi Pasir Mas.

2.55 ptg.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Alhamdulillah, saya bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana diberi kesempatan sama untuk sama-sama bincang dalam Maksud B.60 – Kementerian Pertahanan.

Saya mulakan dengan sepotong Hadis Rasulullah s.a.w., [Membaca sepotong hadis] "*Kasih negara ini setengah daripada iman*". Dalam erti kata bahawa setiap warga negara Malaysia ini mesti sayang dan kasih kepada negaranya dan dia mesti mempertahankan dalam apa juga keadaan sekalipun.

Apa yang hendak saya timbulkan di sini, oleh kerana Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri ada bersama dengan kita pada hari ini, sebenarnya negara

kita ini walaupun kita tidak sebut diketahui umum bahawa negara kita bermasalah dengan negara-negara jiran kita. Kita bermasalah dengan Thailand, kita bermasalah dengan Singapura, selain daripada apa yang berlaku sekarang ini, sebagaimana yang kita ketahui bahawa pergaduhan dalaman yang berlaku di Selatan Thailand memberi satu kesan negatif kepada negara kita.

Soalan saya, apakah kita sudah mempunyai persiapan, bukan untuk berperang tetapi persiapan perbatasan secukupnya. Setidak-tidaknya kita jaga perbatasan kita yang terdedah. Perbatasan Malaysia dengan Thailand ini kita terdedah, kita tidak ada pagar, kita tidak ada apa-apa halangan. Apa lagi saya lihat bahawa sepanjang Sungai Golok terus ke bawahnya, sempadan-sempadan kita itu banyak lubang-lubang tikus yang boleh dimasuki bila-bila sahaja, oleh siapa sekalipun, baik awam ataupun bukan awam. Jadi, persiapan kita untuk jaga perbatasan ini.

Yang keduanya, saya melihat anggota-anggota tentera yang ditempatkan di kawasan-kawasan ini boleh dikatakan keseluruhan daripadanya, daripada anggota-anggota tentera yang dibawa luar dari negeri Kelantan. Ada baiknya Tuan Pengerusi, ada baiknya tetapi di sana ada negatifnya kerana bila dibawa keseluruhan tentera-tentera ini untuk menjaga sempadan kita, terdiri daripada anggota-anggota luar yang tidak faham bahasa, satu masalah. Dibawa dari Sabah, dibawa dari Sarawak, yang tidak tahu bahasa tempatan, yang tidak tahu budaya tempatan. Sedikit sebanyak sebagaimana yang disebut dalam kata-kata hikmat, *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]* makna orang Mekahlah lebih tahu tentang lorong-lorong dia. Ahli Mekahlah yang lebih tahu tentang lorong-lorong dia. Dalam erti kata bahawa orang tempatan lebih tahu tentang lorong masuk, lorong keluar dan sebagainya.

Saya tidak menafikan ataupun saya tidak menolak kedatangan mereka dari luar, dari Sabah, dari Sarawak tetapi dalam keadaan sedemikian perlu kita bawa anggota-anggota keselamatan yang datang dari anak-anak tempatan, dari orang Kelantan. Kalau sepuluh orang, dua orang, di setiap tempat, sehingga dua orang ini dapat mengecam. Orang Kelantan ini, Tuan Yang di-Pertua, bila dia tengok wajah dia kenal, belum bercakap pun dia kenal, ini orang Kelantan, ini orang Thailand kerana bahasa Selatan Thailand dengan bahasa Kelantan ini hampir-hampir sama. Yang boleh mengecamnya orang Kelantan. Kalau askar ini semuanya ataupun anggota keselamatannya semuanya dari Sabah/Sarawak dia tidak tahu. Kerana itu lah saya kata bahawa ada baiknya kalau kita tempatkan juga.....

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: *[Bangun]*

Tuan Haji Ismail bin Noh: Jerai hendak tanya? Nampak Jerai hendak tanya.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Minta penjelasan, pasal kenal orang ini.

Tuan Pengerusi: Ya, Jerai.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Saya tengok Yang Berhormat, Assalamualaikum, Yang Berhormat. Saya tengok Yang Berhormat macam *Philippine*, tidak *Philippine*, jadi macam mana kata boleh cam, macam belah Moro sahaja. Jadi, saya ingat tidak ada perbezaan, Yang Berhormat, dia muka sama. Kita tengok Ketua Pemuda PAS pun lebih kurang macam *Philippine* juga, lebih kurang. *[Ketawa]*

Tuan Haji Ismail bin Noh: Terima kasih Yang Berhormat bagi Jerai. Yang saya hendak cerita sini bukan itu, yang saya hendak ceritanya bahawa hubungan dengan yang saya sebutkan tadi peribahasa *[Bercakap dalam bahasa Arab,]* maknanya orang Mekah lebih tahu tentang lorong-lorong dia. Maknanya orang Kelantan dia tahu percakapannya, bahasanya, gayanya, budi bahasanya, 10 orang, dua orang ialah orang Kelantan. Ambillah dari Bachokkah, dari manakah tidak kisah, tetapi orang tempatan. Biar dia tahu, dia tengok gaya, bahasa, cara bercakap, cara itu dia tahu ini dari Thailand. Kalau kita letak penempatan dari Sabah Sarawak, dia tidak tahu, Tuan Pengerusi.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat bagi Larut, Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Larut. Hendak bagi?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat. Kawasan saya pun majoriti orang Patani. Saya hendak tanya Yang

Berhormat, berapa kali Yang Berhormat pergi ke Selatan Thailand ini? Seolah-olah menggambarkan bahawa kita tidak simpati dengan keadaan di sana. Jadi janganlah Yang Berhormat cuba “menangguk di air yang keruh” akan lebih mengeruhkan lagi hubungan kita dengan jiran kita. Terusakan bercakap dari segi *budget* Kementerian Pertahanan apa salahnya? Terima kasih Yang Berhormat. Berapa kali Yang Berhormat pergi?

Tuan Haji Ismail bin Noh: Terima kasih, saya tidak bercadang untuk menangguk di air keruh, tetapi saya sama-sama hendak teguk air yang jernih, Insya-Allah. Maksud saya pun untuk sama-sama kita jaga. Tetapi apa yang berlaku, kita terima hakikat bahawa pergolakan di Selatan Thai memberi suatu kesan yang tidak baik dan kita doa ke hadrat Allah S.W.T supaya keadaan ini berlaku ataupun bertambah baik daripada semasa ke semasa. Yang saya hendak sebutnya iaitu kekuatan kita bukan untuk berperang, tetapi kekuatan kita untuk mempertahankan negara, tidak ada masalah sebagaimana negara lain. Singapura dia mempunyai kekuatan, dia hendak pertahankan negara dia. Dia mempunyai hak dia, kita mempunyai hak kita. Yang kita bercakap hari ini pun mempunyai hak kita, kita mempertahankan negara kita.

Sebagaimana yang saya sebutkan tadi bahawa, sayang negara ini bukan main-main. Sejengkal mesti dipertahankan, apa lagi bukan sejengkal. Yang kedua, saya hendak sebut di sini juga, Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri, kita mempunyai sempadan yang begitu panjang dan saya melihat bahawa bagaimana sempadan sebelah Malaysia ini tidak selain daripada kita tidak perelokkan tebing sungai kita ini tetapi sebelah Thailand, dia perelokkan, dia letak batu-bata dan dia jaga dia apa semua. Saya selalulah ke sana kerana keluarga Pasir Mas dengan Sungai Golok ini, hubungan keluarga. Ada dua pupu saya, keluarga saya berada di sebelah sana ramai. Sampai kepada Sungai Padi atas lagi, jalannya, Kuktanya apa ini, keluarga daripada orang Pasir Mas.

Apabila saya melihat perbatasan itu sendiri tebing-tebing sungai tidak dijaga, tidak diendahkan ataupun tidak dikonkrit dengan baik. Sedangkan Thailand ini sepanjang tebing sungai dikonkrit dengan batu di mana hakisan sungai yang terhakisnya sungai kita, Sungai Kelantan dan perairan antarabangsa dikira di tengahnya. Ini mesti diambil tanggungjawab dan mesti dilihat oleh Kementerian Pertahanan selain daripada yang lain. Hakisan sungai ini, saya lihat bahawa makin setahun terhakis, sedikit demi sedikit yang membawa kesannya iaitu perairan antarabangnya dikira daripada tengah. Sekarang ini beralih. Saya lihat dahulu tidak banyak. Sekarang ini makin banyak, robohnya sempadan sebelah kita. Jadi yang menyebabkan kesan daripada persempadanan antarabangnya, dia makin luas, kita makin sempit, selain daripada yang lain.

Oleh yang demikian saya menekankan supaya kerajaan juga mengambil tanggungjawab ini supaya ianya tidak berlaku daripada semasa ke semasa dan sekali gus akan merugikan kita banyak. Yang ketiga saya sebutkan tadi bahawa terlalu banyak pangkalan haram. Di sepanjang itu terlalu banyak pangkalan haram yang terlalu mudah untuk memasuki negara kita. Tidak hairanlah kalau 331 orang baru ini masuk ke negara kita dengan cara mudah begitu. Saya hairan bagaimana tentera kita, pegawai keselamatan boleh masuk 331 orang boleh masuk dengan mudah, tahu-tahu sudah masuk ke negara kita. Bagaimana dia punya kawalan? Sedangkan kita bercakap masalah, macam-macam lagi. Kalau saya kata sini bahawa kekuatan kita tidak sepadan dengan kekuatan tentera-tentera lain-lain negara, nanti wakil daripada Barisan Nasional marah kepada saya.

Tetapi hakikat sebenarnya itu. Bagaimana kita rasa bahawa kita jaguh dalam semua – askar kita hebat, kawalan sempadan kita hebat, itu hebat, ini hebat, tahu-tahu 331 orang boleh masuk dengan mudah. Cuba kawal dengan bersungguh.

Dr. Mohd. Hayati bin Othman: *[Bangun]*

Tuan Haji Ismail bin Noh: Sama sendiri?

Tuan Pengerusi: Ya, Yang Berhormat bagi Pendang. *[Ketawa]*

Dr. Mohd. Hayati bin Othman: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat bagi Pasir Mas. Berhubung dengan penjagaan sempadan ini, saya rasa bukan hanya Kelantan kita menghadapi masalah kawalan sempadan, di sebelah Kedah, iaitu terutama di kawasan berhampiran Bukit Kayu Hitam, kita ada pagar

sempadan dan pagar sempadan ini dua lapis, tetapi sebenarnya pagar sempadan ini daripada dawai-dawai biasa, besi-besi yang dijadikan pagar dan mudah dirobohkan oleh penyeludup-penyeludup misalnya penyeludup beraskah, ataupun macam-macam lagi yang diseludup. Apa kiranya kalau kita syorkan kepada kementerian supaya dibina pagar konkrit agar tidak mudah dirobohkan oleh penyeludup ini. Terima kasih.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Terima kasih Yang Berhormat bagi Pendang. Itulah sebenarnya. Sepatutnya pihak-pihak yang bertanggungjawab di negara kita ini mengambil suatu inisiatif benar untuk mempertahankan sempadan. Saya bimbang, dalam keadaan baik, tidak ada masalah, tetapi dalam keadaan yang tidak baik, itu yang masalah.

Saya pernah sebut dalam Dewan ini pada penggal pertama saya masuk Dewan, masalah beras, import beras, saya bagi contoh. Apabila saya bercakap masalah import beras, negara kita import beras terlalu banyak daripada negara Thailand, bangun seorang wakil daripada Barisan Nasional, dia marah kepada saya. Dia kata tidak berlaku. Saya kata andaian berlaku satu ketika nanti. Apabila negara kita berlaku krisis sempadan dan pelbagai lagi, maka import beras ini kalau disekat orang Kuala Lumpur lah yang paling awal sekali kerana Kuala Lumpur ini tidak ada ladang, tidak ada tanah pertanian. Orang Kelantan ada ladang sendiri, ada tanah pertanian sendiri. Setidak-tidaknya dia boleh tahan tiga tahun kerana kita ada stok buah cukup, tetapi dimarah oleh sahabat kita di sana.

Sekarang ini berlaku, perkara boleh berlaku, kadang-kadang tidak ditasawur oleh akal fikiran kita, dia boleh berlaku. Kerana itulah di antara sifat Allah S.W.T itu sifat harus. Di Amerika siapa yang boleh menjangka bahawa di Amerika akan berlaku kesusahan sebagaimana berlaku hari ini, tidak ada seorang pun boleh mengatakan sedemikian. Tetapi, qadar Allah, takdir. Allah S.W.T takdir apa yang berlaku di kaitkan dengan maksiat yang berlaku di tempat itu sendiri. Kerana itulah kita jangan merasakan sedap, kita duduk Kuala Lumpur ini tidak ada apa. Bangunan kita hebat, kita rasa tidak ada apa-apa. Tetapi kita kena melihat bahawa apa yang dilakukan oleh manusia ini sendiri, memanggil, menjemput bala Allah S.W.T datang. Saya kembali sedikit apa yang berlaku di Thailand.

Ini merupakan bala Allah. Di Sungai Golok itu sendiri, sebagaimana saya katakan tadi bahawa saya selalu menziarahi keluarga di sana. Tempat-tempat maksiat, subhanallah, daripada sekecil-kecil tempat ke sebesar-besar tempat, penuh dengan perzinaan, dengan harga yang begitu murah, 10 baht, 20 baht, 30 baht. *[Dewan kecoh]*

Tuan Haji Ismail bin Noh: Betul ini. Bukan banyak, 20 baht, 20 baht kalau ini barangkali berapa ringgit kita. Jadi maksiat terlalu banyak. Sekarang ini Allah S.W.T kenakan dengan bala.

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat bagi Pasir Puteh.

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad: Saya tertarik kalau maksiat murah ini, Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Ahli-ahli Yang Berhormat dan khususnya Yang Berhormat bagi Pasir Mas. Sebenarnya maksiat di mana-mana pun ada. Kita jangan kata di Thailand, di Kota Bharu pun ada, di Chow Kit pun ada. Saya jadi Pengarah Jabatan Agama tidak muat hendak tangkap dahulu, tetapi atas kitalah. Kita sudah cegah-cegah, sekarang ini sudah tidak ada lagilah.

Jadi, saya rasa lari sedikit, Yang Berhormat bagi Pasir Mas. Kita dok bahas ini P.60 ialah Butiran 200, Butiran 400 dan Butiran 600 tetapi Butiran 62 bahagian keselamatan ada dia boleh buat pagar. Yang ini dia hendak beli senjata moden. Saya setuju Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, selaku Menteri Pertahanan, kalau boleh beli senjata yang canggih. Dia kejar dalam laut itu, kapal lari ikut arah lain, dia boleh *corner* cari. *[Ketawa]* Itu yang saya hendak, macam Mesir buat dahulu, boleh lawan dengan Israel.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Saya rasa tidak lari, saya kaitkan. Saya kaitkan peristiwa yang berlaku kerana ada anggapan yang mengatakan bahawa tidak akan berlaku di segi keselamatannya. Saya faham saya bercakap ini dari segi keselamatan. Kita jangan mempunyai satu tanggapan baik selama-lamanya dan jahat selama-lamanya. Yang kita katakan baik itu selama-lamanya itu ada perkara yang boleh berlaku.

Saya ingat pesanan mahaguru Haji Agus Salim dari Indonesia mengatakan bahawa kita jangan puji satu hari sehingga tenggelamnya matahari barangkali pada setengah harinya akan hujan atau pun pada petangnya akan hujan, maka hendaklah kita sebelum ghurub matahari kita jangan puji hari itu baik. Jatuh matahari barulah kita mengatakan Alhamdulillah, hari ini tidak hujan, hari ini tidak berlaku apa-apa pada kita. Begitu juga dengan negara kita. Kita jangan.....

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, Yang Berhormat tengok depan

Tuan Haji Ismail bin Noh: Ya, ya. Apa yang saya hendak tadi bahawa kita hendaklah mempunyai kewaspadaan yang tinggi supaya sempadan-sempadan negeri kita ini dapat kita jaga dengan baik dan lorong-lorong, jalan-jalan yang masuk ke negara kita ini mesti dijaga, diawasi jangan hanya semasa saja. Biasanya terbuka, terdedah dengan begitu hebat, kata nak pergi pukul berapa, nak menyeberang boleh, tetapi dalam keadaan-keadaan tertentu kita perketatkan, dalam keadaan tertentu kita buka sehabis-habis luas. Saya rasa ini adalah satu pengalaman yang tidak baik, kita mesti awasi sempadan kita, saya nak tanya kenapa ia boleh masuk 331 orang? Di mana lemahnya kita? Di mana pengawalan kita ni bocor? Pecah di mana?

Kita kena tahu situ dan kita mesti mengambil tanggung jawab kalau tidak mahu mengambil tindakan pun kita mesti mengambil tanggung jawab supaya perkara ini tidak berulang. Itu 331 orang, kalau datang 2,000 orang macam mana? Kalau datang lebih dari itu, saya tidak berani menganggarkan apa yang akan berlaku, tapi suatu yang tidak baik. Oleh hal yang demikianlah selain daripada kita nak jaga yang itu ini, saya letakkan bahawa sempadan ini mesti dikawal dengan baik mudah-mudahan ianya selamat kepada rakyat kita.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Sekejap, ya? Terima kasih. Dia sudah bagi jalan...

Adakah Yang Berhormat tidak bersetuju, pelarian 131 orang baru-baru ini yang hampir-hampir mati kalau tak bolos pertahanan kita, Kerajaan Malaysia ini, mereka ini akan mati semua. Adakah Yang Berhormat rasa sepatutnya Kerajaan Malaysia membenarkan mereka lari walaupun keadaan hidup mereka itu antara dua; tak lari mati, lari selamat. Adakah Yang Berhormat rasa tidak patut perkara itu berlaku, apatah lagi sekarang ini pertahanan kita sekarang ini dikatakan lebih teruk daripada Thailand. Maknanya askar kita lebih kemas, lebih tegap daripada Thailand, sehingga sebahagian besar daripada rakyat Malaysia yang berada di Thailand, yang ada hubungan antara Malaysia-Thailand ini merasa marah dengan Kerajaan Malaysia kerana mereka ini nak lari waktu malam, siang hari nak balik ke negeri sendiri sudah tidak dapat peluang sekarang ini kerana pertahanan kita terlalu kukuh.

Lubang-lubang tikus yang ada itu sebelum daripada ini, kadang-kadang dibuka, kadang-kadang ditutup, melihat kalau orang sempadan itu dibenarkan dia mari, kalau orang macam Sri Gading nak pergi memang tak bagi dah. Jadi adakah Yang Berhormat setuju kalau kita tutup terus sehinggakan jiran sempadan yang selalu pergi siang malam itu terputus.

Tuan Pengerusi: Sudah Yang Berhormat, cukup. Pasir Mas.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Saya rasa masalah pelarian ini tidak akan timbul sekiranya ada di sana perbincangan-perbincangan sebelum daripada itu. Saya nak sebut bahawa perbincangan mesti diadakan supaya mereka jangan lari. Itu yang paling penting sekali. Sekarang mereka sudah lari, kita hendak buat macam mana? Kita tanggunglah. Tetapi Pemimpin-pemimpin negara kita mesti selesai dengan pemimpin mereka kerana kita percaya dengan kebijaksanaan pemimpin-pemimpin negara kita ini boleh berunding dengan mereka selepas ini supaya mereka jangan lari dan bentuk-bentuk tindakan ganas yang dilakukan oleh mereka itu diredakan daripada sekarang, sebagaimana yang kita dengar nak tutup sekolah pondok dan sebagainya dan berbagai-bagai lagi yang menyebabkan mereka lari dan mencari tempat perlindungan.

Kita semua mengharapakan kebijaksanaan pemimpin-pemimpin kita, khususnya kepada Timbalan Perdana Menteri kita yang selalu ke sana ke mari untuk mencari suatu formula yang paling baik sekali supaya mereka tidak lari. Tetapi kalau mereka ditekan, mereka lari. Walaupun kita mempunyai sempadan yang begitu kukuh sekali pun mereka tetap lari dan mencari perlindungan khususnya ke negara kita dan akhir sekali negara kita akan menjadi tempat mala petaka selepas daripadanya.

Oleh yang demikian, di dalam peruntukan ini saya juga menekankan supaya pemimpin-pemimpin kita dengan kebijaksanaan yang ada supaya menasihati pemimpin daripada Thailand supaya mereka tidak bertindak liar ataupun ganas kepada umat Islam di sana yang risiko kemudiannya kembali kepada negara kita. Itulah apa yang saya boleh saya ucapkan. Sekian.

Tuan Pengerusi: Pasir Puteh.

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad: Terima kasih Tuan Pengerusi, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri selaku Menteri Pertahanan, Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mengambil peluang keemasan yang cukup-cukup mahal nilainya, untuk membincangkan satu bajet Kementerian Pertahanan ini. Walaupun kita sebut P.60 dia ada tiga butiran, iaitu butiran Kelengkapan Angkatan Tentera Darat, Kelengkapan Angkatan Tentera Laut dan Kelengkapan Angkatan Tentera Udara. Kalau kita katakan darat, laut dan udara memang dia *complete*.

Sebab itulah dalam Quran - Yang Berhormat bagi Pasir Mas tadi menyebutkan hadis *hubbul watan minal iman*. Tetapi saya tengok dalam *hubbul watan minal iman* ini pun belum sempurna. Parti-parti pembangkang, maaf cakaplah, kalau menyambut semangat patriotik hari kemerdekaan pun belum bersemangat, adalah buat lebih kurang, belum bersemangat. Saya buat besar-besaran di Pasir Putih. Saya tak kiralah di Ketereh, mungkin Yang Berhormat bagi Ketereh buat juga.

Jadi apa lagi kalau kita mengimpikan ayat Quran... [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] habis ayat ini kita bagi, kita bagi Yang Berhormat bagi Pasir Mas, tapi habis ayat. Bersiap sedialah, kata Tuhan, dengan sedaya upaya kamu - kalau dulu askar berkuda, unta, lembing, keris, pedang, tombak, hari ini bersiap sedia dalam masyarakat Islam Hadhari Malaysia ini, kerana Yang Amat Berhormat selaku Timbalan Perdana Menteri ada *power*, *he got Power*, dengan izin. Dia boleh buat lagi kerana Menteri Pertahanan ini dia beli peluru-peluru yang canggih.

Saya masa perang Mesir dahulu, Ustaz Wan belum sampai lagi, Yang Berhormat bagi Pasir Mas belum sampai lagi ke Mesir pada masa itu, saya dah duduk di Mesir tahun 1971. Saya minta nak pergi berperang sebab Mesir mempunyai kecanggihan peluru berpandu. Dia tidak bagi, dia kata jaga asrama sajalah. Sedih saya, demam tiga hari. Saya nak pergi berperang, pada hal tunang ada di rumah minta maaf - tetapi kalau semangat Tentera Mesir ini, dia canggih, dia Islam pulak dan ada juga yang bukan Islam ... tapi bersemangat bersama-sama berperang.

Jadi sebab itulah saya nak bercerita ayat Quran ini, kita hari ini tidak lagi nak beli kuda, kuda hanya untuk mainan saja. Kita tidak lagi beli unta, unta hanya untuk sembelihan saja bulan Ramadhan ini, tapi kita tidak perlu lagi tombak, lembing, hanya untuk hiasan saja, tapi yang kita nak ialah beli senjata yang canggih, kalaulah senjata lama-lama Perang Dunia Kedua itu tukarlah alat-alat yang baru semua sekali. Tak nak lagi berlaku jatuh. Saya dua belas tahun duduk Sarawak, dok naik tentera tak jatuh, barangkali berkat doa atau macam mana. Silalah Yang Berhormat.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat bagi Pasir Putih. Saya tidak bercadang untuk membuat bangkangan ataupun membangkang apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Pasir Putih. Cuma nak memperbetulkan. Yang Berhormat bagi Pasir Putih kata bahawa semangat kemerdekaan tidak kuat di kalangan parti pembangkang khususnya PAS. Saya rasa tak betul itu. Tidak betul. Kereta saya sendiri ada satu bendera, saya pasang satu bendera, cukuplah, tak nanti 50 bendera.

Beberapa Ahli: Bendera apa?

Tuan Haji Ismail bin Noh: Jalur Gemilang.

Beberapa Ahli: Haaaaa.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Jalur Gemilang. Kita pasang cukuplah dengan satu bendera atau Jalur Gemilang satu, tak nanti 50 Jalur Gemilang baru kita nak buat. Kalau kita pasang 50 Jalur Gemilang itu, orang panggil benda lain pulak. Itu bukan semangat itu, dia jadi benda lain pulak.

Sambutan merdeka di Ketereh saya pergi, kemudian Menteri Besar di Stadium, berpuluh-puluh ribu orang bersama-sama Tok Guru Menteri Besar. Merdeka!

Merdeka! Merdeka! Cukuplah kita sudah bersama dengan Kerajaan Pusat untuk menyambut kemerdekaan.

Tuan Pengerusi: Cukup Yang Berhormat, masa tak ada.

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad: Terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Pasir Mas. Saya joloklah itu. Fasal dia jolok kuat tadi, masa Yang Amat Berhormat datang dia jolok kuat. Sebenarnya di Pasir Putih saya belum puas hati, di Kota Bharu Alhamdulillah. Pasal apa saya beri bendera lebih kurang 500 dia bawa motor kemudiannya di depan dibunuh bendera bulan. Saya tidak komen apalah sebab hak dia. Sebenarnya tidak boleh bawa bendera dacing, bulan waktu berarak merdeka itu. Saya dah nasihatkan DO, *stop* setakat itu sahaja, tidak boleh, akan datang berarak pakai Jalur Gemilang. Oh setuju, sebab rupanya dia tidak faham semangat patriotik, dia ingat hendak bawa parti. Tidak ada, saya pun tidak pikul dacing masa itu.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Pasir Puteh, boleh saya buat pembetulan?

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad: Allah, silalah Abang Mat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tuan Pengerusi, bendera bulan itu memang tidak boleh bawa, bendera PAS memang tidak boleh bawa, bendera DAP memang tidak boleh bawa tetapi bendera UMNO boleh bawa kerana UMNO dan kemerdekaan tidak boleh dipisahkan. Oh, jadi tarik balik kenyataan itu khusus bendera DAP, PAS tidak boleh bawa, kan? Tidak boleh. Tetapi bendera UMNO boleh bawa kerana UMNO negara merdeka dan UMNO dan kemerdekaan tidak boleh dipisahkan umpama lagu dan irama. *[Ketawa]*

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad: Terima kasih Tuan Pengerusi, nasihat orang yang veteran, tetapi sebenarnya kalau ada UMNO, PAS depan dua-dua ketua, kita bagilah bawa sama-sama tidak kisah, ini dia seorang yang bawa. Tetapi saya setuju kalau boleh bawa Jalur Gemilang tetapi kalau dibuat oleh kita pada hari kemerdekaan itu ialah dipelopori oleh UMNO kerana merdeka itu oleh UMNO saya setuju, itu dia.

Tuan Haji Ismail bin Noh: *[Bangun]*

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad: Sekejap lagi saya bagi, saya hendak habiskan sedikit ayat takut lupa. Menyentuh soal kita duduk susah hati dengan empat wilayah. Saya pun anak-beranak saya sebelah sana juga. Anak sepupu saya pun duduk sebelah sana sebab dalam soal negara ini dia ada geografi dia. Walaupun kita dari segi umat Islam kita tidak ada batas, kita baca dalam kitab mana pun umat Islam dalam dunia kita mesti tolong.

Tetapi dalam geografi, apabila kita tubuh sebuah negara, dulu zaman Nabi Muhammad tidak ada negara, dia kira dunia, sebab itu dia kata Muhammad boleh menakluki tiga suku dunia, tidak ada siapa boleh melawan. Tetapi selepas itu dia tubuh-tubuh kerajaan, apabila ada khalifah-khalifah selepas itu dia tubuh kerajaan. Thailand ada negara dia, Malaysia ada negara dia. Cuma kita ini kita jangan takut. Pertahanan kita mesti kuat. Kalau semua Yang Berhormat tidak setuju hendak tambah alat-alat senjata hendak *repair* kita punya kekuatan ini ertinya kita tidak ada bersiap-sedia tidak menunaikan ayat Al-Quran. Kita baca ayat tidak tunai ayat Al-Quran. Kalau *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]* "Kena siap sedia bila-bila" bukan kita hendak berperang, tetapi bila orang menjual kita beli, jangan kita menjual, itu dasarnya. Bagaimana? Setuju? Jangan kita jual, orang jual kita beli.

Maka sebab itulah bagi saya apabila kita rasa penganiayaan berlaku di Thailand, penganiayaan berlaku di Afghanistan, penganiayaan berlaku di Bosnia, penganiayaan berlaku di Baghdad, semuanya penganiayaan ini termasuklah di Indonesia itu juga penganiayaan berlaku. Ini semuanya dalam negara mereka masing-masing kenapa mereka tidak menjaga negara masing-masing? Dah jaga tetapi ada kesilapan teknik sedikit-sebanyak menyebabkan kelemahan kita terbuka. Sebab itulah bagi saya Malaysia kenapa tidak jadi begitu? Kerana Malaysia masyarakat majmuk tetapi majmuk pun kita boleh hidup dengan aman-damai. Kita memelihara agama mereka tidak mengkhianati, mereka tidak mengkhianati agama kita. Ini yang kita hendak jaga.

Sebab itu parti pembangkang kena ingat. Jangan ditimbulkan benda-benda sensitiviti yang tidak perlu ditimbulkan dalam Dewan ini. Kalau hendak timbul dalam

kedai, tempat kita minum, tempat berbincang saya terbuka, minda saya terbuka. Tetapi kalau Dewan jangan kita sebut kerana menjadi satu rekod, menjadi satu dasar kalau sudah kita putuskan melalui kita punya Perlembagaan kita, kita ikut. Cuma kita perbaiki sahaja dari masa ke semasa. Maka saya tidak hendak ambil peluang yang panjang kerana saya tahu tiga-tiga butiran ini adalah penting. Kerana Ustaz Wil minta lagi, kena bagilah Pasir Mas.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Pasir Puteh. Saya tertarik dengan apa yang disebut oleh Sri Gading sekejap tadi di mana yang dibolehkan bendera UMNO sahaja kerana UMNO yang menuntut kemerdekaan. Saya kata fakta sejarah ini tidak betul ini. Fakta sejarah ini mesti diperbetulkan. Barangkali Sri Gading baca sebelah, tidak baca semua. Kerana yang menuntut kemerdekaan ini bukan sahaja UMNO. Selain daripada Tungku Abdul Rahman di sana ada Dr. Burhanudin Hilmi sama-sama menuntut kemerdekaan, di sana ada Ahmad Bustaman menuntut kemerdekaan, di sana ada Ishak bin Haji Mohamad menuntut kemerdekaan.

Jadi kalau UMNO boleh bawa bendera dia, PAS boleh bawa bendera PAS. Kalau UMNO boleh bawa bendera dia, yang lain boleh bawa bendera dia. Yang paling penting hari itu hari kemerdekaan biarlah Jalur Gemilang sahaja. Kalau hendak taruh PAS pun, taruklah kecil-kecil pun tidak apa, hendak taruk UMNO pun kecil-kecil pun tidak apa. [Ketawa] Tetapi kalau hendak selewengkan fakta kemerdekaan ini saya tidak setuju kerana yang menuntut kemerdekaan itu selain daripada Tungku Abdul Rahman, bekas Perdana Menteri kita, selain daripada itu ramai lagi di belakang ini.

Yang masuk penjara Dr. Burhanudin Hilmi, yang masuk penjara apa ini, Ishak Haji Muhamad, Ahmad Bustaman dan ramai lagi kawan-kawannya di waktu itu. Kerana itulah tidak kerana hasil daripada mereka menuntut kemerdekaan. Tidak masuk penjara dengan begitu sahaja, *free*, tidak, Inggeris tangkap masuk mereka kerana mereka menuntut kemerdekaan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz : Pasir Mas, saya pun baca sejarah ini.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Saya rasa mesti....

Tuan Pengerusi: Sila Yang Berhormat, ya Sri Gading.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih Tuan Pengerusi. Orang PAS, soal sejarah yang memperagakan, membanggakan, memuji, memuja UMNO dia mesti nafikan, biasalah. DAP pun nafikan sejarah sehingga Chin Peng pun dia kata juara kemerdekaan. Tetapi semua orang tahulah, kalau kita hendak cerita sejarah-sejarah yang berikut ini kita tahulah - Ishak Haji Muhamad, Pak Sako Ibrahim Yacob dan sebagainya, kita boleh baca tetapi hakikatnya UMNO lah, daripada hidup Melayu kepada negara merdeka, selepas itu bersama-sama rakan-rakan dalam MCA, MIC.

Kalau hendak dikirakan inilah pelopor yang menyebabkan negara merdeka. Tidak ada PAS, tidak ada DAP maka sebab itu kalau dalam hari-hari bersejarah menyambut kemerdekaan tidak salah kita bawa bendera UMNO. Kita hendak bawa bendera PERIKATAN dah tidak ada bendera itu kapal layar. Bolehlah, bawa bendera Barisan Nasional lah.

Tuan Pengerusi: Baik.

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad: Terima kasih Sri Gading. Yang ini kita serah kepada Tuan Pengerusi untuk membuat keputusan. Jadi bagi saya, saya hendak sambung sedikit lagi yang mana apabila kita mengatakan bahawa dalam Fasa 3, kita sebut. Ini Fasa 3 saya tidak sebut parti takut mereka marah pula. "Memperjuangkan Melayu memartabatkan Melayu, agama, bangsa dan negara." Jelas dalam itu, dalam perlembagaan orang lain tidak ada. Maka kita tidak pertikaikan soalan itu. Cuma saya pertikaikan macam mana yang disebut tadi negara-negara yang nisbahnya minoriti atau majoriti ditindas, diperkosakan oleh kuasa-kuasa besar, kalau kita tengok ada kelemahannya.

Semalam saya bangkit mengenai Mesir, Yang Berhormat Pasir Mas setuju dia kata Mesir ini subsidi roti tiap-tiap tahun 10 sen, 5 sen subsidi betul. Tetapi kenapa Mesir 60 juta tidak lawan 3 juta setengah Israel? Dulu dia lawan Israel kalah tahun 1971, betul tidak? Kenapa dia tidak lawan sekarang ini? Kerana ia hendak bagi subsidi tidak ada duit maka Amerika bagi hutang hapus hutang, bagi hutang hapus hutang. Saya tidak cerita berapa bilionlah. Ini menunjukkan bahawa kita berdiam diri.

Cuba Arab bersatu, Israel pun boleh kalah walaupun Amerika hendak tolong dia sebab Amerika jauh.

Inilah kalau hendak cerita perang. Maka bagi kita juga Malaysia walaupun kecil, sekangkang kera saya sebut. Malaysia adalah 25 juta penduduk. Tetapi dalam 25 juta kalau kita tengok Baghdad hanya 18 juta. Kenapa Baghdad tidak boleh hancur? Bukan kita hendak berdoa kita hancur tetapi kita baca ayat Al-Quran [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] "Berapa banyak golongan sedikit boleh mengalahkan golongan yang banyak." Bukan soal banyak sedikit, soal banyak kualiti, sedikit kualiti. Kita tidak bincang soal kuantiti tetapi ghalibnya kuantiti ini kita hendaklah, Tuan Pengerusi. Jadi sebab itulah bagi saya, alat-alat senjata ini perlu. Walaupun kita tahu ada benda-benda yang telus, kita sudah ada etika kerja, kita ikut. Kita ikut peraturan, ikut sekular, yang hendak kata menyeleweng lagi komisen itu cerita lainlah.

Kalau selagi ada manusia seadanya dunia, mesti ada komisen. Sembahyang pun Allahuakbar pahala, hendak masuk syurga belum apa-apa Tuhan kata bangsat betul. Baru Allahuakbar syurga dah, misalnya. Bagi orang Fikah, bagi orang Tasawuf lainlah. Maka dengan sebab itu bagi saya alat-alat senjata ini soal hendak beli itu satu cara, bab lain kita ikut peraturan. Cuma kita hendak supaya peruntukan disediakan lebih besar. Kita tidak hendak 'gege' (bising) dekat orang, beli alat senjata moden, saya kalau boleh kapal selam macam hak Mesir pakai dahulu.

Orang lain terlepas, dia pergi cari lagi peluru. Ini bukan main-main ni? Dia macam besi berani, dia cari, dia boleh tembus kapal itu, walaupun terlepas dah masuk kawasan kita. Kita nak supaya kapal terbang yang datang terlepas sampai ke Kelantan. Dia boleh ikut sampai ke Kelantan. Baru cari peluru macam tu, baru katakan 'Sum 7'. Mahal pun puas hati. Ini kita dok tembak kapal terbang lepas, tembak pergi ke atas, tidak tahu ke mana. Jadi minta maaf..

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad: Saya nak supaya senjata yang canggih ini gunakan *computerise*. Kita tak usah dok main di padang, dalam hutan dah. Duduk di rumah, duduk di mana, picit saja. Amerika datang saja, picit saja,.. [*Ketawa*] Ini yang kita nak, tapi dengan baca doalah.

Tuan Pengerusi: Okey, Yang Berhormat, sudah.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad: Terima kasih, saya menyokong di atas belanjawan ini.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat, sekarang saya minta Yang Berhormat Menteri untuk menjawab.

3.31 ptg.

Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan [Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak]: Tuan Pengerusi, saya ucap terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam perbahasan Perbekalan Tambahan peringkat Jawatankuasa untuk Kementerian Pertahanan di bawah Peruntukan P.60, tapi ada yang masuk *court*, ada yang tak masuk *court*. [*Ketawa*] Tapi tak apalah saya, saya ambil perhatian di atas perkara-perkara yang telah dibangkitkan.

Pertamanya, tentang kedudukan bersabit dengan NDSB, iaitu *Naval Dockyard Sdn. Bhd.* yang diberi kontrak penswastaaan untuk menyiapkan 6 buah, sebenarnya 6 buah yang diberi kontrak, bukan 27 ya, 6 buah sahaja. Ini ialah kerana kerajaan ingin melihat kemampuan *Naval Dockyard* menyiapkan kapal-kapal tersebut.

Sebagai latar belakang saya nak beritahu kepada Yang Berhormat, terutama sekali Yang Berhormat Tumpat dan juga Yang Berhormat Ipoh Timor, perkara ini telah diputuskan dalam tahun 1993 lagi. Yakni, penswastaaan semasa itu. Termasuk sokongan kuat daripada Menteri Kewangan pada masa itu juga menyokong kuat projek NDSB diswastakan ya. Jadi, bukan salah siapa, kita tidak tahu perkembangan selepasnya. Dan kita dapati bahawa syarikat berkenaan itu banyak juga kelemahan-kelemahannya. Sebab itulah kerajaan melalui LTAT telah..

Dato' Kamarudin bin Jaffar: [*Bangun*]

Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: ...nanti bagi saya habis sekejap ya. LTAT telah mengambil alih pengurusan syarikat tersebut sepenuhnya.

Jadi, pada masa sekarang ini, pengurusan asalnya tidak ada lagi dalam menguasai pengurusan NDSB. Tetapi *Boustead*, iaitu anak syarikat LTAT mengendalikan sepenuhnya pelaksanaan ataupun melaksanakan sepenuhnya pembinaan kapal-kapal OPV.

Kita ingin bersikap telus dalam hal ini. Sebab itulah bila PAC minta untuk buat lawatan ke Limbungan Lumut, saya telah minta Kementerian Pertahanan beri kerjasama sepenuhnya supaya PAC dapat melihat segala-gala berhubung dengan kerja yang telah dilakukan. Kita juga sedia untuk menimbangkan syor-syor yang telah dikemukakan oleh PAC kepada pihak kerajaan. Sebab itulah pada masa sekarang ini, langkah pertama kita ialah untuk mengambil alih pengurusan. Itu kita dah berjaya.

Langkah kedua ialah untuk menyiapkan dua buah OPV terlebih dahulu yang hampir siap sebenarnya. Cuma ada sedikit masalah dari segi sistem *command and control*, dengan izin yang belum memenuhi spesifikasi TLDM lagi. Tapi ikut perkiraannya, kapal yang pertama mungkin boleh siap pada bulan Januari tahun hadapan, insya-Allah. Jadi bila siap nanti, ia akan diserahkan kepada TLDM untuk menjalani latihan. Dan seterusnya, kita akan beri tumpuan kepada kapal yang kedua.

Kerajaan belum mengambil apa-apa keputusan berhubung dengan peruntukan tambahan yang dikatakan 30% lagi, sebab kita nak teliti sedalam-dalamnya supaya tidak ada kerugian pembaziran dari segi wang rakyat. Dan di samping itu, kalau ada apa-apa yang telah dilakukan, bercanggah dari segi undang-undang, langgar undang-undang negara, maka pihak berkenaan akan mengambil tindakan selanjutnya.

Tuan Pengerusi: Tumpat ya, Tumpat.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Amat Berhormat Dato' Sri. Saya tidak berhasrat untuk dikaitkan dengan mana-mana individu ketika saya berada di pihak sana beberapa tahun yang lalu. Tetapi oleh kerana ianya dibangkitkan, dan saya terlibat dalam PAC, yang kita tahu, yang jelasnya bahawa kontrak yang diberikan bukan berlaku pada tahun 1993. Kontrak *sum*, dengan izin, jumlah kontrak itu diputuskan dan dinaikkan dengan kadar yang amat besar oleh Menteri Kewangan yang menggantikan Kementerian Kewangan yang dimaksudkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri itu. Saya fikir, itu maklumatnya, sekian.

Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tak apalah, pada masa itu, saya tidak menyalahkan sesiapa, sebab masa itu kolektif keputusannya Yang Berhormat. Dan kita pada masa itu, kita menjangkakan penswastaan adalah agak *fashionable*, Tuan Pengerusi, pada masa itu. Jadi saya nak katakan bahawa kalau kelemahan itu, pada masa itu tidak diduga kelemahan akan berlaku. Itu maksud saya sebenarnya. Ya..

Tuan Lim Kit Siang: Adakah benar bahawa PSCI ada memohon tambahan belanjawan RM1.8 bilion untuk 6 buah OPV ini, oleh kerana itu merupakan *batch* pertama, 6. Sungguhpun Yang Amat Berhormat ada kata bahawa 6 sahaja, dan bukan 27, bukannya dalam perjanjian atau memorandum yang asal ialah untuk 27 buah OPV sampai tahun 2021 dan untuk menyiapkan semua 27 OPV. Apa pendirian kerajaan mengenai permintaan tambah RM1.8 bilion? Oleh kerana tentulah tak mungkin bukan sahaja 6 buah OPV itu, tetapi 2 OPV yang pertama untuk disiapkan tanpa belanja tambahan.

Dan adakah benar bahawa daripada 6 buah OPV itu selain daripada 2 yang pertama, Yang Amat Berhormat kata mungkin siap pada bulan Januari, lain-lain 4, barulah 8 ke 9, kurang dari 10% siap, dan dalam pengambilan pengurusan PSCI oleh LTAT melalui *Boustead*, mengapa bekas CEO PSCI masih kekal sebagai *number two* dalam syarikat PSCI? Bukankah ini menunjukkan bahawa tidak ada risiko perlu dipikul oleh sesiapa sungguhpun mengakibatkan kerugian yang begitu besar.

Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Pengerusi, pengambilan alih ini dalam proses sebenarnya. Tetapi matlamatnya bererti bahawa semua pengurusan atasan NDSB ini akan diganti dengan pengurusan yang baru. Jadi kita tidak akan menggunakan pengurusan dahulu dalam pentadbiran NDSB yang baru nanti. Tentang peruntukan tambahan dan sebagainya, setakat ini kita belum tentukan, tapi kontrak yang sebenarnya ialah untuk 6 sahaja. Walaupun perancangan jangka panjangnya memang 27, tetapi kontrak yang kita tandatangani ialah untuk 6 sahaja.

Yang Berhormat dari Tumpat bertanya tentang projek kapal selam. Saya nak beritahu bahawa kedua-dua kapal selam itu berjalan dengan lancar, iaitu kapal pertama dan kedua itu lebih kurang 40% dah siap. Dan dijangka projek kapal selam ini dari segi pembangunan fizikalnya mengikut jadual, cuma dari segi latihannya mungkin memakan masa lebih dari kita jangka, oleh sebab kita tidak boleh kompromi dari segi tempoh latihan, kerana pengendalian *submarine* ini atau kapal selam ini adalah amat sensitif dan oleh itu kita kena laksanakan dalam tempoh masa yang secukupnya.

Tentang soal Selat Melaka, ini juga dikaitkan dengan hubungan kita dengan negara Thailand yang disentuh oleh Ahli Yang Berhormat yang lain seperti Ahli Yang Berhormat bagi Pasir Mas. Ahli Yang Berhormat bagi Pasir Mas dia tidak bercakap bawah P.60 tetapi dia sentuh fasal bab pelarian 331 orang itu. Sebenarnya bukan 331, 131. Dia tambah 200 lagi.

Puan Teresa Kok Suh Sim: *[Ketawa]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Menyampuk]*

Beberapa Ahli: *[Menyampuk] [Dewan riuh]*

Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Ya? Dia suka tambah? Dia suka tokok-tambah. 131 jadi 331 *[Disampuk]*. Ya. *[Ketawa]*

Tentang hubungan kita dengan jiran kita, kita mengambil pendirian bahawa macam mana pun kita kena menguruskan hubungan kita dengan negara-negara jiran. Dalam erti kata, kalau kita ada masalah pun, kita cuba selesaikan masalah kita. Kalau kita ada masalah dalam satu bidang, tidak bererti bahawa kita tidak boleh kerjasama dalam bidang yang lain. Kalau kita hendak putus hubungan kita sama sekali, ini akan merugikan kita.

Ini akan menimbulkan ketegangan dengan negara-negara jiran. Itulah sikap kita. Namun demikian, dari segi prinsipnya kita tidak lari daripada prinsip hak asasi manusia. Sebab itulah 131 ini masih berada di Malaysia. Kita tidak serah bulat-bulat kepada negara Thailand melainkan kita ada jaminan dari segi hak asasi mereka tidak akan dicabuli oleh negara Thailand. Pada masa sekarang ini, persefahaman kita dengan negara Thailand adalah berasas kepada prinsip. Prinsip ini kita tetap pertahankan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Ya, Sri Gading.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Menteri. Saya merasa bangga dengan kebijaksanaan pemimpin-pemimpin kita kerana tidak akan mencampuri urusan negara luar. Urusan negara lain, itu urusan negara lain. Cuma saya berharap kerana kita terlampau rapat dengan negara jiran ini dan hubungan rakyat antara kedua-dua negara itu rapat, bolehkah tidak agaknya Malaysia dengan kerapatan hubungan yang akrab seperti ini memberikan pandangan-pandangan yang boleh menguntungkan kedua-dua pihak bahawa masalah orang-orang Islam di Selatan Thailand itu harus agaknya dilayan lebih saksama, lebih bertimbang rasa dan lebih berperikemanusiaan. Ini tempat hendak mengganggu. Apakah agaknya Malaysia selaku Pengerusi OIC umpamanya, hubungan baik dalam ASEAN, Pengerusi NAM umpamanya, supaya masalah yang berbangkit di Thailand itu dapat diselesaikan dengan aman damai, dengan seberapa segera.

Ini kerana, perkara yang berlaku di negara jiran tidak dapat kita hendak elakkanlah, bahawa ia akan memberikan kesan yang tidak baik kepada negara jiran yang lain. Sebab itu Malaysia, di mana pemimpin-pemimpin Malaysia lalu menganjurkan kata-kata yang penuh hikmat. Jiran yang kaya akan lebih membahagiakan jiran yang rapatlah. Jiran yang baik akan mendatangkan kebaikan kepada jirannya. Itu kata-kata daripada kita sebenarnya. Apa pandangan Yang Amat Berhormat dalam hal ini?

Tuan Pengerusi: Ya.

Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tan Sri Tuan Pengerusi, sebenarnya kita telah memainkan peranan kita tanpa kita memberi terlalu banyak kenyataan secara umum. Tetapi dalam perjumpaan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan Perdana Menteri Thailand (Thaksin Shinawatra) dalam perjumpaan saya dengan pemimpin-pemimpin Thailand pun, Menteri Luar kita pun ada main

peranan. Kita telah menyatakan bahawa masalah di Selatan Thailand ini haruslah dilihat sebagai masalah politik, bukanlah masalah keselamatan atau ketenteraan semata-mata. Penyelesaiannya tidak boleh menggunakan tindakan dalam bentuk menggunakan ketenteraan sahaja. Ia mesti dilihat dari sudut yang lebih luas.

Ianya berkait dengan soal perikemanusiaan, soal pembangunan sosioekonomi, soal layanan yang saksama dan sebagainya. Tetapi itulah sahaja yang kita boleh lakukan sebab kalau lebih daripada itu, kita akan dituduh sebagai campur tangan dalam urusan negara lain. Sebenarnya kita sudah memainkan peranan kita dan akan terus memainkan peranan sedemikian. Itulah pendirian kita. Pendirian kita adalah merupakan pendirian berasas kepada prinsip. Kita tidak lari daripada prinsip.

Oleh sebab itulah, apa-apa kita hendak lakukan, kita akan lihat dari segi prinsip dan salah satu daripada prinsip ialah *rule of law*, dengan izin Tuan Pengerusi. Ini yang kita hendak pastikan. Kalau apa-apa kita hendak lakukan, ianya mestilah berasaskan kepada prinsip undang-undang yang menyentuh hak asasi manusia. Tuan Pengerusi, berhubung dengan.....

Tuan Salahuddin bin Ayub: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kubang Kerian.

Tuan Salahuddin bin Ayub: Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Cuma kalau boleh saya minta, *we have to look at the big picture*. Tadi Yang Amat Berhormat sebutkan tadi tentang kemanusiaan dalam politik. Apa status sebenarnya 131 orang ini? Status dia dan adakah kerajaan bercadang untuk hantar mereka ini ke negara ketiga demi keselamatan nyawa dan masa depan mereka?

Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Mereka merupakan warganegara yang sudah masuk tanpa kelulusan dan mereka berada di sini di bawah peruntukan undang-undang imigresen. Kita tahan mereka di tempat yang selamat mengikut peruntukan Undang-undang Imigresen. Kita belum putuskan apa hendak berlaku. Ini bergantung kepada bukti terhadap mereka ini nanti sama ada mereka ini benar-benar bersalah dan sebagainya dan apa jaminan tentang masa depan mereka? Sebab itu saya katakan apa sahaja keputusan yang akan dibuat oleh Kerajaan Malaysia nanti, ia berdasar kepada prinsip.

Prinsip kita ialah prinsip hak asasi manusia dan *rule of law* mestilah dipertahankan. Tuan Pengerusi, tentang saranan daripada Yang Berhormat bagi Tumpat, kita memang memberi tumpuan kepada *after sales service*, dengan pembelian-pembelian ini sebab ada, saya akui ada kelemahan dengan Rusia dari segi *after sales service*. Tetapi untuk pembelian Sukhoi ini, kita akan memberi perhatian yang lebih supaya tidak berlaku masalah dari segi penyenggaraan nanti.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Penjelasan.

Tuan Pengerusi: Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Terima kasih Tuan Pengerusi dan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Kita maklum bahawa pembelian senjata ini bertujuan untuk memperlengkapkan pertahanan negara. Dalam masa yang sama, saya ingin tahu apakah dasar pertahanan negara kita pada hari ini, sebab saya melihat kita tidak mempunyai satu dasar pertahanan negara. Yang ada cuma *Ad-hoc Committee*. Jadi sekiranya ada berlaku mana-mana serangan, maka apa persiapan kita melalui *Ad-hoc Committee* ini sedangkan negara-negara lain mereka mempunyai satu dasar pertahanan yang boleh dikerah bila-bila masa. Apa persiapan negara kita? Apakah kita akan mewujudkan satu pertahanan negara yang lebih komprehensif dan boleh meyakinkan masyarakat kita? Terima kasih.

Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Pengerusi, ini peringkat Jawatankuasa, sudah menyentuh soal dasar. Tetapi saya hendak menyatakan bahawa kita ada dasar pertahanan negara tetapi dasar kita bukan bererti kita hendak memikirkan ancaman daripada selatan ke, utara ke, timur ke, kita tidak ada dasar dari segi hendak menghalakan tumpuan kita kepada sesebuah negara seperti masa dahulu. Kita punya dasar ialah untuk membangunkan pertahanan negara supaya kita dapat melindungi kedaulatan negara kita sekiranya ada ancaman dari luar. Itu ada, ada dasar kita dan ada tindakan-tindakan pelan yang boleh kita guna pakai sekiranya sesuatu ancaman benar-benar berlaku nanti.

Tentang CN235 yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Tumpat. CN235 ini sebenarnya syarikat yang masih beroperasi, ia tukar nama. Ia dahulu IPTN, sekarang ini *Indonesian Aerospace*. Ia telah dikecilkan saiznya tetapi ia masih beroperasi.

Ahli Yang Berhormat bagi Ipoh Timor bangkit tentang - Saya rasa tidak perlu kita mengadakan *Parliamentary Select Committee* dalam hal ini sebab masalah pertahanan negara ini ada banyak berkaitan dengan soal *national security*, Tuan Pengerusi. Jadi, bukan semua maklumat boleh kita dedahkan secara terbuka sebab ini bererti bahawa keselamatan negara kita akan dikompromi sekiranya kita melakukan perkara itu.

Namun kita terima bahawa sebarang pembelian yang kita lakukan mestilah merupakan pembelian yang telus dan kita perlulah menyanjung prinsip integriti yang sedang diperjuangkan oleh kerajaan. Lagi pun saya hendak maklumkan bahawa kalau sekiranya kita beli dari negara Eropah umpamanya, mereka ada undang-undang yang amat ketat sekarang ini. Negara-negara OECD ada perundangan-perundangan yang ketat. Jadi, kalau ada apa-apa pembelian, komisen dan sebagainya yang bertentangan dengan undang-undang ini, maka tindakan boleh diambil oleh negara yang berkenaan terhadap syarikat yang berkenaan.

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan.

Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Ya.

Tuan Lim Kit Siang: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Yang Amat Berhormat kata bahawa tidak sesuai untuk mengadakan satu *select committee* untuk pertahanan oleh kerana isu yang bersabit ialah *security national*, ada maklumat-maklumat yang sensitif. Adakah ini bererti bahawa kerajaan tidak menaruh kepercayaan kepada Parlimen atau Ahli-ahli Parlimen kerana akhirnya kerajaan bertanggungjawab kepada Parlimen dan bukan sebaliknya.

Kalau di negara-negara yang lain, yang ada mengamalkan sistem Demokrasi Berparlimen, boleh mengadakan Jawatankuasa Parlimen, termasuk mengenai pertahanan tetapi dalam perkara yang bersabit dengan *national security* adalah *confidentiality*, tidak diumumkan kepada orang ramai tetapi ada kepercayaan kepada ahli-ahli dalam satu jawatankuasa mengenai pertahanan supaya kongsi keputusan proses *decision making*.

Kenapa dalam negara kita, kita tidak boleh sampai satu tahap di mana kerajaan boleh ada kepercayaan, *confidence* kepada Ahli-ahli Parlimen, sekurang-sekurang satu *Parliamentary Select Committee*, di mana perkara-perkara yang bersabit dengan *National Security* adalah *confidentiality*?

Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Pengerusi, dasar kerajaan bukanlah semua bidang kita perlu ada *Select Committee*, cuma bidang-bidang tertentu sahaja yang mana melibatkan pendirian bersama antara parti pembangkang dan parti kerajaan wajar kita buat perbincangan *Select Committee*. Umpamanya soal integriti, soal perpaduan nasional. Ini merupakan perkara yang diperjuangkan bersama oleh kita, maka itu wajarlah diadakan *Select Committee*. Dalam hal-hal lain, itu adalah kuasa eksekutif yang menentukan dan apa-apa yang diputuskan oleh eksekutif, akhirnya kita bertanggungjawab kepada Parlimen dan bertanggungjawab kepada rakyat. Itu prinsip yang kita pegang.

Tuan Pengerusi, bersabit dengan perkara-perkara yang lain itu, Ahli Yang Berhormat bagi Pasir Mas, saya ambil perhatianlah sebab saya kata dia tidak masuk *court* tadi, ucapannya, jadi saya ambil perhatian atas perkara-perkara yang disarankan dan begitu juga Ahli Yang Berhormat bagi Pasir Puteh, dia menyokong kuat apa yang kita lakukan, tambah lagi peruntukan, belilah peralatan canggih. Terima kasih, saya ucapkan.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM1,736,045,700 untuk Maksud P.60 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama bagi tahun 2005 di bawah Kementerian Pertahanan hendaklah diluluskan.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM1,736,045,700 untuk Maksud P.60 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.1)2005.

Maksud B.26 [Jadual] -

Maksud P.26 [Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.1) 2005] -

Tuan Pengerusi: Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi. Kepala Bekalan B.26 dan Kepala Pembangunan P.26 di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat bagi Tumpat.

3.56 ptg.

Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada Maksud B.26 - Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi iaitu khusus peruntukan sebanyak RM257,600,000 untuk membiayai tambahan bilangan pelajar baru dalam dan ke luar negara yang ditaja oleh MARA.

Tuan Pengerusi, dalam menyokong peruntukan yang dipohon ini saya ingin sekali lagi menekankan peri pentingnya pendidikan dan peri pentingnya memastikan bahawa rakyat Malaysia seluruhnya dan dalam kes MARA ini, bumiputeranya menerima peluang pembiayaan pendidikan yang sepenuh-penuhnya. Jadi, dalam hal ini kita bukan sekadar menyokong peruntukan ini tetapi kita mengharapkan beberapa perkara.

Pertamanya, saya kekal ingin mengulangi harapan saya supaya kerajaan menganggap pendidikan sebagai tanggungjawab utama sesebuah kerajaan termasuk dan khususnya dalam masyarakat dan negara kita ini. Oleh itu, saya mengharapkan supaya melalui MARA ini antaranya, kerajaan menganggap dirinya bertanggungjawab memastikan bahawa semua anak bangsa kita, semua anak warga negara kita diberikan peluang untuk menerima pembiayaan oleh kerajaan sama ada melalui MARA ataupun agensi-agensi yang lainnya.

Sebabnya, jelas sekali kerajaan pun menekankan sebagai mana yang saya sebutkan tentang pentingnya modal insan dalam pembangunan seluruh negara kita ini. Oleh itu, modal insan yang terlatih memerlukan pendidikan dan oleh sebab itu pembiayaan untuk warga negara kita, anak-anak kita adalah amat penting dan mustahak.

Oleh itu, saya ingin supaya MARA, agensi-agensi dan jabatan-jabatan kerajaan menganggap sama ada untuk bumiputera ataupun bukan bumiputera, selagi mereka ini tidak ada kemampuan selepas beberapa syarat dikenakan, seperti mereka bukan anak Menteri, mereka bukan anak Menteri Besar, mereka bukan anak Ahli Exco Kerajaan Negeri, mereka bukan anak jutawan dan sebagainya, mereka adalah orang-orang yang tidak mempunyai kemampuan untuk menanggung pendidikan mereka secara sendiri, maka kerajaan mesti mengambil tanggungjawab untuk membiayai pendidikan mereka ini, sama ada melalui pinjaman ataupun separuh pinjaman.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Penjelasan, Yang Berhormat. Boleh, Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi: Ya, sila.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih, Yang Berhormat kerana pandangan. Sebenarnya bila Yang Berhormat cakap untuk orang jutawan, yang itu tak apalah kita tidak usah bagi, orang senang tidak usah bagi. Tetapi Yang Berhormat, anak-anak wakil rakyat pun susah, Yang Berhormat pun tahu, wakil-wakil rakyat ini. Kita pun bukan mampu. Kadang-kadang kita sokong anak orang dapat, mai tang anak kita sendiri tak boleh, atas alasan kita wakil rakyat, kita Yang Berhormat. Yang Berhormat itu tajuk sahaja. Kepala sahaja Yang Berhormat – 'P' sahaja, 'B' tak ada.

Jadi saya minta Yang Berhormat janganlah sebut yang tu pasal banyak juga Yang Berhormat yang susah, ADUN-ADUN gaji berapa duit, Ahli Parlimen berapa duit. Saya sendiri pun biasa pergi minta tidak dapat pasal Yang Berhormat, mengikut pendapatan Yang Berhormat no? Chong Eng you sokong ho?

Puan Chong Eng: Sokong, sokong saya miskin juga.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: *Haola, haola, haola.*

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Saya sangat menghargai dan saya memang menyokong pandangan itu. Sebab itu saya sebut anak menteri, Menteri Besar dan Ahli-ahli Exco, anak Ahli Parlimen layak, yang kahwin dua atau lebih itu lagi layak kerana perlu membiayai lebih banyak daripada satu isteri. Jadi itu cadangan saya, Tuan Pengerusi.

Keduanya, saya ingin menyeru dalam pemberian biasiswa atau pinjaman dan dalam memastikan anak-anak negara kita ini berjaya tidak ada perkiraan politik kepartian perlu dan dikenakan kepada anak-anak kita ini sama ada mereka penyokong kerajaan, pro aspirasi, anti aspirasi atau apa-apa sekali pun pemikiran politik mereka, ini adalah anak-anak kita belaka. Kadang-kadang anak-anak kita dalam kampus, nampak anti kerajaan, keluar kampus lagi kuat pro kerajaan daripada keadaannya.

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: *[Bangun]*

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Kadang-kadang dalam kampus pro kerajaan..... Silakan Yang Berhormat Ketereh.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Ketereh.

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: Saya berterima kasih kepada Yang Berhormat Tumpat kerana bagi peluang. Tuan Pengerusi, saya hendak maklum kepada Yang Berhormat bagi Tumpat, sebulan lepas saya pergi ke Indonesia, saya hantar pelajar-pelajar termasuk anak saya buat perubatan di Universiti Hasanuddin.

Kebanyakan pelajar dapat pinjaman JPA, kita bincang MARA tetapi saya hendak sebut pasal dia sebut konon anak ada anak-anak orang yang Parti Pembangkang tidak dapat. Bersama anak saya itu ialah anak Dr. Lok Lok. Saya tidak kenal Dr. Lok Lok ini,. Rupa-rupanya Dr. Lok Lok ini adalah aktivis PAS. Kemudian saya jumpa sahabat saya lama belajar di Australia sekali nama dia Dr. Mash'ud. Dr. Mash'ud ini sama dengan saya di Australia dia pernah jadi calon PAS pilihan raya baru ini di Negeri Sembilan.

Seorang Ahli: Ishak Mash'ud.

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: Dr. Ishak Mash'ud ya, anak dia sama dan juga dapat biasiswa. Jadi saya hendak bagi maklumat fakta bahawasanya siapa sahaja di Malaysia ini yang layak, tidak kira anak siapa, insya-Allah dapat.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Terima kasih Yang Berhormat Ketereh, saya ingat semangat itulah yang kita mahu supaya tidak ada pertimbangan ataupun apa-apa dikenakan kepada sesiapa sekali pun di kalangan anak-anak kita yang perlu kepada pendidikan tinggi supaya diberikan pembiayaan.

Point ketiga saya, ekoran juga daripada apa yang Yang Berhormat bagi Ketereh sebut tadi pendidikan anak-anak kita di luar negara seperti perubatan di universiti-universiti di Indonesia. Kita tahu pendidikan tinggi khususnya dalam bidang perubatan adalah sulit, boleh dikatakan seluruh universiti dunia ini yang mempunyai fakulti-fakulti pendidikan dan Yang Berhormat Tuan Pengerusi pun sudah tentu maklum mengenakan syarat-syarat dan kuota-kuota yang menyulitkan anak bangsa lain, warganegara lain untuk masuk ke universiti-universiti mereka.

Oleh itu kadangkala kita mencari ke tempat-tempat seperti di Rusia, mana-mana lagilah yang mana kadang-kadang mereka ini tertipu sebagaimana yang berlaku dan mengorbankan anak-anak kita dan mengorbankan selama 3 bulan Setiausaha Parlimen MIC kita. Ini saya fikir adalah satu masalah yang besar dan saya ingin menyeru kepada pihak kerajaan sebagai cadangan misalnya, tidakkah mampu kerajaan misalnya berunding dengan fakulti-fakulti perubatan.

Misalnya di Indonesia, suatu perjanjian atau kontrak jangka panjang yang mana kita melalui pembayaran-pembayaran yang tertentu mengikat kontrak dengan universiti-universiti dan fakulti-fakulti perubatan di Indonesia misalnya, bahawa kita hendakkan di universiti ini tiap-tiap tahun 100 orang atau 200 orang warga Malaysia yang ditaja oleh negara kita mendapat tempat di universiti dan di fakulti-fakulti tersebut.

Ini akan memberi jaminan kepada warga kita, anak-anak kita untuk mendapat tempat di universiti-universiti luar negara memandangkan tidak cukupnya tempat-tempat dalam negara kita ini.

Malah lebih daripada itu kalau kerajaan berupaya, kita langsung kalau dibolehkan dan ada usaha-usaha untuk kita beli secara swasta universiti-universiti di luar negara seperti di Indonesia, seperti universiti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Ketereh itu jika boleh dan mereka sedia untuk menerima tawaran kita, kita menganggap bahawa universiti-universiti dan fakulti-fakulti perubatan khususnya kita ambil alih secara swasta supaya ianya dapat menjamin anak-anak kita mendapat tempat di universiti dan khususnya di fakulti perubatan. Itu pandangan saya, Tuan Pengerusi, terima kasih.

Tuan Nasaruddin bin Hashim: [Bangun]

Tuan Salahuddin bin Ayub: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat Parit.

4.06 ptg.

Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]: Terima kasih Tuan Pengerusi saya....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Lepas Yang Berhormat bagi Parit, Yang Berhormat bagi Kubang Kerian, lepas itu menteri menjawab.

Tuan Nasaruddin bin Hashim: Saya menyokong Peruntukan Tambahan ini, cuma hendak mendapat penjelasan daripada pihak kerajaan berkaitan dengan Program HELP III anjuran bersama Yayasan Pelajaran MARA dan Kerajaan Jepun.

Jadi, Tuan Pengerusi, saya ingin tahu berapa ramai pelajar yang telah dihantar di bawah program ini sejak program ini dilaksanakan dan apakah bidang-bidang pengajian yang boleh pelajar ini memasuki universiti di Jepun sana, sama ada bidang yang pengajian ini kritikal atau sebagainya.

Yang ketiganya, oleh kerana ini merupakan program anjuran bersama Yayasan Pelajaran Mara dan Kerajaan Jepun, jadi pihak kerajaan kita mengeluarkan perbelanjaan di sini RM24.7 juta tambahan dan kita ingin tahu apa pula sumbangan Kerajaan Jepun dalam membiayai program ini. Adakah mereka menyediakan tempat pelajar yang ada subsidi atau sebagainya kerana apabila disebut program bersama mestilah ada sumbangan daripada Kerajaan Jepun. Tambahan pula Jepun merupakan kerajaan yang sudah maju. Jadi dalam usaha untuk membangunkan pendidikan di negara kita tentulah ada semangat daripada pihak Jepun. Itu sahaja, Tuan Pengerusi, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat Kubang Kerian, cakap.

4.08 ptg.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Menyentuh tentang Perkara B.26 ini, Tuan Pengerusi, saya mengalu-alukan usaha MARA untuk menghantar lebih berapa ramai lagi pelajar-pelajar kita untuk menimba ilmu mereka di pusat-pusat pengajian tinggi sama ada di dalam negeri ataupun di luar negara.

Sebagaimana yang saya sebut dalam ucapan saya dalam *budget* tambahan ini di peringkat dasar bahawa kalau boleh di masa akan datang bahawa pemberian biasiswa ini dikembalikan kepada golongan bumiputera ini supaya masa depan mereka lebih terjamin dan apa yang penting ialah penguasaan ilmu di peringkat tinggi ini adalah dipastikan bahawa anak-anak bumiputera ini tidak keciciran di sepanjang jalan mereka.

Point yang kedua, Tuan Pengerusi, adalah tentang bagaimana saya mengharapkan pelajar-pelajar MARA ini juga yang dihantar oleh MARA dalam bidang pengajian tinggi ini dapat menumpukan khususnya dalam bidang teknologi makanan kerana Tuan Pengerusi, perkara yang sangat serius berlaku hari ini ialah sebagaimana yang dicetuskan ataupun dikemukakan oleh akhbar hari ini tentang 95 peratus industri makanan halal dikuasai oleh usahawan yang bukan Islam. Ini perkara yang sangat serius yang sedang berlaku dalam negara kita dan saya berpandangan bahawa pelajar-pelajar tajaan MARA ini kalau boleh ada di kalangan mereka akan lahir sebagai usahawan yang akan dapat memenuhi kelompangan

ataupun vakum dalam industri ini kerana ini sangat serius, ini melibatkan permasalahan yang berlaku, masalah yang kita akan kembali ke belakang dalam kita mempersoalkan tentang produk halal ataupun haram ini.

Kerana Tuan Pengerusi, di seluruh negara sekarang ini ada kira-kira 8,000 restoran Muslim, kita ada 8000 premis tetapi sama ada minumannya dan makanannya adalah masih lagi dipertikaikan tentang halal dan haramnya. Ini berdasarkan kepada bukti yang dikeluarkan oleh majalah Kasih, daripada Pengarah Kasih Dia Sdn. Bhd yang penerbit majalah Jurnal Halal yang telah mengemukakan perkara ini tentang betapa seriusnya perkara ini berlaku.

Business ataupun perniagaan produk makanan halal ini sekarang ini mencecah USD500 juta setahun. Jadi industri ini masih lagi tidak dapat dikuasai oleh orang-orang Islam dalam negara kita. Sebagai contoh, Tuan Pengerusi, contoh yang nyata tentang kuih bulan yang berlogo halal, seorang usahawan menyatakan mereka mengaut keuntungan RM16 juta setahun.

Apabila dibuktikan tidak halal, maka menurun kepada RM4 juta setahun. Jadi ini Tuan Pengerusi, satu perkara yang saya harapkan supaya ada di kalangan pelajar-pelajar tajaan MARA ini yang menguasai bidang teknologi makanan ini supaya kelompangan ini dapat kita uruskan dengan baik dan tidak lagi berlaku sebagaimana yang berlaku pada hari ini bahawa masalah ini menjadi perkara yang terlalu serius bila 95% industri makanan ini adalah dikuasai oleh usahawan yang bukan Islam. Jadi sekian Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Jawapan daripada Kementerian. Yang Berhormat Timbalan Menteri sila.

4.10 ptg .

Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi [Dato' Khamsiyah binti Yeop]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat yang turut mengambil bahagian dalam perbahasan Anggaran Perbelanjaan Tambahan B.26. Permohonan peruntukan kewangan bagi Belanja Mengurus Penganjuran Pelajaran untuk tempoh dua tahun iaitu 2004 dan 2005 telah dikemukakan kepada Perbendaharaan semasa tahun 2003.

Jumlah peruntukan yang dipohon dan diluluskan bagi dua tahun tersebut adalah seperti berikut; tahun 2004 permohonan kita ialah RM628,544 juta dan peruntukan yang diluluskan ialah RM594,300,440 juta. Di situ kita nampak pengurangan ialah 5.45%. Bagi tahun 2005, permohonan kita ialah RM751,182,256 juta dan kelulusan yang kita perolehi ialah RM649,300,440 juta dan di sini pengurangannya adalah 13.56%. Oleh sebab jumlah peruntukan yang diluluskan oleh perbendaharaan untuk Belanja Mengurus Penganjuran Pelajaran bagi tahun 2004 dan 2005 menunjukkan pengurangan, dengan kekurangan tersebut penajaan MARA untuk tahun 2005 tidak cukup untuk menaja pelajar yang sedia ada pelajar-pelajar baru.

Oleh itu MARA telah memohon tambahan peruntukan sebanyak RM257.6 juta dan bagi membantu *higher education loan project* yang ketiga kita memerlukan peruntukan sebanyak RM24 juta. Dan menyebabkan keseluruhan ialah RM282,349,696 juta.

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat yang membangkitkan masalah pemberian atau pembiayaan kepentingan pendidikan pelajar-pelajar kita. Yang Berhormat perlu tahu bahawa hakikat MARA sememangnya kalau boleh kita nak membiayai kesemua pelajar kita yang cemerlang. Untuk pengetahuan semua, oleh sebab kecemerlangan pelajaran kita amat membanggakan....

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: *[bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, Ketereh bangun.

Dato' Khamsiyah binti Yeop: Ya.

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya ambil perkataan cemerlang, bila cemerlang itu saya cepat-cepat bangun sebab saya tunggu lama hal MARA cemerlang ini. Ini yang jadi masalah kepada pelajar kita. MARA pada zaman Menteri dahulu, bukan Menteri dahulu terdahulu, Menteri dahulu dahulu, bukan Menteri Jabatan

Perdana Menteri yang baru masuk tetapi Menteri dahulu buat keputusan MARA hanya bagi biasiswa kepada pelajar yang cemerlang.

Bila saya pergi jumpa Ketua Pengarah MARA, saya tanya apa takrif cemerlang? Sebab cemerlang ini banyak takrifnya 4 *pointer*, 4 flat, 3.9, 3.8, 3.5, dia beritahu mesti 3.5 ke atas. Tetapi mereka tidak mengambil kira jenis-jenis kursus, ada kursus yang memang tak boleh nak dapat 3.5 ke atas. Sebagai satu contoh kursus *architecture* atau kursus *Land Survey* macam kursus saya. *Architecture*, kursus isteri saya sebab itu saya tahu. 85% daripada kursus ini adalah merupakan kerja luar yang kita tak mungkin boleh dapat 80%. Tidak boleh, sebab dia *field work* dan dia merupakan *design*. Paling-paling tinggi *architecture* ini dia boleh dapat 3.2, 3.1, 2.9, 2.7 adalah normal, dapat 3.0 itu kira cemerlang, pelajar yang cemerlang.

Tetapi MARA oleh sebab dah buat satu dasar dulu, bukan dasar baru, dasar dulu. Dasar ini dah lama dah, 8 -10 tahun yang lepas, mesti pelajar cemerlang maka ramai pelajar-pelajar kita yang sebenarnya bagus, tak masuk dalam kategori takrifan cemerlang 3.5 ke atas, tak dapat pembiayaan ini.

Jadi soalan saya ialah apakah Kementerian sekarang di bawah Menteri baru ini,, di bawah peruntukan tambahan yang baru ini, kita sedia menimbangkan pelajar cemerlang tapi tidak meletakkan 3.5 atau 3.6. Kita meletakkan taraf kursusnya kursus apa? *Medicine, architecture, survey*, dan berbagai-bagai. Kalau Kursus Sains Sosial, 3.5 memang tinggilah, memang senang nak dapat pun. Kerana ada kekangan seperti ini menyebabkan anak Melayu yang saya tahu berada di luar negeri tak dapat biasiswa ini. Bila hantar ke MARA, pegawai dia automatik - pegawai ini pun satu hal juga macam automatik mesin, mesin masa masuk saja tolak. Dia tolak, tolak. Tak ada langsung pertimbangan budi bicara. Pada saya budi bicara itu penting, cemerlang (budi bicara). Terima kasih.

Dato' Khamsiyah binti Yeop: Terima kasih Yang Berhormat. Pandangan Yang Berhormat akan diambil kira. Walau bagaimanapun subjek-subjek kritikal yang kita maksudkan, yang kita taja di pihak MARA ialah seperti kejuruteraan, bioteknologi, seperti yang dicapapkan oleh Yang Berhormat bagi Kubang Kerian berkehendakkan bio, kita telah adakan *Science Secretary*, Teknologi Maklumat, Perubatan, Sains Guaman, profesional yang diiktirafkan seperti ACCA dan CIMA, Sastera Ikhtisas dan Sains Tulen.

Jadi untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat semua bahawa kecemerlangan yang saya maksudkan tadi, kejayaan pelajar-pelajar kita khususnya di luar bandar dan di bandar peningkatan begitu mendadak sekali. Dalam tahun 2003, permohonan pelajar untuk tajaan MARA ialah 25,406 yang boleh mampu kita lulus hanyalah 22,676 yang tak dapat tempat di situ ada 2,730. Bagi tahun 2004, peningkatan lebih banyak lagi iaitu permohonan berada 28,870, yang telah kita lulus ialah 21,650 dan yang tidak dapat tempat pada tahun ini ialah 7,220.

Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat semua, bahawa tajaan-tajaan ini tidaklah ditaja oleh MARA sahaja malahan terdapat juga agensi-agensi lain seperti PTPN, Yayasan, JPA juga turut menaja untuk pelajar-pelajar kita yang cemerlang. Jadi terima kasihlah kepada Yang Berhormat.

Dato' Razali bin Ismail: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Kuala Terengganu.

Dato' Razali bin Ismail: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya dengar tadi tentang tajaan MARA ini keluar negara mahupun di dalam negara, apakah istilah baku yang sedang digunakan sekarang ini? Biasiswa ataupun pinjaman? Sebab tadi ada daripada rakan saya tadi disebut biasiswa, tapi apakah istilah yang sebenarnya digunakan sekarang ini? Biasiswa ertinya satu geran yang diberi begitu sahaja, ataupun ia adalah merupakan suatu yang boleh *convertible* berdasarkan kepada prestasi akademik yang tertentu.

Yang kedua, soalan saya sekarang ini adalah dari segi kutipan balik pinjaman anak-anak kita yang belajar sama ada di luar negara ataupun di dalam negara ini. Kalau di luar negara itu memang kosnya adalah semakin hari semakin mahal, bagaimanakah proses dari segi kutipannya itu?

Dan perkara yang ketiga Yang Berhormat iaitu kursus-kursus yang dihantar untuk membolehkan anak-anak kita belajar di luar negara itu adalah kursus-kursus

yang kiranya kritikal subjek. Baru-baru ini saya ada bertemu pelajar-pelajar yang akan berangkat ke luar negara selepas SPM saja ini, dalam bidang *biomedical engineering*. Tapi sejauh manakah kita memberi bimbingan seterusnya sebab anak-anak bila dia berada di luar negara di peringkat umur yang agak remaja awal ini, dalam 18 tahun ini dengan mengambil mata pelajaran yang begitu, di antaranya *bio medical engineering* ini, pemantauan kita dari segi mentor mentee yang bermacam-macam lagi itu, kalau boleh sikit penerangan daripada Yang Berhormat.

Dato' Khamsiyah binti Yeop: Yang Berhormat, biasiswa yang dimaksudkan tadi ialah pinjaman dan terdapat juga MARA menyediakan sedikit peruntukan kepada pelajar-pelajar cemerlang yang kita bagi merupakan biasiswa dan peruntukan. Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat nak tanya pasal jumlah bayaran balik, inilah *constraint* yang dihadapi oleh MARA mengapa kita tidak boleh melayan permohonan-permohonan yang begitu ramai kerana pulangan yang kita dapat terlalu kecil yang saya rasa saya malu nak sebut di sini, biarlah itu menjadi rahsia MARA.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Yang Berhormat Timbalan Menteri saya hendak bertanya tentang bayaran balik ini. Jadi kebanyakan anak-anak kita yang pinjam dia tidak bayar balik, apabila dia tidak bayar balik anak-anak yang hendak datang ke hadapan susah. Jadi adakah pihak Kementerian Yang Berhormat mengadakan satu sistem pungutan macam sekarang ini kita *channel* bayaran balik melalui bank, supaya kalau dia gagal membayar balik dia akan diCITOSkan. Maknanya apabila dia diCITOSkan dia tidak boleh mendapat pinjaman-pinjaman lain....

Beberapa Ahli: CITOS itu?[Menyampuk]

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ha! CITOS dicurfewkan...

Seorang Ahli: Diblacklistkan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: diblacklistkan....

Seorang Ahli: Disenaraihitamkan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Disenaraihitamkan. Tadi mentor-mantee, mantee pun saya tidak faham apa dia mentee, jadi tidak apalah. Jadi boleh atau tidak kita buat sistem itu? Maknanya MARA boleh salurkan pinjaman itu kepada bank, bank akan *release*kan duit itu macam kerajaan dok buat sekaranglah, Kementerian Pertanian dia *release* duit melalui bank, kemudian dia akan bayar kepada bank. Jadi apabila dia tidak bayar hutang bank, apabila dia bekerja nanti, dia hendak ambil pinjaman kereta pun tidak boleh, pasal *diblacklistkan* ataupun diCITOSkan, la-ni ada syarikat CITOS yang kita dok tos-tos baru-baru ini. Jadi dengan sistem itu peminjam tidak ada jalan lain, kalau dia tidak bayar bermaknanya dia tidak akan dapat pinjaman hendak beli rumah, hendak beli kereta hendak ambil eksekutif loan, hendak pergi menikah ke apa semua, tidak boleh.

Jadi ini satu pandangan dan cadangan yang saya berkongsi bersama dengan Arau. Jadi mungkin boleh Yang Berhormat cadangkan. Ini barangkali pandangan yang cukup baik untuk kementerian Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat, dia fahamlah itu.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Dia faham ya?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia faham. [Ketawa]

Dato' Khamsiyah binti Yeop: Ya, bab itu sudah pun kita lakukan. Setakat ini jika gagal bayar kita akan disenaraihitamkan dan cara pembayaran di awal tahun kita sudah mula, kita bekerjasama dengan BSN, dengan Maybank untuk kutipan bayaran-bayaran balik daripada peminjam-peminjam yang telah pun bekerja dan kita telah cek semua nama melalui EPF dan sebagainya. Insya-Allah saya rasa pembayaran balik itu pada tahun ini menampakkan baik kerana setakat bulan Jun sahaja kita telah pun memperolehi kutipan sebanyak RM22.2 juta. Insya Allah pada hujung tahun ini kita akan mencapai tahap yang kita inginkan.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: [Bangun]

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Apa lagi, ini ada dua orang bangun Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Kalaulah....

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Boleh minta sedikit penjelasan. Larut dahulu, duduk lah sat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Amboi garangnya! *[Ketawa]*

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Yang Berhormat Timbalan Menteri, masalah pembayaran balik pinjaman ini bukan cerita baru, ini cerita lama, itulah tiap-tiap tahun yang kita selalu bangkitkan macam-macam pandangan yang telah diberi oleh kita semua. Saya rasa mesti ada sebab. Orang biasanya kalau dia pandai meminjam dia tahu bayar balik. Apakah MARA melihat ataupun kementerian melihat sistem *delivery*, dengan izin, sistem penyampaian ditekan oleh Perdana Menteri kita ini benar-benar praktikal, benar-benar berjalan dan benar-benar dilaksanakan, sebab kadang-kadang masalah pinjaman ini apabila penjelasan dipohon oleh masyarakat orang ramai, lambat sangat hendak diresponskan oleh pihak kementerian ataupun MARA. Kalau di sini kita boleh perbetulkan ataupun *dicentralize*kan bagaimana supaya pinjaman ini dapat balik, Insya-Allah saya rasa masalah pinjaman ini tidak timbul masalah. Sebab pertama, mustahil kalau orang meminjam tidak mahu bayar balik, mesti ada silap di mana-mana, mungkin kita kurangkan birokrasi dalam kementerian itu sendiri, dalam pejabat itu sendiri. Bagaimana pandangan Yang Berhormat tentang masalah ini agar ia lebih telus lagi?

Dato' Khamsiyah binti Yeop: Yang Berhormat, itu sangkaan yang tak betul, kita memang ke arah memperbaiki dan kita melihat pun dari segi....

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Yang Berhormat ini bukan saya cakap, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah bercakap....

Dato' Khamsiyah binti Yeop: Yalah tetapi....

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: ...supaya kita lebih kepada sistem penyampaian. Yang Berhormat tidak boleh kata saya sangkaan jahat, mustahil saya buat satu sangkaan jahat. Saya cuma bagi...semalam Yang Berhormat Menteri Kewangan sendiri menyebut kalau kita ada kelemahan, kita perbetulkan kelemahan tersebut. Mungkin di sinilah kita mesti melihat, saya tidak kata sangkaan jahat, Yang Berhormat kena dengar betul-betul, supaya pandangan saya tadi untuk peminjam-peminjam ini boleh membayar balik segala pinjaman kalau sistem penyampaian itu dapat diperbetulkan mengikut landasan yang itu, itu maksudnya, bukan kita kata sangkaan jahat, tidak ada.

Dato' Khamsiyah binti Yeop: Yang Berhormat terima kasihlah, saya minta maaf, bukan saya kata Yang Berhormat jahat tetapi kita akan lihat kepada arah *delivery* itu lebih baik dan lebih mantap dengan adanya saranan-saranan daripada banyak pihak dan kita tidak nampak MARA akan cuba mempergunakan berbagai-bagai *delivery system* yang akan menyulitkan.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: *[Bangun]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ada dua bangun Yang Berhormat, mana hendak beri?

Dato' Khamsiyah binti Yeop: Rantau Panjang.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Rantau Panjang.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Terima kasih. Saya cukup tertarik berkenaan dengan apa yang kita bincang sekarang ini tentang cara MARA mengutip hutang. Adakah Yang Berhormat bersetuju kalau saya mengatakan kutipan hutang ini agak payah apabila pemimpin-pemimpin UMNO memainkan peranan?

Seorang Ahli: Alamak!

Dato' Khamsiyah binti Yeop: Alamak!

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Di antaranya...

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Sangkaan yang amat jahat!

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Ini saya tanya, ini saya tanya, ini pertanyaan, ini pertanyaan, faham dahulu bahasa ini.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Tanya itu adalah niat, niat tidak betul.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Bagi dia cakap Yang Berhormat.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Kalau setuju kata setuju, belum habis lagi....

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Nawaitu tidak betul, UMNO yang menubuhkan MARA...*[Dewan menjadi riuh seketika]*

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Nanti dahulu, nanti dahulu, ini floor saya, saya tanya ini.

Dato' Khamsiyah binti Yeop: Ya, tanya, tanya!

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, ya Rantau Panjang pendekkan, pendekkan.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Ya sekarang ini, ramai di antara rakyat Malaysia ini yang berhutang dengan MARA terutama sekali pelajar-pelajar kita dan ada juga pengusaha-pengusaha. Apabila tekanan dibuat oleh kerajaan, pengikut UMNO kata ini bahaya sebab kalau lagi tekan kuat dia akan jadi pembangkang, jadi jumlah pembangkang akan bertambah apabila kerajaan tekan kuat dan kita tahu perangai sebahagian besar mereka ini adalah asal UMNO kerana UMNO yang dapat pinjaman, dahulunya sekarang tidaklah, sekarang orang sudah ramai, dahulu saya kata.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Tarik balik Haji, anak PAS pun dapat.

Dato' Khamsiyah binti Yeop: Saya amat tidak setuju, kalau tidaklah kerana anak-anak pembangkang yang membuat kereh di luar negara, tidaklah kerajaan menghadapi masalah seperti sekarang. *[Tepuk]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Yang Berhormat, kacang lupakan kulit! *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat Gombak sila.

Datuk Dr. Rahman bin Ismail: Terima kasih Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya memang menyokong penuh dengan tambahan atau dengan pelajar baru yang dihantar ke luar negara dan ditaja oleh MARA, dalam negara dan luar negara. Cuma yang kita tahu bahawa kursus-kursus yang dihantar ke luar negara dan contohnya misal kata, kursus-kursus kritikal, misal macam bio-teknologi, perubatan, *engineering* dan berbagai-bagai lagi. Cuma yang saya dapati bahawa banyak juga pelajar ini dihantar ke institusi-institusi yang di negara-negara yang mana tahap bio-teknologi kita dan tahap perubatan kita yang lebih baik daripada negara-negara tersebut, misal contohnya banyak juga pelajar kita yang mengikuti kursus perubatan dihantar ke misal kata ke Indonesia, ke Rusia dan sebagainya.

Kita tahu bahawa pelajar-pelajar yang cemerlang ini akan lebih cemerlang kalau kita hantar ke universiti-universiti yang ada *rating* iaitu kedudukan universiti-universiti di dunia, misalnya kalau kita hantar ke universiti di Australia ataupun di UK ataupun di US. Masalahnya kalau kita hantar kursus-kursus yang kritikal ini, kursus-kursus yang memerlukan pengetahuan *up-to-date* ini, ke universiti-universiti yang tidak *established*, apabila mereka balik ke negara kita, mereka menghadapi masalah pertama untuk menghadapi pekerjaan.

Yang kedua kita takut bahawa mereka juga menghadapi masalah dari segi adaptasi keadaan ilmu yang kita di negara kita yang lebih tinggi daripada negara-negara tersebut.

Dato' Khamsiyah binti Yeop: Terima kasih Yang Berhormat, kita akan lebih berhati-hati dalam menentukan institusi-institusi yang kita akan hantar pelajar kita seperti di Ukraine. Jadi MARA ada memberi pinjaman sebanyak 10 pelajar yang memenuhi syarat tajaan MARA untuk mengikuti jurusan perubatan di Kremia State Medical University of Ukraine. Walau bagaimanapun, ketika ini pemberian pinjaman itu dibekukan kepada pelajar-pelajar baru yang berikutan arahan kerajaan tidak menaja lagi pelajar-pelajar perubatan di Ukraine.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat, sememangnya MARA ini memilih universiti-universiti yang memangnya akan memberi pulangan baik atau pekerjaan ataupun peluang pekerjaan kepada anak-anak kita apabila mereka pergi kursus dan balik nanti. Selain daripada itu, kita sedang melihat dan malah kita sudah pun mula menghantar pelajar-pelajar yang tidak menggunakan kos kita tinggi seperti di Australia, New Zealand, Indonesia, Timor Tengah dan India.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat boleh rumuskan jawapan.

Dato' Khamsiyah binti Yeop: Ya, pengajian pelajaran tersebut adalah hanya untuk bidang yang kritikal seperti perubatan, kejuruteraan dan bio-tech.

Datuk Ronald Kiandee: Penjelasan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Beluran Yang Berhormat.

Dato' Khamsiyah binti Yeop: Ya, sila.

Datuk Ronald Kiandee: Saya cuma pelik sedikit. Saya ingin tahu adakah menjadi dasar MARA untuk merahsiakan status pembayaran balik penuntut-penuntut yang meminjam daripada MARA ini seperti yang dikatakan oleh Timbalan Menteri. Adakah itu satu dasar untuk merahsiakan? Adakah MARA tidak melihat bahawa dengan penghebohan boleh membawa kepada pembayaran yang lebih, pembayaran balik yang lebih daripada kalangan penuntut-penuntut yang telah meminjam? Adakah itu dasar? Saya ingin penjelasan dan mengapa dasar sedemikian diambil?

Dato' Khamsiyah binti Yeop: Yang Berhormat bukannya dasar oleh sebab Yang Berhormat mohon untuk tahu, saya rasa eloklah saya jelaskan di sini bayaran balik mulai daripada tahun 2001 sehingga sekarang.

Tahun 2001 kita hanya berjaya mengutip sebanyak RM29.3 juta, tahun 2002 - RM31 juta, tahun 2003 - RM36 juta dan tahun 2004 - RM42.5 juta dan tahun 2005 setelah kita mengadakan sistem-sistem bayaran yang *up to date*, membuatkan kita telah dapat peningkatan daripada Januari hingga Jun, kita telah pun mencapai RM22.6 juta.

Dato' Razali bin Ismail: Kalau boleh berapa peratus itu?

Puan Chong Eng: [Bangun]

Dato' Khamsiyah binti Yeop: Yang Berhormat.

Puan Chong Eng: Lihat pemungutan hutang telah bertambah baik, tetapi bolehkah Yang Berhormat memberitahu jumlah hutangnya yang dihutangkan oleh pelajar-pelajar dan bilangan orangnya berapa? Terima kasih.

Dato' Khamsiyah binti Yeop: Yang Berhormat oleh sebab soalan itu terlalu spesifik saya perlu jawab bertulis, dan saya tidak boleh dapat menyatakan peratusnya pada masa ini. Jadi Tuan Pengerusi, Yang Berhormat saya ingin meneruskan.....

Cik Fong Po Kuan: Minta penjelasan.

Dato' Khamsiyah binti Yeop:menjawabkan soalan ataupun perbahasan yang dikemukakan oleh Kubang Kerian.

Cik Fong Po Kuan: Minta penjelasan.

Seorang Ahli: [Menyampuk]

Dato' Khamsiyah binti Yeop: Tidak perlulah ya.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tidak bagi jalan Yang Berhormat, tidak bagi jalan. Ya, teruskan Timbalan Menteri.

Cik Fong Po Kuan: Ini soalan lain, soalan lain Yang Berhormat. Ini bukan tanya hutanglah jangan risau tidak payah pergi lari.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Batu Gajah belum bagi, jangan bercakap dahulu.

Cik Fong Po Kuan: Dengan izin Yang Berhormat Timbalan Menteri saya pohon penjelasan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Timbalan Menteri hendak bagi jalan bagi jalan, kalau tidak teruskan jawapan.

Dato' Khamsiyah binti Yeop: Saya akan teruskan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Teruskan. Dia tidak bagilah, sila duduk Batu Gajah.

Dato' Khamsiyah binti Yeop: Untuk pengetahuan

Cik Fong Po Kuan: Ini hendak tolong kutip hutang.

Dato' Khamsiyah binti Yeop: Terima kasih untuk pengetahuan Kubang Kerian, sememangnya kita telah pun merancang lebih banyak lagi kursus-kursus di bidang teknologi makanan, dan sehingga hari ini kita telah pun menghantar pelajar sebanyak 275 di 14 universiti di seluruh dunia.

Dan untuk menjawab bagi soalan daripada Parit projek HELP ataupun *Higher Education Loan Project* ini ialah kita mohon daripada kerajaan sebanyak RM24.7 juta, kerana peningkatan kos di Jepun dan juga peningkatan belanja-belanja saraan hidup dan sebagainya. Dan setakat ini kita telah pun menghantar seramai 400 pelajar, pembiayaan iaitu 66 graduan Sarjana Muda cemerlang dan pembiayaan 25 graduan Sarjana cemerlang HELP 1 dan 2. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat kita ada Usul. Dewan bersidang semula sebagai sebuah Majlis.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Menteri sila.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan:

"Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai diputus dan diluluskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 2005 dan Usul Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama 2005 serta sehingga selesai pembentangan bagi bacaan kali kedua Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan)(No.2) 2005, oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan selepas itu mesyuarat akan ditangguhkan sehingga pukul 10 pagi esok.

Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan [Dato' Wong Kam Hoong]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang saya kemukakan masalah pada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah diputuskan.

Usul dikemuka bagi diputus dan disetujui.

Usul disetujui.

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) ***mempengerusikan Jawatankuasa***]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM282,340,000 untuk Maksud B.26 di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM282,340,000 untuk Maksud B.26 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM10 untuk Maksud P.26 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama bagi tahun 2005 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM10 untuk Maksud P.26 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.1) 2005.

Maksud P.27 [Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.1) 2005] -

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kepala Pembangunan P.27 di bawah Kementerian Kerja Raya, oleh kerana perkara ini adalah token tidak perlu dibahas.

[Tiada perbincangan]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM10 untuk Maksud P.27 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama bagi tahun 2005 di bawah Kementerian Kerja Raya hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM10 untuk Maksud P.27 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.1) 2005.

Maksud P.29 [Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.1) 2005] -

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kepala Pembangunan P.29 di bawah Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi terbuka untuk dibahas. Ya, Sepanggar.

4.37 ptg.

Tuan Eric Enchin Majimbun [Sepanggar]: Tuan Pengerusi Maksud P. 29 Butiran 03200 - Lembaga Elektrik Sabah. Seperti yang kita sedia maklum memang kerajaan sedang mempertingkatkan elektrik Sabah ini dengan adanya *National Grid*, tetapi yang ingin saya tahu ialah bilakah *National Grid* ini dapat disempurnakan baik semua. Oleh kerana pada ketika ini kita dapat lihat bahawa generator-generator yang menggunakan diesel ini masih diguna pada ketika ini, walhal gas *turbine* yang menjana pada ketika ini juga ada. Begitu juga dengan projek-projek hidro seperti hidro Pangi, tetapi apa yang kita kawatir pada ketika ini ialah, adakah ini dapat mencukupkan penggunaan elektrik-elektrik di Sabah? Oleh kerana kita setiap hari dapat *blackout*, dengan izin di Sabah. Ini kita sudah jadi kebiasaan, lumrah kehidupan rakyat di Sabah. Setiap hari kita dapat *blackout*, maka saya rasa walaupun sebagai pinjaman diberi kepada Lembaga Elektrik Sabah, seharusnya juga Kerajaan Pusat ambil perhatian untuk memantau dan juga untuk membaikpulihkan semua penjana elektrik di Sabah, khasnya dengan adanya *National Grid*. Di mana saya difahamkan ini dapat memberi kebaikan dan juga mempertingkatkan penjana-penjana elektrik di Sabah. Tuan Pengerusi.....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Sri Gading bangun.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Saya bukan orang Sabah Tuan Pengerusi. tetapi sahabat Sabah, Sarawak terlalu dekat di hati saya. Yang Berhormat bagi Sepanggar membangkitkan masalah elektrik. Itu sebahagian daripada masalah orang Sabah. Ada lagi satu masalah, masalah air. Kebetulan kedua-dua ini kementerian dipegang oleh orang yang jadi Presiden Gerakan. Takut-takut fasal bergaduh dalam Gerakan, terlupa kewajipan. *[Ketawa]*

Tetapi Timbalannya orang muda, orang yang ada potensi. Saya rasa walaupun Yang Berhormat bagi Sepanggar dan orang-orang dari Sabah sudah tahu jawapan yang akan diberi.....*[Ketawa]* *[Dewan semakin riuh]* .. kerana jawapan standard kerajaan daripada dahulu sampai sekarang, “....apa yang dikemukakan itu memang satu perkara yang penting dan kami akan kaji.” *[Ketawa]*

Dia tidak akan menafikan kepentingan, tetapi jawapannya akan dikaji dan mutakhir ini satu jawapan yang popular sekarang, digunakan oleh ramai menteri apabila rakyat menuntut perkara-perkara yang ada kaitan dengan kebahagiaan dan kebajikan rakyat yang disuarakan oleh ahli-ahli Parlimen yang bertanggungjawab, ahli Parlimen yang bertanggungjawab ini ialah Ahli Parlimen Barisan Nasional, bukan macam Yang Berhormat bagi Ipoh Timor, cuma sibuk dia hendak cari populariti, tetapi tidak ada kesan apa-apa. Sudah keluar. *[Ketawa]*

Bebas daripada Sabah sokong tidak sokong, itu tidak tahu lagi. Yang popular sekarang ini, semua menteri gunakan ayat ini. Kasihan saya kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Pasal menteri-menteri akan jawab, ‘Akan dimasukkan dalam Rancangan Malaysia Ke-9. *[Ketawa]* Itulah jawapan, jawapan popular sekarang. *[Dewan bertambah riuh]*

Puan Chong Eng: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Beberapa Ahli Pembangkang: *[Menyampuk]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam apa pula?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Maksud sudah sampai Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ya?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Maksud sudah sampai itu, bagi Yang Berhormat bagi Sepanggar.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Belum sampai. Ini baru suku Tuan Pengerusi masuk.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tidak apalah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Baru suku masuk. *[Ketawa]* Yang Berhormat bagi Sepanggar, saya amat simpati. Saya tidak ada kuasa, tidak ada peruntukan, jawapan nanti akan kata dalam Rancangan Malaysia Ke-9, akan dilaksanakan, dimasukkan dan dilaksanakan. Tetapi tiba-tiba dalam Rancangan Malaysia Ke-9 tidak ada.

Tuan Eric Enchin Majimbun: Hah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Nanti akan ada jawapan dengan Rancangan Malaysia ke-9 akan dimasukkan Rancangan Malaysia ke-10. Sampai tualah Yang Berhormat bagi Sepanggar. *[Ketawa]*.

Sampai tua.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat .

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tidak, nanti sekejap Tuan Pengerusi, belum lagi Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Bukan hendak tolong jiran sebelah?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ya?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Hendak tolong jiran sebelah?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ini belum termasuk Kinabatangan lagi. 50% kawasan dia belum ada api. 50% kawasan dia belum ada air, Beluran begitu juga 50% belum ada lagi, Lebaran dan Persiangan lagi, ini bukan masuk Sipitang lagi.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Hah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tuan Pengerusi yang atas ini makan hati berulam jantung, hendak cakap tidak boleh fasal speaker. *[Ketawa]*..Oh!....

Dia setuju dengan saya. Jadi kita hendak tengok hari ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Terima kasih Yang Berhormat, sudah sebut cukuplah. *[Disorak] [Dewan amat riuh]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tetapi jangan lupa Papar.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Jerai, tidak ada apikah?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Sri Gading, cukuplah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Itulah Tuan Pengerusi, cuba macam mana kita belalah nasib orang-orang kita di Sabah.

Tuan Eric Enchin Majimbun: Terima kasihlah saudara Yang Berhormat Sri Gading. Memang itulah kita ura-urakan setakat ini di mana kita minta rayuan kepada kementerian ini agar betul-betul bukan hanya setakat untuk memberitahu bahawa ini dalam Rancangan Malaysia Ke-9, ataupun Ke-10 tetapi akan dilaksanakan seberapa segera. Itu yang kita mahu. Oleh kerana kita tahu bahawa memang ini adalah satu-satunya masalah yang teruk sekali kita hadapi di Sabah sekarang ini.

Tuan Pengerusi, satu perkara lagi yang ingin saya tahu mengenai....

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Sedikit Yang Berhormat bagi Sepanggar.

Tuan Eric Enchin Majimbun: Ya.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat bagi Jerai.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih Yang Berhormat Sepanggar.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Jerai, teruskan.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Kita nampaknya sekarang kadang-kadang bukanlah kita hendak kata Tenaga Nasional tidak berfungsi dengan baik. Apa katanya sekarang ini dia monopoli. Kita buka untuk dia *compete*. Bagi syarikat lain pula buat perniagaan yang sama, macam IPP tidak apa. IPP memang sudah buka, tetapi *distribution*, TNB dia beli daripada IPP. Tetapi di mana TNB edarkan, pengedaran ini tidak begitu baik sekali. Kita cadangkan ...

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Kebebasan *international*, jadi saya cadangkan supaya kita adakan syarikat dua tiga lagi, syarikat, syarikat tenaga yang boleh mengedar, jadi mereka *competel*ah. Macam kita tengok syarikat Telekom, bila banyak ada syarikat ini, depa *compete*, harga pun murah kurang. Macam-macam *offer* depa bagi. Adakah Yang Berhormat Sepanggar bersetuju dengan saya supaya kalau keadaan kritikal.....kerana saya tahu rumah orang miskin pun, rumah PPRT pun hendak masuk api, dia kena bayar RM450 sedangkan kos hendak masuk api rumah dia itu baru 3 *point*, 2 *point*, tidak sampai pun RM300 *wiring*

Dahulu tidak apa, dahulu rumah miskin, rumah PPRT tidak payah bayar. Dahulu tiang lampu kalau ada kita pasang lampu untuk cerah kampung RM10,

sekarang ini dia termasuk *handling cost* dan sebagainya. Dalam kawasan saya, wayar-wayar elektrik dalam tanah itu zaman belum merdeka. Jadi *load* hendak besar, dia meletup, selalu meletup. Apabila meletup *current* tidak mai. Apabila *current* tidak mai, api tidak ada. Jadi dia tidak karanlah....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Adakah Yang Berhormat bagi Sepanggar bersetuju bahawa kita cadangkan supaya adalah dua tiga syarikat lain yang terlibat dalam *distribution* of dia beli *power* daripada IPP, dia edarkanlah.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Pengerusi. macam mana setuju Yang Berhormat bagi Sepanggar? Terima kasih.

Tuan Eric Enchin Majimbun: Terima kasih Yang Berhormat bagi Jerai. Memang saya setuju 100%. Oleh kerana dengan adanya saingan ini, tentu sekali ini akan membawa kebaikan. Bukan sahaja dalam penjanaan elektrik ini, tetapi memang dengan adanya saingan ini, akan meningkatkan mutu juga.

Tuan Pengerusi, satu lagi projek yang saya difahamkan telah dirancang pada tahun-tahun yang lalu. Pada tahun-tahun yang lalu ini mana satu projek hidro Liwagu telah dirancang oleh Kerajaan Negeri dan saya difahamkan juga dia sudah bawa rancangan ini kepada kerajaan Pusat. Saya ingin tahu sama ada perancangan ini masih dikekalkan ataupun telah pun dimansuh oleh kerana dengan adanya perancangan hidro Liwagu tentu sekali ini akan menambahkan penjana elektrik di Sabah. Tuan Pengerusi.....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Minta gulung Yang Berhormat. Minta gulung.

Tuan Eric Enchin Majimbun: Tuan Pengerusi, di mana akibat *black out* semua ini, ramai pengusaha-pengusaha telah pun dapat akibat yang buruk sekali, dapat kerugian yang begitu teruk sekali. Maka saya difahamkan di Semenanjung memang pihak berkenaan akan membayar pampasan kepada semua yang telah dapat akibat kerosakan ataupun *blackout* ini.

Saya ingin tahu juga di sini sama ada yang telah melibatkan kerosakan ini dapat di bayar pampasan, yang kita tahu di Sabah ini jarang-jarang dapat kita lihat dan juga dengar sama ada dia di bayar pampasan atau tidak. Dengan ini, Tuan Pengerusi saya mohon menyokong.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat Sandakan.

4.50 ptg.

Tuan Chong Hon Min [Sandakan]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Apabila disebut Malaysia di Sabah mereka akan sebut "Malaysia Boleh" tetapi apabila disebut SESB, semua orang cakap "SESB tidak boleh". Itulah rakyat di Sandakan ataupun di Sabah yang selalu sebut macam ini. Oleh sebab masalah gangguan bekalan elektrik telah lama berlaku dan keadaan ini boleh dikatakan semakin hari semakin buruk. Sehingga berlakunya tempoh masa gangguan elektrik di Sabah menjadi 2,300 minit bagi seorang pengguna dalam setahun.

Kawasan Sandakan mencatatkan gangguan yang tertinggi sekali di seluruh Malaysia, iaitu dengan bilangan 4,000 minit setiap pengguna, setiap tahun sedangkan keadaan ini hanya 130 minit di kawasan Semenanjung. Ini adalah masalah yang sangat serius di Sabah, khususnya kawasan Sandakan. Tidak boleh tunggu lagi untuk membaik pulihnya secepat mungkin.

Dengan masalah ini, ia telah memberi gambaran bahawa SESB telah gagal membekalkan kuasa elektrik yang mencukupi bagi kegunaan seharian di dapur rumah, pejabat, kilang-kilang dan sebagainya yang menghadapi kerugian yang begitu serius. Berpuluh-puluh tahun telah diberi kepada SESB tetapi mereka tidak bersungguh-sungguh mengatasi masalah ini, jadi haraplah tindakan segera diambil oleh kementerian untuk mengatasi masalah ini.

Walau pun macam Yang Berhormat bagi Sri Gading menyebut tadi, jawapan *standard* lama sudah diberi tetapi tindakan dan kesan yang positif, itulah yang hendak dilihat oleh rakyat Sandakan atau Sabah mahu melihat. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Kepong, lepas itu Yang Berhormat bagi Mambong, lepas itu kementerian menjawab.

4.52 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Pengerusi saya bangun untuk menyentuh B.29 mengenai pinjaman RM182 juta kepada Sabah Electricity Sdn. Bhd. untuk projek penyediaan kemudahan infrastruktur dan pengukuhan bekalan elektrik di Sabah.

Tuan Pengerusi, di Malaysia kita mempunyai kapasiti untuk tenaga lebih kurang 16,000 mega watt dan setakat ini kita gunakan setiap hari termasuk di Sabah 13,000 mega watt. Kebanyakan hampir 100% kita gunakan petroleum, gas, sedikit hidro elektrik dan juga itu batu arang. Di sini saya hendak bertanya Yang Berhormat Menteri atau Timbalan Menteri dengan adanya pinjaman ini adakah ini bermakna pada dulunya pihak negeri Sabah, saya diberitahu bahawa hendak mengambil elektrik tenaga dari Empangan Bakun.

Kalau itulah dasar yang dulu, sebab apa kita hendak belanja dengan lebih untuk memajukan, membangun, bekalan elektrik di Sabah, yang pertama. Yang keduanya, pada mulanya pihak kerajaan sudah menetapkan satu dasar hendak tambahkan punca tenaga daripada petroleum, gas, hidro elektrik, *hydro power* dan batu arang. Sekarang dia hendak tambahkan, yang dinamakan *renewable energy*. *Renewable energy* ini daripada biomas, daripada sisa kelapa sawit, daripada tenaga suria dan sebagainya. Saya tak tahulah sama ada rancangan untuk adakan tenaga nuklear juga yang belum disebutkan.

Walau bagaimana pun, kerajaan sudah luluskan permohonan untuk *renewable energy*. 66 lesen telah dikeluarkan. Setakat ini hanya dua sahaja dapat mewujudkan 12 mega watt dan dimasukkan di dalam grid bejana di Semenanjung. 12 mega watt sahaja. Adakah dengan pinjaman RM128 juta ini untuk *renewable energy* juga? Saya pun tak tahulah apakah dasar sekarang, sebab dasarnya kita nak jadikan 5% daripada tenaga yang kita gunakan terdiri daripada *renewable energy*. Tetapi setakat ini kita tak nampaklah.

Kalau kita banding dengan negara China misalnya, *renewable energy* mereka tumbuh sehingga 25% setahun, dan penggunaan tenaga suria untuk air panas dan sebagainya hampir 40% jumlahnya, kalau berbanding dengan jumlah yang digunakan di dunia. Dan mereka juga mempunyai 'much gas poles' 11 juta seluruh negara China. Apakah dasar kerajaan Malaysia ini 5% untuk tenaga yang digunakan termasuk di Sabah? Mengapa kita tidak dapat menguatkuasakan dasar ini supaya kita boleh mencapai 5%? Tak lamalah itu, berapa cadangan sahaja.

Saya berminat dengan pihak kerajaan untuk mengkaji semula dasar *renewable energy* kerajaan ini, dasarnya kita mesti kaji semula bagaimana kita dapat menjayakan 5% yang telah ditetapkan ini. Tuan Pengerusi, 5% untuk dijayakan pada tahun ini, 2005, tetapi belum kita nampak lagi. Mungkin kita mesti mempertimbangan sama ada kita dapat gubalkan satu undang-undang, *Recyclable Energy Law*, Akta Tenaga Kitar Semula kerana belum dibangkitkan oleh pihak kerajaan untuk akta seumpama ini. Saya hari ini mencadangkan kita berbuat demikian iaitu untuk mengadakan satu undang-undang bagi *recyclable energy* untuk Malaysia kerana kita tidak boleh sentiasa hendak bergantung kepada *fossil fuel*.

Itu bahan fosil dan dengan ini Tuan Pengerusi, saya sekali lagi menyeru supaya pihak kerajaan memberitahu kepada kita, apakah terjadi dengan dasar, *renewable energy* yang kita tahun ini hendak mencapai lima peratus daripada jumlah tenaga yang kita gunakan sekarang? Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Mambong, selepas ini kementerian menjawab.

Dr. James Dawos Mamit: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya merujuk kepada Maksud P.29 yang berkaitan dengan Lembaga Elektrik Sabah. Peruntukan tambahan sebanyak RM128 juta. Adakah sebahagian daripada jumlah ini adalah untuk kemudahan infrastruktur daripada Bakun, yang pada dulunya saya dengar bekalan

elektrik daripada Bakun akan disalurkan kepada Sabah? Kalau ini berlaku, maka saya yakin pada masa-masa akan datang Sabah tidak akan kurang lagi tenaga elektrik yang digunakan untuk pelbagaigunaan.

Jika tidak mungkin Sabah sendiri seharusnya mencari jalan untuk melaksanakan projek hidro sendiri, walaupun ia kecil kerana saya berpendapat bahawa hidro adalah satu sumber yang *sustainable* untuk bekalan elektrik.

Menyentuh kepada sumber-sumber yang lain seperti tenaga daripada biomas, tenaga daripada angin, tenaga daripada suria, saya rasa teknologi untuk suria belum berkembang lagi di dunia ini, belum cukup berkembang kerana hanya *solar energy* ini bermasalah dari segi solar *collector* dan daripada segi penyimpanan elektrik, kerana sekarang saya telah pun dimaklumkan bahawa di satu pulau di negara kita tenaga solar walaupun ia diguna, ia juga dihybridkan dengan generator yang menggunakan diesel.

Butiran 0900 yang berkaitan dengan Rancangan Bekalan Air Negeri Selangor, walaupun.....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, yang itu *token* tidak payahlah.

Dr. James Dawos Mamit: Ya, walaupun ia *token* saya ingin menyentuh di sini tentang kemalangan. Kemalangan....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Pasal *token* tidak payah bahaslah.

Dr. James Dawos Mamit: Tidak payah bahas?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya.

Dr. James Dawos Mamit: Kalau tidak boleh, itu sajalah Tuan Pengerusi, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, sila.

5.03 ptg.

Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi [Dato' Shaziman bin Abu Mansor]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Terlebih dahulu saya mewakili Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi ingin merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membahaskan peringkat Jawatankuasa berhubung dengan kementerian ini.

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat daripada Sepanggar, Sandakan, Kepong dan Mambong berhubung dengan masalah yang dihadapi di negeri Sabah.

Sukalah saya mengatakan bahawa mewakili kementerian, kami juga dukacita kerana masalah yang begitu sering dihadapi oleh masyarakat ataupun penduduk negeri Sabah berhubung dengan gangguan bekalan elektrik. Cuma yang ingin saya maklumkan kepada Dewan yang mulia ini bagi pihak kementerian, kementerian sebenarnya bukanlah dalam peringkat perancangan, tetapi pada hari ini kementerian telah mengambil tindakan-tindakan yang sepatutnya, yang perlu diambil iaitu melaksanakan projek-projek yang telah dirancang sebelum ini, cuma kita perlu faham apabila berhubung dengan tenaga elektrik ianya mengambil masa untuk melaksanakan.

Sebagai contoh antara masalah utama di negeri Sabah adalah kerana kekurangan bekalan elektrik yang dijana di negeri Sabah itu sendiri, kerana di negeri Sabah kebanyakan daripada penjana kuasa—penjana kuasa di negeri Sabah, dia punya kapasiti terlalu kecil tidak sampai 5 megawatt dan tidak disambung kepada grid-grid yang ada, dan grid yang ada di negeri Sabah juga masih belum mencukupi, maka dengan itu bekalan elektrik di negeri Sabah tidak mencukupi. Bagi pihak kementerian, kementerian telah bersetuju untuk menambah bekalan elektrik di negeri Sabah yang mana peningkatan penjana kuasa akan dilakukan dalam masa terdekat ini, yang mana pihak Kabinet telah bersetuju untuk menambah bekalan di Pantai Timur dan juga di Pantai Barat negeri Sabah.

Berhubung dengan masalah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sepanggar tadi yang mana Projek Hidro Elektrik Liwagu. Kerajaan Persekutuan telah bersetuju pada dasarnya meluluskan Projek Hidro Elektrik Liwagu untuk dilaksanakan untuk menambah kapasiti penjanaan SESB. Pelaksanaan Projek Liwagu ini akan dilakukan secara penswastaan dan ianya akan dilakukan secara *open bidding*. Kemudian Sepanggar juga bertanya dari segi bekalan elektrik yang terputus-putus. Pinjaman sebanyak RM128 juta ini adalah untuk membiayai sebenarnya projek-projek pengukuhan sistem pembahagian supaya bekalan elektrik yang lebih berdaya harap, *reliable* mencukupi dan kadar gangguan elektrik dapat dikurangkan ke tahap minimum.

Bekalan elektrik sering terganggu pada masa dahulu kerana kekurangan sumber kewangan, kerana struktur tarif elektrik yang rendah berbanding dengan kos penjanaan yang tinggi. Saya bersetuju dengan Yang terhormat daripada Beluran semalam yang mana mengatakan bahawa, walaupun sekiranya SESB tidak memperoleh keuntungan yang munasabah, tetapi menjadi tanggungjawab kerajaan dan juga Tenaga Nasional Berhad melalui SESB untuk memastikan segala permasalahan ini dapat diselesaikan dengan secepat mungkin, dan juga memastikan bahawa penduduk di negeri Sabah juga dapat menikmati bekalan elektrik sebaik mana yang didapati oleh penduduk-penduduk di Semenanjung. Tetapi sebagaimana yang saya jelaskan di peringkat awal, bukanlah perkara yang mudah untuk menyiapkan grid bagi negeri Sabah.

Suka saya maklumkan sebahagian daripada grid-grid ini telah siap cuma pada hari ini yang masih lagi belum siap adalah grid Pantai Timur yang menyambungkan dari Tawau ke Sandakan. Grid Timur Barat dari Kota Kinabalu ke Sandakan, yang mana pada hari ini dalam pembinaan dan dijangka mula beroperasi selepas Jun 2006, manakala grid Labuan Beaufort *interconnection* telah siap pada 9 Mac 2005, dan grid Utara Sabah dari Kota Kinabalu ke Kota Belud dan Kudat telah siap 26 Februari 2005, dan grid Pantai Timur Sabah dari Tawau ke Sandakan telah siap daripada 7 Mac 2004. Inilah perkembangan-perkembangan berhubung dengan grid yang dibina di negeri Sabah pada hari ini.

Bagi menjawab soalan rakan daripada Sandakan, gangguan bekalan elektrik di Sandakan, Kerajaan Persekutuan mengakui masalah gangguan bekalan elektrik yang sering berlaku di Sandakan. Satu majlis dialog telah diadakan dengan wakil-wakil rakyat bagi menjelaskan punca berlaku gangguan elektrik dan perancangan SESB mengatasi masalah gangguan ini. Saya yakin Yang Berhormat juga telah dipanggil berhubung dengan perkara ini, dan saya yakin Yang terhormat juga faham mengapakah berlakunya permasalahan bekalan elektrik di kawasan Sandakan, dan saya yakin sebagaimana yang saya nyatakan tadi, ia mengambil sedikit masa dan untuk pengetahuan Yang Berhormat sebagai contoh...

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: [Bangun]...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ada yang bangun hendak beri jalan?

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Sebentar ya, sebagai contoh kalau hendak buat satu.....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Duduk Yang Berhormat, dia belum bagi.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Satu IPP 300 megawatt katakanlah untuk satu kawasan di negeri Sabah, masa yang diambil untuk membuat satu IPP berkuasa 300 megawatt sama ada menggunakan *coal fire* ataupun *gas fire* setelah dipersetujui oleh kerajaan biasanya ia ambil masa 42 bulan untuk siap. Bayangkanlah itu satu masa yang agak lama, oleh sebab itu kadang-kadang segala yang dijawab oleh pihak kementerian, Yang Berhormat rasa kementerian tidak melakukan apa-apa, tetapi Yang Berhormat kena faham untuk siap satu IPP itu mengambil sedikit masa, 42 bulan baru boleh digunakan, terima kasih.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tiga yang bangun.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Saya bagi Beluran.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Beluran, sila.

Datuk Ronald Kiandee: Terima kasih. Saya hargai usaha kementerian dan kita yakin bahawa kementerian peka terhadap masalah gangguan bekalan elektrik yang berlaku di negeri Sabah.

Satu, Tuan Pengerusi perkara ini penting kerana kita tidak mahu disebabkan oleh gangguan elektrik ini lebih ramai Ahli Parlimen daripada pembangkang - satu sudah berlaku di Sandakan, akan mendapat tempat di negeri Sabah kerana masalah ini masalah kritikal. Saya cuma melihat bahawa kesalan sebahagian besar masyarakat di Sabah, kalaulah SESB peringkat kementerian mengetahui bahawa 42 bulan diperlukan untuk melaksana satu IPP 300 megawatt, mengapa 40 bulan dahulu perkara ini dilakukan? *That kind of situation.*

Begitulah keadaannya yang membayangkan seolah-olah pihak SESB ini tidak merancang membuat perancangan yang amat teliti untuk mengenal pasti masalah yang akan berlaku 42 bulan dari sekarang ini. *That kind of situation.* Itu yang dikesal, terasa kesal khasnya sebahagian besar masyarakat yang kita bawa ke Dewan ini. Dan kita lihat, saya cuma melihat sama ada ada keciciran berlaku antara kementerian dengan pihak SESB.

Dalam taklimat yang dilakukan oleh SESB kepada pemimpin-pemimpin di Sandakan, kita dimaklumkan bahawa SESB juga berhempas pulas untuk mendapatkan peruntukan dari kerajaan ataupun dari TNB, the parent company, itu kita tidak pasti. Tetapi dibayangkan oleh pihak SESB sendiri bahawa mereka menghadapi masalah untuk mendapatkan peruntukan untuk menyelesaikan masalah *immediate* terhadap bekalan elektrik.

Jadi mungkin ada keciciran *information*, keciciran peruntukan, sama ada kementerian telah memberi peruntukan geran kepada SESB, pihak SESB tidak dapat melaksanakan perancangan yang dirancang. Walaupun pihak SESB telah mengemukakan cadangan yang *immediate*, yang *urgent* perlu dilakukan, tetapi pihak kementerian lambat mengeluarkan geran. Ini perlu ditangani untuk tidak membayangkan bahawa kita tidak dilupakan. Masalah ini sensitif dan perlu ditangani secara baik untuk menentukan bahawa Kerajaan BN akan terus kuat di negeri Sabah. Terima kasih.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih Yang Berhormat Beluran, saya bersetujulah dengan Yang Berhormat. Cuma saya hendak memaklumkan semenjak diambil alih oleh menteri saya walaupun Datuk Sri Gading kata mungkin menteri saya sibuk, menteri saya Presiden Gerakan. Suka saya maklumkan bahawa menteri walaupun dalam kesibukan beliau, beliau tidak pernah sekali-kali lupa akan tanggung jawab beliau untuk menguruskan urusan kementerian, khasnya kepentingan masyarakat, kerana kementerian ini begitu penting yang menjaga Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi, yang melibatkan keperluan orang ramai setiap hari. Jadi, saya tak setuju kalau Sri Gading kata menteri saya terlalu sibuk, sampai terlupa tugas di kementerian.

Cuma yang Beluran kata mengapa lambat SESB maklumkan kepada kementerian, mungkin di masa dahulu SESB membuat perancangan terperinci bagaimana untuk menyelesaikan masalah bekalan tenaga elektrik di negeri Sabah. Dan antara masalah-masalah yang timbul apabila perancangan itu siap ialah apabila untuk melakukan grid ini. Walaupun grid ini nampak mudah untuk dilakukan tetapi sebenarnya ia melalui banyak kawasan. Melalui tanah-tanah yang melibatkan sama ada kepunyaan kerajaan negeri, ataupun pihak-pihak individu, maka agak sukar mendapat kelulusan walaupun kadang-kadang setelah dipersetujui harga pampasan dan sebagainya, tetapi akhirnya ada yang bawa ke mahkamah dan sebagainya kerana tidak berpuas hati dengan pampasan yang dibayar oleh pihak SESB.

Saya harap, dan saya minta juga Yang Berhormat bagi Beluran supaya kalau boleh membantu pihak kementerian yang mana memberi penjelasan kepada orang ramai pada hari ini di Sabah bukan lagi di peringkat mengkaji. Saya tidak kata di Sabah peringkat mengkaji. Di Sabah hari ini adalah peringkat pelaksanaan. Cuma saya katakan peringkat pelaksanaan itu mengambil masa. Dan Yang Berhormat sendiri boleh lihat kalau Yang Berhormat mahu bersama-sama dengan saya di masa-masa akan datang bila saya ke Sabah lagi, saya bawa Yang Berhormat bersama-sama saya. Saya difahamkan seorang Ahli Yang Berhormat daripada Sabah juga duduk dalam SESB Sabah sebagai salah seorang Pengarah dalam SESB Sabah.

Saya yakin dia juga boleh memberi gambaran bagaimana kemajuan SESB Sabah untuk memastikan meningkatkan lagi bekalan elektrik di negeri Sabah. Jadi, saya menjawab soalan Sandakan. Kemudian Mambung tadi bertanya sama ada SESB akan mengambil bekalan elektrik daripada Bakun.

Kerajaan Persekutuan telah membuat keputusan bahawa tidak akan mengambil bekalan elektrik ke Sabah melalui Bakun. Salah satu sebabnya adalah kerana untuk menyampaikan bekalan kalau Sabah memerlukan 600 megawatt, 600 megawatt untuk kos buat *transmission line* daripada Bakun ke Sabah itu adalah terlalu mahal dan adalah lebih murah jika didirikan sendiri *power plant* di Sabah kerana 600 megawatt dan apabila kita bergantung kepada hanya satu bekalan *transmission line* daripada Bakun, bayangkan sekiranya Sabah terlalu bergantung kepada Bakun. Sekiranya terputus bekalan satu sumber daripada Bakun ini, bagaimana masyarakat Sabah akan menghadapi masalah yang berulang-ulang. Maka dengan itulah kerajaan pada hari ini melalui kementerian ini memutuskan supaya ditingkatkan lagi, ditambahkan lagi bilangan-bilangan penjana kuasa di negeri Sabah, yang mana untuk Pantai Barat kita akan menambah lebih kurang 190 dan juga di Pantai Timur kita akan tambah lebih kurang 170 untuk menambahkan lagi bekalan elektrik di negeri Sabah.

Dan kemudian, Yang Berhormat daripada Kepong, ada bertanya berhubung dengan masalah *renewal energy*. Sebenarnya *renewal energy* ini tidak masuk dalam belanjawan tambahan ini. Belanjawan tambahan ini suka saya nyatakan kepada Yang Berhormat hanyalah untuk SESB dan pengagihannya adalah seperti berikut iaitu: East West Connection sebanyak 63,000, Keningau-Tambunan 33KV dan Beaufort- Sipitang 33KV *transmission line*, kemudian Northern Town Kota Kinabalu 132KV, *Underground transmission cable* RM10 juta dan kemudian *distribution system improvement* RM55 juta ringgit. Dan akhir sekali untuk 11KV *Submarine cable from Semporna to Pulau Bambam*. Saya rasa itu sahaja penjelasan daripada pihak kementerian ini dan saya sekali lagi...

Tuan Bernard S. Maraat @ Ben: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, hendak beri jalan?

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Sila.

Tuan Bernard S. Maraat: Terima kasih saya imbas kembali soalan yang saya kemukakan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Seperkara yang telah dibincangkan dan diutarakan oleh Yang Berhormat bagi Sandakan. Nampak gaya hanya Sandakan ataupun Pantai Timur dan Pantai Barat yang diberi tumpuan mengenai isu SESB ini. Saya menyarankan supaya di pedalaman juga harus diberi penekanan bahawa *blackout*, dengan izin, kerap terjadi juga di pedalaman. Jadi, saya mengharapkan dalam perancangan kementerian ini harus menumpukan juga di bahagian pedalaman. Saya khuatir sekali, apakah faktor-faktor yang sebenarnya seolah-olah satu fenomena yang terdapat di Sabah ini.

Pada keseluruhan, setiap hari bandar pekan mengalami masalah yang sama. Adakah faktor-faktor ini disebabkan oleh faktor *human element*, dengan izin, ataupun faktor-faktor mengenai generator-generator yang dibeli ini adalah *substandard*, dengan izin. Sebab apa, bila kita lihat semua ini terjadi di negeri Sabah. Jadi saya khuatir sekali, biarpun telah dirancang seumpama yang telah bagaimana yang telah disebut oleh timbalan menteri tadi, Yang Berhormat, saya khuatir perkara ini akan terus biarpun kita berbelanja beratus-ratus juta, berbilion-bilion ini, akhirnya kita mengalami masalah yang sama. Apa pendapat Timbalan Menteri mengenai soal ini? Terima kasih.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih kepada Yang Berhormat. Suka saya jelaskan sekali lagi, sebenarnya masalah ini bukanlah masalah yang baru ada. Ini adalah *legacy* isu. Negeri Sabah sebagaimana yang saya katakan tadi, kebanyakan IPP yang sedia ada di negeri Sabah itu terlalu lama, terlalu uzur dan menggunakan diesel.

Sebab itu, hari ini kerajaan telah memutuskan untuk membaharui jana kuasa ini menambah kapasiti menggunakan *gas fire* dan juga *coal fire*. Itu yang pertama. Kerana margin, *reserve margine* untuk *electricity* di negeri Sabah itu terlalu kurang, tidak mencukupi. Kalau tak cukup macam mana nak sampaikan kepada orang ramai? Pertama, dia punya *power supply* itu. Kedua, di Sabah itu sendiri tidak ada gridnya.

Gridnya tidak ada bersambung antara satu sama lain di negeri Sabah. Apabila tidak ada grid, bagaimana kalau kita hendak menghantar bekalan dari Sandakan, ke Tawau..

Sebab itu hari ini, kita adakan satu grid untuk seluruh negeri Sabah. Itu keduanya.

Berhubung dengan perkara Yang Berhormat bahawa di kawasan-kawasan luar bandar, sebagaimana yang saya katakan di peringkat awal, saya bersetuju, cuma penduduk negeri Sabah sepatutnya, semestinya mendapat bekalan yang baik, dan mengikut perancangan, mengikut apa yang dilakukan oleh kementerian ini, bersama-sama dengan SESB, kita yakin pada penghujung RMK-9, 90% daripada seluruh masyarakat negeri Sabah akan mendapat bekalan elektrik yang bermutu setaraf dengan penduduk di Semenanjung ini. Dan itulah perkara yang boleh saya bangkitkan kepada Yang Berhormat. Sekian terima kasih kepada pandangan-pandangan yang diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat berhubung dengan kementerian ini. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM128,000,010 untuk Maksud P.29 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama bagi tahun 2005 di bawah Kementerian Tenaga Air, dan Komunikasi hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM128,000,010 untuk Maksud P.29 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.1) 2005.

Maksud B.30 [Jadual] -

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kepala Bekalan B.30 di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi terbuka untuk di bahas. Mambong sila.

5.21 ptg.

Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh tambahan sebanyak RM5.5 juta untuk geran kepada MIGHT (*Malaysian Industry-Government Group for High Technology*). Seperti mana yang saya tahu, peranan MIGHT adalah untuk mendapatkan teknologi tinggi untuk negara kita supaya negara kita mungkin boleh bersaing dengan negara-negara yang lain di dalam bidang teknologi tinggi. Kalau saya lihat apa yang MIGHT telah jalankan sejak tahun 1994, yang pertama pada tahun itu MIGHT telah pun mengadakan apa yang dikatakan *MIGHT Interest Group*. *MIGHT Interest Group* mungkin ada satu *workshop* yang dijalankan.

Pada tahun 1994, MIGHT telah pun menjalankan *MIG in aerospace* ataupun *MIGHT Interest Group in aerospace*. Hasil daripada konsultasi tersebut adalah *establishment* kepada *Malaysian Aerospace Council*. Pada tahun 1994 juga, MIGHT mengadakan *MIG, in green waste management*. Ini yang berkaitan dengan *waste recycling policy into solid waste concession management*. Tetapi kalau kita lihat sekarang, *waste concession management* ini, saya berpendapat tidak begitu berkesan. Ini kerana kalau kita lihat syarikat yang mengendalikan *waste concession management* di utara, di selatan dan juga di tengah Semenanjung Malaysia, seolah-olah seperti alam flora, bahawa mereka tidak membawa teknologi yang tinggi untuk pengurusan sisa-sisa ini.

Jadi, apakah peranan MIGHT yang sepatutnya mendapat teknologi tinggi dalam bidang-bidang tertentu? Selepas itu, MIG yang terakhir untuk MIGHT adalah di dalam industri herba. Pada masa itu ada konsultasi yang diadakan pada tahun 1997. Ini MIGHT telah pun menghasilkan satu *blue print* yang dinamakan *the herbal products blue print*. Jadi *herbal products blue print* ini, apakah agaknya yang terkandung di dalam *blue print* tersebut, dan adakah apa yang telah pun dihasilkan oleh MIGHT ini ada membawa manfaat kepada negara kita? Setakat itu sahaja konsultasi yang telah pun dijalankan oleh MIGHT pada tahun 1997. Sehingga sekarang, saya belum nampak lagi konsultasi yang lain untuk mendapatkan teknologi tinggi oleh MIGHT. Itu sahaja yang saya boleh bentangkan. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Santubong.

5.25 ptg.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya pun ingin bertanya jugalah. Saya tidak hendak bercakap soalannya MIGHT ini, *Malaysian Industry-Government Group for High Technology*. Mengikut apa yang telah kita dengar daripada Yang Berhormat bagi Mambong, yang secara khusus mengetahui sedikit sebanyak bangunan MIGHT ini. Nampaknya MIGHT tidak mempunyai kapasitilah. Kalau dikatakan dengan keras, untuk membangunkan teknologi tinggi di negara kita. Saya banyak juga berbincang dengan para saintis terhubung dengan teknologi tinggi. Jawapan yang selalu diberi oleh pihak saintis khususnya mereka yang mempunyai kapasiti dalam teknologi tinggi ini ialah kita mesti mempunyai para saintis kita sendiri, *researchers*, *engineers* dan sebagainya, sebelum kita boleh memikirkan soalannya teknologi tinggi.

Jadi kalau kita hanya mengumpulkan bahan-bahan ataupun *creating awareness* dengan izin, soalannya teknologi tinggi ini akhirnya kita hanya membuat apa yang universiti telah buat. Dalam keadaan yang sedemikian, kata pihak-pihak ini bahawa adalah lebih baik supaya Kerajaan Malaysia tidak menyebut soalannya MIGHT, tetapi mengatakan bahawa adalah elok sebagai Malaysia, sebagai negara yang baru membangun, yang mana kapasiti kita mengeluarkan *human resource*, saintis, pakar dan sebagainya ini adalah amat terbatas buat *adaptation* kepada teknologi-teknologi yang sedia ada, penggunaan *marketing*, *value added* dan sebagainya. Jadi ini sepatutnya ditekankan. Jadi, dalam keadaan yang sedemikian, saya ingin bertanya kepada pihak Setiausaha Parlimen yang saya percaya akan menjawab soalannya nanti. Hala tuju MIGHT ini dan garis panduan awal. Walaupun setelah ditubuh semenjak 10 tahun lebih, tetapi hala tuju kita masih belum mencukupi, belum menentu. Bahkan banyak penulisan termasuk profesor-profesor daripada *local university* membuat penulisan-penulisan terhubung dengan MIGHT ini, mengatakan bahawa garis panduan, *creating awareness*, *creating environment*, kita belum lagi mencukupi.

Jadi di mana letaknya sebenar tindakan MIGHT ini supaya betul-betul kita boleh *chasing the dream*, dengan izin, sama ada kita hanya bertugas untuk *creating environment*, *awareness* dan sebagainya, ataupun kita betul-betul hendak menjejarkan *high technology* ataupun kita hendak menggunakan teknologi orang lain dan *converting* teknologi orang lain, mempergunakan teknologi orang lain, membangunkan teknologi orang lain untuk kegunaan negara kita. Jadi minta penjelasan khusus supaya kita jangan buang duit banyak-banyak sangat sebab akhirnya nanti kita tidak mendapatkan hasilnya juga. Tuan Pengerusi, itu sahaja. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kepong dan selepas Kepong, kementerian boleh jawab.

5.29 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Pengerusi, saya dengan ringkaslah untuk membincangkan iaitu B.30 – *Malaysian Industry-Government Group for High Technology* (MIGHT) dan kedua-dua Yang Berhormat bagi Santubong dan Yang Berhormat bagi Mambong itu memang ada asas untuk menanya MIGHT. Apakah sebenarnya MIGHT? Di sini saya hendak menanya pihak kerajaan, tambahan kepada dana prospecting bolehkah selain menerangkan apakah prestasi MIGHT bahkan juga kita hendak tahu apa yang dimaksudkan dengan dana prospecting ini.

Dan di sini saya hendak menekankan bahawa bukan sahaja kita belanjakan wang yang begitu banyak bahkan juga perubahan dari segi mentaliti, dari segi persepsi, dari segi pentadbiran untuk menarik *scientists* bagi memajukan kembali (*back*) industri tinggi di negara ini. Memang ini satu dasar, satu perbelanjaan yang besar. Kalau kita hendak dapat benar-benar *scientist* Malaysia sendiri dan juga daripada luar negara kita mesti ada dasar yang lebih dan insentif yang sangat menarik. Insentif yang kita ada sekarang tidak cukup menarik *scientist-scientist*, memang tidak cukup. Saya bagi satu contoh, dua minggu yang lepas saya buat satu cadangan macam mana kita boleh menyekat ataupun berhenti, mengurangkan *brain drain* kita, pakar-pakar kita yang berhijrah ke negara lain. Ini penghijrahan pakar manusia memang satu perkara biasa sejak ada manusia di bumi ini.

Walau bagaimanapun, selepas saya keluarkan kenyataan itu saya nampak ada negara seperti Kanada ada orang yang *e-mail* kepada saya, blok kepada saya, dia kata nyanyilah itu, saya pun hairan apa yang dia hendak daripada saya. Melalui blok ini dia tunjuk kepada saya inilah cara untuk imigresen masuk ke Kanada. Hah, dia tunjuk

kepada saya inilah cara untuk mendapat masuk ke Kanada. Ini bermakna masalah pakar-pakar *scientist* ini di seluruh dunia orang hendak menarik pakar-pakar, kerana kalau dia dapat kalau kita daripada sekolah rendah, sekolah menengah atau universiti kita dan kemudian untuk mendapat Ph.D sama ada di dalam universiti tempatan ataupun di luar negara seberang laut, siapa yang dapat orang yang mendapat universiti misalnya, dia tidak payah bayar dengan banyak. Pelaburannya tidak banyak dia dapat orang yang pakar. Itu masalah kita di Malaysia. Beribu-ribu orang Malaysia bekerja di seberang laut. Mungkin peluang di sini tak cukup ataupun alam sekitar tidak begitu baik untuk mereka dan sebagainya.

Walau bagaimanapun, saya mencadangkan supaya pihak kerajaan, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi mengkaji mengapa kita tidak dapat menarik mereka ini kerana kita hendak jadi dengan wawasan 2020 negara yang maju, kita mesti ada sistem, ada dasar, ada insentif yang cukup untuk menahan orang kita daripada berhijrah untuk ditarik orang. Dan Santubong, tidak cukup kita pakar tempatan sendiri tidak cukup. Kita mesti

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Memang betul Yang Berhormat. Saya memang berminat dalam soal ini. Banyak yang menyokong Setiausaha Parlimen berhubung dengan perkara ini. Soalan yang khususnya imigresen polisi kita sebenarnya yang *restrictive*, yang tidak menarik, yang kalau Ministry of Inovasi ini berkata macam ini hendak tarik balik orang tetapi dalam masa yang sama Imigresen polisi kita yang membendung, tidak membolehkan, melarang perkara ini berlaku. Jadi siapa yang hendak masuk. Bukan soalan insentif sahaja.

Yang kedua insentif, kalau kita *study*kan insentif yang dikeluarkan oleh pihak Taiwan dan Singapura kita melihat macam mana mereka boleh menarik orang mereka sendiri balik dan termasuk orang-orang luar. Apabila Silicon Valley dom.com. semua jatuh pada tahun 2002 seramai 6,000 *scientist* dan *technician engineer* balik ke India hendak cari kerja di seluruh dunia tetapi *yet we cannot get any of this people come back to Malaysia*. Jadi macam mana? Inilah masalah kita mesti belajar dari pihak-pihak yang boleh menarik *resource* ini. Macam mana pandangan Yang Berhormat?

Dr. Tan Seng Giaw: Ya, itu memanglah Yang Berhormat Santubong hari ini dia buat cadangan yang bernas. Memang bernas, bukan selalu juga tetapi hari ini bernas. Tun Mahathir pun ada menyebut, betul juga kita mesti menarik pakar-pakar daripada luar tidak kiralah bangsa dan warna apa pun asalkan dia ada sumbangan, asalkan dia ada kepakaran, dia berkaliber maka kita menerima. Itu cara tetapi yang penting sekali mentaliti kita. Ada sesetengah orang termasuklah di dalam pentadbiran perkhidmatan awam yang sesetengah itu ada melepaskan batuk di tangga sahaja, dia hendak tarik pakar ataupun orang yang berbakat dan sebagainya berpotensi. Tetapi itu cakap sahaja bila dia melaksanakan dan menguatkuasakannya itu dia akan berlainan. Kalau orang yang lain ada permohonan dibuat, kita cepat-cepat tengok sama ada dengan cara yang sendiri kita mentafsirkan orang ini atau mempunyai potensi, mempunyai kaliber dan sebagainya, selepas itu kita kena cepat, kita beri dia peluang, insentif yang baik untuk menarik ke negara kita.

Saya beri satu contoh lagi iaitu mentaliti kita mestilah diubahsuaikan dengan berkesan. Kita tubuhkan *academy of sciences* baik, kita perlu *academy of sciences* untuk profesor kita, untuk *scientist* kita, untuk *technologist* kita dan sebagainya. Saya nampak seolah-olah *academy of sciences* mesti dipertingkatkan isi kandungannya. Setakat menjadi ahli *academy of sciences*, setakat mengadakan upacara yang hebat dan sebagainya tidak cukup. Apa matlamat *academy of sciences* kita? Adakah itu untuk sesetengah pihak menonjolkan diri sahaja ataupun mempunyai matlamat tertentu untuk mewujudkan satu suasana bagi *scientist* dan pakar kita melalui *academy of sciences* dan juga saluran-saluran lain untuk sama-sama membuat penyelidikan untuk membangunkan negara, untuk mewujudkan satu industri tinggi bagi negara kita. Itulah sahaja. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Setiausaha Parlimen.

5.38 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi [Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani]: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Pengerusi, saya bagi pihak MOSTI ingin mengucapkan terima kasih kepada pembahas-

pembahas dalam peringkat Jawatankuasa seperti yang telah didengar terutama daripada Yang Berhormat Mambong, Yang Berhormat Santubong dan Yang Berhormat Kepong. Di sini saya menyatakan sedikit latar belakang MIGHT itu sendiri - *Malaysian Industry Government Group for High Technology (MIGHT)* telah ditubuhkan sebenar pada tahun 1993 sebagai syarikat perkongsian kerajaan dan industri yang tidak bermotifkan keuntungan – *non-profit organization* bagi membantu merangka agenda pembangunan teknologi negara melalui penggembleran usaha di antara pihak kerajaan dan juga pihak industri yang berteraskan pembinaan permuafakatan, maksudnya *consensus building* dalam bidang strategi dan teknologi tinggi. Jadi bagi menjawab Yang Berhormat Santubong mandat utama MIGHT ialah untuk mengenal pasti peluang-peluang perniagaan dan pelaburan dengan mengeksplotasi serta memajukan penggunaan penyelidikan strategik dan teknologi bagi menggerakkan daya saing industri tempatan bagi memacu pertumbuhan ekonomi baru negara.

Bagi menjawab perkara pertama yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Santubong, sebenarnya MIGGHT seperti yang telah dinyatakan adalah merupakan satu pertubuhan ataupun organisasi yang dapat membantu kerajaan untuk mengadakan perbincangan dengan pihak industri, dengan pihak universiti, dengan pihak pusat-pusat penyelidikan tinggi – bagaimanakah, apakah teknologi terkini, teknologi masa akan datang yang akan boleh kerajaan ataupun swasta untuk melibatkan diri.

Untuk soalan kedua, berkaitan dengan *waste concession output*, pada ketika ini teknologi itu adalah sesuai dan telah dihasilkan dan diharapkan pihak yang mengambil input teknologi ini dapat mengupayakan teknologi mereka. Walaupun mungkin seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat bagi Mambong, mereka adalah masih mungkin nampak menggunakan teknologi yang biasa tetapi ini adalah terpulang kepada industri-industri yang berkaitan untuk mengupgraden teknologi itu dari masa ke semasa.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: [Bangun]

Dato' Razali bin Ismail: [Bangun]

Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani: Jadi MIGHT sentiasa terbuka untuk membantu syarikat-syarikat seperti ini menggunakan kepada teknologi itu untuk mendapatkan bantuan sama ada dalam bentuk teknologi dan sebagainya.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Santubong, Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu.

Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani: Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu dahulu.

Dato' Razali bin Ismail: Tadi telah disebut oleh Yang Berhormat Ahli Parlimen tentang teknologi tertinggi, sejauh manakah dengan gabungan dan dengan wujudnya MIGGHT ini kita telah memacu kepada satu industri teknologi *Nano* sekarang ini sebab di Thailand khabarnya perkembangan teknologi *Nano* ini begitu pesat sekali berkembang. Malah di negara-negara jiran seperti Korea sekarang ini mereka telah memacu ke arah *Pico technology* – seribu kali ganda lebih spesifik, lebih halus, lebih berseni lagi daripada *Nano technology*. Setakat manakah perkembangan-perkembangan serupa ini sudah berlaku dalam kerjasama MIGHT dan beberapa agensi lain itu?

Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani: Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu, terima kasih. Sebenarnya yang berkaitan dengan teknologi *Nano* ini telah pun saya rasa saya jawab beberapa kali. Oleh kerana teknologi *Nano* ini adalah merupakan teknologi terkini, mungkin sesetengah negara telah pun hampir seperti US mungkin telah pergi kepada *Pico technology*.

Teknologi ini adalah teknologi yang memerlukan satu pelaburan peralatan yang begitu tinggi. Jadi untuk mengenal pasti apakah fokus bagi Kerajaan Malaysia melibatkan diri dalam teknologi ini adalah sangat penting. Kita tidak mampu untuk melibatkan diri dalam semua teknologi yang berasaskan *Nano* oleh kerana kos yang begitu tinggi dan kalau kita lihat pun sekarang ini kita punya penekanan pun telah agak begitu kuat kepada bidang bioteknologi yang mana ini sebenarnya adalah merupakan kekuatan kita yang dahulu. Saya rasa bidang bioteknologi oleh kerana negara kita dengan *biodiversity* yang begitu besar, ini mungkinlah menjadi keutamaan negara pada masa ini dan akan datang. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Santubong, Yang Berhormat bagi Mambong.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Ya, saya juga pernah membangkitkan soalan *Nano technology* ini. Saya melihat juga kementerian, saya ingat ada mempunyai satu fokus untuk membangun dan *to attract scientist* dalam bidang *Nano technology* ke Malaysia tetapi walau bagaimanapun soalan kos, Tuan Pengerusi, ialah satu soalan yang patut kita jangan *emphasize*kan sangat.

Sepatutnya kita membuat satu pendekatan. Mungkin kita menghantar *scientists* kita ke tempat-tempat lain, ke *research centres* lain, ke syarikat-syarikat yang *advance* yang mempunyai teknologi ini di Amerika, di Korea, di Jepun dan sebagainya. Bahkan boleh di India pun boleh dihantarkan, oleh kerana kalau kita lihat syarikat-syarikat yang besar macam IBM dia buat *research centre* di Amerika, satu dia buat di Germany dan sekarang dia buat di India. Soalan dia ialah *they want to harvest all the human resources available* kepada pihak India.

Masalah kita soalan teknologi ini mungkin dikemudiankan sedikitlah, tetapi persoalan yang penting kerajaan kita itu sendiri, Tuan Pengerusi, *environment* kita dan bahkan kerajaan, jabatan kerajaan, pegawai kerajaan boleh *retard the growth of this development of a technology* dalam negara ini oleh kerana peraturan, pandangan dan sebagainya garis panduan yang kita mengguna pakai sekarang ini tidak *evolve* bersama cepat dengan keadaan teknologi yang kita hendak terima. Jadi ada benda yang kita hendak *adopt* dalam negara ini.

Tanyalah mana-mana persoalan, soalan *waste management* dan sebagainya kita boleh sebut ada teknologi-teknologi yang canggih kita hendak masuk tetapi bila dibawa ke sini ditapis oleh pegawai-pegawai kerajaan jadi penapisan, corak, cara dan *style* penapisan dan garis panduan diguna pakai untuk menapis teknologi ini. Garis panduan yang di terima pakai pada tahun 70-an, 60-an yang jauh tidak boleh pakai lagi. Macam mana kita punya *development of creativity* dan *innovation* menerusi teknologi boleh *diaccommodate* di negara kita ini.

Jadi kita sendiri kena bertukar minda kita dan peraturan-peraturan kerajaan mesti berubah, pegawai kerajaan mesti diberi latihan dalam soal ini, cepatnya pertukaran teknologi ini dan kita kena berjalan sama dengan mereka ini, kita tidak boleh ikut jauh di belakang sangat. Macam mana pandangan Yang Berhormat?

Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani: Terima kasih Yang Berhormat bagi Santubong berkaitan perkara itu yang mungkin saya secara ringkas boleh dikatakan kerenah birokrasilah. Sebenarnya di dalam apa sahaja *proposal* cadangan daripada mana-mana syarikat ataupun daripada IPT atau *research institution* untuk memohon geran pendidikan, *proposal* ini ditapis oleh *scientist* sebenarnya terlebih dahulu oleh *scientists* yang berkaitan.

Di sini pandangan-pandangan *scientist* itu perlu diambil kira sama ada teknologi ini yang hendak dibangunkan memenuhi nilai komersial ataupun tidak, ataupun adakah industri yang akan datang akan menggunakan produk yang akan dihasilkan dan sebagainya. Jadi apa yang *betting* pertama daripada *scientists* ini akan barulah diambil kira oleh pihak kementerian dan akhirnya pejabat kementerian akan memaklumkan kepada Yang Berhormat Menteri sama ada *proposal* seperti ini untuk menggunakan teknologi baru dan sebagainya boleh disokong ataupun tidak.

Saya merasakan bahawa dengan adanya menteri sekarang yang merupakan seorang *scientist* yang mana beliau lebih memahami berkaitan teknologi itu sendiri kemungkinan seperti yang kita kelewatan yang berlaku sebelum ini untuk memilih teknologi pun saya ingat....

Dr. James Dawos Mamit: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Mambong.

Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani:mungkin dapat kita kurangkan pada masa-masa akan datang.

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Minta maaf Tuan Pengerusi, saya....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Mana satu Yang Berhormat?

Dr. James Dawos Mamit: Mana satu Yang Berhormat?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Biar cakap, saya cakap.

Dr. James Dawos Mamit: Mambong?

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Yang Berhormat biar saya habis dahulu, cerita yang sama masih belum habis lagi. Minta maaf Yang Berhormat.

Dr. James Dawos Mamit: Cerita apa itu belum habis lagi?

Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Belum habis, belum habis. Saya hendak buat satu penjelasan apa yang saya sebut. Pada sesi yang lepas saya tanya dengan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi berhubung dengan *The Three Principle Energy*. Jawapan yang diberi oleh pegawai kepada Timbalan Menteri dan Timbalan Menteri baca dalam Dewan ini tidak bertepatan dengan konsep itu, maknanya kementerian sendiri tidak tahu konsep *energy* ini.

Satu *energy principle*, *the three concepts of technology principle*, satu *energy principle* dia teknologi penjaan *energy*. Yang kedua, *how to save the energy* bila itu sudah dijanakan. Yang ketiga, *how to save the technology* menggunakan teknologi yang lain. Yang ketiga ini tidak diketahui padahal sudah di bincang di Malaysia pada 10 tahun yang lepas. Jadi apabila telah dibincang di Malaysia 10 tahun yang lepas tetapi sekarang kementerian sudah lupa benda yang di bincang sendiri. Teknologi ini mengatakan begitu kalau macam mana *the third technology principle* ini mengatakan, kalau *you* hendak bina rumah, rumah itu *must be able to save energy* daripada *design* dia, daripada *glasses* yang dipakai, *material* yang dipakai *must save energy*. Jadi penggunaan kita boleh berkurangan. Mengikut Telekom punya *research* pada 10 tahun yang lepas, 1994 *research* ada mengatakan bahawa kita boleh menyelamatkan 40 peratus daripada penggunaan *energy* kalau kita gunakan *design* bangunan, *design building*, *design* rumah dan sebagainya mengikut teknologi-teknologi yang tertentu yang telah diperkenalkan di Amerika, telah diperkenalkan di Australia, di Germany dan sebahagian besar di *Nordic, Europe*.

Tapi bila ditanya sini, kementerian sendiri pun tak tahu. Jadi macam mana *because* inilah persoalannya maknanya kita tidak *adopting* kepada teknologi hanya kita *ad hoc* saja, yang ini pergi ke sini, yang satu ini masih jauh tinggal di belakang. Ini yang saya persolkan Yang Berhormat. Terima kasih.

Dr. James Dawos Mamit: Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, ini ada kaitan juga dengan - bagi saya peluang, ya? Ada kaitan dengan apa yang telah disentuh oleh Yang Berhormat bagi Santubong. Ini tentang teknologi tinggi ini, tumpuan terkini oleh MIGHT. Saya boleh sebut di sini:

- (i) *aerospace*;
- (ii) *general aviation*;
- (iii) *photonics*;
- (iv) *construction and housing*;
- (v) ICT;
- (vi) automatif;
- (vii) maritim; dan
- (viii) *advance manufacturing*.

Di dalam teknologi yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Santubong tadi, saya yakin di dalam *construction and housing* memang ada disebut di dalam laporan ini, di mana teknologi yang telah pun dihasilkan boleh lagi menjana satu teknologi tinggi yang lain, memang sudah ada di dalam *construction and housing*. Tapi saya amat tertarik dengan teknologi *photonics* ini yang belum lagi dihasilkan. Persoalannya sekarang ialah jika inilah teknologi-teknologi tinggi, nanti yang telah pun dihasilkan oleh MIGHT, bagaimanakah teknologi-teknologi ini nanti akan diterima pakai oleh industri-industri di negara kita. Ini penting. Terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen.

Prof. Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani: Terima kasih. Pertama, saya ingin menjawab daripada perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Santubong berkaitan dengan tenaga (*energy*) dan sebagainya. Seperti yang telah

dinyatakan oleh Yang Berhormat Mambong tadi, memang antara perkara-perkara yang merangkumi ataupun bidang strategik yang diambil kira sebagai .MIGHT untuk memberikan maklum balas seperti yang dinyatakan memang betul *aerospace*, automatif, *advance manufacturing biotechnology* herbal, *maritime technologies and industry*, *alternatif energy construction and housing*, ICT dan juga yang terkini adalah *photonics* dan *non-technology*.

Di sini kalau kita lihat bahawa MIGHT ini adalah merupakan satu *organization* yang akan memaklumkan terutamanya kepada Kementerian Sains, apakah teknologi-teknologi terkini yang patut kita *engage* supaya geran-geran penyelidikan yang kita nak agihkan melalui bar adalah terletak di dalam lingkungan teknologi yang kita tengah kenal pasti. Jadi kalau kita tidak kenal pasti teknologi ini adalah agak sukar untuk kita mengagihkan geran-geran penyelidikan. Jadi semua orang akan memohon dan mungkin akan *duplication* dan sebagainya.

Selain daripada menjadi peneraju untuk menentukan hala tuju teknologi tinggi, MIGHT juga sebenarnya membantu Kementerian Sains di dalam pengagihan geran-geran penyelidikan supaya teknologi ini dapat diguna pakai oleh industri masa kini dan industri masa yang akan datang.

Berkaitan dengan *energy*, saya rasa seperti yang

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, saya tertarik pada pengagihan peruntukan kepada orang-orang yang tertentu. Adakah anggaran pihak kementerian jumlah yang diperlukan untuk misalnya bioteknologi, berapa jumlah yang diperlukan untuk bidang ini? Kerana apa yang saya difahamkan, bidang ini memerlukan berbilion-bilion ringgit untuk mewujudkan satu sistem bioteknologi yang bermakna, yang akan membawa manfaat kepada negara.

Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani: Yang Berhormat bagi Kepong, saya jawab terus kepada soalan ini. Untuk makluman Yang Berhormat dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, kita telah memohon geran pendidikan adalah sebesar RM2 bilion. Apa yang akan diluluskan kita akan tunggulah bajet dan sebagainya. Dengan harapan kalau banyak geran pendidikan akan diberikan keutamaan oleh kerajaan, jadi agihan untuk teknologi-teknologi terkini seperti bioteknologi dan nanoteknologi ini boleh diagihkan agak besar peruntukannya. Tetapi kalau kemampuan kita mungkin setakat RM1.2 bilion, ataupun RM1 bilion untuk Rancangan Malaysia Kesembilan, selama lima tahun.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Mambong.

Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani: Saya habiskan jawapan.

Dr. James Dawos Mamit: Ini yang berkaitan dengan pengagihan peruntukan tadi untuk R&D. Terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, MIGHT ada keahlian dan ada bilangan 29 ahli-ahli yang saya lihat di sini. Adakah pengagihan peruntukan untuk R&D ini diutamakan kepada ahli-ahli MIGHT kerana saya lihat di sini - kalau kita lihat *Energy Commission* pun ada jadi ahli, *Forest Research Institute*, dan sebagainya termasuk Kulim *Technology*. Adakah pengagihan R&D ini, yang dua pilihan ini diutamakan kepada ahli-ahli MIGHT?

Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani: Jawapannya tidak, ahli MIGHT ini kita anggap sebagai organisasi yang *dependent*. Mereka tidak akan terlibat di dalam penilaian daripada *proposal-proposal* penyelidikan ataupun rancangan-rancangan penyelidikan itu, ahli-ahli MIGHT tidak ada di dalam *committee*. *Committee* ini terdiri daripada saintis dan juga sama ada daripada Institut Pengajian Tinggi (IPT) ataupun daripada Institut Pengajian Penyelidikan. Jadi mereka di dalam tidak ada di dalam Jawatankuasa Penapisan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Habis?

Prof. Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani: Belum. Saya belum menjawab lagi beberapa soalan. Yang Berhormat bagi Santubong membangkitkan berkaitan dengan kapasiti dan hala tuju, saya cara ini telah pun ada seperti yang telah dinyatakan dalam penubuhan MIGHT itu sendiri.

Dan soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Kepong mengenai dana prospektif ini adalah berkaitan dengan lima perkara utama iaitu Program

Kerjasama Industri Kerajaan Universiti memerlukan RM825 ribu, Program Pendalaman Industri memerlukan RM2.86 juta, Program Teknologi memerlukan RM935 ribu, Program Pembangunan Tenaga Manusia memerlukan RM273 ribu, Program Rangkaian Perisian Teknologi memerlukan RM605 ribu dan jumlahnya adalah seperti yang dipohon adalah sebanyak RM5.5 juta.

Yang berkaitan dengan *brain gain* termasuklah daripada Yang Berhormat bagi Santubong. Seperti yang telah mungkin kami jawab beberapa kali bahawa MOSTI sekarang sedang menyediakan satu rangka ataupun polisi yang terkini bagaimana untuk menarik saintis-saintis dalam negeri termasuk luar negeri iaitu *brain gain* untuk mereka ini berkhidmat di negara kita. Jadi sama ada insentif ini di dalam bentuk ganjaran ataupun kemudahan untuk keluarga dan sebagainya dan juga kemudahan peralatan dan juga infrastruktur untuk pemilikan sama ada di Malaysia ataupun di luar Malaysia.

Saya sangat setuju bahawa kita juga akan bincang dengan Jabatan Imigresen untuk memulihkan saintis luar negeri dengan mudah dapat bergerak ataupun datang ke Malaysia untuk menjalankan penyelidikan dan sebagainya. Jadi kita akan secara yang boleh untuk mengurangkan birokrasi supaya mereka dapat datang dengan begitu cepat dan sebagainya.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Banyak lagi?

Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Abd. Ghani: Tuan Pengerusi, saya rasa saya telah jawab semua yang telah ditanya oleh ketiga-tiga dan keempat-empat di dalam perbahasan tadi, jadi saya rasa itu sahaja. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM5,500,000 untuk Maksud B.30 di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM5,500,000 untuk Maksud B.30 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Maksud P.32 [Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil.1) 2005] –

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kepala Pembangunan P.32 di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan terbuka untuk dibahas. Tanjong sila, Tanjong hendak bahas?

6.01 ptg.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Sukacita saya menyentuh tentang Butiran 8.1 - Pusat Pentadbiran Putrajaya di mana peruntukkan sebanyak RM453 juta dikehendaki untuk membolehkan kementerian membuat bayaran balik, kos pembangunan infrastruktur di Putrajaya kepada Putrajaya Holdings Sdn. Bhd. yang telah disempurnakan dalam Tahun Kewangan 2005.

Tuan Pengerusi, Putrajaya Holdings memulakan pembinaan Putrajaya pada tahun 1996 dan Fasa Pertama disiapkan pada tahun 2000 dengan penyampaian infrastruktur dan juga bangunan-bangunan kerajaan utama dan termasuk pejabat Perdana Menteri kepada pihak kerajaan dan dikatakan pada masa kini projek ini sudah masuk Fasa Kedua dan dijangka akan siap pada tahun 2010. Kita semua tahu bahawa kos yang akan dibabitkan untuk menghabiskan projek Putrajaya akan sampai kepada RM25 bilion, mungkin RM30 bilion apabila projek ini disiapkan.

Jadi kita berharap bahawa kementerian akan memberitahu kita sebenarnya apakah kos yang akan diperlukan untuk menghabiskan projek Putrajaya dan berapakah fasa di dalam projek ini dan apakah kos bagi setiap fasa dan bilakah Pusat Pentadbiran Putrajaya ini akan menjadi *fully functional*. Amatlah menjadi perhatian kita ingin tahu bahawa sama ada bangunan-bangunan kerajaan yang sudah diserahkan kepada pihak kerajaan bolehkah kementerian memaklumkan kepada kita siapakah sebenarnya pemilik kepada semua bangunan-bangunan infrastruktur ini, sama ada kerajaan menjadi pemilik baru selepas Putrajaya Holdings menyerahkan bangunan-bangunan ini ataupun ia masih digunakan atas syarat *leasing* oleh pihak kerajaan daripada Putrajaya

Holdings di mana setiap tahun kerajaan perlu membayar kepada Putrajaya Holdings untuk menggunakan bangunan-bangunan yang sudah pun diserahkan untuk digunakan.

Dan diharapkan juga timbalan menteri kementerian memberitahu Dewan ini setakat ini berapakah nilai bon yang sudah dikeluarkan oleh Putrajaya Holdings untuk mendapat dana dan tabung untuk memajukan Pusat Pentadbiran Putrajaya dan setakat ini apakah Putrajaya Holdings walaupun dimiliki oleh Petronas dan kumpulan wang dan sebagainya, apakah ini menjadi satu beban kepada kerajaan untuk terus membiayai pembangunan Pusat Pentadbiran Putrajaya?

Saya juga berharap kementerian akan memaklumkan Dewan ini sama ada sejajar dengan arahan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri supaya projek-projek mega sepatutnya dikaji semula sama ada projek Pusat Pentadbiran Putrajaya juga menjadi satu projek mega yang akan dan sedang dikaji semula oleh pihak kerajaan sama ada kita perlu meneruskan dengan segala pembinaan infrastruktur dan *landscaping* dan sebagainya yang menelan kos-kos yang begitu tinggi dan menjadi satu beban untuk menanggungnya dan juga tidak diharapkan akan menjadi *financially viable*.

Kita juga ingin sama ada pihak kementerian ataupun Putrajaya Holdings bercadang untuk menjualkan tanah-tanah yang mereka miliki di pusat pentadbiran dan bandar Putrajaya ini kepada sektor swasta supaya mereka dapat peluang untuk memajukan hartanah-hartanah di Pusat Pentadbiran Putrajaya ini sebab memang tidak masuk akal untuk pihak kerajaan tanggung 100 peratus satu pembangunan bandar raya yang seharusnya digalakkan juga pihak swasta membuat pelaburan dan memajukan hartanah-hartanah di Pusat Pentadbiran Putrajaya itu. Adakah tanah-tanah ini dijual supaya kerajaan mendapat balik segala *investment* yang sudah dilaporkan selama ini.

Akhirnya kita juga berharap bahawa timbalan menteri dapat memaklumkan sama ada mahligai pada satu ketika dikatakan akan digunakan sebagai tempat kediaman rasmi Perdana Menteri sudah pun disiap dan jika ia sudah siap, apakah kos sebenarnya setakat ini dan sama ada Perdana Menteri sekarang sudah pun menggunakan mahligai ini? Sekian.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat boleh jawab.

6.08 ptg.

Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan [Dato' Zulhasnan bin Rafique]:

Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Tuan Pengerusi, saya bagi pihak Kementerian Wilayah Persekutuan mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Tanjong mengambil bahagian dalam peringkat Jawatankuasa bagi Kementerian Wilayah Persekutuan di bawah B.32. Oleh sebab Yang Berhormat Tanjong banyak tanya soalan-soalan berkenaan daripada dasar dan hal-hal berkaitan dengan dasar, dengan itu walaupun ini tidak termasuk dalam Jawatankuasa ini saya akan cuba untuk menerangkan kepada Yang Berhormat tentang Putrajaya ini.

Daripada segi wang yang termasuk dalam P.32, Kementerian Wilayah Persekutuan telah menerima peruntukan tambahan sebanyak RM453,311,010 dan peruntukkan tambahan ini bertujuan untuk pembayaran projek-projek pembangunan di Putrajaya. Peruntukan ini adalah tambahan kepada peruntukkan asal 2005, Perbadanan Putrajaya sebanyak RM600 juta, ini menjadi peruntukkan keseluruhan untuk Perbadanan Putrajaya bagi tahun 2005, jumlah RM1,053, 311,010. Daripada jumlah peruntukan tambahan 2005 sebanyak RM453,311,010, sejumlah RM240 juta adalah bagi tujuan pembayaran projek-projek pembangunan dilaksanakan oleh *share holdings* dan butirannya termasuklah pembayaran balik pembangunan kerajaan, termasuk pembayaran balik infrastruktur, sistem rangkaian pembetungan, sistem bekalan air, terowong, kerja-kerja tanah, pembangunan tasik, promenade, taman wetland, kerja-kerja pengairan, termasuk agensi-agensi yang berkaitan dalam utiliti termasuk elektrik, internet, telekom, fiber optic, Selangor Equestrian Park.

Manakala RM213,311,000 ialah bagi membiayai projek-projek yang telah dilaksanakan oleh Perbadanan Putrajaya sendiri. Dan inilah termasuk taman-taman awam, infrastruktur, tasik, *phasing diplomatic*, bangunan hotel, Taman Alam Warisan dan kemudahan-kemudahan awam termasuk surau, terminal bas, pusat kompleks

kejiranan, balai polis, medan selera, bas dan sekolah dan lain-lain. Dan pembayaran yang telah dibuatkan oleh kementerian sejak ditubuhkan Mac hingga 22 September 2005 berjumlah RM500,971,224.

Setengah itu Yang Berhormat, saya hendak terang sedikit tentang pembangunan Putrajaya adalah bertujuan memusatkan pejabat-pejabat Kerajaan Persekutuan di dalam satu tempat di mana perancangan teratur dapat diadakan. Dan pembangunan Putrajaya dikendalikan oleh Putrajaya Holdings. Mereka menjadi pemaju utama atau syarikat konsesi pembangunan Putrajaya. Putrajaya Holdings diperbadankan pada 19 Oktober 1995. Bertanggungjawab di atas kompleks dan bangunan kerajaan serta projek-projek pembangunan kediaman dan komersial termasuk kuarters kerajaan di Putrajaya.

Ini meliputi projek-projek pembangunan infrastruktur dan mercu tanda seperti Dataran Putera, Masjid Putera, Jambatan Putra, Tasik Putrajaya seperti Wetland. Putrajaya Holdings telah memulakan pembinaan Putrajaya pada tahun 1996 dan jangka menyiapkan fasa terakhirnya pada tahun 2010. Untuk itu kerajaan telah pindah milik kepada Putrajaya Holdings melalui perjanjian di antara Suruhanjaya Tanah Persekutuan PTP, dengan Putrajaya Holdings pada 9 Jun 1997 bagi tanah-tanah yang berikutan 1512.36 hektar. Tanah-tanah untuk pembangunan infrastruktur, bangunan kerajaan, taman-taman awam dan kemudahan awam adalah tidak diserahkan kepada Putrajaya Holdings.

Nilai-nilai tanah yang dipindahkan iaitu 1512.36 hektar, ini akan dikontrakkan dengan kos pembangunan infrastruktur asas, iaitu jalan dan perparitan yang akan dibangunkan oleh Putrajaya Holdings. Kos pembangunan yang melebihi nilai tanah yang diserahkan, iaitu pada dasarnya telah dipersetujui akan ditokok oleh kerajaan. Dan sumber pembiayaan Putrajaya Holdings selain itu adalah melalui modal, saham dan pinjaman. Jadi kita serah kepada mereka untuk menentukan sama ada mereka ada cukup tanah di dalam syarikat mereka untuk membangunkan apa yang telah saya terangkan. Modal dan pinjaman saham itu khususnya untuk pembangunan projek-projek yang mempunyai pulangan hasil secara terjamin seperti bangunan-bangunan pejabat disewakan kepada kerajaan, yang saya akan maklumkan kepada Yang Berhormat selepas ini.

Perbadanan Putrajaya telah ditubuhkan pada 1 Mac 1996 dan Perbadanan Putrajaya atau PJC terletak di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan ya. Putrajaya Holdings tidak diletakkan di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan. Fungsi utama Perbadanan sebagai Pihak Berkuasa Tempatan dan Pihak Berkuasa Perancang tempatan adalah membangun, mentadbir dan menguruskan kawasan Putrajaya. Setiap rancangan pembangunan yang hendak dilaksanakan oleh Putrajaya Holdings perlu dibentang dan diluluskan oleh Perbadanan Putrajaya terlebih dahulu. Dalam hal ini Perbadanan Putrajaya memainkan peranan sedikit berbeza berbanding dengan Pihak Berkuasa Tempatan lain kerana Perbadanan Putrajaya terlibat secara aktif bersama pemaju dalam merumuskan setiap projek besar mula daripada peringkat konsep.

Selain itu Perbadanan Putrajaya juga dipertanggungjawabkan untuk membangun kemudahan-kemudahan awam seperti hospital, balai polis, balai bomba, surau dan sekolah di samping projek-projek sendiri iaitu kompleks kejiranan, kompleks sukan dan taman awam. Dan Perbadanan Putrajaya juga mengusahakan perkhidmatan bas awam apabila tiada pihak swasta berminat untuk menjalankannya.

Sehubungan dengan itu Yang Berhormat, saya akan sentuh sedikit tentang pemindahan kementerian, iaitu kementerian-kementerian yang mana telah pindah ke Putrajaya. Pada masa ini jumlahnya 19 kementerian telah pun pindah ke Putrajaya dan kita ada lima lagi kementerian yang insya-Allah akan pindah apabila bangunan-bangunan siap dan ini termasuklah dalam tahun 2009 dan 2010. Dan hanya tiga kementerian dikecualikan untuk berpindah iaitu Kementerian Kerja Raya, Kementerian Pertahanan, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri.

Daripada isu Yang Berhormat tentang *rental arrangement* itu, mengikut perjanjian konsesi bangunan kerajaan antara Kerajaan Malaysia dan Putrajaya Holdings *rental arrangement*, dengan izin bangunan kerajaan adalah secara *Build-Lease-And-Transfer (BLT)*. Di mana kerajaan menyewakan bangunan-bangunan yang telah dibina oleh Putrajaya Holdings selama 25 tahun. Selepas tempoh sewaan tersebut bangunan akan menjadi hak milik kerajaan sepenuhnya. Sebagai contoh kadar sewaan yang telah dipersetujui bermula dengan RM2.50 sekaki persegi sebulan

bagi bangunan yang mulai tahun 2000 sehingga RM4.60 sekaki persegi sebulan pada tahun 2025, iaitu waktu terakhir sewaan itu. Dan daripada kadar bayaran penyelenggaraan di Kompleks Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Putrajaya, purata kadar bayaran penjagaan di Kompleks Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Putrajaya adalah 19 sen sekaki persegi sebulan. Dan inilah satu angka yang rendah jika dibandingkan dengan banyak kompleks yang lain. Kalau Yang Berhormat hendak tahu dengan secara mendalam saya boleh beritahu pada Yang Berhormat secara terperinci.

Selain itu, soalan-soalan yang lain Yang Berhormat telah sentuh tentang berapakah nilai bon Putrajaya Holdings dan Putrajaya Holdings ini ialah sebuah syarikat swasta Yang Berhormat. Dan Putrajaya Holdings ini kalau saya tidak silap saham Putrajaya Holdings syarikatnya, pemilik-pemiliknya terdiri daripada Khazanah Nasional Berhad 15.59%, Petroleum Nasional Berhad (Petronas) sebanyak 64.4%, Bumiputera-Commerce Nominees Sendirian Berhad sebanyak 20%. Ini bermakna ia menjadi sebuah syarikat swasta dan mereka perlu membuat keputusan kalau dana tidak cukup untuk membangunkan apa di bawah tanggungjawab mereka.

So, dengan itu soalan Yang Berhormat dari segi bon itu kita serah kepada mereka untuk mengeluarkan bon-bon yang tertentu untuk menentukan mereka dapat membangunkan apa yang tertakluk di bawah tanggungjawab mereka. Dan juga projek-projek ini Yang Berhormat Sentul bertanya mengenai program mega dikaji semula. Kita tengok kepada dana yang ada pada masa yang sesuai dalam masa sebelum 2010. Dengan itu kita akan menentukan nombor satunya bangunan-bangunan kerajaan yang saya sebutkan tadi insya-Allah semua sekali akan siap sebelum 2010, dan semua sekali kementerian-kementerian yang belum pindah akan pindah insya-Allah kepada bangunan-bangunan yang baru.

Tadi Yang Berhormat telah menyentuh tentang kementerian dan Putrajaya Holdings menjual tanah-tanah di Putrajaya yang dibangunkan oleh pihak swasta. Tanah-tanah di Putrajaya adalah hak milik pelbagai pihak seperti kerajaan, swasta dan persendirian. Saya ada senarai di sini Yang Berhormat, tanah-tanah dan pemilik-pemilik yang kerajaan telah beli daripadanya dan saya juga ada senarai di sini. Senarainya panjang kalau Yang Berhormat hendak dengar kita boleh bincang di luar nanti ya. Dan juga daripada segi kos-kosnya untuk membangunkan, untuk membelikan tanah-tanah ini kepada pihak-pihak kerajaan dan swasta, pun saya ada di sini. Tanah-tanah milik kerajaan akan dibangunkan oleh kerajaan dan agensi-agensinya dari masa ke semasa selaras dengan kemajuan fizikal pembangunan Putrajaya dan tidak dijual kepada pihak swasta.

Tanah-tanah milik swasta akan dibangunkan oleh pihak swasta untuk tujuan komersial bergantung kepada keperluan swasta. Daripada segi kos pembangunan rumah Yang Berhormat Perdana Menteri, pembinaan rumah Yang Berhormat Perdana Menteri termasuk dalam kos pembinaan kuarters-kuarters kerajaan. Peruntukan bagi tujuan tersebut adalah berada di bawah tanggungjawab JPM dan ini saya hendak terangkan sedikit ialah apabila masa pembinaan awal rumah ini diserahkan kepada JPM, dan pada masa itu tanggungjawab Jabatan Perdana Menteri untuk mengawal dan membangunkan rumah ini dan selepas bekas Perdana Menteri masuk pada Sri Perdana, kos ubah suai dan operasinya terletak di bawah Bahagian Pengurusan Hartanah Jabatan Perdana Menteri sehingga hari ini.

Ini bermakna Yang Berhormat segala jawapan dan soalan tentang hal ini kita harus tuju kepada Jabatan Perdana Menteri. Tentang isu mengkaji semula projek mega, kementerian dari semasa ke semasa mengkaji pembangunan Pusat Pentadbiran Putrajaya selaras dengan dasar semasa dan kemampuan kewangan kerajaan. Ini saya sudah sebutkan tadi. Daripada segi kos pembangunan projek Putrajaya, kos keseluruhannya adalah sebanyak RM39.3 bilion yang mana jumlah projek berkenaan melalui RM30.9 bilion dilaksanakan oleh Putrajaya Holdings untuk kerja-kerja infrastruktur, bangunan pejabat kerajaan, rumah kuarters kerajaan, kediaman dan bangun komersial. Ini bermakna kita balik tadi kepada soalan-soalan tentang Bond tadi, ini tanggungjawab Putrajaya Holdings untuk mengeluarkan....

Tuan Chow Kon Yeow: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Tanjong bangun.

Dato' Zulhasnan bin Rafique: Ya sila.

Tuan Chow Kon Yeow: Penjelasan. Bolehkah Yang Berhormat memberitahu Dewan ini mengapa apabila kos pada mulanya dalam lingkungan RM20 bilion sahaja dan jawapan Yang Berhormat tadi jumlah sudah melonjak hingga RM39 bilion. Apakah sebabnya dan adakah ini *justifiable*?

Dato' Zulhasnan bin Rafique: Terima kasih Yang Berhormat. Kosnya kalau kita tengok kepada butiran yang ada di sini. Kerja-kerja infrastruktur bangunan pejabat kerajaan, kuarters kerajaan, bangunan komersial, kemudahan awam jumlahnya RM30 juta sehingga 2010. Mungkin pada masa itu apabila Yang Berhormat degar penjelasan, mungkin 4, 5 tahun sebelum ini mungkin jumlah pada masa itu ialah lebih rendah. Sekarang ini sebelum kita sampai kepada tahun 2010 jumlahnya ialah RM30.9 juta. Daripada jumlah itu, hanya RM8.4 juta ditanggung oleh kerajaan dan kerja-kerja dilaksanakan oleh Perbadanan Putrajaya termasuk kemudahan-kemudahan awam, taman-taman awam, pengambilan balik tanah dan projek-projek kecil yang lain. So, kalau tidak ada soalan yang lain, Tuan Pengerusi...

Tuan Lim Hock Seng: [Bangun]

Puan Teresa Kok Suh Sim: [Bangun]

Dato' Zulhasnan bin Rafique: Sila.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, dan jua Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya ada dua soalan. Pertama adalah tentang lebuh raya KL-Putrajaya. Pada pagi ini rombongan dari *Back Benchers Club* Dewan Rakyat ini telah pun melawat Sri Petaling yang mana lebuh raya KL-Putrajaya adalah begitu dekat dengan rumah yang sedia ada, iaitu 2.3 meter daripada rumah yang baru dibina itu, dan juga ia telah pun menyebabkan keretakan di rumah-rumah tersebut. Saya ingin bertanya, apakah kementerian Yang Berhormat ini ada mengambil perhatian.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, adakah perkara ini berkaitan....

Puan Teresa Kok Suh Sim: ... kerana ini lebuh raya KL-Putrajaya.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tiada berkaitan dengan butiran yang kita bangkitkan.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Ada, tentang Putrajaya.

Puan Chong Eng: Kalau mahu pergi Putrajaya....

Tuan Chow Kon Yeow: Putrajaya Holding.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Hendak pergi Putrajaya mesti pakai itu. Jadi, saya hendak tanya kementerian tentang perkara ini dan juga

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, saya... terkeluar daripada tajuk.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Tuan Pengerusi, bagi saya satu minit lagi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kalau macam ini, Seremban pun boleh sampai ke Putrajaya. Cukuplah.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Sekarang kita bincang Putrajaya.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah, terkeluarlah.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Tuan Pengerusi, saya juga hendak tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, apabila kita pergi ke Putrajaya, masalah yang terbesar adalah tidak tahu mana letak kereta kita. Jadi ini menunjukkan yang tempat letak kereta di Putrajaya itu memang tidak cukup dan adakah kerajaan mempunyai rancangan untuk menambah tempat letak kereta di sana dan ini juga menunjukkan perancangan yang lemah apabila dibuat semasa hendak membina Putrajaya yang mana tempat letak kereta adalah tidak cukup dan kita juga lihat kekurangan kenderaan awam seperti bas, kereta api semua tidak ada pergi ke sana. Ini telah menyusahkan rakyat untuk mencari bantuan menguruskan urusan mereka di Putrajaya.

Jadi apakah kerajaan akan membetulkan keadaan ini? Soalan yang terakhir ialah apakah kedudukan sekarang menteri di kementerian ini? Kita sudah lama tidak

jumpa dia, adakah dia masih memegang, melaksanakan tugasnya sebagai Menteri Wilayah Persekutuan dan juga di manakah...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ada Timbalan Menteri beri jawapan.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Adakah oleh kerana dia sudah tidak menjadi ahli kepada UMNO, jadi kita hendak tahu apakah peranannya sekarang. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri akan dinaikkan pangkat untuk menjadi menteri. Ini adalah isu yang kita semua hendak tahu.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sudah terkeluar daripada tajuk.

Seorang Ahli: Ada, ada.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak payah tahulah Yang Berhormat. Boleh pilih, tidak mahu jawablah. *[Ketawa]*

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Pengerusi, boleh saya tanya sekali gus dan menteri menjawab? *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Menteri hendak beri laluan?

Dato' Zulhasnan bin Rafique: Saya jawab Yang Berhormat bagi Seputeh sekejap.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Dia hendak pilih jawab Yang Berhormat bagi Seputeh dahulu.

Dato' Zulhasnan bin Rafique: Yang Berhormat bagi Seputeh dahulu. *[Ketawa]* daripada segi Lebuhraya KL-Putra tadi Yang Berhormat ini isu keluar daripada perkara yang kita hendak bincang. Tetapi saya pun telah mendapat salinan surat yang ditujukan kepada Datuk Bandar Kuala Lumpur, isu daripada Kuala Lumpur ini terkeluar daripada apa yang kita hendak bincangkan hari ini dan saya akan bincang dengan Datuk Bandar tentang isu-isu termasuk masalah 2.4 meter, bukan 2.3 meter tadi dan retakan-retakan pada rumah-rumah yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat.

Tentang isu letak kereta Yang Berhormat, sistem yang telah dirancang di dalam Putrajaya ialah apa yang dinamakan *Park and Right*. *Park and Right* ini terdapat ada dua sekarang ini, skim *Park and Right* di Putrajaya di *Precinct 1*, kita ada *Park and Right* yang ada 1000 ruang letak kereta telah siap dan boleh digunakan telah digunakan oleh cara-cara yang telah berlangsung di Putrajaya termasuk Formula 1 *Power Boot* dan sebagainya.

Precinct 7 Park and Right sedang dibina dijangka siap pada suku pertama tahun 2006 mempunyai 1500 ruang tempat letak kereta. Di dalam perancangan Perbadanan Putrajaya, *Park and Right* di *Precinct 12,13* dan 5 akan dibina dalam Rancangan Malaysia Ke-9 dan *Park and Right 9, 14* dan 17 akan dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Ke-10. Terdapat banyak tempat *parking* kereta yang lain di dalam bangunan-bangunan kerajaan dan saya ingat sehingga hari ini kita tidak ada masalah untuk menentukan tempat untuk meletakkan kereta apabila mereka pergi ke kerja. Daripada segi soalan Yang Berhormat tentang sistem pengangkutan awam tadi, Yang Berhormat sebut ke Putrajaya dan dalam Putrajaya. So, *subject* yang pertama ialah, ke Putrajaya kita ada pengangkutan awam di antara Putrajaya dan Kuala Lumpur dan bandar-bandar sekeliling.

Nombor satunya kita ada khidmat KLIA Transit iaitu URL yang berulang dari Kuala Lumpur Sentral dengan Kuala Lumpur KLIA dan juga berhenti di Putrajaya Sentral *Precinct 7* dan kekerapan perkhidmatan adalah setiap 30 minit. Kita juga ada khidmat bas awam disediakan oleh Rapid KL kenderaan Klang Banting, Sum Omnibus, Sepang Omnibus, Metrobus dan Sri Indah. Laluan bas serta jadual perkhidmatannya kalau Yang Berhormat hendak tahu saya boleh beri peta untuk maklumat Yang Berhormat.

Dan juga teksi Lembah Klang. Sektor, Yang Berhormat, buat masa ini, bas-bas *intercity* yang masuk Putrajaya akan menurunkan, pengambil penumpang di perhentian-perhentian bas sepanjang Persiaran Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah dan Boulevard di Core Island. Bas Sri Indah dan Metro turut memasuki precinct-

precinct kediaman khususnya Precinct 8 dan Precinct 9 dan sistem pengangkutan di dalam Putrajaya kita ada berbagai-bagai sistem.

Nombor satunya ialah bas Nadi Putra. Bas Nadi Putra ini diusahakan oleh Perbadanan Putrajaya. Ia diusahakan oleh Perbadanan Putrajaya sebab tidak ada syarikat swasta yang hendak mengendalikannya dan pengangkutan ini mula pada bulan Mei 1999 dengan bilangan bas sejumlah 25, 10 bas panjang, 15 buah bas mini. Kalau Yang Berhormat hendak naik, Yang Berhormat perlu bayar lima puluh sen bagi dewasa, itu satu jumlah yang begitu rendah. Bas-bas ini beroperasi dari jam 6.30 - 1.00 pagi. Kekerapannya ialah 15 minit. Bilangan bas pada masa ini tidak mencukupi dan oleh sebab itu....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sangat detail.

Dato' Zulhasnan bin Rafique: Yalah, sebab dia minta sangat tadi tu.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Boleh beri tahu dia kemudianlah.

Dato' Zulhasnan bin Rafique: Hah, itulah. Selain itu, kita ada teksi awam. Pada masa ini kita ada 70 buah teksi yang pemilik-pemiliknya tinggal di Putrajaya dan saya rasa Yang Berhormat tidak ada masalah untuk mencari pengangkutan awam. Sebabnya saya masuk detail, Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bagi Seputih ini dari dahulu, sudah masuk empat tahun beliau selalu tanya soalan ini dan tiap-tiap kali beliau tanya soalan ini termasuk soalan lisan dan soalan bertulis semua sekali tentang ini beliau tidak berpuas hati tentang perkhidmatan awam Putrajaya.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, kalau seseorang tidak berpuas hati, sepuluh kali jawab pun dia tidak akan berpuas hati. *[Disorak]*

Dato' Zulhasnan bin Rafique: So, kali ini jawapan ini khusus pada Putrajaya tidak termasuk DBKL, kita hendak beritahu Yang Berhormat, supaya Yang Berhormat puas dengan penuh hatinya, dengan rela hatinya menerimalah jawapan ini supaya tidak keluar lagilah soalan ini. Dengan itu, Menteri Wilayah Persekutuan masih menjadi Menteri Wilayah Persekutuan dan kalau Yang Berhormat hendak berjumpa Menteri saya boleh aturkan. *[Disorak]* Yang Berhormat pun boleh buat temu janji untuk jumpa dia. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Bagan.

Tuan Lim Hock Seng: Saya ucap terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana memberi jawapan yang begitu lengkap dan jelas kepada kami dan selepas mendengar bagaimana Putrajaya ditadbirkan maka kita ada satu gambaran dan fahaman yang lebih jelas. Kalau tidak, kami tidak tahu bagaimana Putrajaya ini diuruskan. Tetapi apa yang menarik minat saya, jikalau hendak memanggil seseorang pergi ke Putrajaya saya pasti beliau akan takut-takut dalam hatinya, kerana saya kalau hendak pergi ke Putrajaya bukan selalu, lama-lama satu kali pergi.

Saya tidak tahu macam mana hendak jalan, sebab saya tidak nampak *signboard* yang boleh menunjuk kami pergi ke destinasi yang kita mahu. Pernah sekali saya menaiki sebuah teksi dari Bandar ke Putrajaya, saya hendak pergi ke sebuah bangunan kerajaan. Teksi itu pun keliru, dua, tiga kali cari-cari, tanya sana sini pun tak dapat. Jadi, saya berharaplah pihak berkuasa boleh mendirikan lebih *signboard* supaya pelawat-pelawat atau sesiapa ada urusan di Putrajaya boleh pergi dengan senang.

Tuan Pengerusi, saya pernah mendengar satu lawak jenaka bahawa pada pilihan raya ada calon-calon pilihan raya, apabila berkempen di sebuah kampung, beliau berjanji kepada pemilih-pemilih di kampung itu, "*Sekiranya saya berjaya dipilih saya akan membina satu jambatan untuk kamu*". Tetapi penduduk-penduduk kampung itu dia tanya.

Dato' Zulhasnan bin Rafique: Bukan Putrajaya, Yang Berhormat.

Tuan Lim Hock Seng: Bukan, bukan. Ini satu cerita. Dia kata, "Yang Berhormat, sini tidak ada sungai macam mana hendak buat jambatan?" "Oh! Ini macam-macam, tidak apa. Saya korek sungai dulu lepas itu saya buat jambatan bagi kami." *[Ketawa]* Ini betul-betul, apabila saya pergi ke Putrajaya, saya nampak ini cerita yang betul. Tanah yang besar dikorek kolam, dikorek sungai, lepas itu dibuat jambatan. Saya kira tidak kurang dari lima jambatan dan masih ada jambatan yang sedang di bina

dan setiap jambatan itu ada gayanya, ada *design*nya, seolah-olah ada satu *competition* untuk *designer* arkitek atau *structure engineers* untuk mereka bentuk jambatan-jambatan di sana.

Sekiranya bagi seorang *layman*, kalau hendak menyeberangi sungai itu atau tasik itu, kita timbuslah dengan tanah saja dan buat satu jalan di atas tetapi tidak, dia sengaja membuat jambatan-jambatan. Sekiranya jambatan-jambatan ini belanjanya dibelanjakan di tempat-tempat yang betul-betul memerlukan, seperti di 'Kren' River di Perak, di mana telah berlakunya maut apabila murid-murid hendak menyeberangi sungai, perahu mereka telah tenggelam.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah.

Tuan Lim Hock Seng: ...dan lain-lain tempat. Jadi, saya merasa hairanlah. Ini cuma bangkit dari hati saya, mengapa ia boleh jadi begitu? Mungkinkah ini satu keperluan landskap di mana mereka sengaja...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, Yang Berhormat, hendak tanya Timbalan Menteri apa pasal, goleklah. Itu sahajalah.

Tuan Lim Hock Seng: Mahu tanya dia, apa pendapat dia?

Dato' Zulhasnan bin Rafique: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Bagan. Di Putrajaya ini, Tuan Pengerusi, kita ada tempat-tempat yang memberi maklumat, bukan sahaja tentang pembangunan Putrajaya, tetapi termasuk juga hal-hal pengangkutan awam dan juga di mana terletak bangunan-bangunan kerajaan, taman-taman dan lain-lain. Dengan itu, tadi saya baru sebut tentang cara-cara untuk kita hendak datang ke Putrajaya, untuk menaikkan pengangkutan-pengangkutan awam. Sebab saya mengambil masa yang lama ini ialah pada sesi tahun lepas kita ada isu Putrajaya, bermilion ringgit, berjuta ringgit tetapi tidak ada seorang pun bangkit untuk membahaskan. Ini pertama kali....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, saya cadangkan buat satu lawatan. Benarkan satu bas bawa semua Ahli Yang Berhormat pergi sana melawat.

Dato' Zulhasnan bin Rafique: So, dengan itu mungkin pada Pembangkang mereka tidak selalu pergi ke Putrajaya sebab mereka tidak ada pejabat di situ. Mungkin pada masa yang akan datang pun tidak sempat ada pejabat. So, dengan itu.....

Cik Fong Po Kuan: [Bangun]

Dato' Zulhasnan bin Rafique: Belum lagi.

Cik Fong Po Kuan: Jangan memperkecilkan kemampuan kami?

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, saya sering ke Putrajaya, jangan cakap macam itu, tidak baik. [Ketawa]

Dato' Zulhasnan bin Rafique: Kalau Yang Berhormat bagi Kepong selalu pergi ke Putrajaya, Yang Berhormat bagi Bagan tidak selalu pergi Putrajaya.

Dr. Tan Seng Giaw: Dia pergi juga.

Dato' Zulhasnan bin Rafique: Tetapi kalau dia selalu pergi, bermakna tidak ada masalah sebab kita tahu di Putrajaya ini ada *Information Centre* (IC). Di dalam information centre itu Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat pergi sana, bukan saja ada tandas, ada semua sekali maklumat yang Yang Berhormat hendak untuk menentukan.....

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, yang penting sekali di Putrajaya, papan tanda itu tidak cukup ketara. Kita sering kali cari tak temulah pejabat-pejabat dan sebagainya. Saya cadangkan supaya Yang Berhormat pergi sendiri mengikut papan-papan tanda itu dan kemudian memperbaikinya semua, yang tidak ada kita tambah.

Dato' Zulhasnan bin Rafique: Tuan Pengerusi, saya belum pergi perkara nombor dua bagi soalan Yang Berhormat bagi Bagan tadi, ini baru perkara nombor satu. Beliau sudah beritahu, tidak tahu bagaimana cara nak pergi Putrajaya. Saya tidak masuk perkara nombor 2 tadi, tentang papan tanda. Yang Berhormat bagi

Kepong, seperti orang yang selalu bangkit, dia pun bangkitlah. Boleh saya masuk perkara papan tanda dulu? Boleh?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, kalau hendak masuk kena lamakah?

Dato' Zulhasnan bin Rafique: Sekejap sahaja.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sekejap sahaja tidak apa, saya rasa masa sudah menunjukkan kita

Dato' Zulhasnan bin Rafique: Okey, dengan itu kita ada satu kajian terperinci..

Tuan Lim Kit Siang: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ipoh Timor bangun.

Dato' Zulhasnan bin Rafique: Sila, sila.

Tuan Lim Kit Siang: Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri, kalau tidak silap, tahu bahawa apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru-baru ambil teraju kerajaan dalam satu mesyuarat yang beliau panggil di Putrajaya yang patut bermula 2.30 tetapi sampai pukul 4.00, selepas pukul 4.00 masih ada orang datang dan tiba untuk menghadiri mesyuarat oleh sebab mereka hilang jalan tidak tahu jalan mana, bangunan mana, blok mana, pintu mana, oleh sebab Sri Perdana, Jabatan Perdana Menteri masa itu ada begitu banyak pintu, orang pun hilang mana tidak tahu apa pintu buka, selepas buka pintu, hilang dalam, *lock* dalam, saya percaya Yang Berhormat tahulah perkara ini. Ini semua orang tahu dan perkara ini tidak berubah dengan banyak bukannya ini perkara nampaknya sedang menjadi satu *mess*, bilion ringgit *mess*.

Orang biasa hilang bukan sahaja parti-parti Ahli-ahli Parlimen Pembangkang, ahli-ahli pemimpin-pemimpin Barisan Nasional pun hilang dalam Putrajaya menunjukkan tidak cukup untuk penjelasan tanda, dan lain-lain. Apa yang akan dibetulkan?

Dato' Zulhasnan bin Rafique: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Bagan, Yang Berhormat Kepong, dan Yang Berhormat Ipoh Timor. Tentang papan tanda tadi, satu kajian terperinci telah pun dilaksanakan dan tender pun telah dikeluarkan dan mereka telah memberi kerja kepada sebuah syarikat dan syarikat itu tanggungjawabnya ialah untuk menambahkan tanda-tanda dan papan-papan tanda yang kurang dan supaya syarikatnya dapat menjelaskan masalah-masalah yang terdapat daripada orang-orang yang mungkin kurang pergi ke Putrajaya.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Jadi tindakan sedang diambillah?

Dato' Zulhasnan bin Rafique: Tindakan sedang diambil dan tender pun telah pun diberikan kepada sebuah syarikat, Tuan Pengerusi, insya-Allah dalam masa terdekat kita akan mendapat papan-papan tanda.

Seorang Ahli: Minta penjelasan.

Tuan Lim Hock Seng: Terima kasih. Tuan Pengerusi, saya hendak mencadangkan supaya di atas bumbung bangunan-bangunan yang tinggi itu ditulislah di sana, Kementerian Pengangkutan atau kementerian sekian-sekian sebab kami pergi sampai sana pun, "Eh ini betulkah, itu betulkah?"

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Bolehlah Yang Berhormat, boleh ambil ingatan. Bolehlah, cukuplah.

Dato' Zulhasnan bin Rafique: Terima kasih Yang Berhormat bagi Bagan dan kita akan ambil maklumat daripada Yang Berhormat. Tentang isu yang dikemukakan oleh Yang Berhormat bagi Ipoh Timor tentang mesyuarat itu saya pun belum dengar lagi dan mungkin Yang Berhormat dengar dan Insya-Allah pada masa ini percaya Perbadanan Putrajaya sedang mengambil tindakan yang sesuai untuk menentukan apa-apa yang belum dilaksanakan dan apa-apa yang kurang di Putrajaya kita dapatlah mengatasi dengan secepat mungkin. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM453,311,010 untuk Maksud P.32

yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama bagi tahun 2005 di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Maksud B.41 [Jadual] –

Maksud P.41 [Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.1) 2005]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kepala Bekalan B.41 dan Kepala Pembangunan P.41 di bawah Kementerian Pelajaran terbuka untuk di bahas. Serdang.

6.44 ptg.

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya hanya ada dua perkara hendak minta penjelasan daripada pihak ...

Beberapa Ahli: [Menyampuk]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Serdang.

Dato' Yap Piah Hon: Ya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Serdang ya?

Dato' Yap Piah Hon: Alah, tidak dengarkah?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ramai orang. Sebab ramai orang bangun, saya perlu cepat. *[Ketawa]* Nanti masa tidak cukup

Dato' Yap Pian Hon: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya hanya minta penjelasan daripada pihak kementerian berkaitan dengan Butiran 00100. Peruntukan tambahan sebanyak RM157 juta akan ditambah untuk membiayai sekolah rendah yang akan siap. Tuan Pengerusi, satu sekolah sebangsaan iaitu Sekolah Kebangsaan Taman Sungai Besi Indah di Serdang telah siap dibina dan pendaftaran murid sedang dijalankan untuk beroperasi pada tahun hadapan.

Apa yang saya bangkit kerana tempatnya siap dengan begitu canggih dengan peruntukan sebanyak RM14 juta tetapi masalah yang dihadapi oleh ibu bapa dan murid-murid akan datang ialah ketika melintas lebuh raya Balakong. Lebuh raya Balakong tengah-tengahnya tiga lorong dua hala tetapi tidak ada jejantas pejalan kaki untuk memberi kemudahan kepada murid-murid akan datang masuk ke sekolah ini kerana sekolah di sebelah sana, murid-murid berdiri di hadapannya.

Jadi di Taman Sungai Besi Indah, Bukit Belimbing dan sekitarnya tanpa jejantas pejalan kaki ini akan menjejaskan keselamatan dan sukar untuk ibu bapa hantar anaknya. Apa sebabnya sekolah-sekolah di situ tahu dengan pembinaan lebuh raya Balakong ini, apa sebab tidak ada diadakan jejantas pejalan kaki untuk memberi kemudahan murid di situ. Inilah akan menjadi satu masalah, ertinya kelengkapan sekolah masih belum cukup tanpa diadakan jejantas pejalan kaki ini. Saya minta apa sebabnya berlaku demikian dan macam mana cara untuk atasinya selepas tahun hadapan sekolah ini buka. Ini satu masalah besar.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Bolehlah, cukuplah, Yang Berhormat.

Dato' Yap Pian Hon: Ya. Butiran 04600.... *[Disampuk]* Satu lagi perkara ini berkaitan dengan projek makmal komputer. Saya dapat senarai untuk memberi kemudahan untuk membina projek makmal komputer di kawasan Parlimen Serdang. Sebahagian sudah selesai tetapi masih terdapat banyak lagi sekolah yang telah disenaraikan pada tahun dulu masih belum dilaksanakan. Bilakah projek makmal komputer yang telah disenaraikan akan dapat disiapkan supaya memberi satu kemudahan kepada murid-murid di sekolah-sekolah berkenaan di kawasan Parlimen Serdang. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sri Gading.

6.47 ptg.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tuan Pengerusi, timbalan menteri ada, saya pendek sahaja, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Lagi pendek lagi bagus.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ini RM150 juta tidak adil, Tuan Pengerusi. Baru 35 sekolah. *[Ketawa]* Sekolah buruk, uzur ini serata negara, Tuan Pengerusi. *[Disampuk]* Saya cadangkan kementerian dan jadikan dasar, Ahli Parlimen diberikan kuasa menamakan sekolah-sekolah yang buruk uzur untuk diberikan bantuan segera. RM150 juta, 35 sekolah, habis saya punya kawasan bukan pengundikah? Bukan rakyatkah? Ooh, ooh..... jadi dasarnya.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kawasan mana Yang Berhormat?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Sri Gadinglah, Tuan Pengerusi, banyak ini, dan sekolah Cina juga, sekolah Tamil juga, sekolah Melayu juga dan juga kawasan Kulailah, Tuan Pengerusi pun sama jugalah, sama saya. Kawasan yang banyak sekolah buruk punya, satu.

Yang kedua, ini bangku sekolah ini bangku dan kerusi, banyak uzur. Paling rendah mutu kerusi meja ialah kerusi meja budak-budak sekolah. Apa pasal kerusi dia rendah? *[Disampuk]* Ya ini, buruk. Kadang-kadang satu kerusi kongsi dua orang, apa? Lagi luar bandar lagi.... *[Becapak dalam bahasa Cina]* *[Ketawa]* dia tidak peduli sama you lah. Ini apa, Tuan Pengerusi, kita hendak bagi anak-anak pendidikan, bagilah dia satu kemudahan yang lebih sesuai zaman abad 21, bukan abad 18, orang naik kereta kuda, sekarang tengok tadi Putrajaya apa macam?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, cukuplah Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Cukup, Tuan Pengerusi?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup. Cukup.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Jadi saya punya kesimpulan, Tuan Pengerusi. Tolong bagi kuasa kepada Ahli Parlimenlah. Tunjuk mana sekolah, mana kerusi meja buruk supaya dapat satu keadilanlah bagi anak-anak kitalah, tidak kira apa sekolahlah, Tuan Pengerusi. Cina punya kah, India punya kah, Iban punya sekolah kah, Arab punya sekolah kah, Melayu punya sekolah kah, Bidayah punya sekolah kah. Bagilah, Tuan Pengerusi. Cukup, Tuan Pengerusi. Saya patuh, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup, cukup. Bagi orang lain. Bukit Mertajam.

6.49 ptg.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya menyambut baiklah apa yang diucap oleh Yang Berhormat bagi Sri Gading. Saya harap dia boleh sokong apa yang saya akan cadang nanti. Yang saya juga hendak tahu ini 50 projek sekolah ini dekat mana dan apa jenis sekolahnya.

Saya rujuk kepada butiran 00100, kematian cikgu Chan Boon Heng kerana terpijak lantai reput di atas SRJK(C) Keat Hwa. Kes yang sangat menyedihkan hati kita semua termasuk Menteri Pelajaran dan lain-lain Menteri.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) **mempengerusikan Jawatankuasa]***

Kematianannya juga telah menggemparkan Kabinet dan menyebabkan Kabinet secara cepat telah meluluskan RM10 juta untuk memperbaiki bangunan-bangunan yang tidak selamat di sekolah. Saya juga dapati bahawa ini adalah untuk sekolah bantuan modal sahaja dan saya ingin mendapat penjelasan adakah ini benar? Kepada keluarga cikgu Chan Boon Heng, peruntukan ini sedikit lambat. Berapa banyak pun peruntukan ini tidak dapat kembalikan nyawa ahli keluarga yang mereka sayangi. Tetapi kepada beribu-ribu pelajar dan guru yang lain, yang terpaksa menggunakan bangunan-bangunan yang usang dan mungkin kurang selamat, peruntukan ini yang dinanti-nantikan amatlah penting untuk mencegah kehilangan nyawa di sekolah yang mungkin berlaku lagi.

Pihak kementerian sehingga hari ini masih tidak dapat mengenal pasti jumlah bilangan sekolah yang mempunyai bangunan yang tidak selamat. Tetapi Timbalan Menteri Pelajaran telah menyatakan terdapat lebih 110 buah SRJK(Cina)perlu peruntukan untuk memperbaiki bangunan secara segera. Angka ini adalah jauh lebih banyak dari 7 buah yang diumumkan oleh Menteri Pelajaran pada bulan September tahun ini. Mengapa terdapat perbezaan yang begitu besar? Ini menunjukkan ada masalah di dalam Kementerian Pelajaran ini.

Pengerusi MIC selaku Menteri Kerja Raya dalam bulan Julai tahun ini semasa merasmikan Mesyuarat Guru Besar-Guru Besar Sekolah Tamil menyatakan terdapat bahawa 110 SRJK (Tamil) berada dalam keadaan usang dan serba kekurangan dan tidak sesuai lagi digunakan. Beliau menyeru kerajaan membina semua 10 hingga 15 buah sekolah tamil ini setahun bagi 10 tahun yang akan datang.

Dalam bulan Oktober 2004, Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran, menyatakan di Negeri Sembilan sahaja, terdapat 10 buah SRJK (Tamil) yang tidak selamat digunakan lagi. Saya percaya, terdapat juga banyak sekolah kebangsaan di luar bandar, khasnya di kawasan dalaman Sabah dan Sarawak juga dalam keadaan yang tidak memuaskan.

Bangunan-bangunan sekolah tidak akan menjadi tidak selamat dalam tempoh yang singkat. Terdapat begitu banyak sekolah yang mempunyai bangunan yang tidak selamat, menunjukkan dengan izin, *something is very wrong with the ministry*. Kedua-dua Menteri dan Timbalan Menteri Pelajaran telah memberi amaran supaya jangan mempolitikkan isu kematian Cikgu Chan Boon Heng. Menteri Pelajaran ketika menghadiri jamuan makan malam Patriotisme di Gopeng, mengatakan kerajaan sedang dalam usaha membela kedudukan semua sekolah tanpa mengira kaum dan agama. Isu kematian, Cikgu Chan Boon Heng ialah isu keselamatan dan ia tidak hubung kait dengan bantuan modal. Ia perlu dilihat dalam konteks kedudukan sekolah yang tidak selamat.

Kami di DAP memang sangat berharap isu pendidikan dilihat dalam konteks pendidikan dan isu kematian Cikgu Chan Boon Heng memanglah isu keselamatan sekolah. Persoalan yang ditimbulkan oleh orang ramai ialah bagaimana kejadian ini boleh berlaku? Bagaimana begitu banyak sekolah mempunyai bangunan yang tidak selamat? Di antara sekolah-sekolah ini, seperti sekolah SRJKC Keat Hwa (S) dan juga Keat Hwa (K) sudah lama, beberapa tahun meminta peruntukan untuk membaiki bangunan yang tidak selamat, tetapi tidak diluluskan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, habiskan ucapan Yang Berhormat.

Puan Chong Eng: Apa?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Habiskan ucapan.

Puan Chong Eng: Banyak pertubuhan bukan kerajaan telah mengeluarkan kenyataan meminta kerajaan menyalurkan peruntukan secara adil kepada semua sekolah tanpa mengira aliran dan jenisnya di antaranya, ialah Persatuan Sekerja Guru besar-guru besar Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina.

Terdapat juga mereka daripada pihak parti pemerintah yang juga mengeluarkan kenyataan menyeru kerajaan memberi peruntukan secara adil kepada semua jenis sekolah. Salah seorangnya ialah Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Ahli Parlimen kawasan Jelutong. Pemuda Gerakan Negeri Kedah juga mengeluarkan seruan yang sama.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat?

Puan Chong Eng: Sedikit lagi. Tuan Pengerusi, melayan semua sekolah secara adil dan memberi peruntukan secara adil tidak kira agama dan jenis sekolahnya, sama ada bantuan modal ataupun bantuan penuh memanglah kehendak dan hasrat masyarakat Cina dan India juga. Jadi, saya harap semua Ahli Parlimen yang mewakili kepentingan rakyat, berjiwa rakyat dapat menyokong ketetapan di sini bahawa:

- (i) memberi layanan dan peruntukan yang adil dan saksama kepada semua sekolah;
- (ii) mewujudkan dana atau peruntukan penyenggaraan yang cukup untuk membaiki atau membina semula semua bangunan yang tidak selamat di semua sekolah;
- (iii) mewujudkan butiran dan menyediakan peruntukan untuk memperbaiki bangunan sekolah dalam Rancangan Malaysia Ke 6; dan

- (iv) mewujudkan butiran dan menyediakan peruntukan untuk pembangunan SRJK(C) dan SRJK(T) dalam Rancangan Malaysia Ke-8.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup.

Puan Chong Eng: Saya nak tanya, siapa yang bantah di sini?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup Yang Berhormat.

Puan Chong Eng: Kerana kalau "Menteri Besar Pulau Pinang" juga menyatakan bahawa kerajaan seharusnya menanggung semua perbelanjaan memperbaiki bangunan sekolah.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup.

Puan Chong Eng: ... jadi Parti Gerakan, saya anggap dia sudah setuju, dan parti MCA yang

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat.

Puan Chong Eng: ... yang sepatutnya mewakili kepentingan masyarakat Cina di dalam Barisan Nasional, adakah dia bersetuju?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup.

Puan Chong Eng: Adakah UMNO setuju? Saya nak tanya Yang Berhormat bagi Kinabatangan, adakah Yang Berhormat bersetuju?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Bukit Mertajam.

Puan Chong Eng: Semua Ahli Parlimen MCA di sini adakah mereka membantah? Sesiapa yang membantah saya mempersilakan mereka menjelaskan sekarang. Kalau mereka tidak membantah sekarang, waktu sekarang, saya harap mereka adalah setuju. *[Disampuk]* Setuju? Kalau setuju saya harap kerajaan Barisan Nasional boleh mendengar kepada semua wakil rakyat termasuklah Barisan Nasional supaya memberi peruntukan yang adil kepada semua sekolah. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, tak payahlah berucap panjang-panjang. Minggu depan kita ada peringkat dasar, peringkat jawatankuasa lagi. Jadi kita minta cakap pendek. Kita bagi Yang Berhormat bagi Lipis dulu.

Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman: Terima kasih Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya nak membincangkan Maksud B.41, 7.1. Pertamanya, saya nak mengucapkan tahniah kepada guru-guru dan Pegawai Perkhidmatan Pelajaran yang telah dinaikkan pangkat dan yang telah mendapatkan *time base*. Saya kata begitu, kerana bukan senang untuk naik pangkat dalam perkhidmatan perguruan ini kerana mereka terpaksa menunggu lama.

Saya kata begitu juga kerana di sekolah menengah di tempat saya masih belum ada Pengetua yang sepatutnya yang dapat iaitu guru-guru DG48, yang ada hanyalah yang baru-baru ini dinaikkan pangkat ialah guru-guru DG44. Jadi saya pun pelik juga dengan kementerian dan dengan JPA kenapa susah sangat untuk menaikkan pangkat jawatan Pengetua ini. Sehingga kadang-kadang bertahun-tahun dan berbulan-bulan Pengetua yang gred hakiki yang sebenarnya DG48 itu tidak ada.

Jadi saya berharap kementerian mengkaji balik bersama-sama dengan JPA mengkaji balik dasar ini supaya sekolah mempunyai Pengurus atau Pengetua yang hakiki dan perjalanan sekolah menjadi lancar dan sebagainya. Begitu juga bagi guru-guru yang mendapat *time base*. Berdasarkan pada SSM, untuk naik daripada gred 41 ke gred 44 mengambil masa 10 tahun dan daripada gred 44 ke 48 pula 10 tahun, jadi 20 tahun. Rasa saya kalau mereka masuk umur 26 tahun menjadi guru, 46 tahun barulah mereka dapat *time base*. Jadi motivasi kerja hilang, dah dapat *time base* ini pun mungkin dah gayut, dah lemah dan sebagainya. Ya, sila.

Dato' Razali bin Ismail: Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Kuala Terengganu.

Dato' Razali bin Ismail: Saya ingin mendapat penjelasan tadi dari segi motivasi guru-guru kita ini yang telah disebut yang berkaitan dengan perjawatan

mereka ini. Apa pandangan Yang Berhormat tentang sekarang ini ada ura-ura pegawai-pegawai PTD pula ingin mengambil tempat pegawai-pegawai di Jabatan Pelajaran, di PPD dan juga di bahagian tertentu di Kementerian Pendidikan sekarang ini. Apakah tidak ini akan membawa keresahan yang bertambah *stability* guru-guru kita dan juga akan timbulkan tentangan-tentangan dari Kesatuan Guru-guru Siswazah.

7.00 ptg.

Tuan Mohamad Shahrum bin Osman: Saya sebenarnya Tuan Pengerusi, amat tidak bersetuju dengan pengambilalihan jawatan-jawatan, terutamanya jawatan-jawatan profesional oleh pegawai-pegawai PTD ini kerana bidang perguruan ini adalah bidang yang berbeza dengan pentadbiran biasa. Macam guru besar, sebagai guru besar atau sebagai pengetua, mereka mesti juga mengajar kerana kepimpinan yang perlu ada di sekolah adalah kepimpinan *institutional* atau kepimpinan yang mana P&P termasuk dalam bidang tugas mereka.

Jadi saya sekali lagi menegaskan di sini, janganlah perkara ini dibuat kerana ini boleh menimbulkan keresahan dan akan menghilangkan motivasi guru-guru. Sudahlah guru-guru ini peluang naik pangkatnya tidak ada. Kalau kita lihat, beberapa ratus orang guru, hanya seorang sahaja yang berjawatan turus, seorang sahaja yang berjawatan gred super A, Jusa A dan seorang sahaja Jusa B. Jusa C pun tidak tahu berapa orang sangat dan banyak lagi yang belum dilantik. Jadi kalau dengan ramainya pegawai, tetapi jawatan kenaikan pangkat tidak ada, itu macam saya katakan bukan macam piramid tetapi macam *submarine*. Yang banyak di bawah dan hanya ada satu sahaja *periscope* di atas. Jadi yang timbulnya *periscope*, yang lain semua tenggelam dalam air.

Begitu juga dengan *time base* tadi. Jadi saya berharap, saya berharap satu *mechanism* atau satu cara dibuat supaya sistem kenaikan pangkat itu dipercepatkan sedikit. Jadi dengan cara ini boleh menimbulkan semangat dan motivasi kepada guru-guru kita. Kita tidak mengambil kira daripada perjawatan tetapi pada masa yang sama kita mengatakan pelajaran adalah penting dan pelajaran adalah segala-galanya. Macam mana kita hendak dapat benda yang baik, telur emas kalau yang hendak mengeluarkan telur itu kita tidak bagi makan emas? Sekian. Saya mohon menyokong.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Untuk membolehkan ramai yang berucap, saya minta Yang Berhormat habiskan dalam masa lima minit. Yang Berhormat bagi Bentong, sila.

7.03 mlm.

Dato' Liow Tiong Lai [Bentong]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya terus kepada Butiran Maksud B.41. Berhubung dengan baru-baru ini kita dengar lagi masalah guru sandaran yang telah dihentikan kerja, tidak dapat gaji pada bulan 11 dan bulan 12. Saya merasa kesal perkara ini masih berlaku kerana kita tahu bahawa ia tidak sepatutnya berlaku. Mana-mana guru sandaran yang telah digaji daripada mula sepatutnya dia satu tahun. Apabila kita ada musim cuti sekolah pada bulan 11 dan bulan 12, guru-guru ini sepatutnya diteruskan gaji mereka, tidak boleh kita aniaya guru-guru sandaran ini yang telah berbakti kepada sekolah-sekolah yang memerlukan perkhidmatan mereka.

Oleh itu, saya hendak menggesa Kementerian Pelajaran mengambil tindakan tatatertib terhadap pegawai-pegawai yang menyeleweng dari segi pembahagian gaji ini kepada guru-guru sandaran yang dengan sewenang-wenangnya suka hendak menganiayai guru-guru sandaran yang sedia ada pada masa ini. Saya rasa kalau kita tidak mengambil tindakan tatatertib, perkara ini asyik berlaku. Tahun lalu berlaku, tahun ini masih berlaku dan kita tidak mahu lihat perkara ini berlaku pada masa-masa akan datang. Sabah dan Sarawak juga mempunyai banyak guru sandaran dan masalah yang sama. Kita tahu kementerian telah pun memberikan kuasa kepada Jabatan Pelajaran negeri dan juga daerah tetapi pegawai-pegawai yang menjalankan tugas ini tidak menjalankan dengan amanah. Mereka menggunakan budi bicara dengan salah, dan menyebabkan banyak kesengsaraan kepada guru-guru sandaran. Ini isu yang pertama.

Yang kedua, berhubung dengan guru pakar. Kita tahu bahawa kementerian telah mengambil usaha untuk memberi lebih banyak lagi kenaikan pangkat bagi guru-

guru, tidak payah menjadi guru besar tetapi boleh menjadi guru pakar dan juga mendapat kenaikan pangkat yang seluas-luasnya. Saya hendak tahu berapa ramai guru pakar yang telah dinaikkan pangkat dan bagaimana ini dapat dilaksanakan dengan lebih sempurna di Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) dan juga di sekolah-sekolah, di sekolah menengah. Saya yakin sekiranya kita dapat memberi peluang kenaikan pangkat yang besar, maka kita akan dapat guru-guru yang lebih berkemahiran dari segi subjek-subjek yang diajar.

Akhir sekali, berhubung dengan bantuan untuk pembangunan sekolah. Saya memang amat setuju dengan pandangan daripada Yang Berhormat bagi Sri Gading yang telah mengatakan bahawa peruntukan untuk bangunan sekolah itu amat kurang sekali dan saya rasa kementerian tidak boleh menggunakan alasan bahawa tidak cukup dana, tidak cukup peruntukan dalam segi penyelenggaraan sekolah kerana kita tidak mahu lagi isu masalah seperti masalah Sekolah JK(C) Keat Hwa berlaku lagi. Kita tidak tahu bahawa masalah sekolah yang tidak selamat tidak sepatutnya berlaku pada masa sekarang.

Kita kena mengambil perhatian bahawa kalau tidak cukup peruntukan, maka saya rasa kabinet boleh membuat keputusan untuk menambah peruntukan untuk memastikan bahawa bantuan yang secukupnya diagihkan kepada sekolah-sekolah yang menghadapi bangunan yang tidak selamat. Oleh itu, saya menggesa Kementerian Pelajaran mewujudkan satu mekanisme yang lebih efektif untuk memastikan bahawa sekolah-sekolah yang tidak selamat ini dapat dipulihkan dengan secepat mungkin. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Kinabatangan.

7.07 mlm.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Pengerusi. Saya terus sahaja kepada hujah saya iaitu kita melihat pendidikan merupakan satu keperluan oleh masyarakat. Justeru itu, saya ingin mencadangkan kepada Kementerian Pelajaran iaitu usaha kita untuk memupuk sekolah di semua peringkat memang jelas. Komitmen kerajaan itu memang ada. Cuma mungkin pendekatan dia tidak begitu menjadi sehingga isu sekolah-sekolah yang kekurangan murid, yang hendak ditutup mendapat penentangan daripada pemimpin masyarakat dan sebagainya.

Saya ingin mencadangkan untuk memberi - mereka ini sebetulnya memerlukan kelas untuk pendidikan. Mereka bukan memerlukan bangunan yang besar, yang berjuta-juta. Untuk menyelesaikan masalah ini, pada pandangan saya tidak perlulah ditutup sekolah-sekolah yang muridnya kurang daripada 30 tetapi memadailah Kementerian Pelajaran menyediakan satu bilik yang siap dibina seperti *mobile* yang ia boleh dipindah ke sana, ke mari sebab kalau pelajar dia cuma 20 orang, memadailah dengan dua bilik, tidak perlu satu bangunan dengan tandas, dengan guru yang sedikit. Jadi, ambillah di kalangan masyarakat belia-belua yang berpendidikan di masyarakat setempat dan ini rasa saya boleh menyelesaikan permasalahan yang dihadapi daripada kita mendapat tentangan daripada pemimpin masyarakat, pertubuhan belia, parti dan sebagainya, terutama sekali daripada DAP, sebab ini masalah.

Pandangan saya ini memang daripada kos, kerajaan begitu jimat sebab semua bilik ini kos dia mungkin RM20 ke RM30 ribu pasang siap dan boleh di *mobile*, boleh dipindah ke kampung dan sebagainya, sebab kalau di Sabah, memang berlaku. Satu kampung ini pelajar dia 30 orang, 20 orang. Untuk menggabungkan mereka bukan mudah, kerajaan kena menyediakan satu kenderaan, kena menyediakan jalan raya yang baik, sebab apabila hujan, tidak usah kira hendak ke kampung lain, dalam kampung sendiri pun susah hendak keluar. Ini masalah dan rasa saya, pandangan saya ini harus diambil kira oleh kerajaan dan kementerian untuk menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi.

Yang kedua, saya juga meminta supaya kerajaan memantau segala bentuk bantuan yang diberikan kepada pelajar-pelajar, sebab saya dapati ada juga sedikit penyelewengan oleh guru-guru atau pegawai-pegawai dalam pelaksanaan seperti bantuan tuisyen dan sebagainya. Guru-guru Besar tidak semestinya mengajar tuisyen tetapi dia suruh orang lain mengajar, dan upah dia punya - ada juga berlaku. Ini menyeleweng jauh dari matlamat asas yang telah diputuskan oleh kerajaan.

Yang ketiga, iaitu saya juga ingin menyentuh sedikit sebab saya rasa tidak adil. Baru-baru ini setelah saya melawat beberapa buah sekolah rendah, saya ditemui oleh guru-guru membawa saya masuk ke bangunan sekolah mereka dan mereka kata "Yang Berhormat kami tidak ada makmal komputer. Apa yang ada usaha kami". Maka mereka meminta saya 5 buah komputer, saya kata kalau 5 tidak boleh kalau 2 mungkin ada jalan. Jadi saya minta kementerian. Saya tidak menuduh kementerian ada diskriminasi, tetapi mungkin tersilap pandang dalam soal ini. Jadi dalam soal-soal sebegini selaras dengan sistem pendidikan yang memberi pendidikan sepanjang hayat, di luar bandar memang terpencil, tetapi jangan terlalu menumpukan pendidikan secara formal di bandar-bandar, sebab mereka yang di luar bandar ini juga memerlukan pendidikan yang sama. Kalau diberi peluang mereka juga boleh menjadi pandai seperti orang dalam bandar. Kita tidak mahu pelajar-pelajar di kampung ini diperbandarkan, tetapi kita mahu pemikiran dan pendidikan mereka diperbandarkan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Baru 3 minit Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Saya kira Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Ok, sebagai yang terakhir Tuan Pengerusi, iaitu saya berterima kasih kepada Kementerian Pelajaran, khususnya Menteri telah memberi jaminan untuk memperbaiki sekolah di seluruh Kinabatangan, dan kita telah mencadangkan kepada kementerian mudah-mudahan cadangan dan perundingan kita ini dapat direalisasikan. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kuala Terengganu.

Dato' Razali bin Ismail: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menarik perhatian Maksud B.41 - Kementerian Pelajaran iaitu berhubung dengan membiayai pertambahan bayaran emolumen.

Saya ingin menarik perhatian dalam usaha kita untuk memartabatkan profesion perkhidmatan perguruan ini, kita ada dasar yang telah dikemukakan oleh Kementerian Pelajaran, iaitu memastikan 50% guru-guru sekolah rendah dan 100% guru-guru sekolah menengah adalah guru-guru siswazah menjelang tahun 2010. Apa yang hendak saya tanyakan di sini, ialah setakat manakah *target* ini telah tercapai dan bagaimanakah perkembangan ke arah itu telah dapat diusahakan. Dalam konteks ini juga sejauh manakah guru-guru berijazah ditempatkan di sekolah-sekolah di luar bandar, dan apakah prestasi mereka apabila mereka sebagai seorang guru siswazah ditempatkan mengajar di sekolah-sekolah luar bandar ini? Dan apa pula kerenah-kerenah mereka itu apabila mereka sering memohon bertukar daripada tempat mereka di luar bandar, dan juga di tempat-tempat yang lebih sesuai menurut perspektif mereka?

Selain daripada itu adalah tentang insentif yang telah diberikan kepada guru-guru kita yang mengajar dalam mata-mata pelajaran Matematik, Sains dan Bahasa Inggeris. Apakah kesan-kesan dari pemberian insentif ini kepada guru-guru kita ini? Apakah menunjukkan ada peningkatan prestasi dari segi pengajaran pembelajaran Matematik dan Sains dalam Bahasa Inggeris? Saya kira penyelidikan dan kajian ICOR (*Incremental Capital Output Ratio*) ini perlu dilakukan untuk menunjukkan kepada kita peningkatan prestasi berbaloi dengan imbuhan-imbuhan atau insentif-insentif yang diberi kepada guru-guru ini.

Akhir sekali, saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat Menteri iaitu tentang kedudukan guru-guru Jusa C. Dalam bajet tahun lalu telah dinyatakan di situ, bahawa bilangan guru-guru Jusa C ini akan ditambahkan, dan saya hendak tahu setakat manakah, berapakah bilangannya sekarang ini dan berapa pula Guru-guru Pengetua Cemerlang DG54 telah dapat dinaikkan dan diberikan kedudukan yang baru ini? Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Pendang.

Dr. Mohd. Hayati bin Othman: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak bercakap tentang 3 perkara sahaja mengenai Butiran 41 ini, Kepala 800 berkenaan dengan rumah guru. Kita tahu kementerian telah membina banyak rumah guru. Saya dapati daripada soalan yang saya tanyakan kepada kementerian pada sesi lepas, mengatakan hanya 60% sahaja rumah-rumah guru ini diduduki oleh guru.

Saya pun bertanya kepada guru-guru yang tidak menduduki kawasan tersebut dan mereka mengatakan rumah ini 4 tingkat atau 5 tingkat tetapi tidak ada lift. Saya dapati ini merupakan masalah kepada guru-guru terutama guru-guru yang berusia dan juga yang mempunyai anak, masalah bagi mereka apabila mereka turun ke bawah apabila hendak naik semula, apabila terlupa barang-barang ini merupakan masalah untuk naik ke atas bangunan 4 tingkat tersebut.

Satu lagi masalah yang mereka katakan rumah guru ataupun kompleks perguruan ini hanya mempunyai satu meter air. Ada kompleks perguruan yang terhutang dengan JKR sebanyak RM7,000 hingga RM12,000 disebabkan meter air tidak dibayar oleh penghuni tersebut, kerana mereka terpaksa syer ataupun berkongsi untuk membayar dan ini tidak adil kepada mereka yang mempunyai anak sedikit berbanding dengan mereka yang mempunyai anak yang ramai. Saya harap kementerian boleh menyelesaikan masalah tersebut.

Yang kedua tentang sekolah dua sesi. Kita telah tahu kementerian telah berjanji, saya tidak ingat pada tahun bila. Sebelum ini kementerian bercadang untuk mengadakan hanya sekolah satu sesi. Masalah yang timbul pada sekolah dua sesi adalah pelajar-pelajar yang berada di sesi petang selalunya datang dan mengganggu kelas-kelas yang dihadapi oleh murid-murid sesi pagi - kelas yang tengah hari itu. Biasanya apabila mereka datang ini menyebabkan gangguan kepada pelajar-pelajar yang menghadapi pelajaran pada *period* yang terakhir di sekolah sesi pagi. Begitu juga kepada pelajar-pelajar yang datang untuk kelas-kelas agama di sebelah petang. Ini mengganggu kelas akhir ataupun *period* akhir sekolah pagi tersebut. Jadi saya harap perkara ini dapat diberi perhatian oleh kementerian, kerana kementerian sebelum ini telah berjanji semua sekolah akan diadakan dengan satu sesi.

Yang ketiga adalah tentang kursus guru-guru. Kita dapati ada di antara guru-guru kanan dan guru-guru penting di dalam sekolah-sekolah menengah diarahkan supaya berkursus dalam masa persekolahan. Misalnya pada masa sekarang jiran saya dia terpaksa berkursus selama tiga minggu, walhal dia merupakan guru kanan yang mengajar mata pelajaran penting untuk peperiksaan SPM dan PMR. Harapan kita semoga guru-guru kanan ini tidaklah dikerahkan untuk berkursus semasa pelajar-pelajarnya sedang dalam ambang untuk menghadapi peperiksaan penting. Biarlah mereka berkursus pada masa cuti sahaja.

Kemudian kelas-kelas ganti misalnya, seperti mana yang ditegur oleh bekas Ketua Pengarah Pendidikan iaitu Tan Sri Murad pada hari Selasa lepas, di mana sepatutnya kelas-kelas ganti hari Sabtu ni dia kata tidak perlu diadakan kerana kementerian boleh membuat perancangan dari awal lagi tentang cuti. Misalnya pada tahun ini selepas cuti Hari Raya dan cuti Deepavali terpaksa belajar semula 5 hari dan diganti dengan hari Sabtu. Mengikut bekas Ketua Pengarah dia kata, pergi sekolah hari Sabtu ini merupakan macam pergi *relax* sahaja, guru-guru tidak dapat mengajar dengan sepenuhnya dan murid-murid pun tidak ada tumpuan untuk belajar. Jadi saya harap kementerian perlu memberi perhatian kepada perkara-perkara tersebut. Sekian Tuan Pengerusi dan terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Mambong.

Dr. James Dawos Mamit: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hanya ingin menyoal beberapa perkara sahaja dalam Maksud P.41.

Yang pertama adalah tentang pendidikan prasekolah. Saya dapat tahu bahawa pengambilan pelajar ataupun murid-murid untuk prasekolah dihadkan kepada 25 orang sahaja di sebuah sekolah di kawasan luar bandar. Adakah ini benar dan kalau benar apakah rasionalnya hanya 25 orang? Kerana saya bimbang ada kesan psikologi kepada budak-budak yang tidak diambil untuk masuk ke prasekolah ini, kerana di dalam prasekolah ini memang adalah satu transisi dari pendidikan yang tidak formal kepada pendidikan secara formal di tahun satu nanti. Adakah juga benar bahawa program ini dilaksanakan dalam tempoh tiga bulan?

Yang kedua, Tuan Pengerusi adalah berkaitan dengan ubah suai dan naik taraf dan pembangunan luar bandar Sabah dan Sarawak tentang sekolah di luar bandar di Sarawak.

Di dalam kawasan saya ada 13 buah sekolah rendah bantuan yang bangunannya tidak selamat, bolehkah kementerian lihat perkara ini? saya telah pun menulis surat kepada menteri itu sendiri tentang beberapa buah sekolah dan pegawai-

pegawai daripada kementerian pun sudah melawat Sekolah 'St. Dutchess of Kent', Kampung Maar dan menyatakan bahawa ini adalah reban ayam.

Kenapa sekolah itu masih di dalam keadaan begitu? Sedangkan pegawai daripada kementerian sudah melihat sekolah tersebut, ini yang saya ingin jawapan daripada kementerian. Tentang sekolah yang kurang murid, di kawasan saya ada 8 buah sekolah murid kurang daripada 150. Saya mohonlah jangan tutup sekolah ini kerana sekolah-sekolah ini adalah di kampung-kampung pedalaman yang terpencil di mana kita berjalan daripada jalan raya selama enam jam, inilah masalahnya jadi saya menyerulah jangan tutup sekolah tersebut, sekian terima kasih.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Sabak Bernam. Yang Berhormat banyak yang berucap kita masa begitu terhad saya cuma benarkan Yang Berhormat Sabak Bernam lepas itu menteri kena menjawablah.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: Terima kasih banyak Tuan Pengerusi, saya hanya hendak menyentuh satu perkara yang dekat dengan hati saya iaitu pelajar-pelajar ponteng ataupun isu AP, anak ponteng. Data jelas menunjukkan bahawa anak-anak kita bila ponteng sekolah memang akan terjebak dalam gejala sosial negatif.

Mereka akan mula hisap rokok, itu biasa kemudian mencuri sedikit sana sini, jenayah kecil di sana sini dan akhirnya daripada data penagih dadah ramai yang mengakui bahawa sewaktu mereka di alam persekolahan mereka memang rajin ponteng sekolah. Oleh kerana itu saya ingin bertanya kepada Kementerian Pelajaran apakah langkah-langkah khusus yang diambil terhadap murid ataupun anak-anak kita yang dalam alam persekolahan, yang selalu ponteng dan setakat manakah perkara ini serius kerana saya dapati kalau saya kembali ke Sabak Bernam ini menyedihkan anak-anak kampung kita ini dia boleh ponteng sekolah dengan pengetahuan ibu bapa mereka.

Ramai ibu bapa mereka ini nampaknya sudah kalah dengan anak-anak mereka yang tidak mahu bersekolah dan ini akhirnya akan membawa implikasi yang sangat serius, itu perkara yang pertama.

Yang keduanya saya pun ingin tahu daripada pihak Kementerian Pelajaran berapa ramaiakah pelajar-pelajar kita yang terpaksa diberhentikan sekolah kerana mereka ini ada kaitan dengan apa yang saya sebut tadi sebelum mereka habis alam persekolahan mereka berhenti sekolah dan mereka pastinya tidak akan melakukan perkara-perkara yang baik malah akan terjebak dalam gejala sosial yang negatif.

Perkara yang kedua, kita sebenarnya yakin dengan usaha pihak kerajaan, kementerian meningkatkan profesionalisme keguruan. Ada di antara sekolah-sekolah kita telah jelas memiliki segala kemudahan. Sekolah yang mempunyai infra yang cukup, guru yang sepenuhnya berkelayakan dan murid-muridnya pun sihat tetapi sekolah-sekolah ini masih sukar untuk mencapai kecemerlangan dalam konteks umpamanya dalam UPSR. Sukar sangat hendak ada pelajar 5A atau 4A, apakah agenda pihak kementerian untuk memastikan bahawa isu kecemerlangan pelajar khususnya dalam bidang akademik ini diberi perhatian.

Akhir sekali ialah isu nilai murni anak-anak kita. Kita biasa pergi ke sekolah-sekolah maka kita pun juga ke asrama-asrama. Kita dapati sikap hormat anak-anak ataupun pelajar sekolah kita terhadap guru dan pelawat ke sekolah itu memang sangat menyangsikan. Oleh kerana itu kita dalam masa yang sama melalui Kementerian Kesenian kita menganjurkan nilai murni di sana sini. Tetapi pelajar-pelajar sekolah kita sendiri sebenarnya isu ataupun masalah nilai murni ini, sikap hormat pada orang tua masih disangsikan. Apakah langkah-langkah khusus pihak kementerian terhadap perkara ini, sekian terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Jawapan daripada Kementerian Pelajaran, yang Timbalan Menteri sila.

7.25 ptg.

Timbalan Menteri Pelajaran [Dato' Hon Choon Kim]: Tuan Pengerusi, saya ingin ucapkan berbilang-bilang terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi teguran, pandangan, nasihat dan cadangan kepada beberapa perkara ataupun ada kaitan Kementerian Pelajaran.

Ahli-ahli Yang Berhormat berkenaan adalah Yang Berhormat dari Serdang, Yang Berhormat Sri Gading, Yang Berhormat Bukit Mertajam, Yang Berhormat Kuala Lipis, Yang Berhormat dari Bentong, Yang Berhormat dari Kinabatangan, Yang Berhormat dari Kuala Terengganu, Yang Berhormat dari Pendang, Yang Berhormat dari Mambong, Yang Berhormat dari Sabak Bernam. Untuk menjawab soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Serdang, saya rasa perkara itu agak spesifik. Saya akan buat satu siasatan mengapa sekolah canggih, cantik, sudah siap tetapi tidak ada jejantas untuk kemudahan murid-murid pergi dan balik ke sekolah.

Itu saya sudah tentu pegawai-pegawai yang berada di Dewan ini akan ambil maklum terhadap perkara ini dan akan memaklumkan kepada Yang Berhormat secara bertulis. Yang Berhormat dari Sri Gading telah bangkitkan sama ada kementerian boleh memberikan kuasa kepada Ahli-ahli Yang Berhormat untuk menentukan senarai sekolah-sekolah yang perlu diberikan bantuan, sekolah-sekolah yang daif dan juga sekolah-sekolah mempunyai meja kerusi yang rosak dan sebagainya. Saya ucapkan berbanyak terima kasih kepada Yang Berhormat dari Sri Gading, saya tahu memang Yang Berhormat selalu memberi perhatian terhadap sekolah-sekolah di kawasan Yang Berhormat dan saya pun difahamkan bahawa Yang Berhormat juga telah memberikan cukup banyak bantuan kepada sekolah-sekolah di dalam kawasan Yang Berhormat.

Saya rasa ini tidak rumit sangat untuk Yang Berhormat mengemukakan kalau dalam pandangan Yang Berhormat terdapat sekolah-sekolah yang memerlukan bantuan segera saya rasa kita alu-alukan cadangan atau hantar surat kepada kami dan sudah tentu kita akan memberi perhatian kepada perkara-perkara yang dibawa oleh Ahli Yang Berhormat.

Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mertajam telah sentuh bahawa kehilangan seorang guru kerana terpijak papan yang reput dan mengakibatkan kematian seorang guru, Chan Boon Heng. Sebenarnya kita berasa amat berdukacita juga, kita merasa sangat sedih kerana kita kehilangan seorang guru yang baik, seorang guru yang cukup berdedikasi.

Ini yang telah berlaku, pada pendapat saya adalah kita harus menjadikan peristiwa ini satu pengajaran kepada semua yang berkenaan. Satu pengajaran kepada pegawai-pegawai daripada Kementerian Pelajaran, kepada pegawai-pegawai peringkat negeri, daerah dan juga ajaran kepada guru, guru besar dan juga lembaga pengurus dan juga pihak PIBG kerana sekolah itu kita anggap sebagai institusi masyarakat.

Kita anggap inilah tanggungjawab bersama, sebenarnya saya rasa amat duka cita perkara ini berlaku dan saya anggap ini di luar jangkaan. Sebenarnya kalau kita lihat Sekolah Keat Hwa K itu saya difahamkan bahawa lembaga memang mempunyai sedikit tabung, walaupun bukan besar sangat, bukan banyak tetapi saya rasa kalau mereka tahu sudah bahawa tempat itu tidak selamat saya yakin dan percaya lembaga pengurus akan memperbaiki kalau Kementerian Pelajaran tahu keadaan begitu mendesak bahawa ini tidak akan jadi keberatan.

Keberatan kepada kementerian untuk melakukan sesuatu, untuk menyelamatkan nyawa yang begitu penting. Yang Berhormat dari Bukit Mertajam saya ucapkan berbanyak-banyak terima kasih dan Yang Berhormat pun telah cakap dalam surat khabar dan pun telah hendakkan Kementerian Pelajaran mengambil sesuatu tindakan, sebenarnya kementerian atau kerajaan telah pun begitu prihatin selepas peristiwa itu berlaku serta-merta kerajaan telah meluluskan RM10 juta ringgit untuk memperbaiki sekolah-sekolah yang usang, yang berbahaya.

Jadi, bagilah sedikit masa, kami tengah *finalize* senarai-senarai sekolah yang memerlukan bantuan dan tak lama lagi kita akan memberikan bantuan kepada sekolah-sekolah berkenaan. Sebenarnya RM10 juta itu bukan untuk semua sekolah, cuma untuk digunakan dalam tempoh tiga bulan sahaja, untuk tahun ini sahaja. Oleh kerana itu kita telah meninjau sekolah mana yang sangat-sangat memerlukan bantuan, maka itulah sekolah kita akan cadang untuk mendapat bantuan untuk melakukan sesuatu projek memperbaiki supaya sekolah itu dapat bantuan untuk memperbaiki bahagian-bahagian yang bahaya.

Yang Berhormat juga sebut rayuan ini, kerajaan haruslah melihat secara adil kepada semua sekolah. Ini memang kita lakukan, sebenarnya kita tidak ada lakukan pilih kasih, mana sekolah yang harus diberikan. Yang Berhormat-Yang Berhormat pun tadi ada juga sebut bahawa sekolah kebangsaan juga menghadapi masalah

sedemikian. Jadi, ini menunjukkan bahawa Kementerian Pelajaran tidak mengamalkan sikap pilih kasih mana-mana sekolah yang harus kita memberi bantuan.

Cuma untuk sekolah-sekolah yang di mana tanah dimiliki oleh pihak swasta atau Lembaga Pengurus, kita menyediakan satu jumlah wang, kita panggil peruntukan bantuan modal dan peruntukan bantuan modal itu diberikan berdasarkan kepada jumlah wang yang sedia ada di tangan Kementerian Pelajaran yang biasanya kita habiskan peruntukan itu untuk memberi beberapa sekolah yang memerlukan bantuan daripada pihak kerajaan. Saya rasa tidak ada seorang pun di Dewan ini berpendapat bahawa kita biar sekolah itu usang, biar sekolah itu tidak selamat. Saya rasa tidak ada, termasuk Ahli-ahli Parlimen dari pembangkang, saya rasa tidak ada seorang akan menyatakan bahawa biar sekolah itu bahaya, tidak, Kementerian Pelajaran akan cuba.

Yang Berhormat Menteri juga mempunyai pandangan yang cukup serius dan sebenarnya Yang Berhormat Menteri Pelajaran telah berusaha untuk mendapat lebih banyak peruntukan untuk membantu sekolah-sekolah yang memerlukannya. Yakinkanlah, kita tidak ada pilih kasih, kita tidak ada, sekolah itu kita sayang, sekolah lain kita tidak mahu bantu, ini bukan Kerajaan Barisan Nasional.

Puan Chong Eng: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Bukit Mertajam.

Puan Chong Eng: Saya rasa tidak ada niat, apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri mungkin adalah benar. Tetapi hakikatnya ialah terdapat lebih banyak sekolah Cina dan Tamil dalam keadaan yang tidak selamat kalau berbanding dengan sekolah kebangsaan. Sekolah Kebangsaan Rendah di luar bandar mungkin ada, saya rasa tentu ada tetapi bilangannya dan peratusannya adalah tidak begitu banyak. Saya juga difahamkan bahawa dalam Akta Pendidikan memang tak ada sekolah diagih-agihkan sebagai bantuan penuh dan bantuan modal.

Adakah kerajaan akan terus membenarkan sekolah diagihkan sedemikian dan sekolah bantuan modal walaupun dikatakan sayang juga tetapi dalam peruntukan adalah tidak sama. Ini adalah satu hakikat yang tidak boleh dinafikan. Dalam pengagihan peruntukan pun, dalam Rancangan Malaysia Keenam, Ketujuh dan Kelapan adalah sangat ketara bahawa peruntukan yang didapati oleh SRJK(C) dan SRJK(T) adalah jauh lebih rendah berbanding dengan peratusan pelajaranya.

Umpamanya, untuk Rancangan Malaysia Kelapan, terdapat 21% pelajar yang belajar di SRJK(C) tetapi peruntukan untuk sekolah jenis ini hanya 2.4% sahaja. Dan, jumlah pelajar di sekolah kebangsaan ialah 75.3% tetapi peruntukan yang ia dapat ialah 96.5%, ini menunjukkan ada perbezaan yang jauh. Jadi saya rasa walaupun apa yang berlaku, bukan apa yang kita ingini tetapi seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, kita perlu belajar, mengambil iktibar dari kejadian ini jadi apakah iktibar yang telah belajar, selain menyalurkan peruntukan kecemasan ini.

Adakah kerajaan sudi memberi status atau kedudukan yang sama kepada semua jenis sekolah tidak kira tanah itu siapa punya.? Kalau tanah itu menjadi masalah, patut kita menyelesaikan masalah itu dan bukan membiarkan ia menjadi masalah selama-lamanya.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup, Yang Berhormat.

Puan Chong Eng: Apakah pendapat Timbalan Menteri?

Dato' Hon Choon Kim: Saya anggap keselamatan murid-murid adalah amat penting. Pada masa yang terdekat ini, saya tidak berhasrat untuk bahas sama ada sekolah itu tanah kalau dimiliki oleh Lembaga harus diberikan bantuan yang sama dan sebagainya, saya tidak berhasrat untuk bahas dalam hal ini. Apa yang penting sekarang, pada masa yang terdekat ialah untuk memastikan semua sekolah, sama ada sekolah bantuan penuh, bantuan modal adalah dalam keadaan yang selamat. Jadi, Yang Berhormat saya tahu apa yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat. Saya memang sedar, memang tahu apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat tetapi pada masa sekarang, tumpuan harus diberikan untuk memastikan keselamatan murid dan juga guru-guru terjamin.

Yang Berhormat dari Lipis,....

Tuan Eric Enchin Majimbun: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Sepanggar.

Tuan Eric Enchin Majimbun: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih kepada Timbalan Menteri. Memang kita alu-alukan hasrat Kementerian Pelajaran untuk memperbaiki kedudukan bangunan-bangunan yang tidak selamat bagi sekolah-sekolah. Tetapi malang sekali kalau kita lihat di Sabah di mana banyak bangunan-bangunan sekolah, khasnya yang telah dikendali oleh *mission school* dulu. Banyak sekolah yang pada ketika ini memang tidak selamat lagi, banyak sekolah rendah yang tidak selamat sehingga Jabatan Kerja Raya juga telah memberi satu laporan bahawa sekolah-sekolah itu tidak selamat.

Jadi, apakah bantuan daripada kementerian ini dapat menyalurkan kepada sekolah-sekolah sedemikian? Sekian.

Dato' Hon Choon Kim: Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat. Sebenarnya sekolah-sekolah *mission*, *missionary school* atau pada masa ketika itu merupakan sekolah *missionary*, kita juga anggap sebagai sekolah kita dan kita akan salurkan peruntukan atau kewangan di mana kita rasa perlu. Jadi, Yang Berhormat, kita sedang buat RM10 juta itu termasuklah memberi bantuan kepada sekolah-sekolah *mission*.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: [Bangun]

Dato' Hon Choon Kim: Ya, Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Masalah pada hari ini, saya hendak minta Kementerian Pelajaran turun ke bawah untuk melihat masalah sekolah-sekolah yang ada pada hari ini. Kerana pada hari ini kalau tengok pelan yang baru, ada sekolah yang macam *five star*, ada di kawasan luar bandar teruk betul. Dan, ada satu di kawasan saya, Sekolah Rendah Seri Bemban, 645 murid, makmal komputer tidak ada.

Alasan tidak ada tanah untuk membuat makmal komputer, 645 orang murid tidak akanlah kita hendak nafikan hak dia. Kawasan luar bandar ini yang tidak ada komputer. Jadi saya kira sudah sampai masanya kementerian kaji balik yang mana agak-agak sekolah di kawasan perbandaran yang baru-baru ini masih berada di sekolah lama, terpaksa kita buat sekolah yang baru. Kalau tidak ada esok, saya takut esok kita seolah-olah meninggalkan mereka.

Berkenaan dengan apa yang disebutkan oleh sahabat saya daripada Bukit Mertajam, di Jasin pun saya ada masalah yang paling besar ialah tentang sekolah-sekolah bantuan modal ini. Saya sudah kira sudah sampai masa dan ketikanya kita jangan kisah bantuan modal kah, bantuan penuh, tetapi tiap-tiap rakyat berhak untuk sekolah yang baik. Dan bantuan modal penuh pun, bantuan modal ini pun pada hari ini, saya pun hendak minta kerajaan kaji, di kawasan Jasin pada hari ini sekolah kebangsaan susah kita hendak menarik anak-anak Cina masuk ke sekolah kebangsaan. Tetapi di Jasin sekolah bantuan modal yang sekolah Cina ini, anak Melayu ramai pula datang ke sana. Ini pun hendak kena kaji di mananya silap sekolah kebangsaan ini.

Jelas pada hari ini kita lihat bahawa masyarakat di Jasin hari ini dia tengok sekolah kebangsaan Cina mutu pelajarannya lebih baik daripada sekolah kebangsaan kita, mengapa boleh jadi macam ini. Dan kalau yang demikian saya minta kajian dibuat oleh Kementerian Pelajaran supaya mengkaji balik sistem pelajaran yang kita ada pada hari ini. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Dato' Hon Choon Kim: Tuan Pengerusi, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Jasin. Saya memang setuju terhadap pandangan Yang Berhormat bahawa sama ada sekolah bantuan penuh atau bantuan modal inilah sekolah kita, dan anak-anak kita, ini adalah guru kita dengan cikgu kita, kita sama-sama mesti memberi bantuan dan saya amat setuju. Cuma apa yang beza pada masa sekarang ini ialah jenis bantuan yang diberikan ikut peraturan yang ditetapkan lebih awal lagi.

Yang Berhormat kita akan ambil kira terhadap pandangan-pandangan, jadi Ahli-ahli Yang Berhormat, kita harap kita dapat memperbaiki dari semasa ke semasa. Yang Berhormat juga sebut bahawa sekolah itu ada yang *five star*, ada yang tidak ada star, ini memang benar kerana *five star* itu adalah merupakan sekolah-sekolah baru, yang tiada star itu merupakan sekolah-sekolah yang lama telah dibina pada 1960-an,

1970-an, jadi ini maklumlah Yang Berhormat, kita mempunyai 10,000 buah sekolah. Kita masih tidak mampu semua 10,000 sekolah menjadikan semua lima bintang, tetapi ini kita akan berusaha untuk meningkatkan lagi kemudahan-kemudahan kepada anak-anak kita.

Yang Berhormat dari Lipis telah membangkitkan guru kita telah menunggu begitu lama untuk naik pangkat. Sebenarnya inilah usaha kita untuk memartabatkan profesion perguruan. Ini memang adalah satu usaha dan naik pangkat itu ada kaedahnya ia ikut SSM, ikut prestasinya, ikut jawatan-jawatan yang sedia ada dan juga ikut tempoh perkhidmatan mereka. Jadi saya rasa kalau tiba masanya, kalau jawatan telah wujud, jadi itu tidak jadi masalah untuk dibenarkan naik pangkat.

Yang Berhormat bagi Bentong sebut gaji untuk GSTT, maklumlah perkhidmatan GSTT diperlukan kerana kita tidak mencukupi guru yang terlatih. Oleh kerana itu kita memerlukan perkhidmatan GSTT, GSTT maknanya 'Guru Sandaran Tidak Terlatih'. Untuk guru ini kalau ikut surat perjanjian itu atau surat tawaran itu memang dinyatakan bahawa perkhidmatan seseorang GSTT itu boleh tamat bila-bila masa tetapi biasanya Kementerian Pelajaran juga prihatin terhadap kebajikan mereka. Jadi pada tahun-tahun sudah sebenarnya kita telah buat satu keputusan bahawa jika perkhidmatan GSTT itu masih diperlukan bagi tahun hadapan maka perkhidmatan akan diteruskan dan gaji untuk bulan 11 dan 12 akan dibayar. Sebaliknya kalau perkhidmatan tidak diperlukan lagi kerana ada guru-guru terlatih akan dihantar ke sekolah itu maka perkhidmatan itu boleh ditamatkan apabila-apabila masa. Jadi walau bagaimanapun, saya tengah dapat *feedback* daripada sesetengah daerah yang telah mengeluarkan surat seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Bentong dan kita akan cari satu penyelesaian yang munasabah.

Yang Berhormat juga sebut bahawa bantuan kepada sekolah amat kurang, saya pun telah jelaskan tadi, saya rasa memadailah tentang bantuan-bantuan yang diberikan kepada sekolah-sekolah.

Datuk Ronald Kiandee: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat Beluran.

Datuk Ronald Kiandee: Masalah tentang Bentong tadi, masalah guru sandaran merupakan satu masalah yang juga berlaku di Sabah dan Sarawak, saya tidak bangun kerana saya sampaikan kepada Bentong tentang perkara ini, tetapi ketika ini pun ramai di kalangan guru-guru yang telah diberhentikan oleh jabatan datang dan mengadu pada saya dan beberapa wakil rakyat yang lain untuk diambil tindakan dan dibawa perkara ini ke peringkat kementerian. Saya harap agar pada ketika kementerian menyelesaikan masalah ini yang berlaku di Bentong, perkara yang sama juga diambil tindakan untuk guru-guru sandaran yang diberhentikan yang berlaku di negeri Sabah. Terima kasih.

Dato' Hon Choon Kim: Terima kasih. Masalah GSTT bukan hanya berlaku di Bentong, di mana-mana tempat pun kita anggap sama, sama ada ia perkhidmatan diperlukan atau tidak, jadi kita akan ikut satu peraturan untuk menyelesaikan masalah yang berbangkit.

Yang Berhormat bagi Kinabatangan ada menyebut sekolah kecil tidak harus ditutup dan Yang Berhormat juga cadangkan supaya kita buat sekolah bergerak, *mobile school*. Ini satu cadangan yang agak baru, agak unik dan sudah tentu kita akan timbang sama ada ini praktikal ataupun tidak untuk membina sekolah bergerak, jadi sekolah itu akan pindah dan akan berubah mengikut di mana kawasan yang memerlukan sekolah-sekolah itu.

Yang Berhormat juga menyebut hendak memantau bantuan yang diberikan kepada pelajar. Saya akui memang ini satu perkara penting dan saya juga berpendapat bahawa pemantauan telah pun dilaksanakan. Kalau Yang Berhormat terdapat salah guna bantuan yang diberikan, silalah maklumkan kepada kementerian supaya kita boleh ambil satu tindakan yang sewajarnya.

Komputer tidak diberikan di luar bandar kita akan cuba. Sebenarnya komputer diberikan kepada kebanyakan sekolah termasuklah sekolah-sekolah luar bandar. Kalau masih ada sekolah yang tidak dapat komputer maka ini mungkin pada masa tidak lama lagi kita akan bantu dari segi memberikan komputer kepada sekolah-sekolah yang berkenaan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Pensiangan, hendak beri jalan?

Tuan Bernard S. Maraat @ Ben: Terima kasih Timbalan Menteri. Hanya satu dua perkara yang perlu saya sentuh. Apabila kita sentuh mengenai dengan komputer saya perlu *respond* kepada pengagihan komputer-komputer tersebut. Memang benar pengagihan ataupun pembahagian komputer-komputer di sekolah-sekolah di luar bandar ini memang ada tetapi ada satu biji atau dua biji sahaja. Permasalahan yang kita hadapi sebenarnya di pedalaman khususnya di luar bandar, kadang-kadang ada generator. Apabila generator ada diesel pula masalahnya. Jadi kadang-kadang kita tengok, budak-budak sekolah di pedalaman ini khususnya di bahagian Pensiangan ini, kita ketandusan daripada aspek-aspek tidak ada bekalan *electricity* ataupun bekalan diesel dan ini selalunya menggugat dan mengganggu pembelajaran anak-anak kita di luar bandar.

Bagaimana kita hendak samakan kedudukan kita dengan budak-budak ataupun murid-murid di luar bandar kalau beginilah keadaan ataupun senario yang kita hadapi di luar-luar bandar.

Persoalan yang kedua, timbalan menteri, saya harap ini akan dapat kita lihat secara terperinci bahawa projek bekalan air di luar bandar khususnya Pembangunan Luar Bandar Sabah, kita dapati memang ada beberapa perigi yang telah pun diusahakan oleh kontraktor-kontraktor tersebut. Persoalan saya sekarang sebenarnya, adakah air-air yang mereka bekalkan ini selamat untuk budak-budak minum? Adakah satu kajian yang telah dibuat oleh kontraktor-kontraktor ini ataupun kementerian itu sendiri bahawa bekalan-bekalan air ini sudah tentu budak-budak sekolah ini atau murid-murid akan minum air-air ataupun minum air-air yang mungkin tidak selamat. Saya minta supaya kementerian membuat satu kajian mengenai dengan persoalan tersebut.

Yang ketiga, timbalan menteri, saya berterima kasihlah sebab ada pembekalan peruntukan kewangan untuk membangun sekolah-sekolah di luar bandar. Persoalannya, kebanyakan sekolah-sekolah yang dibaiki ataupun mendapat bekalan perbelanjaan ini, sekolah-sekolah tersebut tidak menepati piawaian yang telah dibuat dari segi *specs*nya dan kebanyakan sekolah ini saya rasa kalau kontraktor-kontraktor tersebut tidak dapat menunaikan hasrat dengan pembinaan ataupun kontrak-kontrak yang tidak berkualiti saya rasa kementerian harus mengambil tindakan terhadap kontraktor-kontraktor tersebut. Sebab kenapa, murid-murid kita atau anak-anak kita yang menduduki sekolah-sekolah yang mungkin tidak akan selamat ini disebabkan kecuai dan juga kebanyakan kontraktor ini sambil lewa, hanya mengambil keuntungan sahaja. Terima kasih timbalan menteri.

Dato' Hon Choon Kim: Terima kasih Yang Berhormat bagi Pensiangan. Memang ini hasrat kerajaan untuk memberikan pendidikan kepada anak-anak kita, tidak kira di mana mereka berada sama ada mereka berada di bandar atau luar bandar, kita cuba memberikan pelajaran atau pendidikan yang baik. Tetapi memandangkan kadang kala kawasan terlalu terpencil memang ini kita hadapi masalah daripada bekalan api, bekalan air dan sebagainya.

Oleh kerana itulah kita melaksanakan projek, khususnya untuk membantu sekolah-sekolah di Sabah dan Sarawak supaya dengan bantuan ini anak-anak kita di luar bandar dapat menikmati segala kemudahan kalau tidak jauh sangat kalau dibandingkan dengan anak-anak di bandar, sekurang-kurangnya mereka mempunyai kemudahan yang lebih kurang sama. Jadi usaha ini tidak akan kita hentikan. Kita ucapkan terima kasih atas pandangan daripada Yang Berhormat tentang keselamatan minuman air dan sebagainya, kita akan sedia memantau dan diucapkan terima kasih.

Dato' Razali bin Ismail: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Kuala Terengganu. Yang Berhormat, panjang lagi ke Yang Berhormat?

Dato' Razali bin Ismail: Ya, sekejap, satu soalan tadi berhubung dengan Yang Berhormat bagi Pensiangan tadi itu. Sebenarnya untuk...

Tuan Pengerusi Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat sekejap. Yang Berhormat bagi jalan, hendak bagi jalan kepada Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu?

Dato' Hon Choon Kim: Saya banyak lagi hendak jawab.

Tuan Pengerusi [Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, dia belum bagi.

Dato' Hon Choon Kim: Sila, sila.

Dato' Razali bin Ismail: Ya, yakni kita ada sebenarnya Kementerian Pelajaran ada satu model Sekolah Pensiangan dan Salinatan iaitu kaedah membela anak-anak kita yang jauh di pedalaman. Kalau boleh Yang Berhormat *highlightkan*, timbulkan sedikit tentang keberkesanan model Sekolah Pensiangan-Salinatan.

Dato' Hon Choon Kim: Saya tidak berhasrat untuk bincang panjang lebar terhadap apa yang diberikan kepada kawasan Pensiangan. Kalau hendak tahu kita boleh bincang di luar dan sudah tentu apa yang saya rasa cukup disebut di sini bahawa Yang Berhormat, bantuan memang telah diberikan kepada anak-anak sekolah-sekolah di luar bandar.

Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu ada sebut bahawa *target* untuk menghantar guru bertauliah atau ijazah untuk sekolah menengah dan sekolah rendah. Memang kita ada *target* untuk penghujung Rancangan Malaysia Kesembilan, separuh guru yang mengajar di sekolah rendah merupakan guru yang bertauliah, guru yang berijazah dan 100% guru yang mengajar sekolah menengah, guru yang berijazah. Ini memang kita teruskan sebenarnya. Kabinet pun telah baru-baru ini telah setuju untuk kita naik taraf *teacher training college*, untuk dinaikkan taraf supaya dijadikan sebagai pusat institut-institut untuk memberikan ijazah setaraf dengan ijazah. Jadi Yang Berhormat kita akan berusaha saya ucapkan banyak terima kasih. Saya tahu Yang Berhormat sentiasa peka, sentiasa prihatin apa yang berlaku di Kementerian Pelajaran, saya ucapkan banyak-banyak terima kasih.

Yang Berhormat bagi Pendang juga sebutkan rumah guru yang tidak ada kemudahan lif. Biasanya bangunan empat tingkat lazimnya tidak mempunyai lif. Jadi kalau guru yang terlalu tua, mungkin boleh mohon supaya dapat unit yang tingkat bawah. Kalau ada perkara ini, kami akan timbang supaya yang tua-tua itu, yang dekat pencen itu diberikan kemudahan unit kediaman di tingkat bawah atau *ground floor*. Jadi tidak payahlah naik tangga. Jadi saya rasa inilah boleh selesai masalah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Pengerusi, sedikit sahaja.

Dato' Hon Choon Kim: Ya, berminat?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Tidak, saya fasal guru ini. Tadi tidak sempat cakap, ini peluang. Pertamanya hak yang naik tingkat itu bagus kalau orang tua-tua pun dia *exercise* jadi badan dia akan jadi sihat dan otak dia cergas. Cuma Tuan Pengerusi, saya minta kalau boleh banyak guru sekarang merasakan dia ada tidak puas hati fasal pada guru Bahasa Inggeris dan Matematik, kita bagi elaun khas. Jadi guru-guru lain yang mengajar Bahasa Malaysia dan lain-lain subjek merasakan bahawa apakah elaun itu begitu penting sedangkan kami juga guru, kami juga mengajar waktu yang sama dan sebagainya. Ini menyebabkan *demoralize* guru-guru yang mengajar mata pelajaran lain. Jadi apakah mungkin pihak kementerian mencadangkan kalau hendak bagi kita, bagi semua. Kalau tidak bagi, tidak usah bagi. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Dato' Hon Choon Kim: Saya ucapkan banyak terima kasih kepada Yang Berhormat. Saya cadang kita bincanglah pada masa bajet nanti ya. Kita boleh bincang, Yang Berhormat boleh hujah dan pada ketika itu kita mempunyai lebih banyak masa untuk membahas perkara-perkara yang terdekat hati Yang Berhormat.

Yang Berhormat bagi Mambong telah sebut pra sekolah dan sebagainya dan beliau juga sebut ada 13 sekolah rendah di kawasan Yang Berhormat tidak selamat. Jadi kita akan lihat semula bagaimana kita boleh bantu 13 sekolah itu supaya ia dapat sedikit bantuan. Yang Berhormat juga tidak setuju supaya kita tutup sekolah yang kecil.

Yang Berhormat bagi Sabak Bernam ada sebut bahawa pelajar ponteng sekolah. Pelajar ponteng sekolah sebenarnya bukan perkara baru tetapi juga bukan satu perkara yang kita pandang ringan. Kita sentiasa mengingatkan bersama. Dalam hal ini saya rasa ibu bapa memainkan peranan yang penting. Kalau ibu bapa sentiasa prihatin, sentiasa berhati-hati, menjaga anak dengan baik, maka ia sudah tentu boleh bantu kami untuk mengurangkan masalah ponteng sekolah. Sekolah yang baik, kemudahan baik tetapi prestasi akademik kurang.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: *[Bangun]*

Dato' Hon Choon Kim: Sila.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya setuju tadi sebenarnya. Masalah ponteng sekolah ini sebenarnya memerlukan perhatian khusus daripada ibu bapa. Ini telah kita nyatakan lama ibu bapa perlu turut sama mengambil perhatian. Yang saya hendak tanya di sini ialah apakah agenda pihak sekolah untuk melibatkan ibu bapa ini secara khusus dalam menangani masalah ponteng. Kalau kita serah kepada PIBG sahaja seperti yang selalu kita sebutkan, kita tengok kurang berkesan. Saya rasa perlu ada satu langkah khusus bagaimana ibu bapa ini harus dilibatkan. Apa pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri?

Dato' Hon Choon Kim: Terima kasih Yang Berhormat ya. Saya setuju kerana biasanya pelajar ponteng sekolah, biasanya pelajar itu biasanya bukan seorang pelajar yang cemerlang dalam pembelajaran mereka. Jadi untuk membantu mereka sebenarnya Kementerian Pelajaran juga memperkenalkan mata pelajaran vokasional dari sekolah di mana anak-anak yang suka ponteng sekolah itu boleh mengambil mata pelajaran dan boleh menggunakan masa, tidak payah pergi merayau-rayau di tempat lain, mereka bolehlah berada di sekolah untuk belajar mata pelajaran vokasional.

Saya amat setuju bahawa pihak PIBG haruslah memainkan peranan yang berkesan, dan ini sudah jadi satu agenda yang penting dan pihak kementerian sentiasa berharap PIBG dapat memainkan peranan yang berkesan untuk menasihatkan pelajar kita dari segi masalah ponteng sekolah ini.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Cameron Highlands bangun.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Timbalan Menteri.

Saya ingin tanya ketidakhadiran pelajar bukan sahaja disebabkan oleh ponteng, saya membawa kepada masalah pelajar-pelajar Orang Asli di mana ramai pelajar tidak dapat pergi ke sekolah, kadang-kadang 30% daripada jumlah pelajar yang mengaji kerana masalah pengangkutan, kerana sekolah itu jauh daripada tempat kampungnya dan mereka kena jalan kaki 3 jam, 2 jam setiap pagi untuk ke sekolah. Apakah kementerian ingin memberi bantuan kewangan ataupun membuat persiapan lain untuk membantu pelajar-pelajar ini? JOA tidak adakah peruntukan untuk tujuan ini? Minta penjelasan daripada timbalan menteri.

Dato' Hon Choon Kim: Yang Berhormat bagi Cameron Highlands, saya ucapkan terima kasih kerana membangkitkan perkara berhubung kait dengan anak Orang Asli. Saya rasa ini adalah satu perkara yang harus kita bincang dengan lebih panjang kerana tidak ada masa yang cukup. Saya tidak berhasrat untuk memberi jawapan. Tetapi saya akan ambil maklum terhadap masalah yang dihadapi oleh mereka dan saya akan lihat apa jenis bantuan yang boleh diberikan kepada anak-anak Orang Asli.

Yang Berhormat juga sebut nilai murni yang merosot dan sebagainya, kita memang menganggap penting seseorang pelajar mesti mempunyai sifat-sifat murni, sopan santun dan sebagainya. Oleh kerana itulah baru-baru ini bukan sahaja kita mengajar murid mata pelajaran moral, tetapi juga memperkenalkan sivik, mata pelajaran sivik supaya dengan adanya dua-dua mata pelajaran, kita berharap nilai murni di kalangan murid-murid dapat kita tingkatkan lagi.

Ahli Yang Berhormat, saya telah jawab sedaya upaya setakat mana yang boleh terhadap soalan-soalan yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat. Kalau masih ada jawapan yang tertinggal, saya akan memberikan makluman secara bertulis. Kalau ada salah silap saya minta maaf, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM763,000,158 untuk Maksud B.41 di bawah Kementerian Pelajaran jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM763,000,158 untuk Maksud B.41 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM500,000,040 untuk Maksud P.41 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama bagi tahun 2005 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM500,000,040 untuk Maksud P.41 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.1) 2005.

Maksud B.42 [Jadual] –

Maksud P.42 [Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.1) 2005] –

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kepala Bekalan B.42 dan Kepala Pembangunan P.42 di bawah Kementerian Kesihatan terbuka untuk dibahas. Ya, Yang Berhormat bagi Beluran.

8.04 mlm.

Datuk Ronald Kiandee [Beluran]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh tentang kesungguhan kementerian untuk melanjutkan Kempen Tak Nak ini. Sejauh mana kajian dilaksanakan untuk menjustifikasikan *another* RM10 *million* yang diminta oleh kementerian untuk membayar belanja Kempen Tak Nak. Saya rasa *feed back* yang ada sekarang yang dilaporkan oleh akhbar kita menunjukkan bahawa kempen ini tidak menepati sasaran. Ini jelas menunjukkan Tuan Pengerusi bahawa kementerian harus peka terhadap program yang dilaksanakan oleh kementerian. Saya pernah bercakap bahawa program kementerian tidak harus menguntungkan pihak ketiga dan yang jelas dalam Kempen Tak Nak ini, *advertises*, syarikat pengiklanan merupakan *beneficiary* yang amat-amat untung besar.

Kalau kita lihat *target group*, mengecewakan. Itu merupakan analisis sebahagian besar rakyat Malaysia di mana sahaja pun, tetapi kita nampak kementerian beria-ia untuk menghabiskan kempen ini. Sampai bila kempen ini? Saya minta penjelasan yang terperinci daripada kementerian. Satu lagi program sokongan yang juga meminta tambahan. Saya tidak melihat bagaimana....

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Sabak Bernam bangun.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: Terima kasih Tuan Pengerusi, dan terima kasih Yang Berhormat bagi Beluran. Saya hendak terus kaitkan dengan Kempen Tak Nak ini, yang menelan belanja antara RM10 juta hingga RM 20 juta.

Datuk Ronald Kiandee: RM100 *million has already spend*. Seratus sudah belanja.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: RM100 juta belanja.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: Ya. Jadi, saya hendak kaitkan dari segi keberkesanan. Saya rasa Kementerian Kesihatan boleh memanfaatkan realiti TV ini. Umpamanya artis-artis yang menjadi idola kepada golongan muda ini, sepatutnya mereka ini boleh menyatakan bahawa saya boleh berjaya kerana saya jauhi rokok dan dadah. Saya rasa itu akan jadi lebih berkesan daripada Kempen Tak Nak yang memakan belanja yang begitu banyak.

Datuk Ronald Kiandee: *That's the point*. Itulah *point* dia, itulah mesejnya Dato'. Kementerian harus peka terhadap yang berlaku ini. Jangan lakukan sesuatu yang boleh menguntungkan pihak yang lain. *Target group* itu merupakan sasaran utama kementerian. Kalau ia tidak berkesan, tidak payah lagi minta RM10 juta untuk tambah, di Dewan ini kita sudah di beritahu, dimaklum, dimohon untuk mengeluarkan RM100 juta daripada...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Baik bagi duit itu kepada Mawi Yang Berhormat.

Datuk Ronald Kiandee: Ya. [Ketawa] Tetapi saya difahamkan *back ground* Mawi pun kena *check* juga, jangan *simply* angkat dia sebagai idola, sebagai model, *back ground* dia, keluarga dia kena tengok juga - saya difahamkan. Ini jangan, kena tengok. Saya difahamkan ada maklumat yang juga negatif terhadap Mawi itu.

Yang kedua, RM8.3 ini perkhidmatan sokongan, minta tambahan lagi sebanyak RM146 juta. Kenapa perkara ini berlaku Tuan Pengerusi? Kenapa ada *variation orders* ini, tidak tahulah mungkin jadi trend kementerian semua kementerian, ada VO, VO. Saya dengar Parlimen ini dibuat, dianggarkan RM50 juta, tetapi disebarkan oleh VO ia menjangkau sehingga RM100 juta, hampir RM100 juta. Kita lihat perkara kecil, perkhidmatan sokongan pun minta VO.

Bukankah ini dilakukan secara kontrak dan diketahui perkhidmatan-perkhidmatan yang dikehendaki, dan mengapa ketika sekarang ini ada VO pula. Saya juga ingin penjelasan perkara ini dan apa perancangan yang terapi dari pihak kementerian untuk membendung masalah denggi yang ada sekarang. Saya rasa ini merupakan satu perkara yang mendesak daripada perkara kempen anti 'Tak Nak', terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat Cameron Highlands.

8.09 mlm.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Baik, saya ingin bahas sedikit mengenai apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Beluran tadi. Iaitu RM146 juta untuk tambahan kos perkhidmatan sokongan hospital, dan yang saya rasa terkilan adalah RM56 juta daripadanya adalah untuk bayaran tunggakan bagi 2003 dan 2004. Apabila sesuatu belanjawan dirangkaan, sudah tentu perangkaan dan juga kos masa depannya akan diambil kira dan saya kurang faham, dan saya ingin penjelasan daripada kementerian, kenapakah hampir RM150 juta terpaksa menjadi *deficit* dalam proses ini?

Ini sesuatu yang harus kita tahu dan sebagainya Ahli-ahli Dewan yang mulia ini saya rasa apa yang kita telah luluskan adalah satu perancangan yang jitu dan tepat. Satu lagi saya kurang faham mengenai perkhidmatan sokongan hospital. Apa benda ini perkhidmatan sokongan hospital? Oleh itu kita ingin tahu secara terperinci di manakah wang sebanyak RM146 juta itu akan dibelanjakan sebagai perbelanjaan perkhidmatan sokongan hospital dan satu lagi yang saya ingin bawa ialah mengenai RM90 juta untuk kadar elaun lebih masa dan juga kadar jahitan. Kadar elaun lebih masa ini saya ingin penjelasan daripada kementerian untuk siapa ini, adakah doktor ataupun pegawai-pegawai sokongan yang ada di hospital.

Satu lagi adalah untuk pembelian ubat-ubatan. Saya ingin membawa - Ini RM150 juta ni - Saya ingin membawa kepada perhatian kementerian bahawa di tempat saya iaitu kampung-kampung Orang Asli ada klinik-klinik kesihatan tetapi malangnya tidak ada pegawai di klinik-klinik ini. Sepatutnya ada pegawai ditempatkan seorang atau dua di tempat-tempat ini untuk menjaga pos-pos yang merupakan pusat perkampungan Orang Asli. Tetapi malangnya apabila saya bertanya kepada pegawai atau doktor yang menjadi ketua bagi hospital di Cameron Highlands, di Tanah Rata, beliau mengatakan kekurangan kakitangan, satu; dua, ada yang tidak sudi nak pergi berkhidmat jauh di dalam sana.

Kita dapati ubat-ubatan yang di situ hanya kalau adanya pegawai, ubat batuk dan panadol sahaja. Sedangkan pada tahun lalu kita ada kadar kematian seramai 12 orang kanak-kanak akibat dari penyakit cirit birit di perkampungan-perkampungan ini. Tahun ini saya dapati ada tiga orang yang meninggal dunia, maka perkhidmatan kesihatan di kawasan-kawasan pendalaman, saya rasa hal ini sama di Sabah Sarawak, saya pun tak tahulah, lagi teruk. Kalau kita luluskan belanjawan yang begitu banyak sekali untuk tujuan-tujuan perkhidmatan sokongan, pembelian ubat-ubatan dan juga untuk elaun lebih masa, kenapakah benda ini tidak tersampai ke pinggir-pinggiran dan luar bandar?

Memang, saya bersetuju dengan Yang Berhormat bagi Beluran, tetapi yang saya hendak tahu di peringkat akar umbi di kawasan-kawasan ini masih belum nampak terserlah lagi perkhidmatan kesihatan yang boleh dibanggakan lagi. Saya bukan hendak memuji-muji golongan barat zaman dahulu, tapi saya masih ingat lagi masa saya di sekolah. Di sekolah saya ada seorang jururawat gigi, yang akan *check* setiap

dua tiga minggu pelajar-pelajar. Saya bersyukurlah, sampai sekarang gigi saya okay, kerana perkhidmatan itu. Tetapi perkhidmatan itu kini mungkin tidak selaras seperti dulu, tidak secepat seperti dahulu dan inilah soalan saya, adakah kita sudah kehilangan perkhidmatan kesihatan yang telah disuburkan dengan begitu lama sekali dan tiba-tiba ada kekangan dan kekurangan rata-rata. Inilah tanda soal. Kita hendak luluskan belanjawan? Saya rasa Ahli-ahli Parlimen sokong sekali, tidak ada masalah, tapi impak dan juga keberkesanan perkhidmatan itu perlu dipersoalkan.

Sama juga dengan tadi, pendidikan, tetapi kita balik pada kesihatan. Minta penjelasan yang lebih rapi mengenai hal-hal ini dan saya protes sedikit mengenai mutu perkhidmatan kesihatan khususnya untuk kampung-kampung Orang Asli. Itu bukan soal JEOA sahaja, kerajaannya di bawah satu naungan, satu ibu dan satu ayah. Itu yang lebih penting. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Serdang.

Dato' Yap Pian Hon: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya sebutkan sebanyak RM113 juta untuk membiayai kos operasi hospital dan klinik yang baru di buka. Hospital Serdang telah dibina dengan peruntukan sebanyak lebih daripada RM700 juta. Hospital begitu canggih, lengkap semua ada dan pegawai-pegawai kanan dan kakitangan hospital ditempatkan, majlis mesra pihak pengurusan Hospital Serdang dengan pemimpin-pemimpin tempatan telah diadakan, tetapi masih belum tahu bilakah lagi operasi Hospital Serdang akan dimulakan.

Orang ramai yang datang ke Hospital Serdang yang serba lengkap dan begitu canggih tidak dibuka lagi, maka saya minta jasa pihak kementerian, bilakah Hospital Serdang akan mula beroperasi untuk memberi perkhidmatan perubatan dan kesihatan kepada kawasan-kawasan di Puchong dan Serdang.

Satu lagi, kuaters, semasa projek Hospital Serdang dijalankan...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Puchong bangun.

Tuan Lau Yeng Peng: Terima kasih Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat bagi Serdang. Mengenai Hospital Serdang ini, yang terletak di kawasan Puchong, saya difahamkan juga, hospital ini adalah hospital yang menggunakan banyak perkakas dan alat-alat perisian IT dan sampai hari ini mereka masih *install* atau pun memasang lagi program dan perisiannya. Kita tidak ketahui bila lagi hendak dibuka. Adakah Yang Berhormat boleh cadangkan kepada pihak Kementerian Kesihatan bahawa apakah perkhidmatan-perkhidmatan yang akan diberikan kepada penduduk atau rakyat di sekitar Puchong dan Serdang ini. Bolehkah Yang Berhormat cadangkan kepada kementerian perkara ini. Terima kasih.

Dato' Yap Pian Hon: Terima kasih. Sebenarnya saya faham, lokasi hospital Serdang ini di letakkan di kawasan Parlimen Puchong, tetapi asalnya saya yang telah memperjuangkan Hospital Serdang ini selama sepuluh tahun, semasa saya menjadi wakil rakyat sehingga tahun 2004. Oleh sebab itulah saya memang mengambil berat tentang masalah bilakah operasi Hospital Serdang akan dimulakan. Saya difahamkan IT telah disediakan semua dan sebenarnya hospital ini telah mula menerima pesakit yang tertentu pada ketika ini tetapi tidak dengan secara rasminya.

Satu yang saya beri pujian, Hospital Serdang ini ada menyediakan kuaters untuk pegawai dan kakitangannya. Saya difahamkan bahawa pegawai-pegawai kanan dan kakitangan Hospital Serdang ini adalah seramai 900 orang tetapi kuatersnya hanya satu pertiga saja diperuntukkan kepada kakitangan. Ertinya dua pertiga pegawai-pegawai perubatan dan kakitangannya tidak dapat tinggal di kuaters dan akan menyewakan rumah di kawasan sekitarnya. Begitu mahalnya rumah.

Apa sebabnya semasa perancangannya diadakan semasa pembinaan Hospital Serdang ini, hospital yang begitu besar dan canggih dengan bilangan pegawai perubatan itu memang kita boleh sediakan kuaters yang cukup untuk mereka. Ini satu masalah yang akan datang. Ini adalah satu masalah yang akan dihadapi oleh pegawai-pegawai perubatan yang akan di tempatkan di Hospital Serdang dan apakah sebabnya berlaku demikian. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sri Gading.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tuan Pengerusi, pendek saja Tuan Pengerusi. Kementerian Kesihatan ini perkhidmatan yang penting, tak boleh nafikan penting, banyak sangat orang puji tetapi banyak juga orang yang merungut.

Saya nak tanya satu, Tuan Pengerusi. Ini denggi ini, kenapa kementerian Kesihatan sudah tahu penyakit ni penyakit yang membunuh, kempenya kenapa tidak berterusan? Kenapa ada bermusim? Ada krisis, ada. Kenapa? Kenapa asyik ada masa buat kempen, lepas itu lupa? *[Bercakap dalam bahasa Cina]*. Apa pasal? Apa fasal? Sekarang ini imej negara kita, orang luar negara uar-uarkan yang hendak pergi ke negara kita, jangan datang Malaysia, dia berbahaya kerana denggi, boleh mati, denggi berdarah.

Apa hal ini Kementerian Kesihatan? Tidak bolehkah kempen ini berterusan? Itu tak nak, tak nak, tak nak. Apa benda tak nak? Ho, ho...itu sahajalah. Saya nak minta penjelasan daripada kementerian. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Hendak minta penjelasankah? Kepong, Kepong.

Dr. Tan Sng Giaw: Secara ringkaslah, Tuan Pengerusi. Yang pertamanya, ini berkenaan masalah kempen anti hisap rokok itu, "Tak Nak" tu. Tetapi bila dia cakap tak nak, Yang Berhormat bagi Sri Gading lebih nak. Gian dia lebih hebat. Gian dia lebih hebat. Saya pun tak fahamlah. Saya berharap bukan saja kempen di luar, di dalam Parlimen, kita berhentikan hisap rokok di seluruh Dewan ini secara...*[Disampuk]* Yang Berhormat bagi Arau sudah tak hisap, dia tu baik. Kita berhentikan. Kempen "Tak Nak" ini diperhebatkan di dalam Parlimen ini termasuk menteri yang baru masuk, dia tak hisap, baik. Kita mesti memperhebatkan itu kerana kita membuang wang yang begitu banyak dan kita tak nampak kesannya sekarang. Sebab itulah dengan secara ringkas saya berharap pihak Kementerian Kesihatan benar-benar melaksanakan kempen "Tak Nak" itu supaya kita berjaya.

Dan seterusnya, Tuan Pengerusi, saya berharaplah dengan wang yang begitu banyak yang diminta untuk diluluskan ataupun telah diguna dan minta diluluskan juga. Walau bagaimanapun, mengenai wang itu digunakan untuk membeli ubat dan sebagainya, Saya mencadangkan supaya pihak menteri mengkaji semua pesakit luar. Walaupun Yang Berhormat sudah pun melawat di KL Hospital untuk menyaksikan dengan sendiri apa yang berlaku tetapi bila dia pergi, dia tidak nampak keadaan yang sebenar, dia tidak nampak kerana bila dia dengar Yang Berhormat Menteri hendak pergi semua orang yang bertanggungjawab termasuklah Setiausaha Agung dia dan sebagainya, Ketua Pengarah dia, dia memang mengaturkan perkara dengan baik.

Dia nampak di dalam pesakit luar di KL Hospital kita ada 12 bilik, dan doktor tidak cukup. Doktor di bahagian pesakit luar itu tidak cukup apatah lagi doktor-doktor yang benar-benar berkaliber seperti Yang Berhormat Tuan Pengerusi, kita mesti ambil hati dia sedikitlah. *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Saya rasa bolehlah berhenti Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Ya. *[Ketawa]* Tuan Pengerusi, bersetujulah Tuan Pengerusi, Sri Gading bersetuju, kita mestilah adakan bilangan doktor yang cukup untuk pesakit luar dan juga jam 7.00, 6.30 kita dapat itu dia maka beratur di situ, berbaris di situ untuk mendapat kad, untuk mendapat nombor dan sebagainya. Di sinilah saya berharap dengan secara ringkas juga pihak Yang Berhormat Menteri, jangan buat pengumuman rasmi, pergi dengan mengejutkan semua orang dapat buat *spot check*...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: dan mengaturkan semula cara-cara untuk memperbaiki keadaannya supaya semua pesakit dapat dilayan dengan baik di dalam bukan sahaja di KL Hospital bahkan juga di seluruh negara termasuk di Sabah juga kerana saya nampak keadaan di Sabah itu lebih teruk daripada kawasan di Semenanjung. Saya pun juga hendak memberi bantuan kepada Tuan Pengerusi supaya rawatan pesakit luar di Sabah dan seluruh negara dapat dipertingkatkan. Sekian terima kasih.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri jawab.

Puan Chong Eng: Tuan Pengerusi, ada butiran yang belum disebut lagi saya nak *just* sebut supaya kementerian boleh memberi jawapan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kalau Yang Berhormat hendak sebut kena sebutlah. Bukit Mertajam.

Puan Chong Eng: Butiran 04000 mengenai Hospital di Johor, Hospital Sultan Ismail.

Seorang Ahli: Kawasan Yang Berhormat.

Puan Chong Eng: Ha kawasan Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Siapa cakap kawasan saya?

Puan Chong Eng: Di sini, 04000 dekatlah, kalau di dalam kawasan pun dekat jugalah. *[Ketawa]*

Datuk Bung Mokhtar bin Radin: Saya punya butiran pun belum sebut ni.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat biar kami selesailah.

Puan Chong Eng: Saya rasa ini kita ada tanggungjawab bersamalah.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, baik sila...tiga minit.

Puan Chong Eng: Sangat terima kasih, sangat terima kasih ya. Saya rujuk kepada Butiran 04000 - Hospital Baru, dia minta RM14.6 juta untuk kerja-kerja pembasmian kulat. Saya membaca surat khabar yang lama, dia dikatakan...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Surat khabar lama mungkin tidak betul lah. *[Ketawa]*

Puan Chong Eng: Betul punya ini, *[Ketawa]* Menteri Kerja Raya mengatakan bahawa kerja-kerja membaiki pulih Hospital Sultan Ismail di Pandan yang ditutup sejak 26 September lalu dijangka siap pada Disember iaitu Disember *last year* dengan kos ditanggung sepenuhnya oleh kontraktor yang membina hospital tersebut. Mengapa sekarang kos ini datang ke Dewan untuk meminta dan telah pun diberikan. Tolong memberi penjelasan dan mengapa sampai hari ini dia belum siap lagi apa sebabnya dan bila akan dijangka siap?

Dan juga Maksud B.42, 8.2 mengenai Program Kawalan dan Pencegahan *Thalassaemia*. Saya juga ingin mendapat penjelasan sama ada ada program *autism* untuk kanak-kanak *autism* untuk mengenalpastikan kanak-kanak yang mengenai penyakit ini. Adakah mempunyai program untuk *autism* dan juga *down's syndrome*. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kinabatangan dua minit.

Datuk Bung Mokhtar bin Radin: Terima kasih dua minit selesai masalah.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, baiklah.

Datuk Bung Mokhtar bin Radin: Ini saya ingin mengajukan persoalan Hospital Dutchess of Kent di Sandakan iaitu saya selalu melawat di situ di mana pada ketika ini hospital ini tidak mempunyai hospital sakit jiwa. Dalam keadaan ini pesakit-pesakit sakit jiwa ini ditempatkan di sebelah katil orang yang sakit. Kadang-kadang saya ditemui oleh *nurse* dia, Yang Berhormat dia kata tolong saya orang sebab macam mana hendak kita jaga orang sakit. Yang di sebelah ini dia nyanyilah, dia pukul besilah, dia gendang sana sini, jadi orang yang sakit banyak mati sebab terperanjat oleh orang sakit jiwa. Jadi ini mesti boleh diselesaikan, kalau boleh tolong tengoklah, pihak kementerian turun-turun ke Hospital Dutchess of Kent, Sandakan tengok masalah ini. Terima kasih, masalah selesai.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah. Sabak Bernam, dua minit.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak sebut dua perkara. Kalau duit untuk kempen "Tak Nak" ini belum digunakan, saya cadangkan supaya diberikan kepada FAM untuk umpamanya menggunakan

pemain-pemain bola sepak itu yang menjadi hero dan idola kepada untuk kempen "Tak Nak" ini supaya jangan hisap rokok. Begitu juga dengan realiti TV tadi.

Yang keduanya, ini serius Tuan Pengerusi. Saya hendak bertanya kepada kementerian, kenapa kempen kondom percuma dengan jarum percuma itu ditangguhkan? Kita difahamkan bahawa data menunjukkan lebih 65,000 pesakit HIV/AIDS. Jadi kita difahamkan juga lebih 50 peratus aktif dalam kegiatan seksual. Kalau ini dibiarkan, saya sangat takut Tuan Pengerusi bahawa penyebaran HIV/AIDS ini akan berkembang dengan begitu hebat. Jadi saya hendak tanya kementerian, bolehkah dipercepatkan dengan penjelasan yang khusus mengenai perkara ini. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, Setiausaha Parlimen, jawapan jangan panjang-panjang Yang Berhormat. Tepat kepada soalan.

8.28 mlm.

Dato' Lee Kah Choon [Jelutong]: Terima kasih Tuan Pengerusi. saya berterima kasih kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat berikut iaitu Yang Berhormat bagi Beluran, Cameron Highlands, Serdang, Sri Gading, Kepong, Bukit Mertajam, Kinabatangan dan Sabak Bernam yang telah membangkitkan beberapa isu. Saya akan cuba untuk menjawab dan jikalau saya tidak dapat menjawab saya akan jawab dengan bertulis.

Yang pertama berkaitan dengan kempen "Tak Nak" ini, keberkesanannya selepas kita mengadakan program ini kita telah mengadakan satu kajian susulan dan dari kajian tersebut kita mendapati bahawa 90 peratus daripada kita yang soal itu, mereka tahu apa dia itu berkaitan dengan kempen "Tak Nak" iaitu tak mahu merokok tetapi kalau dari segi mengurangkan bilangan nombor orang merokok memang ini bukannya kempen dia.

Kempen yang telah kita jalankan tahun yang lepas adalah merupakan media kempen dan kita ambil maklum balas daripada Yang Berhormat-Yang Berhormat iaitu untuk tahun ini sepatutnya kita mendapat RM20 juta tetapi kita telah kurangkan peruntukan ini kepada RM10 juta sahaja dan kita akan gunakan duit ini untuk memperbanyakkan lagi kempen-kempen yang merupakan akar umbi. Di mana kita akan salurkan duit ini, peruntukan ini, kepada negeri kita supaya program lebih banyak yang bercorak akar umbi ini akan dapat dijalankan.

Datuk Ronald Kiandee: Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, Kementerian Kesihatan bukan ditubuh 1 tahun, 2 tahun lalu, takkan sekarang, *you are saying now that*, Kempen Tak Nak itu cuma *introductory campaign*?

Saya rasa *it's a waste of money*, Tuan Pengerusi, *it's a waste of money*. Kementerian sudah lama ditubuhkan, berpuluh tahun sudah sejak merdeka, *they should know!* Takkan sekarang dah begini pada peringkatnya, baru kita bercakap bahawa kempen itu cuma nak bertanya orang tau tak Kempen Tak Nak? Itu *introductory campaign - is wrong concept*. Kalau itu dibawa ke Parlimen dulu, saya rasa tak dilulus. "Tak Nak" ni. Serius sikitlah, serius sikitlah.

Dato' Lee Kah Choon: Terima kasih Yang Berhormat Beluran. Kita memang faham berkaitan dengan sentimen yang kita katakan ini.

Berkaitan dengan Kempen Anti Merokok ini kita memang sudah jalankan, sudah lama sebagai satu daripada aspek gaya hidup sihat. Tetapi pada masa satu dua tahun dulu, Kabinet telah memutuskan bahawa kita akan mengadakan Kempen Tak Nak ini. Pada masa itu, memang mereka telah meluluskan 20 juta untuk 5 tahun berterusan, tetapi kita telah memberhentikan program ini dan mengurangkan peruntukan yang kita minta kerana maklum balas daripada Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian.

Datuk Ismail Sabri bin Yaakob: Terima kasih, saya cuma nak tahu, berapa banyak yang digunakan untuk kempen hanya untuk pengenalan sahaja. *Just* hanya untuk orang tahu ada Kempen Tak Nak! *So how much?* Berapa duit yang digunakan?

Dato' Lee Kah Choon: Yang Berhormat dari Bera. Apa yang kita gunakan untuk Kempen Tak Nak ini, untuk tahun yang lepas, seperti yang saya katakan adalah satu media kempen. Ini bermakna, 20 juta yang kita dapat itu adalah untuk mengadakan satu media kempen.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Bagan.

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Pengerusi, memang betul Kempen Tak Nak ini telah dijalankan beberapa tahun dahulu. Sehingga sekarang, semua papan iklan yang ada di depan sekolah-sekolah pun telah ditutup oleh dahan-dahan atau pokok-pokok dan tak nampak lagi "Tak Nak". Tahu membina, tapi tak tahu menyenggaranya.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sebab "Tak Nak?"

Tuan Lim Hock Seng: Sebab sudah tutup.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sebab "Tak Nak?"

Tuan Lim Hock Seng: Sebab "Tak Nak", okey. Kalau kita pergi ke luar negeri, di lapangan terbang di *duty free shop*, mereka betul-betul kempen dengan seriusnya, "*Smoking Causes Cancer*". Senang semua orang faham. "*Smoking Causes Cancer*". Tetapi negara kita, *duty free shop*, tak ada amaran seperti ini. Cuma mencetak di kotak itu. Merokok membahayakan kepada kesihatan, kepada perokok ini tangan gatal sahaja tak takut kepada *cancer*. Jadi kalau kerajaan betul-betul serius hendak menjalankan Anti Merokok, maka "*Smoking Causes Cancer*" cukup menarik hati orang. Sekian.

Dato' Lee Kah Choon: Terima kasih Yang Berhormat dari Bagan. Berkaitan dengan cadangan itu, kita memang akan ambil perhatian. Kerana baru-baru ini kita telah meratifikasikan, *we have ratified* FCTC, iaitu *Framework Convention on Tobacco Control*, dan apabila kita *ratify* konvensyen ini, kita akan mewujudkan satu undang-undang iaitu Rang Undang-undang Anti Tembakau, dan pada masa itu kita akan menentukan amaran yang kita beri di atas kotak-kotak itu, kita akan mempertingkatkan lagi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Penjelasan.

Puan Chong Eng: Bandar Kuching.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ya, Bandar Kuching.

Tuan Chong Chieng Jen: Ya mengenai Kempen Tak Nak? Saya percaya bahawa segala bangunan kerajaan pun mengharamkan merokok. Tetapi mengapa bangunan Parlimen sebagai satu bangunan kerajaan juga.. [Ketawa]

Seorang Ahli: Dan luluskan *money*..

Tuan Chong Chieng Jen: Ya, kenapa bangunan Parlimen tidak mengharamkan merokok?

Seorang Ahli: Sama sahaja!

Tuan Chong Chieng Jen: Saya sebagai seorang perokok, saya juga akan sokong, kalau Timbalan Menteri mencadangkan

Beberapa Ahli: Merokok banyak penyokong, merokok banyak penyokong, tak boleh..

Tuan Chong Chieng Jen: Kenapa tak boleh sokong? Saya percaya bahawa merokok itu adalah tidak memberi manfaat. Oleh itu saya mencadangkan timbalan menteri mengharamkan..

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Haramkan apa di kawasan sini?

Tuan Chong Chieng Jen: Di segala bangunan Parlimen.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Seluruh Parlimen.

Tuan Chong Chieng Jen: Kalau mahu merokok keluar. Saya akan..

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Pergi padang.

Tuan Chong Chieng Jen: Saya akan beri 100% sokongan. Dan saya percaya semua DAP MP akan sokong 100%. [Ketawa]

Beberapa Ahli: [Menyampuk]

Tuan Chong Chieng Jen: Sudi, menerima cadangan itukah?

Dato' Lee Kah Choon: Yang Berhormat dari Bandar Kuching. Bagi saya kita memang bersetuju..

Beberapa Ahli: Melaksanakan!

Dato' Lee Kah Choon:... dengan tindakan dan cadangan yang kita katakan tadi. Sepatutnya bangunan Parlimen ini adalah kawasan larangan merokok. Dari segi itu, kita harap Yang Berhormat sekalian kena ambil tindakan supaya kita dapat memberhentikan merokok di dalam bangunan ini. Janganlah kita tunggu sampai kita menguatkuasakan terutama di dalam bangunan Parlimen. Ini akan memalukan kita semua.

Seorang Ahli: [Menyampuk]

Dato' Lee Kah Choon: Dan dari segi kempen denggi ini, sepatutnya kempen denggi ini kita berterusan seluruh tahun. Cuma kadang-kadang kita tidak ada wabak, kita rasa senang sahaja. Dan untuk mengatasi masalah denggi ini, dia ada tiga aspek. Pertama adalah rakyat sendiri, kerana kebanyakan tempat pembiakan nyamuk ini didapati dalam rumah dan di luar rumah juga.

Yang kedua, adalah aspek pihak berkuasa tempatan. Di mana kita harap kebersihan, tindakan kebersihan ini dapat dipertingkatkan. Terutamanya di longkang-longkang, dan juga yang mana kita dapat mengendalikan sampah sarap yang kita ada. Kerana sampah sarap seperti tin-tin yang kosong itu bila hujan ia akan menakung air. Dan ia akan menjadi tempat pembiakan nyamuk.

Yang ketiga, aspeknya adalah Kementerian Kesihatan. Tetapi pada masa Kementerian Kesihatan masuk, ia sudah terlambat. Kita cuma dapat menolong merawat dan sebagainya. Walaupun sebelum sampai ke hospital kita, kita telah mengadakan program banyak pendidikan, penyebaran maklumat dan sebagainya. Tetapi kalau hanya tertumpu kepada Kementerian Kesihatan sahaja, saya rasa dan saya yakin bahawa untuk selama-lama ini sampai masa bila pun kita tidak dapat mengatasi masalah ini. Kerana tempat terlalu luas untuk Kementerian Kesihatan untuk mengadakan program bagi membasmi nyamuk Aedes ini. Dan berkaitan dengan perkhidmatan sokongan saya cuma hendak menerangkan bahawa perkhidmatan sokongan adalah perkhidmatan yang kita berikan kepada hospital terutamanya untuk kebersihan, membasuh *linen*, menjaga peralatan dan juga peralatan yang kita perolehi. Dan dari segi itu, kita telah membahagikan negara kita kepada tiga syarikat untuk mengendalikan, untuk memberi perkhidmatan sokongan ini iaitu kepada 'Ready Care, Faber dan Pantai'.

Dan duit yang kita minta ini adalah untuk mengendalikan *maintenance*, banyak peralatan yang kita perolehi seperti *CT scan* dan sebagainya. Peralatan ini adalah peralatan yang canggih dan memerlukan *maintenance* yang agak tinggi.

Berkaitan dengan *allowance* kerja lebih masa ia adalah untuk kakitangan kita iaitu jururawat, pembantu perubatan, kepada doktor-doktor kita dan kos operasi hospital dan klinik terutamanya yang dikatakan tadi adalah Hospital Serdang.

Hospital Serdang ini kita akan buka dalam satu dua bulan lagi dan sekarang kita sedang menjalankan persiapan terakhir dan apabila itu telah selesai kita akan buka Hospital Serdang ini.

Berkaitan dengan kuarters kakitangan berkurangan. Kita memang faham berkaitan dengan cabaran ini, tetapi kita kena faham bahawa Kementerian Kesihatan mempunyai seramai 120,000 kakitangan, kalau kita nak mengadakan perumahan kepada setiap kakitangan memang kita tidak mampu. Tetapi kita akan cuba untuk memperbanyakkan lagi perumahan untuk kakitangan-kakitangan kita.

Berkaitan dengan perkhidmatan perubatan pula, di negara kita Kementerian Kesihatan ini kita mesti memberi ..

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Pasir Puteh.

Dato' Lee Kah Choon: Biar saya habis topik ini dulu. Bagi negara kita KKM terpaksa memberi pemeriksaan dan rawatan kepada 40 juta peserta atau pesakit setiap tahun iaitu dua kali ganda kepada penduduk di negara kita. Kita cuba sedaya upaya dalam apa yang kita boleh buat di atas apa yang kita ada, iaitu sumber kewangan dan

juga sumber tenaga kerja yang kita ada, kita cuba untuk bagaimana memberikan perkhidmatan sebaik mungkin. Sila.

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad: Terima kasih Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan. Saya hendak tanya, apabila kita menggunakan alat-alat yang canggih, ubat-ubat yang hebatlah, saya hendak tahu berapa peratus kita boleh jamin sembuh penyakit daripada dulu yang kita guna manual. Dahulu kita guna semua manual, tidak ada yang canggih-canggih, yang serba menggunakan ICT dan sebagainya. Oleh kerana kita tahu kos begitu besar, kalau di segi output, input ini, kita kena ada buat perbandinganlah, sejauh mana kita boleh melawan penyakit-penyakit hari ini berbeza dengan dulu yang tidak ada kemudahan. Terima kasih.

Dato' Lee Kah Choon: Terima kasih Yang Berhormat bagi Pasir Puteh. Berkaitan dengan soalan itu, kita memang faham bahawa yang pentingnya untuk menyembuhkan seseorang itu, kadang-kadang bukan tertumpu terhad kepada hanya peralatan yang kita ada tetapi juga pentingnya adalah berkaitan dengan layanan yang diberi oleh kakitangan-kakitangan kita. Dari segi itu kita memang sentiasa untuk mempertingkatkan lagi mutu perkhidmatan kita dari segi sumber manusia kita. Kita juga bersetuju dengan Yang Berhormat bagi Pasir Puteh bahawa "pencegahan itu adalah lebih baik daripada dirawat".

Kita memang sentiasa mengadakan program dan kempen "Gaya Hidup Sihat" supaya kita dapat sihat sepanjang hayat. Ini adalah harapan kita. Berkaitan dengan Hospital Sultan Ismail pula, Kementerian Kesihatan adalah pengguna akhir atau *end user*. Seperti Yang Berhormat sekalian, kita pun tidak faham bagaimana hospital ini terpaksa diubahsuai sebelum digunakan. Dari segi itu, kita memang tidak faham apa yang terjadi dengan hospital itu, cuma apabila hospital itu diserahkan kepada kita, kita dapati ia tidak sesuai untuk digunakan. Maka sebagai *end user* yang bertanggungjawab, kita pulangkan balik kepada pembina dia supaya mereka dapat mengubahsuai bangunan itu supaya dia dapat digunakan oleh *end user* iaitu Kementerian Kesihatan kita untuk memberi perkhidmatan kepada pesakit-pesakit kita.

Berkaitan dengan orang sakit jiwa ini di Sabah, kita memang faham berkaitan dengan perkara ini tetapi kerana kita mempunyai masalah pakar sakit jiwa ini yang terhad, tetapi di seluruh negara kita, kita mempunyai beberapa institusi yang menjaga orang sakit jiwa ini, ada satu di Sarawak, ada satu di Sabah, ada satu di Tampoi Johor dan satu di Perak.

Kita untuk masa-masa yang akan datang, kita memang bercadang untuk memperbanyakkan lagi pakar-pakar sakit jiwa ini supaya kita dapat memberikan perkhidmatan sakit jiwa ini yang lebih baik kepada pesakit kita. Berkaitan dengan kondom, mengapa kita tangguhkan? Sepatutnya kita tidak tangguhkan. Kita cuma memerlukan masa untuk merancang, untuk mengadakan satu kaedah yang lebih baik supaya apabila kita menjalankan program ini pada Januari 2006 nanti, kita dapat menjayakan program ini.

Untuk program ini kita memerlukan 15 bulan iaitu tiga bulan dari sekarang sampai akhir tahun ini, kita akan melatih pegawai-pegawai kita dan juga kita mesti mengadakan garis panduan-garis panduan dan juga kaedah-kaedah yang ketat supaya program ini apabila ia dijalankan pada tahun depan, ia mempunyai garis panduan dan kaedah yang lengkap supaya peluang untuk kejayaan untuk program ini adalah lebih tinggi. Dengan kata-kata demikian, saya rasa sudah jawab soalan yang telah diberikan.....

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Ada belum yang dijawab Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, tadi.....

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Ada bangkitkan mengenai kenapa unjuran ini terlalu lari, RM24 juta diambil daripada Kumpulan Wang Luar Jangka tetapi tiba-tiba RM0.5 bilion terpaksa digunakan. Saya minta itu satu. Kenapa unjurnya terlalu lari. Yang kedua, saya minta kenapa perkhidmatan di luar bandar itu, khususnya Orang Asli itu begitu minimum sekali, walaupun sudah ada kemudahan di sana.

Dato' Lee Kah Choon: Yang pertama itu berkaitan dengan permohonan yang lebih banyak ini. Saya difahamkan bahawa apabila kita mengadakan bajet ini, bajet

sekarang itu kita adakan dua tahun. Kadang-kadang dua tahun itu apa yang diperuntukkan untuk kita adalah dalam jangka masa itu. Tetapi apabila kita mengendalikan, mengoperasi *facility* kita yang ada itu, kadang-kadang kita membeli peralatan dan sebagainya, bermakna kita memerlukan duit yang banyak di luar dugaan kita.

Berkaitan dengan Orang Asli ini, kita memang tidak abaikan kebajikan mereka. Di Gombak kita mempunyai satu hospital yang dikhaskan untuk Orang Asli dan saya telah melawat hospital tersebut. Hospital ini ia adalah lebih lengkap lagi daripada hospital-hospital yang lain.

Ia termasuk kuarters-kuarters kepada ahli-ahli keluarga pesakit juga kerana kita faham berkaitan dengan Orang Asli ini apabila seseorang itu jatuh sakit, barangkali semua ahli-ahli keluarganya terpaksa bersama-sama dengan pesakit ini dan kita telah ada satu hospital yang dikhususkan untuk Orang Asli ini. Tetapi kita memang faham berkaitan dengan kebajikan dan peralatan dan sebagainya untuk Orang Asli ini dan kita akan cuba untuk mempertingkatkan lagi perkhidmatan kita kepada mereka.

Tuan Pengerusi, saya rasa saya sudah jawab seberapa boleh semua soalan yang ditanya, saya akan bila-bila masa untuk menjawab dengan bertulis jikalau saya ada apa-apa yang tidak jawab lagi. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM524,000,000 untuk Maksud B.42 di bawah Kementerian Kesihatan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM524,000,000 untuk Maksud B.42 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM114,600,000 untuk Maksud P.42 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama bagi tahun 2005 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM114,600,000 untuk Maksud P.42 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.1) 2005.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh kerana ada usul, Dewan bersidang semula. Menteri ada usul, sila.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), saya mohon mencadangkan:

“Bahawa dengan tidak menghiraukan usul yang diputuskan oleh Majlis lebih awal tadi, mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai diputus dan diluluskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2005) 2005 dan Usul Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama 2005 dan selepas itu mesyuarat akan ditangguhkan sehingga pukul 10.00 pagi esok hari”.

Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan [Dato' Wong Kam Hoong]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemukakan bagi diputuskan dan disetujui.

Usul disetujui.

[Perbahasan disambung semula]

Majlis bersidang dalam jawatankuasa.

Maksud B.44 [Jadual] -

Maksud P.44 [Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.1) 2005] -

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kepala Bekalan B.44 dan Kepala Pembangunan P.44 di bawah Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat bagi Larut dan selepas itu Menteri jawab.

8.52 mlm.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih. Saya hendak sentuh dua perkara berhubung dengan FINAS iaitu belanja RM19 juta ini. Sebelum itu saya hendak mengambil kesempatan mengucapkan tahniah kepada sahabat saya, Yang Berhormat Datuk Jins Shamsudin yang telah dilantik sebagai pengerusi FINAS yang baru. Seorang tokoh yang tidak asing kepada kita semua dan hari ini beliau adalah juga seorang anggota Dewan Negara. Sekurang-kurangnya satu penghormatan yang telah diberikan kepada penggiat seni dan ini merupakan satu ketelusan kerajaan apabila melantik beliau. Namun begitu, saya juga mengharapkan pihak kementerian tidak lupa jasa bekas pengerusi FINAS iaitu Datuk Abdul Aziz Rahman dari Temerloh, Pahang.

Tuan Pengerusi, kita tidak menafikan usaha kerajaan untuk mempertingkatkan lagi FINAS sebagai salah satu nadi penyumbang ke arah pembangunan negara. Semoga FINAS akan terus menjadi badan perhubungan penyiaran kepada memajukan lagi masyarakat kita pada keseluruhannya. Cuma masalahnya sekarang ialah kita masih ternanti-nanti bilakah FINAS terutamanya akan terus menggerakkan lagi perfileman, pengeluar filem-filem bercorak patriotik, sejarah yang begitu banyak di negara kita ini sejak kita mula-mula menuntut kemerdekaan lagi.

Sejarah ketika kita dijajah, sejarah ketika kita bangkit dari mundur kepada membangun dan insya-Allah, akan menjadi sebuah negara yang maju. Kerana ini akan menjadi satu gambaran, satu pegangan, satu kesedaran kepada generasi yang akan datang. Apakah sejak kematian Allahyarham Seniman P. Ramlee, kita sudah ketandusan modal untuk menerbitkan filem-filem warisan budaya kita untuk mengangkat dan seterusnya mempertahankan martabat kita sebagai sebuah negara yang telah apa saya gambarkan sebentar tadi. Oleh itu, saya menggesa pihak kementerian agar dapat menjadikan FINAS sebagai sebuah badan utama dalam mencapai cita-cita kita semua kerana kita sedar gejala masalah sosial sedang kita hadapi pada hari ini. Mudah-mudahan dengan adanya penggerakan seperti ini akan dapat menyedarkan lagi generasi akan datang.

Perkara yang kedua, Tuan Pengerusi, saya sudah berjanji hendak bercakap dua perkara sahaja ialah berhubung dengan muzium-muzium yang ada di negara kita ini. Saya ingin menyentuh beberapa muzium yang perlu diberikan perhatian dan dipertingkatkan lagi keadaannya. Saya hendak lajak sedikit, di bawah warisan, saya ambil kesempatan. *[Ketawa]* Jasin, janganlah kacau. Saya hendak ambil kesempatan sebab saya seorang sahaja yang bercakap. Saya minta kesempatanlah kalau boleh Muzium Angkatan Tentera ini dinaikkan taraf. Polis sudah okey dan beberapa muzium yang lain. Kalau boleh saya hendak minta dan cadangkan di sini

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, yang mana satu butiran? *[Ketawa]*

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Saya sudah cakap tadi, Tuan Pengerusi, saya hendak ambil kesempatan oleh kerana mungkin saya seorang sahaja yang bercakap.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kesempatan jangan. Kena ikut butiran. Adakah?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Ia ada kena-mengena dengan sejarah. Apabila Yang Berhormat Datuk Jins Shamsudin hendak bangkitkan sejarah Pasir Salak, kita keluarkan belanja begitu banyak. Saya masih ingat Yayasan Perak sanggup mengeluarkan modal yang begitu banyak sampai berjuta-juta ringgit.

Jadi, ini satu sejarah. Apabila FINAS hendak buat filem besok di mana hendak sejarah ini semua? Tentulah dari pihak muzium.

Jadi, muzium yang ada kaitan dengan sejarah ini yang hendak saya sebut ialah Muzium Angkatan Tentera, Muzium Polis dan muzium-muzium yang lain. Oleh itu, kalau boleh dalam kita hendak menarik pelancong pada hari ini, supaya muzium-muzium ini diswastakan sebagaimana beberapa negara yang lain seperti Eropah dan beberapa negara maju yang lain. Kalau kita lebih serius dalam hal ini saya minta pihak Menteri atau Timbalan Menteri dapat melawat ke muzium-muzium di luar negara. Akhir sekali, kalau boleh kita pertimbangkan juga muzium untuk Orang Asli. Sekian, saya menyokong.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Timbalan Menteri jawab.

8.55 mlm.

Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan [Dato' Wong Kam Hoong]: Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada seorang sahajalah iaitu Yang Berhormat bagi Larut yang begitu berminat tentang FINAS atau Industri Perfileman Negara. Tuan Pengerusi, untuk makluman Yang Berhormat bagi Larut dan Dewan yang mulia ini baru-baru ini iaitu pada awal tahun ini Kabinet telah meluluskan dasar perfileman negara di FN. Di mana dengan ini FINAS menyusun semula supaya mereka boleh memberi tumpuan atau lebih fokus kepada aspek-aspek produksi, pemasaran, peralatan, infrastruktur, kewangan dan pembangunan sumber manusia serta mengambil kira semua aspek yang berkaitan dengan permohonan dan penggalakan perfileman. Dengan ini, saya rasa industri perfileman di nagara akan terus maju dan lebih berdaya maju dan juga berdaya saing, bukan sahaja di negara kita, malah di pasaran antarabangsa.

Dato' Wan Adnan bin Wan Mamat: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat!

Dato' Wan Adnan bin Wan Mamat: Saya ingin bertanya berkenaan dengan dasar filem negara ini berkenaan dengan mewujudkan sekurang-kurangnya 12 buah filem ditayangkan di pawagam untuk satu tahun dan apakah terjadi kepada geran-geran ataupun pinjaman yang telah diberi kepada pengusaha-pengusaha filem yang lepas. Terima kasih.

Dato' Wong Kam Hoong: Terima kasih, Yang Berhormat. Sebelum ini pada purata iaitu sebelum tahun 2003, dalam setahun di negara kita hanya menerbitkan atau mengeluarkan lebih kurang 15 buah filem sahaja tetapi selepas tahun 2003 dalam setahun filem tempatan atau filem Melayu mencapai lebih daripada 20 buah lebih. Pada tahun 2004, negara kita menerbitkan 22 buah filem Melayu dan pada tahun ini dan setakat ini kita sudah menerbitkan 15 buah filem. Ini bermakna industri perfileman negara kita dalam tahap yang sihat. Tuan Pengerusi,

Dato' Wan Adnan bin Wan Mamat: Saya bertanya tadi berkenaan pinjaman ataupun geran yang telah diberikan kepada pengusaha filem, berapa jumlah yang telah mengambil pinjaman?

Dato' Wong Kam Hoong: Buat masa ini kita ada satu dana baru iaitu Dana Skim Pinjaman Filem Cereka di mana kerajaan sudah memodali RM50 juta. Setakat ini, ada 10 buah syarikat perfileman dan mereka sudah meminjam atau sudah diluluskan RM40 juta. Pinjaman-pinjaman dahulu, saya tidak ada angka-angkanya, saya akan hantar kepada Yang Berhormat secara bertulis.

Tuan Pengerusi, berkaitan dengan isu penerbitan filem yang patriotik, kita mesti tengok atau melihat cadangan ini daripada Yang Berhormat bagi Larut iaitu kita mesti lihat dari segi komersial sebab tiap-tiap filem yang dikeluarkan memerlukan kos yang tinggi dan sebagainya dan ini akan ditayangkan di pawagam. Kalau sambutan tidak baik, ini bermakna pengeluar akan rugi. Sebab itu tiap-tiap filem mesti ikut cita rasa iaitu penonton.

Walau bagaimanapun, setahu saya iaitu dengan kerjasama FINAS, kita sudah mengeluarkan dua, tiga buah filem patriotik iaitu berjudul Paloh, Embun, Leftenan Adnan dan sebagainya, tetapi malangnya sambutan daripada penonton filem tidak begitu baik. Sebab itu ketiga-tiga filem ini.....

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Larut.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Saya tidak setuju Yang Berhormat mengatakan bahawa filem-filem seperti ini tidak laku. Itu saya katakan tadi adakah selepas P. Ramlee tidak ada, kita sudah tidak ada modal? Bukit Kepong, filem-filem yang dilakukan oleh P. Ramlee berapa sangat modal dia?

Tetapi sampai sekarang ini, kalau ditayangkan di kain putih sampai sudah hendak reput sudah kain itu. Budak-budak generasi muda sekarang tertarik. Jadi apakah FINAS melihat perkara ini sebagai tidak begitu serius. Kita bukan semata-mata untuk *commercialize*kan benda ini tetapi sebagai bahan sejarah untuk masa depan generasi yang akan datang.

Jadi apakah FINAS tidak begitu memandang berat perkara ini? Saya hendak tanya pada Yang Berhormat, pada malam ini kami dijemput untuk menghadiri Festival Filem Asia Pasifik di Istana Budaya, berapa kita belanja ini? Adakah wang FINAS? Yang kami dijemput malam ini, tapi kami tidak dapat pergi kerana kita mementingkan untuk meluluskan rang undang-undang di Parlimen ini. Minta sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat.

Dato' Wong Kam Hoong: Yang Berhormat, soalan yang spesifik saya akan jawab secara.....

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Bukan spesifik Yang Berhormat, jemputan daripada kementerian.

Dato' Wong Kam Hoong: Festival?

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Malam ini, ya. Adakah ini anjuran siapa?

Dato' Wong Kam Hoong: Anjuran....

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Yang Berhormat tidak tahu macam mana menteri sendiri yang akan rasmi, kami dijemput yang akan dihadiri oleh....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Yang Berhormat Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim, bukankah ini menteri yang berkenaan?

Dato' Wong Kam Hoong: Memang tetapi itu yang apa ini.....

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Yang Berhormat tidak tahu ada majlis malam ini?

Dato' Wong Kam Hoong: Yang Berhormat, saya tahu. Saya di sini untuk menjawab....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tentang tajaan, saya ingatlah Yang Berhormat, masalah dia tanya siapa yang bayar, tanggungan untuk....

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Makna FINAS tidak menganjurkan?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Majlis malam ini.....

Dato' Wong Kam Hoong: Itu dianjurkan oleh kementerian saya tetapi yang kos *festival* ini, yang hendak cepatnya saya tidak ada.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Yalah, saya tidak sebut kos. Saya tanya adakah ini dianjurkan oleh FINAS?

Dato' Wong Kam Hoong: Ya memang itu dianjurkan oleh FINAS...

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Ha, ok.

Dato' Wong Kam Hoong:di bawah kementerian saya. Tuan Pengerusi....

Tuan Lim Kit Siang: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Ipoh Timor bangun, apa ada? Hendak minta penjelasankah, Yang Berhormat?

Tuan Lim Kit Siang: Nanti, nanti, nanti....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sila duduk Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Tidak apa, tidak apa. *On the way out*, perlu berdiri, *on the way in* pun perlu berdiri.

Beberapa Ahli: [Ketawa]

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad: Boleh?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat balikkah, jangan masuk lagilah. [Ketawa]

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad: Tuan Pengerusi, ada soalan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ok, ada soalan.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad: Terima kasih Tuan Pengerusi,.....

Seorang Ahli: [Menyampuk]

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad: Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, saya ingin bertanya apakah kementerian bercadang melalui FINAS untuk membuat filem-filem yang berbentuk yang mempunyai nilai-nilai murni terutamanya mengenai dengan hadhari.

Kerana kita tengok filem-filem yang masuk kebanyakannya ditapis tetapi terlepas tapisannya kerana banyak yang menapis filem itu yang tua-tua, yang muda-muda tidak banyak. Saya pernah menapis filem, dua jam memang tidur. Lagipun saya muda pada masa itu, apa lagi yang tua-tua. Jadi dengan sebab itu apakah FINAS bercadang kerana saya tahu Datuk Jins Shamsudin adalah seorang yang berpengalaman, dia banyak memberi motivasi dalam negara kepada muda mudi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ini berkaitan dengan mana satu butiran?

Seorang Ahli: FINAS, FINAS!

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad: FINAS, FINAS.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Semua FINAS boleh tanyakah? Tidak boleh. Yang Berhormat sudah habis jawapan ya?

Dato' Wong Kam Hoong: Tuan Pengerusi, yang berkenaan dengan Festival Filem Asia Pasifik yang KE-50 ini yang pada kebetulan yang akan dilangsungkan pada malam ini di Istana Budaya, kosnya RM1.8 juta. Ini menunjukkan betapa pentingnya negara kita memandang kepada industri perfileman di negara kita.

Tuan Pengerusi, tentang filem patriotik, FINAS.....

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan, penjelasan. Tadi Yang Berhormat bagi Pasir Puteh dia kata bahawa.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat tadi kata hendak keluar?

Tuan Lim Kit Siang: Ya, sedang, sedang, *on the way*, lepas itu keluar.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat jangan balik lagilah [Ketawa]

Tuan Lim Kit Siang: Dia kata bahawa...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat jangan balik lagilah.

Tuan Lim Kit Siang: Dia kata bahawa mengikut... Keluar mahu masuk...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: [Ketawa] Jangan masuklah.

Tuan Lim Kit Siang: Keluar untuk masuk.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: Bagi saya tanyalah, Sabak Bernam mahu tanya.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, ya saya mahu tanya....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Dia tanya, dia tanya, Yang Berhormat bagi Ipoh Timor.

Tuan Lim Kit Siang:mengikut Yang Berhormat tadi mengenai penapisan filem Yang Berhormat bagi Pasir Puteh tadi kata dia ada pengalaman, dua jam dia menapis, tidur dan inilah selaras dengan Islam Hadhari. Adakah Yang Berhormat bersetuju?

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Keluar daripada tajuk Yang Berhormat. *[Ketawa]*

Dato' Wong Kam Hoong: Biarlah teruskan.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Sabak Bernam.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: Tuan Pengerusi, boleh saya tanya Timbalan Menteri? Boleh? Tuan Pengerusi sudah bagi?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Ipoh Timor hendak balik ya? Besok datanglah, besok, nanti jangan masuk lagilah. *[Ketawa]*

Tuan Lim Kit Siang: Lagi setengah jam saya datang.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Jangan masuk lagilah. *[Ketawa]*

Dato' Wong Kam Hoong: Dia tanya tetapi tidak mahu dengar jawapan.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya hendak tanya tentang peranan FINAS ini supaya dapat dipanjangkan kepada Kementerian Pelajaran dalam konteks membina jati diri dan patriotisme pelajar-pelajar. Ramai pelajar kita sekarang kalau setakat membaca buku sahaja sejarah dia kurang berkesan. Boleh ataupun tidak FINAS ini memainkan peranan supaya menghasilkan satu bentuk filem yang bernilai sejarah sebenarnya, sejarah kebangsaan kita supaya sejarah negara kita dapat diterapkan di kalangan pelajar-pelajar kita, boleh atau tidak?

Dato' Wong Kam Hoong: Ya memang boleh. Untuk makluman Yang Berhormat, di samping filem-filem yang dikeluarkan oleh syarikat pengeluar filem, di samping itu juga ada filem-filem dokumentari yang dikeluarkan oleh agensi-agensi yang lain seperti Perfileman Negara dan sebagainya untuk tujuan untuk meningkatkan patriotisme di kalangan rakyat jelata kita.

Maka saya hendak jelaskan di sini, syarikat-syarikat di bawah FINAS, mereka berdasarkan keuntungan iaitu kalau berapa kos dibawa keluar, depa mesti harap iaitu pulangan dengan keuntungan. Sebab itu depa mesti ikut cita rasa penonton. Tetapi saya tidak nafikan agensi-agensi lain yang berdasarkan, yang tidak berdasarkan keuntungan, mereka keluaran filem untuk tujuan lain iaitu meningkatkan perasaan patriotisme di kalangan rakyat kita, itu sahaja.

Tuan Pengerusi, kebetulannya hari ini ialah hari pertama Festival Filem Asia Pasifik ke-50 akan dilangsungkan dan akan diadakan program untuk 4 hari dan untuk makluman Yang Berhormat di sini, kalau sempat saya mengundanglah semua Yang Berhormat.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, boleh, kalau pendekkan jawapan.

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Dato' Wong Kam Hoong: Selepas ini. *[Disampuk]* Untuk menyertai program-program yang dianjurkan. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM19,235,800 untuk Maksud B.44 di bawah

Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM19,235,800 untuk Maksud B.44 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM10,000,000 untuk Maksud P.44 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama bagi tahun 2005 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM10,000,000 untuk Maksud P.44 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.1) 2005.

Maksud B.45 [Jadual] –

Maksud P.45 [Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.1) 2005] –

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kepala Bekalan B.45 dan Kepala Pembangunan P.45 di bawah Kementerian Belia dan Sukan terbuka untuk dibahas. Batu Gajah, sila.

9.11 mlm.

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada butiran 00600 kompleks sukan atau stadium negeri-negeri. Saya ingin tahu apakah projek-projek kompleks sukan yang akan dijalankan dan di manakah lokasinya? Apakah ia projek baru, pembinaan stadium baru atau ia untuk memperbaiki stadium-stadium yang lama di dalam keadaan yang begitu buruk sekali.

Sebelum ini saya, sesi mesyuarat yang lepas saya telah menyampaikan kepada Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan berkenaan situasi Stadium Hoki Sultan Azlan Shah di Ipoh. Di mana sekumpulan peminat/pemain hoki di Ipoh, mereka begitu kesal sekali. Banyak aduan telah disampaikan berkenaan situasi Stadium Hoki Sultan Azlan Shah tetapi tiada langsung tindakan diambil. Kebetulan saya berjumpa dengan mereka minggu lepas dan mereka memaklumkan saya sampai hari ini sudah lebih kurang 5 bulan tidak diperbaiki lagi. Saya bangun bangkitkan ini adalah Stadium Hoki Sultan Azlan Shah, stadium di bawah nama seorang Sultan yang saya amat hormati dan sayangilah.

Saya rasa ini sangat penting, kalau situasi stadium yang begitu buruk sekali. Saya bagi contoh, tandasnya, gambar masa tu saya ada sampaikan kepada Menteri. Tandas yang dalam keadaan buruk, tersumbat, padang hoki itu buruk sekali dan paip-paip air tidak boleh berfungsi. Pemain hoki ini dia tanya saya, bayangkanlah kalau kami nak adakan pertandingan di stadium ini dan stadium ini atas nama seorang Sultan.

Jadi saya nak tahulah apakah peruntukan tambahan ini meliputi untuk memperbaiki Stadium Hoki Sultan Azlan Shah. Sekian terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kuala Krau.

9.13 mlm.

Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Tuan Pengerusi, saya ingin turut serta dan merujuk kepada B.45 tentang program Majlis Kecergasan Kebangsaan. Saya ingin tahu sejauh manakah keberkesanannya program Majlis Kecergasan Kebangsaan dan saya ingin tahu kerana sebagai Ahli Parlimen telah diberikan peruntukan sejumlah RM20,000 setiap Parlimen dan Ahli Parlimen telah dilantik sebagai Pengerusi Majlis Kecergasan Kebangsaan di peringkat Parlimen masing-masing. Tapi sehingga ini peruntukan tersebut belum lagi diterima oleh Ahli-ahli Parlimen khususnya saya di kawasan Parlimen Kuala Krau.

Perkara yang kedua yang saya ingin merujuk kepada P.45 tentang kompleks sukan. Menteri telah mengumumkan bahawa setiap Parlimen dan juga setiap DUN akan didirikan kompleks sukan komuniti. Bilakah kompleks komuniti bagi setiap Parlimen dan setiap DUN ini akan dibina di semua negeri? Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Larut, adakah berkaitan dengan bola sepak?

9.14 mlm.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Ya, kompleks sukan. Terima kasih Tuan Pengerusi. B.45 Kementerian Belia dan Sukan. Saya cuma nak menegur Tuan Pengerusi. Pertama sekali ialah tentang projek-projek kompleks sukan yang dibina dalam negara kita ini tidak *dicentralizekan*, tidak dipusatkan. Ini menimbulkan masalah apabila kita nak mengadakan kejohanan-kejohanan umpamanya SUKMA. Kenapa tidak kita kembalikan balik pada dasarnya SUKMA ini *dicentralizekan*, dipusatkan, di buat di Kuala Lumpur umpamanya, kemudahan semua dah ada. Kalau tidak ini bukan masalah. Saya tahu memang apabila SUKMA ini diadakan di negeri-negeri akan memberi peluang kepada negeri-negeri untuk mendapat peruntukan tambahan bagi membina kompleks-kompleks stadium dan sebagainya.

Tetapi oleh sebab saya nak respons kepada saranan Menteri berkenaan bahawa Kementerian beliau bercadang untuk menyerahkan kompleks-kompleks sukan ini termasuk stadium kepada syarikat. Ini akan menimbulkan masalah terutama sekali kepada belia-belie di luar bandar kerana saya bimbang apabila diserahkan kepada syarikat-syarikat, mereka akan mengenakan kadar yang begitu tinggi, kadar sewa yang begitu tinggi.

Umpamanya, saya bagi contoh di sini, di Kompleks Rakan Muda yang pertama didirikan di negeri Perak, di Kamunting, Taiping, bersebelahan dengan kawasan saya. Untuk menyewa gelanggang badminton bagi satu jam dikenakan bayaran RM8 sedangkan pihak-pihak berkuasa tempatan yang lain, ahli Perbandaran Taiping umpamanya hanya sekadar RM4. Ini akan menyukarkan lagi memberi peluang kepada belia-belie, remaja-remaja untuk menggunakan kemudahan tersebut.

Oleh itu saya menyeru kepada pihak Kementerian melihat perkara ini dengan lebih serius agar apabila kita nak mengajurkan sesuatu kejohanan tidak menimbulkan masalah. Kalau tidak stadium bola sepak satu tempat - hari ini pun Menteri dah tegur Persatuan Bola sepak Malaysia kerana tak menghantar senarai nama pemain bola sepak untuk Sukan SEA, saya pun tak tahulah. Setakat senarai nama tak perlulah dihebah-hebahkan, boleh diminta pada bila-bila masa.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sudah keluar daripada tajuk.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Stadium bola sepak.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Bola sepak.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Ya, kerana di bawah ini ada butiran projek 00600 kompleks sukan stadium negeri-negeri.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tapi itu senarai, senarai bola sepak, tidak terlibat.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Ya, saya akan masuk. Saya ucap tahniahlah kepada Stadium Nasional Bukit Jalil, Yang Berhormat bagi Bera sebagai Pengerusi Kompleks Sukan kerana bertindak dengan begitu cepat - Walaupun hari ini kita tengok bola sepak kita masih terumbang-ambing. Tetapi Tuan Pengerusi, tahun 2007, kita dapat menjadi tuan rumah untuk kejohanan peringkat Asia, bukan senang-senang nak dapat. Kalau ragbi saya tak tahulah kerana ragbi hari ini orang sudah tak tengok, minta maaf pada Yang Berhormat bagi Arau.

Jadi saya mintalah supaya pihak Kementerian mengkaji sedalam-dalamnya apakah pro dan kontranya untuk kita serahkan segala kompleks sukan ini sebagaimana yang telah diuar-uarkan kepada syarikat-syarikat. Saya bimbang mereka tidak boleh melaksanakan dengan begitu meyakinkan umpamanya Stadium Shah Alam diserahkan kepada syarikat, hari ini bagaimana berlaku?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, masa cukup.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Sikit sahaja, penghujungnya. Stadium Shah Alam, Tuan Pengerusi, Kejohanan Bola sepak Remaja Dunia pada tahun 1997 diadakan di sana tapi pada hari ini tengok kemudahannya macam mana? Tadi Yang Berhormat bagi Batu Gajah sebut hoki, tentang bilik

tandasnya dan sebagainya. Jadi saya mintalah pihak kementerian supaya mengkaji sedalam-dalamnya sebelum kita nak serahkan kompleks-kompleks sukan sebagai mengurangkan bebanan kerajaan ini kepada syarikat-syarikat kerana sebagaimana yang telah saya katakan tadi tujuan diwujudkan kompleks-kompleks sukan ini yang pertama adalah untuk menaikkan taraf sukan di negara kita ini.

Jadi saya sekali lagi saya menyeru kepada Majlis Sukan Negara terutamanya atau Kementerian Belia dan Sukan pada keseluruhannya agar melihat perkara ini dengan lebih rasional lagi. Sekian saya menyokong.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Puchong, lepas itu Jasin dan Menteri boleh jawab. Puchong sila.

9.19 mlm.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hanya bahas dua perkara iaitu dalam Maksud P.45 di bawah butiran 00600 iaitu kompleks sukan. Saya nak tahu atau nak tanya pihak kementerian bahawa kompleks sukan rakan muda di Puchong ini dulu nampaknya masa dibina nampaknya pembinaannya berlangsung dengan lancar tetapi sekarang ini saya difahamkan ataupun daripada luar pembinaan ini telah diberhentikan. Saya nak tahu apakah sebab-sebab utama dan kalau betul-betul diberhentikan bilakah kita boleh dapatkan kompleks sukan ini dapat dibina mengikut jadual. Saya juga difahamkan bahawa timbalan menteri kementerian telah melawat kawasan dan telah berjanji kepada orang ramai bahawa kompleks sukan ini akan dibuka dalam bulan Jun atau Julai. Tetapi sudah kita sudah tunggu 3 bulan yang lalu, saya tegas ini sangat penting kerana ini adalah satu stadium Rakan Muda yang satu-satunya mempunyai pelbagai jenis kemudahan untuk bersukan di sana, itu satu perkara yang pertama.

Yang kedua mengenai Program Rakan Muda, saya rasa Program Rakan Muda macam sekarang ini hidup tidak hendak dan mati tidak mahu, kalau dibandingkan dengan program-program yang mula-mula dilancarkan oleh bekas Menteri Belia dan Sukan adakah kerana menteri sekarang ini telah menukarkan fokusnya ataupun memang Program Rakan Muda memberi masalah kepada semua.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Pasir Puteh bangun.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad: Puchong terima kasih, saya hendak sokong sedikit tadi....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat hendak minta penjelasan atau hendak sokong?

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad: Tuan Pengerusi, tidak. Kompleks Rakan Muda ini, saya hendak bertanya apakah perlu dibina setiap kawasan Parlimen, bagi saya perlulah tetapi kenapa setiap kawasan Parlimen belum ada khususnya di Kelantan. Komuniti pun kita perlu tetapi belum ada.

Tuan Lau Yeng Peng: Memang saya...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kenapa tidak tanya menteri?

Tuan Lau Yeng Peng: [Ketawa] Memang saya sokonglah apa cadangannya kepada menteri dan saya harap nanti kementerian akan jawab untuk Pasir Puteh dan juga untuk Puchong. Kerana program Rakan Muda ini tujuannya adalah untuk menyatukan semua tenaga muda, pemuda dan pemudi di sekolah tetapi program di sana macam tidak berjalan dengan apa yang diharapkan dan saya hendak tahu apakah kelemahan-kelemahan sekarang dan juga apakah rancangan-rancangan ataupun langkah-langkah yang tertentu yang akan diambil kementerian untuk *revive*, dengan izin program ini, ataupun kementerian mempunyai rancangan yang lain atau program-program yang lain, itu sahaja. Sekian terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat, Yang Berhormat Jasin dan seterusnya menteri boleh jawab.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Terima kasih Tuan Pengerusi. Masalahnya sama juga dengan rakan-rakan yang lain.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kalau sama tidak payah sebutlah Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Tetapi masalahnya Tuan Pengerusi, kita buang banyak, kita buang duit Rakan Muda, Kompleks Rakan Muda, kompleks sukan dibuat oleh kementerian, bagus tetapi di kawasan saya di Jasin Tuan Pengerusi, tempat tidak ada orang dia buat. *No man's land* dia buat, tempat yang ada orang dia tidak buat, tempat yang tidak ada orang dia buat. Selepas itu dia tidak jaga, serahkan kepada majlis daerah.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, Kementerian hendak bawa pembangunan ke kawasan Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Itulah dia Tuan Pengerusi, tujuannya baik tetapi yang ada hanyalah hantu sahaja Tuan Pengerusi. Penyudah, timbul masalah sosial pada hari ini digunakan oleh penagih-penagih dadah yang duduk dekat dalam kompleks Rakan Muda, hisap dadah.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: [Bangun]

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Ya, sila.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: Terima kasih Tuan Pengerusi dan Jasin. Saya ingin mencadangkan supaya satu bentuk peruntukkan melalui Ahli Parlimen ini diberikan macam Kementerian Pembangunan Wanita agar Ahli Parlimen ini boleh turut mengambil perhatian yang khusus mengenai belia-belia kita, apa pandangan Yang Berhormat?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Dia ada beri RM20, 000, kita pun sudah buat majlis kecergasan, hari ini semua orang cari kita ini, siapa yang hendak pergi bayar ini? Dekat Jasin saya sudah tubuhkan jawatankuasa, perasmian pun sudah, dipanggil Ketua Menteri datang, dan ADUN-ADUN pun kita sudah panggil, jurulatih dipanggil tiap-tiap minggu, ini siapa yang hendak bayar ini? Cakap sahaja Tuan Pengerusi, RM20, 000 kita pun tepuk tangan, Ahli Parlimen dapat RM20,000, hebat pula dekat satu negeri Melaka kepada daerah-daerah yang kita sudah beri peruntukkan RM20, 000, kita pun buatlah punyalah lurus. Sampai hari ini Tuan Pengerusi, saya sudah tiga bulan hendak balik Jasin pun tidak berapa berani. [Ketawa]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat tiap-tiap minggu balikkah.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Jadi Tuan Pengerusi, saya rasa saya haraplah kementerian akan datang, yang penting pada hari ini kita sedang menghadapi sosial anak-anak kita, tidak ada tempat riadah, tidak ada tempat bermain. Tidak payah sebut stadium, tidak payah sebut semua kompleks, yang kita hendak padang bola, *simple* padang bola tiap-tiap kampung, ini yang kita hendak.

Hendak stadium apa semua selepas itu kementerian bukan hendak selenggara, serahkan kepada majlis daerah, pergi Jasin dia serahkan kepada majlis daerah. Hendak buat kejohanan takraw RM350 wakil rakyat juga kena tanggung. Jadi ini masalah Tuan Pengerusi. Buat padang biasa sudah cukup, alhamdulillah. Banyakkan padang, ini boleh menyelesaikan masalah sukan dan masalah riadah yang dihadapi oleh anak muda kita, sila.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad: Saya sokong, Yang Berhormat Jasin. Tuan Pengerusi, saya sebenarnya di Kelantan ini Pantai Timur selalu banjir, kalau banjir tidak ada stadium tertutup kita tidak boleh main, sebab itu padang bola itu perlu juga waktu kemarau. Jadi kalau di Jasin tidak digunakan tadi minta Kementerian Belia pindah ke Pasir Puteh, setuju atau tidak?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Setuju, setuju kerana benda yang ada sekarang ini sudah jadi *white elephant* dekat Jasin. Jadi oleh yang demikian kalau sekiranya kementerian hendak bina lagi jumpalah kita wakil rakyat. Jumpa kita wakil rakyat dan kita tahu masalah di mana-mana, kita tahu di mana. Jadi itulah sahaja. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Setiausaha Parlimen silakan.

9.26 mlm.

Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan [Tuan Sa. Vigneswaran]: Tuan Pengerusi, saya ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam Butiran B.45, Kementerian Belia dan Sukan dan semualah berkenaan dengan Kementerian Belia dan Sukan. *[Ketawa]* Pertamanya Tuan Pengerusi, ini berkenaan dengan Stadium Hoki Sultan Azlan Shah. Untuk makluman Yang Berhormat, stadium itu di bawah bidang kuasa kerajaan tempatan, khususnya Dewan Bandar Raya Ipoh. Walau bagaimanapun, kementerian ataupun menteri akan mengambil maklum kerana seperti mana yang telah diberitahu oleh Yang Berhormat, semua gambar telah diberikan kepada Yang Berhormat Menteri dan sebelum Yang Berhormat dapat maklum balas dari menteri saya berharap Yang Berhormat ini tunggu sebab saya pasti menteri akan beri jawapan kepada Yang Berhormat. Berkenaan dengan projek-projek yang akan dibina iaitu ...

Dato' Wan Adnan bin Wan Mamat: Setiausaha Parlimen.

Tuan Sa. Vigneswaran: Ya, kenapa?

Dato' Wan Adnan bin Wan Mamat: Saya hendak menyokong sahaja. Apa yang berlaku di Parlimen Indera Mahkota, kompleks sukan hoki di Indera Mahkota juga mempunyai masalah yang sama dengan Ipoh, tetapi saya hendak beritahu Setiausaha Parlimen bahawa semua peruntukkan ataupun ganti baik pulih stadium itu telah diselesaikan dengan baiknya. Jadi saya tidak tahu mengapa boleh jadi kawasan itu kawasan pembangkang. Terima kasih kepada setiausaha Parlimen dan kepada kementerian, harap ini boleh selesai.

Seorang Ahli: Barisan Nasional lah!

Dato' Wan Adnan bin Wan Mamat: Barisan Nasional sudah selesai.

Seorang Ahli: Bagi Barisan Nasional.

Tuan Sa. Vigneswaran: Terima kasih Yang Berhormat bagi Indera Mahkota. Tetapi hasrat kerajaan khususnya Kementerian Belia dan Sukan tidak menganaktirikan mana-mana kawasan. Yang Berhormat, untuk makluman Dewan yang mulia ini, ini baru sahaja Batu Gajah ini membuat permohonan kepada Yang Berhormat Menteri. Dalam Kementerian Belia dan Sukan tidak ada peruntukkan untuk semua di bawah bidang kuasa kementerian kerajaan tempatan tetapi macam Yang Berhormat bagi Indera Mahkota telah bincang bila ada permohonan dan permohonan itu dipertimbangkan oleh kementerian sebagai satu pertimbangan yang wajar, Kementerian Belia dan Sukan tetap akan menyokong dan menyelesaikan masalah tersebut. Oleh itu, saya menyeru kepada Yang Berhormat dari Batu Gajah supaya bersabar dan menteri akan mengambil tindakan dan akan beri jawapan kepada Yang Berhormat.

Berkenaan dengan stadium-stadium yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat, di bawah Projek 00600 - Kompleks Stadium, stadium negeri-negeri,

Bayaran kemajuan projek fizikal adalah untuk Kompleks Sukan Tawau RM19,200,000 dan pinjaman bagi Kompleks Sukan Negeri Melaka, iaitu kepada Kerajaan Negeri Melaka RM10,041,000. Ini adalah pinjaman kepada Kerajaan Negeri Melaka kerana Kerajaan Negeri Melaka telah meminta EPU untuk menaikkan siling pembinaan stadium tersebut dari RM90 juta kepada RM100 juta, dan RM10 juta yang diberi melalui Kementerian Belia dan Sukan akan diberi kepada Kerajaan Negeri Melaka.

Tuan Pengerusi mengenai Majlis Kecergasan Kebangsaan, sejauh manakah keberkesananannya? Untuk makluman Yang Berhormat, Majlis Kecergasan telah diluluskan oleh Kabinet pada 8 September 2004 dan telah dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 12 September. Majlis Kecergasan Kebangsaan ataupun NFC diwujudkan dengan kerjasama empat agensi kerajaan iaitu Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Kesihatan, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan serta Jabatan Perpaduan Negara.

Buat masa kini objektif penubuhan NFC adalah bagi memastikan supaya kegiatan kecergasan menjadi wadah utama ke arah melahirkan masyarakat Malaysia yang cergas, sihat dan bersatu padu. Ia juga memastikan setiap lapisan masyarakat di seluruh negara berpeluang melibatkan diri di dalam aktiviti kecergasan, mempertingkatkan dan menaiktarafkan industri kecergasan dengan menyediakan penggerak dan *instructor* yang terlatih. Bagi tahun 2005.....

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Tuan Pengerusi yang ini Setiausaha Parlimen, yang itu kita tahulah kecergasan, hendak sihat, hendak apa. Ini duit ini yang sudah lulus itu macam mana?’

Tuan Sa. Vigneswaran: Yang Berhormat sekejap, sekejap I belum sampai kepada soalan Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Setiausaha Parlimen ringkaskan jawapanlah.

Tuan Sa. Vigneswaran: Oh, ringkas jawapan. Okey. Okey pasal wang? Yang lain tidak ada? [Ketawa] Tuan Pengerusi biar saya habis dahululah. Bagi tahun 2005 Majlis Kecergasan telah mengenal pasti pendekatan untuk melatih 1500 orang *instructors*, kecergasan dalam bidang senam robik dan merangkumi tahap asas hinggalah tahap *training of trainers*.

Berkenaan dengan cadangan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Larut mengenai Sukma dipusatkan, ini cadangan yang baik tetapi saya akan bawa cadangan ini kepada pihak kementerian untuk mendapat maklum balas.

Mengenai Kompleks Rakan Muda yang telah diswastakan dan cadangan Menteri untuk menswastakan kompleks-kompleks serta Kompleks Sukan Negeri. Mengenai penswastakan pengurusan kompleks sukan kajian masih dalam peringkat cadangan, iaitu supaya kompleks-kompleks sukan diuruskan oleh persatuan-persatuan belia. Bagaimana pun kementerian akan memastikan supaya cadangan ini tidak membebankan pengguna sekiranya dilaksanakan kelak.

Untuk makluman Yang Berhormat bagi Larut Kementerian Belia dan Sukan akan menyiasat tarif yang dikenakan sebanyak RM8.00 oleh Kompleks Rakan Muda di negeri Perak ini dan saya akan maklum balas kepada Yang Berhormat. Berkenaan dengan Yang Berhormat Puchong, Kompleks Rakan Muda Puchong ini, Kompleks Rakan Muda Puchong ini ada masalah sedikit dengan kontraktor, so saya akan memberi jawapan yang tepat kepada Yang Berhormat.

Dato’ Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Larut bangun apa pulak tu?

Dato’ Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Minta penjelasan. Saya mengalu-alukanlah kepulangan sahabat saya daripada Batu Pahat dan Tangga Batu, balik selamat daripada Manila. Saya minta daripada Yang Berhormat tolong ajukan juga supaya diselaraskan segala kemudahan kompleks sukan ini. Contoh saya bagi Rakan Muda tadi di Kamunting, stadium bola tidak ada sekarang ini MPT hendak buat, tetapi timbul masalah. Jadi, kenapa tidak dirancang secara menyeluruh supaya semua kemudahan ini dapat disediakan setempat tidak berselerak? Itu yang saya maksudkan ya, minta sedikit pandangan.

Tuan Sa. Vigneswaran: Minta maaf apa yang saya maksudkan ialah semua cadangan supaya dipusatkan bukan sahaja untuk sukan SUKMA, tetapi semua sukan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat akan dibawa kepada pihak kementerian supaya dapat maklum balas. Kepada Yang Berhormat dari Puchong saya akan memberi secara bertulis, kerana pada masa sekarang saya tidak ada tarikh yang tepat bila Kompleks Rakan Muda di Puchong itu akan disediakan. Tetapi saya memberi.....

Tuan Lau Yeng Peng: Terima kasih. Terima kasih atas janji untuk memberikan jawapan bertulis. Apa yang penting sekali ialah kompleks ini merupakan satu-satunya kompleks sukan yang mempunyai pelbagai jenis sukan, so saya harap Yang Berhormat Setiausaha Parlimen boleh memberikan satu jawapan yang *detail* termasuk apa masalah dia, bila boleh siap dan bilakah kita boleh menggunakannya, orang ramai untuk menggunakan stadium itu. Terima kasih.

Tuan Sa. Vigneswaran: Terima kasih Yang Berhormat Puchong. Biar saya bagi jawapan, iaitu saya akan membawa masalah ini kepada kementerian dan besok saya akan bagi jawapan secara bertulis kepada Yang Berhormat mengenai masalah-masalah yang dihadapi di Kompleks Rakan Muda Puchong, serta bila ia akan habis dibina dan bila ia akan dibuka.

Kepada Yang Berhormat Jasin masalah Rakan Muda. Masalah Rakan Muda ini bukan masalah yang besar sekarang, yang pasal wang itu, sekejap ya. Yang pasal Rakan Muda ini, Program Rakan Muda memang kita jalankan sepanjang tahun dan saya tidak mahu memberi jawapan yang sering dibangkitkan oleh kementerian bahawa jumlah peruntukan yang diberikan kepada Program Rakan Muda ini kecil. Tetapi dalam Program Rakan Muda ini kita telah membentuk satu program iaitu Program Rakan Muda/Jiran Muda di mana golongan di antara Tuan Pengerusi.

Pendekatan Program Rakan Muda/Jiran Muda merupakan satu konsep bersepadu dan gabungan tenaga dan sumber antara agensi-agensi melaksanakan aktiviti-aktiviti ataupun program yang bermatlamatkan pembangunan belia. Pendekatan ini bukan sahaja dilihat dapat menjimatkan perbelanjaan, tenaga kerja dan masa tetapi dapat menghasilkan impak yang lebih berkesan bagi pembangunan golongan muda dalam komuniti secara jangka panjang.

Kementerian Belia dan Sukan, Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional telah bersetuju untuk bersama-sama mengambil tanggungjawab dalam melaksanakan aktiviti serta menangani masalah sosial seperti masalah dadah di kalangan remaja berumur 10 hingga 25 tahun melalui peranan dan sokongan komuniti di kawasan rukun tetangga.

Berkenaan dengan RM20,000 yang dibangkitkan, jawapan dia hilanglah, berkenaan dengan RM20,000, untuk makluman Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini peruntukan untuk Parlimen sebanyak RM20,000, iaitu RM14,000 telah disalurkan kepada Jabatan Belia dan Sukan semua daerah dan baki sebanyak RM6,000 ini akan disalurkan kemudian. Tetapi jikalau Yang Berhormat-Yang Berhormat tidak dapat menggunakan melalui Jabatan Belia dan Sukan Daerah, saya memohon kepada Yang Berhormat supaya menulish kepada kementerian supaya masalah ini dapat diatasi. Hasrat Kementerian Belia dan Sukan untuk memberi RM20,000 kepada semua Ahli Yang Berhormat untuk menjalankan acara kecergasan bukanlah untuk membebankan Yang Berhormat, tetapi untuk menolong Yang Berhormat, kalau ada masalah saya mohon kepada Yang Berhormat menulis kepada kementerian supaya masalah ini dapat diatasi. Tuan Pengerusi berkenaan dengan.....

Tuan Bernard S. Maraat @ Ben: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Pensiangan, apa lagi Pensiangan sudah tengah malam ini.

Tuan Bernard S. Maraat @ Ben: Just hendak tambah lagi satu dua perkara. Yang sebenarnya mekanisme yang digunakan, yang dibagikan RM20,000 ini saya rasa perlu dikaji semula. Inilah masalah yang kita hadapi sebenarnya di semua Parlimen, jadi saya minta kementerian supaya membuat satu kajian yang terperinci dan membuat satu mekanisme yang betul-betul jitu. Terima kasih.

Tuan. Sa. Vigneswaran: Terima kasih Yang Berhormat bagi Pensiangan. Memang betul, saya mengakui bahawa ada kelemahan dalam sistem pengagihan RM 20 ribu itu kerana *intension* ataupun apa yang menteri tidak dapat dijalankan di Jabatan Belia, di daerah. So, oleh kerana itu masalah ada yang cakap wang yang disalurkan dari Kementerian Belia dan Sukan kepada Jabatan Daerah, itu wang jabatan. So, Ahli-ahli Parlimen ini tidak berhak untuk memberi cadangan supaya digunakan di tempat yang dijalankan oleh Yang Berhormat. Kita memang faham masalah yang dihadapi oleh Yang Berhormat. Sebab itulah kalau ada masalah saya mohon kepada Yang Berhormat supaya tulis dan mekanisme itu akan dikaji supaya pada tahun yang akan datang, masa-masa yang akan datang, perkara yang sebegini, tidak akan berulang lagi.

Berkenaan dengan Kompleks Komuniti Tuan Pengerusi, pembinaan Kompleks Sukan Komuniti telah dirancang pembinaannya di setiap DUN dan perancangan itu memang ada dan pembinaan akan dibuat secara berkala, fasa. Dijangka akan dibina sepenuhnya dalam Rancangan Malaysia ke-6 iaitu 2006 hingga 2010. buat masa ini 30 Kompleks Komuniti telah dibina di seluruh negara di mana ia diberi keutamaan kepada ahli-ahli Kabinet. Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih kepada semua ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian, sekian terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM22,293,000 untuk Maksud B.45 di bawah Kementerian Belia dan Sukan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM22,293,000 untuk Maksud B.45 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM210,041,000 untuk Maksud P.45 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama bagi tahun 2005 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM210,041,000 untuk Maksud P.45 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.1) 2005.

Maksud B.46 [Jadual] -

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Jasin.

9.42 mlm.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Ini berkenaan dengan Kementerian Sumber Manusia. Saya tengok akhir-akhir ini, Kementerian Sumber Manusia macam mana saya sebut masa dalam kita membahaskan agensi pekerja swasta itu, hari ini Tuan Pengerusi, lebih kurang apa yang saya cakap dahulu harimau tidak ada gigi dan jadi kenyataan.

Di Kementerian Dalam Negeri sekarang telah ada cara baru untuk mengambil orang asing, *out sourcing* yang mana diberi pada syarikat-syarikat satu kuota 1,000 orang, 2,000 orang termasuk sampai 5,000 orang dan orang ini sekarang mengambil pekerja ini lepas itu dia menguruskan hantar ke kilang-kilang. Apabila ada syarikat yang memohon untuk kuota *out sourcing* ini, kalau gunakan satu lesen JPR Yang Berhormat Menteri, masuk sahaja, dia tolak. Sebut sahaja agensi yang berlesen, dia tolak.

Dia beri pada syarikat-syarikat yang tidak ada lesen. Walhal perkara ini adalah urusan manusia. Pekerja-pekerja asing yang dibawa hendak diurus hendak diadakan asrama supaya orang itu dapat duduk dan kita hantar ke kilang-kilang. Yang menyedihkan Tuan Pengerusi, sistem *out sourcing* ini hari ini gaji dibayar kepada *company* ini bukan *direct* kepada pekerja.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Cameron Highlands bangun. Tetapi Yang Berhormat kena bincang fasal graduan.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Itu yang saya hendak tanya. Sini kita sedang bahas mengenai Skim Latihan graduan. So, Yang Berhormat bagi Jasin apakah ini berkaitan dengan yang disebutkan tadi.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Ini B.46 Tuan Pengerusi, ini fasal Kementerian Sumber Manusia itu sekali harung, termasuk graduan. Tetapi, oleh kerana dia sekarang harimau tidak ada gigi Tuan Pengerusi, harimau tidak ada gigi ini kita kena betulkan balik gigi dia. Kalau Skim Graduan ke apa semua, kalau harimau tidak ada gigi, apa ada makna lagi. Apa makna lagi? Apa makna harimau kalau tidak ada gigi? Jadi menteri ada, kita hendak tengok dia punya gigi, macam mana dia punya gigi. Ini Kementerian Dalam Negeri ini, dengan dia punya itu, sebut sahaja apa permohonan, permohonan daripada agensi, *out*. Ini macam mana ini? Negara hendak jadi negara apa ini?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, sudah Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Terima kasih Tuan Pengerusi, lepas geram aku..

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Larut.

9.45 mlm.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Maksud B.46 Kementerian Sumber Manusia ini, iaitu saya hendak menarik perhatian berhubung dengan Skim Latihan Graduan.

Yang Berhormat Menteri terima kasihlah kerana sanggup tunggu sampai malam. Saya bukan hendak mengata Yang Berhormat atau hendak menegur kementerian, cuma sekadar kita mengingatkan kita sama kita, sebelum Pembangkang bangkit. Saya hendak mengambil perhatian tentang Skim Latihan ini supaya dapat meningkatkan lagi ilmu dan kemahiran kepada para pekerja lepasan-lepasan universiti. Kerana kita tahu hari ini, bilangan graduan daripada lepasan universiti atau IPT ini begitu ramai yang masih lagi belum dapat kita selesaikan walaupun sudah berkali-kali di Dewan ini kita bercakap dan pelbagai alasan cadangan yang telah dibuat.

Saya melihat kepada syarat-syarat untuk mempertingkatkan lagi skim ini akan lebih ketat, terlalu ketat, agak ketat dan elannya pula terlalu kecil RM300 lebih, mana cukup? Itu menyebabkan skim berkenaan kurang mendapat sambutan daripada graduan-graduan yang berkenaan. Saya mohonlah kepada Yang Berhormat Menteri, agar syarat-syarat berkenaan dapat dipermudahkan lagi dan kita perketatkan lagi, ada yang boleh kita perketatkan, ada yang boleh kita permudahkan agar beri peluang kepada siswazah-siswazah tahun 2001 ini tidak kepada siswazah tahun 2001 ke atas sahaja dan elaan pula dipertingkatkan. Bagilah kepada RM500 ke atas, seribu bagi, apa salahnya. Supaya mereka dapat sama-sama melihat kesungguhan kerajaan. Daripada waktu yang sama, mereka tidak nampak yang kita tidak mengambil berat dengan masalah yang sedang kita hadapi pada masa ini, bagi. Oleh itu saya melihat kepada senarai penyediaan latihan, setiap negeri diberi kepada hanya orang tertentu dan beberapa syarikat yang telah dikenal pasti. Walaupun ada juga syarikat-syarikat daripada kalangan bumiputera.

Saya berharap sangatlah kepada Yang Berhormat menteri supaya keadaan ini dapat diberi keadilan supaya masalah pengangguran di kalangan graduan ini dapat betul-betul kita atasi dan ia tidak akhirnya dilihat sebagai satu keadaan yang negatif.

Tuan Pengerusi, saya sebenarnya hendak bercakap panjang, tetapi oleh kerana Yang Berhormat bagi Sri Gading tidak sabar, sebab saya belum habis lagi, nanti kejap belum lagi. Sedikit lagi, penghujung.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Sudahlah.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Belum.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: [Bangun]

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang lain duduk dahulu.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Saya mohonlah kepada pihak Yang Berhormat menteri supaya dapat benar-benar melihat dan menjadikan apa yang telah kita sarankan ini sebagai satu ketulusan supaya kita mahukan di kalangan graduan yang kebanyakan adalah merupakan belia dan remaja kita ini, mendapat peluang sama adil...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat Larut.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: ... dalam nikmat yang kita kecapi di negara kita ini. sekian Tuan Pengerusi, saya ucapkan terima kasih, dipanjangkan umur, dimurahkan rezeki.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Sri Gading, lepas itu Yang Berhormat bagi Sabak Bernam.

9.49 mlm.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya pucuk dicinta ulam mendatang. Menteri ada, Timbalan Menteri ada, agaknya Pegawai kementerian pun ada, tolong jawab kemusykilan berkenaan SLS - Skim Latihan Siswazah ini menjadi buah mulut yang boleh dikatakan rasa tidak puas hati, terutama orang Melayu. Saya hendak tanya menteri, apa kaedah yang dipakai oleh kementerian dalam memilih pengendali SLS? SLS - Skim Latihan Siswazah. Apa kaedah untuk memilih pengendali-pengendali?

Ada pilih kasih, ada main wayang, ada kongkalikung, kongkalikung. Tidak tahulah, siapa faham, fahamlah, siapa tidak faham, sudah. Tidak faham? Apa syarat-

syarat untuk menjadi pengendali *[Disampuk]* kerana ini duit. Jadi pengendali ini duit. Saya bimbang ada pihak-pihak tertentu dalam kementerian, ini duit, syarat-syarat tertentu, kerana kadang-kadang hendak jadi pengendali ini masa yang diberi terlalu singkat, seolah-olah macam ada satu pakatan untuk orang-orang tertentu, pihak-pihak tertentu dapat, kerana singkat sangat. *[Disampuk]*

Maknanya, kalau Mambong nak masuk tak sempatlah.

Dr. James Dawos Mamit: *[Bangun]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Jangan dulu, biar aku habis dulu. Tempoh mendaftar itu terlalu singkat, Tuan Pengerusi. Seolah-olah ada wayang main, kerana ni duit. Ini menyebabkan ramai usahawan yang berminat tidak dapat memohon untuk menjadi pengendali, terutama orang Melayu. Seakan-akan ada pilih kasih yang diatur lebih awal. Saya hendak bertanya berapa pengimbangan antara pengendali bumiputera yang diberi peluang dengan bukan bumiputera? Apakah Kementerian Sumber Manusia ada keadilan dalam segi ini? Satu.

Kemudian, ilmu pengetahuan dan kemahiran yang disediakan dalam pusat ini, apakah *standard*nya boleh dikatakan masuk dalam pasaran pekerjaan hari ini dan hari akan datang? Ini RM100 juta minta tambahan, ini duit saya, Tuan Pengerusi, duit Tuan Pengerusi, duit rakyat semua, jangan main-main orang kementerian suka-suka sahaja. Bagi elaun RM350. RM350 hendak jadi apa? Bagi tiap-tiap pelatih ini sekurang-kurangnya RM500. Hah! Jalan Mambong.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Gulung, Yang Berhormat

Dr. James Dawos Mamit: Terima kasih, rakan saya dari Sri Gading. Kebetulan pada hari Isnin, sebelum saya datang ke sini, saya lihat graduan-graduan di Kuching yang mendaftarkan dengan syarikat yang mengendali SLS ini. Saya bertanya berapa orang yang telah mendaftar sejak minggu lepas. Mereka mengatakan hanya lima belas sahaja, kenapa di Kuching yang berpuluh-puluh, beribu-ribu graduan hanya lima belas yang datang mendaftar Sri Gading?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Dia ada network, satu hendak jadi pelatih, hendak turut serta dalam pusat ini. Satu lagi yang saya pertikaikan, hendak jadi pengusaha, mengendalikan pusat ini, mengendalikan pusat ini ada duit. Saya hendak tanya Menteri, berapa duit yang dia beri kepada tiap-tiap pengendali? Jangan main perkauman, ada orang Melayu merasa, mentang-mentang Menteri Cina, orang Melayu tidak ada peluang. Saya luahkan di Parlimen ini, jangan main-main perkauman dalam kementerian ini. Timbalan Menteri Melayu ini jadi apa? Minta maaf, Tuan Pengerusi, saya Ahli Parlimen saya boleh cakap, dedahkan perkara ini.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Hendak bagi jalan kepada Tangga Batu.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Okey. Tangga Baru baru balik ni, jemput.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Terima kasih, ayahanda Sri Gading. Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya hendak balik kepada elaun siswazah, Skim Latihan Siswazah. Saya ingat lagi Yang Berhormat Sri Gading, saya balik tahun 89, masa itu RM500, sekarang turun RM350, jadi apa agaknya asas-asas yang digunakan oleh kementerian dalam menentukan elaun ini, itu yang saya tidak masuk akallah?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Malu, aku tak nak jawab. *[Ketawa]* Saya bukan Menteri lah, itu RM350 memang tak cukup.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Gulung, Yang terhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Saya hendak minta kementerian tolong selesaikan masalah tak puas hati ini, tolong adil kepada semua kaum. Jangan suka-suka hati. Mentang-mentang beberapa orang yang bukan Melayu dalam kementerian, memandang rendah kepada orang Melayu, jangan sekali-kali main perkauman. Sekian, terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Bagi Sabak Bernam, lepas itu Bandar Kuching, lepas itu menteri menjawab.

9.55 mlm.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih menteri dan timbalan menteri. Saya hendak tanya setakat manakah Skim Latihan Graduan ataupun siswazah ini berkesan dari segi bilangannya. Ada atau tidak satu bentuk *match matching* dibuat sebelum latihan itu dilaksanakan supaya apabila mereka tamat saja latihan, maka dengan serta-merta setelah latihan mendapat pekerja? Itu satu.

Yang kedua, graduan ini sebenarnya banyak jenis. Mereka daripada golongan miskin, sederhana dan seumpamanya. Ada atau tidak satu kriteria, keutamaan diberikan supaya anak-anak miskin luar bandar ini diberi keutamaan, supaya mereka dapat membantu emak bapa mereka? Dan, yang akhir sekali, kita difahamkan PSMB ataupun Pembangunan Sumber Manusia Berhad mengambil peranan membuat *tracing study*. Saya ingin tahu, setakat manakah sebenarnya bilangan graduan yang menganggur ini mengikut tahun, kalau boleh dalam lima tahun kebelakangan. Boleh atau tidak Ahli-ahli Parlimen ini dikongsikan maklumat berdasarkan kepada sekurang-kurangnya daerah di mana kawasan Parlimen berada. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Bandar Kuching, kemudian Menteri menjawab.

Tuan Chong Chieng Jen: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya ada sedikit hairan kenapa para graduan masih menganggur setelah melalui pendidikan rendah, menengah dan universiti. Adakah kerana mereka tidak sudi bekerja kerana – adakah kementerian telah menjalankan tinjauan yang mendalam, mungkin ia adalah kerana keadaan pasaran, *employment market* yang tidak sesuai dan khususnya di Sarawak di mana sehingga sekarang *Sarawak Labour Ordinance* yang memberi perlindungan terhadap kebajikan asas pekerja, walaupun *Sarawak Labour Ordinance* telah diluluskan dalam Dewan Rakyat dan Dewan Negara tetapi satu tahun sudah belum dikuatkuasakan. Saya masih ingat semasa *Sarawak Labour Ordinance* dibentangkan, menteri sendiri ada katakana, saya petik, “*Undang-undang ini bukan retrospective tetapi kita akan menguatkuasakan sebaik sahaja ia diwartakan.*” Ia diwartakan dalam Februari 2005, kenapa masih tidak dikuatkuasakan? Pada sesi lalu, 27 Jun, Timbalan Menteri juga ada kata, saya petik daripada *Hansard*, “*Saya ingin menegaskan bahawa kita memberi jaminan bahawa Rang undang-undang Ordinance Buruh Sabah dan juga Sarawak, ini akan dilaksanakan tidak lewat dari Oktober 2005.*” Sekarang sudah 28 September. Dua hari lagi. Kenapa itu tidak dikuatkuasakan?

Adakah kerana itu Malaysian Employer Federation yang cuba sabotaj ini kerana ini mengenai kebajikan pekerja-pekerja di Sarawak. Kita sudah tunggu lama, 20 tahun sudah. Jika dibandingkan dengan Employment Act di Semenanjung ini, Employment Act dikuatkuasakan dalam tahun 1957. Manakala *Sarawak Labour Ordinance* yang memberikan perlindungan terhadap kebajikan asas kepada pekerja-pekerja di Sarawak. Kenapa menunggu begitu lama selepas ia diluluskan di Dewan ini, kita mahu tunggu berapa lama lagi?

Adakah janji yang dibuat oleh menteri dan timbalan menteri dalam Dewan ini dapat disia-siakan, *totally ignore*, kerana ada satu pertubuhan Malaysian Employer Federation yang katakana ada perbezaan antara threshold salary money salary level.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Gulung Yang Berhormat.

Tuan Chong Chieng Jen: Ya, oleh itu, saya ingin menyeru kementerian, kementerian masih ada dua hari lagi – dalam dua hari ini menguatkuasakan *Sarawak Level Ordinance* itu dan saya percaya bahawa semua Ahli Parlimen dari Sarawak akan sokong seruan saya ini dan lagipun dari Sabah, semua Ahli Parlimen Sabah juga akan sokong kan seruan saya ini. Ada dua hari lagi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup Yang Berhormat.

Tuan Chong Chieng Jen: Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Tangga Batu, dua minit Yang Berhormat bagi Tangga Batu.

10.00 mlm.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Perdana Menteri memberikan penekanan kepada Pembangunan Modal

Insan. Kementerian Sumber Tenaga Manusia tidak boleh tidak adalah pemain utama di dalam memastikan hasrat Perdana Menteri ini dicapai sebelum Malaysia menjadi negara maju pada 2020.

Hari ini, Tuan Pengerusi, ini sahaja satu saya hendak tanya, Program MLVK adalah satu program yang begitu cantik, begitu komprehensif *designed* untuk membina modal insan ini. Apa berlaku sekarang Yang Berhormat Menteri? Saya hendak tahu kenapa sehingga hari ini banyak pengusaha MLVK ini di kalangan etnik tertentu yang tutup, gulung tikar, tidak ada langsung inisiatif untuk membangunkan mereka semula bagi melahirkan belia-belia, pemuda-pemuda, siswazah-siswazah yang berkemampuan untuk mengisi negara maju di masa hadapan. Ini kita hendak tahu. Apa sikap kementerian kepada program ini? Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ok, Yang Berhormat Menteri sila jawab.

10.02 mlm.

Menteri Sumber Manusia [Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Tadi Berhormat Yang Berhormat bagi Jasin telah membangkitkan isu-isu berkaitan dengan kemasukan pekerja asing dan juga *outsourcing* pengambilan pekerja asing ini. Sebenarnya pendirian Kementerian Sumber Manusia ialah pekerja-pekerja tempatan mesti diberi keutamaan sebelum kita izin dia mengambil pekerja asing dan sekarang ini kita adakan satu sistem pengambilan pekerja asing yang baru di mana sebelum sebuah syarikat diizinkan mengambil pekerja asing, dia mesti salurkan kekosongan syarikat tersebut di *ELX* atau *Electronic Labour Exchange* – pameran sehingga sekurang-kurangnya satu bulan, selepas satu bulan kalau tidak ada pencari-pencari kerja tempatan yang ingin mengisi kekosongan tersebut, barulah syarikat tersebut diizinkan menggunakan pekerja asing.

Dari segi fungsinya memang adalah tanggungjawab Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dari segi pengambilan pekerja asing. Kuasa Kementerian Sumber Manusia ialah untuk menjaga dari segi syarat-syarat pekerjaan mereka apabila mereka bekerja di negara kita sebagai seorang pekerja sama ada pekerja asing atau pekerja tempatan.

Ahli Yang Berhormat bagi Larut telah bangkitkan masalah berkaitan dengan SLG ini iaitu syarat-syarat tegar, terlalu tegar dan juga.....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Menteri.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: *[Mengetuk pembesar suara]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tidak payah ketuk, Yang Berhormat, saya nampak. Yang Berhormat bagi Jasin.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Terima kasih Yang Berhormat Menteri atas jawapan. Sedarkah Yang Berhormat Menteri bahawa *outsourcing* ini, syarikat-syarikat ini sudah pergi kempen ke kilang-kilang, kalah, dia punya kempen itu lebih dahsyat daripada jabatan kerajaan. Dia boleh *guarantee* kilang boleh mendapat pekerja asing bagaimana yang dipohon dan dia tidak ada lesen. Siapa hendak kawal dia? *[Disampuk]* Dan yang lebih menyedihkan, Datuk Menteri, kalau saya bagi Datuk Menteri dia punya pamflet, lembaga pengarahnya, tidak payah saya sebut nama, mungkin kalau saya sebut nama Menteri pun kenal, Raja Bot. Siapa dia? Orang kanan KSM dulu bagi Kementerian Sumber Manusia. Kerjasama dia antara pegawai Kementerian Sumber Manusia yang dah pencen dengan Pengarah Imigresen yang pencen, *outsourcing* sedang berjalan di seluruh negara.

Bagaimana Yang Berhormat Menteri kata hendak kena masuk dalam itulah, hendak cari penempatan. Hari ini dekat Merlimau, kita berjiran Yang Berhormat Menteri, kita berjiran. Merlimau sekarang dah jadi bandar Nepal, *[Ketawa]* pekerja-pekerja dekat Jasin ada yang sudah menganggur, pergi minta kilang tidak ada kosong tetapi pekerja asing masuk. *[Disampuk]* Merlimau dah jadi bandar Nepal hari ini. Kementerian Sumber Manusia sedar atau tidak ataupun pegawai Yang Berhormat tidur di Melaka?

Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn: Terima kasihlah Ahli yang Berhormat bagi Jasin. Memang syarat utama yang diletakkan oleh Kementerian Sumber Manusia ialah sebelum dia boleh isi, sebelum boleh menggunakan pekerja asing dia bagi keutamaan

kepada pekerja-pekerja tempatan, kalau Ahli Yang Berhormat boleh bagi saya bukti-bukti berkaitan dengan pengambilan secara itu dan syarikat tersebut tidak memberi keutamaan kepada pekerja tempatan, saya akan ambil tindakan untuk *blacklist*kan syarikat-syarikat tersebut supaya dia tidak boleh lagi menggunakan tenaga pekerja asing. Ahli Yang Berhormat bagi Larut bangkitkan berkaitan dengan syarat-syarat yang dinyatakan dan juga....

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tangga Batu.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Menteri, saya kira apa yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Jasin tadi sudah cukup untuk pegawai-pegawai turun dan siasat. Ini seolah-olah menuding jari balik. *The ball is now in our court so* saya mintalah supaya Yang Berhormat Menteri dan kementerian lebih proaktif. Yang Berhormat bagi Jasin dah bangkitkan isu ini dan terus turun jentera siasat, ambil tindakan. Apa perlu lagi bukti dan sebagainya? Terima kasih Tuan Pengerusi.

Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn: Memang kalau ada keadaan seperti yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Jasin ini, kita akan ambil tindakan supaya syarikat tersebut dapat *diblacklist*kan. Selain dari itu berkaitan kalau syarikat outsourcing itu tidak ada lesen, tidak ada izin dari kerajaan, memang kita juga boleh ambil tindakan. Saya harap Ahli Yang Berhormat bagi Jasin boleh bagi saya butir-butir.....

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Untuk makluman Yang Berhormat, setakat hari ini sudah lima lesen outsourcing sudah keluar dan tiap yang lima ini, satu pun tidak ada lesen JTR. Bila datang memohon ada lesen JTR, *out you go*. Ini sedang berlaku, Yang Berhormat.

Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn: Terima kasihlah. Saya ambil perhatian dan akan bangkitkan perkara tersebut kepada Kementerian Dalam Negeri supaya dia boleh selaraskan dan juga boleh ambil kira pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat supaya kita tidak terlalu sangat menggunakan pekerja-pekerja asing. Sebenarnya kita mestilah bagi keutamaan kepada pekerja tempatan. Ini sudah jadi misi kerajaan dan juga misi Kementerian Sumber Manusia dan dalam konteks ini saya janji saya akan siasat bahawa tidak ada penyelewengan dalam aspek ini.

Berkaitan dengan syarat-syarat dan juga elaun yang rendah, sebenarnya tujuan Skim Latihan Semula untuk graduan-graduan yang menganggur ini ialah sebagai satu cara kerajaan bantu mereka mencari kerja selepas tiga, empat tahun di universiti. Kerajaan sanggup membayar yuran latihan tersebut dan kita harapkan sekurang-kurangnya empat tahun di universiti, dia juga mempunyai sedikit semangat untuk tolong diri mereka sendiri dari segi lengkapkan lagi diri mereka sendiri untuk menceburkan diri di alam pekerjaan. Jangan terlalu bergantung pada kerajaan selepas empat tahun di universiti ini.

Kita semua faham apabila kita belajar di luar negara ini, dulu kita kerja secara *part time* di restoran, secara *part time* di hotel untuk membantu diri kita sendiri dan pengalaman tersebut amat membantu kita selepas kita muncul dalam proses *interview* dan sebagainya. Ini adalah semangat yang kita hendak kukuhkan di kalangan siswazah ini supaya mereka boleh tolong diri mereka sedikit. Kerajaan tolong, mereka juga tolong diri mereka sedikit dan dengan itu boleh lengkapkan diri mereka supaya mereka boleh benar-benar muncul sebagai seorang pekerja, sebagai seorang pengurus yang amat dihormati oleh majikan.

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Ketereh, silakan.

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: Terima kasih Datuk Menteri. RM350 ini dalam ukuran garis kemiskinan di bawah paras kemiskinan tegar Yang Berhormat. *RM350 is below poverty level. RM350 is below poverty level. I think you have to consider this, thank you.*

Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn: Dalam konteks ini memang saya faham, RM350 ini, tetapi saya ingin merayu kepada Ahli Yang Berhormat faham tentang

falsafah konsep skim SLG, kita hendak tolong mereka lengkapkan diri mereka untuk mencari kerja, takkan mereka tidak boleh tolong diri mereka sendiri?

Bolehkah pada hari Sabtu dan Ahad cari sikit kerja di Mc Donald atau di mana, tolong mereka sedikit, untuk melengkapkan semangat berdikari ini. Ini adalah fungsi ini. Kerajaan dulu boleh bagi RM500, tetapi ada sedikit pandangan bahawa ramai daripada mereka ini mencabuli skim ini seolah-olahnya bertujuan untuk mendapat RM500 sahaja sebulan. Kita tidak mahu. Kita tidak mahu sikap tersebut. Kita mahu siswazah yang sanggup bantu mereka sendiri, dan kerajaan juga bantu untuk menolong mereka melengkapkan dia untuk mencari kerja. Itu sahaja.

Namun demikian, kalau ada pandangan-pandangan Ahli Yang Berhormat, kita memang akan mengkaji semula. Naikkan elaun itu senang sahaja, tetapi apa yang penting kita mahu dirikan sikap di kalangan siswazah dari segi masalah mencari kerja supaya mereka boleh menjadi seorang yang berdikari. Mereka ingin korbakan sedikit untuk korbakan diri mereka dan akhirnya dia akan muncul sebagai seorang pekerja berpengetahuan yang dihormati oleh majikan. Inilah tujuannya yang kita memang sudah bercang panjang lebar dalam Kabinet tentang falsafah skop SLG ini.

Berkaitan dengan pusat-pusat latihan, sebenarnya kita telah secara umum menyuarakan syarat-syarat yang kita hendak. Syarat-syarat utama mereka mesti mempunyai tenaga pengajar kemudahan yang lengkap dan apa yang lebih penting, pusat latihan tersebut mesti, bukan janjilah, mesti boleh menolong pelatih tersebut mencari kerja sebelum tempoh tamat latihan tersebut. Kita wajibkan setiap pusat latihan itu dalam tempoh 6 bulan dia mesti cari untuk setiap pelatih itu satu *attachment* dengan syarikat-syarikat sekurang-kurangnya *attachment* untuk 2 atau 3 bulan supaya di akhir tamat kursus, dia boleh muncul sebagai seorang para pekerja.

Syarat ini adalah penting. Pusat latihan ini mesti janji dia boleh dapat tempat *attachment* dengan syarikat. Jadi perhubungan pusat latihan ini dengan majikan adalah amat penting. Dalam konteks ini, kita tidak mahu pengalaman dulu ini di mana pusat-pusat tertentu ditutup sebelum berakhirnya latihan dan yang menjadi mangsa ialah siswazah ini atau pusat latihan tersebut tidak menolong pelatih-pelatih mencari kerja dan akhirnya selepas dia tamat latihan tidak ada kerja lagi.

Dari segi peratusan ini, sebenarnya, kita masih menerima permohonan dari pusat-pusat latihan untuk diiktiraf dan didaftar supaya mereka boleh kendalikan kursus-kursus di bawah SLG. Sekarang kita telah luluskan sebanyak 148 buah pusat latihan. Daripada Bumiputera 57 atau 38.5%, bukan Bumiputera 85 atau 57.4%, dan yang lain-lain iaitu persatuan majikan atau dari segi pihak kerajaan atau separuh kerajaan 6 buah. Jadi pecahan ini adalah mengikut keperluan mereka untuk menjanji atau untuk menolong pelatih-pelatih ini mencari kerja sebelum mereka tamat latihan. Ini adalah penting. Kerana kita mahu tentukan semua yang kita bagi bantuan di bawah skim SLG ini boleh dapat kerja. Dulu di fasa kedua lebih kurang 74% graduan yang tamat latihan dapat pekerjaan. Hari ini, di bawah skim ini kita harap boleh dapat hampir 100% kerana ini adalah tujuan skim ini, mereka mesti dapat kerja. Berkaitan dengan Ahli Yang Berhormat bagi Sabak Bernam juga..

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Yang Berhormat Datuk, berapa wang diberi kepada pusat yang mengendali latihan ini, berapa? Macam mana kaedah memberikan peruntukan daripada kementerian kepada pusat-pusat ini. Macam mana?

Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn: Bagus ini, soalan Ahli Yang Berhormat. Kita sudah menyatakan satu syarat yang adil. Untuk setiap pusat yang kita luluskan, tidak ada kuota. Semaksimumnya dua kelas untuk satu kursus. Setiap pusat maksimum dua kelas. Jadi, tidak akan jadi satu keadaan di mana satu pusat ambil semua. Kita sudah salurkan kalau kita diluluskan setiap kursus maksimum, dua kelas. Maksimum dua kelas. Jadi ini untuk menentukan bahawa lebih banyak pusat-pusat latihan boleh dapat.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat Tangga Batu. Yang Berhormat, nak bagi jalan kepada Yang Berhormat Batu?

Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn: Okey.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Saya inginkan penjelasan tentang peratusan pusat-pusat latihan tadi, bukan bumiputera itu, 85%?

Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn: 85 buah.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: 85% yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri tadi. Yang Berhormat Menteri sebut 85%. Jadi saya perlukan penjelasan. 85% itu tidak membayangkan apakah

Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn: Bukan, bukan bumiputera 57%.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: 57%? Tapi Yang Berhormat Menteri

Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn: 85 buah.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: 85 buah?

Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn: Ya.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Tapi tadi Yang Berhormat Menteri sebut 85%?

Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn: Terima kasih.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Okey. Terima kasih.

Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn: Ahli Berhormat bagi Sabak Bernam hendak bangkitkan tentang masalah berkaitan dengan *matching* atau kawasan-kawasan di mana tidak ada banyak graduan-graduan yang suka mencari kerja. Baru-baru ini, sekarang ini dalam minggu ini, MTEN dengan kerjasama Kementerian Sumber Manusia dan *Service Department* dengan izin sudah menjalankan satu *sensors* atau satu pendaftaran untuk semua siswazah yang menghadapi masalah dari segi mendapat kerja.

Kita harap selepas *sensors* ini dihabiskan, kita akan dapat satu gambaran yang lebih sempurna berkaitan dengan masalah yang dihadapi oleh siswazah dari segi mencari kerja. Dari itu kita boleh mengadakan pengubahsuaian berkaitan dengan semua program yang telah dilaksanakan untuk memenuhi keperluan mereka. Ahli Berhormat bagi Bandar Kuching telah bangkitkan berkaitan dengan *Labour Ordinance* ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Sabak Bernam bangun, Yang Berhormat.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya bertanyakan tadi setakat manakah keberkesanan program atau skim SLG ini. Daripada yang diberi latihan itu, berapa peratuskah yang telah mendapat pekerjaan? Adakah sepenuhnya mendapat pekerjaan? Satu.

Yang keduanya, saya juga bertanya ada atau tidak priority kepada siswazah menganggur daripada golongan miskin ini diberi keutamaan kerana mereka nanti akan dapat membantu ibu bapa mereka dan yang ketiga, saya minta supaya dapat data dan statistik ini dapat dikongsi oleh Ahli Parlimen mengikut kawasannya. Terima kasih.

Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn: Terima kasih. Dari segi keberkesanan, di bawah skim SLG fasa ke dua ini, didapati bahawa lebih kurang 74% pelatih yang tamat kursus ini dapat kerja dan tujuan skim baru ini ialah kita harap boleh mencapai 100% di setiap graduan kita beri bantuan dalam tempoh 6 bulan mereka boleh dapat kerja sesuai dengan kelayakan. Memang kita akan terus memberi perhatian kepada graduan daripada keluarga yang miskin. Dalam konteks ini, kita akan secara automatiklah luluskan mereka tanpa apa soalan kalau mereka mendaftar.

Ahli Yang Berhormat bagi Bandar Kuching telah membangkitkan berkaitan dengan *Labour Ordinance*. Saya telah umumkan hari ini bahawa *Labour Ordinance* tersebut akan dikuatkuasakan mulai 1 Oktober tahun ini, dalam 2 -3 hari ini.

Ahli Yang Berhormat bagi Tangga Batu telah bangkitkan masalah berkaitan dengan pusat-pusat yang didaftar di bawah MLVK kenapa kebanyakan mereka hadapi masalah. Sebenarnya kita dapati bahawa ada sekumpulan pusat-pusat bertauliah di bawah MLVK ini mereka tidak ada rancangan-rancangan yang boleh dikatakan sebagai mengikut keperluan pasaran. Dahulu mereka bergantung sangat kepada tabung atau pinjaman dari kerajaan. Sekarang ini oleh kerana ada juga banyak pusat IPTS yang lain, yang juga boleh tawarkan kursus-kursus yang sama, jadi dari segi persaingan mereka hadapi masalah sedikit.

Namun demikian, kita akan terus memberi bantuan dan pertolongan kepada pusat-pusat tersebut supaya mereka boleh kendalikan kursus-kursus kemahiran yang amat diperlukan, khususnya penduduk-penduduk di luar bandar dan dengan itu bolehlah tolong mereka. Saya juga akan memberi keutamaan kepada mereka dari segi tabung supaya kita boleh salurkan lebih sedikit tabung kepada pelajar-pelajar serta kursus. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM100,000,000 untuk Maksud B.46 di bawah Kementerian Sumber Manusia jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak RM100,000,000 untuk Maksud B.46 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Maksud B.49 [Jadual] -

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kepala Bekalan B.49 di bawah Kementerian Pengajian Tinggi terbuka untuk dibahas. Ya Kepong. Selepas ini Menteri menjawab.

10.22 mlm.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Pengerusi, tambahan sebanyak.....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya Kepong, teruskan Kepong. Jangan ambil nafas panjang sangat.

Dr. Tan Seng Giaw: Ya, ya. Tidak panjang sangatlah. Ini penting ini. Tambahan sebanyak lebih RM131 juta untuk Fakulti Perubatan bagi menampung penambahan bilangan pelajar perubatan. Tuan Pengerusi, ini satu perkara yang penting. Saya nampak pihak *Malaysia Medical Council* (MMC) dan juga Lembaga Akreditasi Negara dan Kementerian Pengajian Tinggi tidak begitu prihatin mengenai standard perubatan di negara ini. Di fakulti-fakulti seperti MU, ia ambil bilangan pelajar dengan begitu banyak. Bila sekarang saya ingat ada lebih 120 sudah. Kalau berbanding dengan masa dulu yang, Tuan Pengerusi, bila *batch* yang pertama dah. Yang ketiga, dahulu dia standard yang *result* tinggi. Sekarang tidak adalah.

Beberapa Ahli: [Menyampuk]

Dr. Tan Seng Giaw: Saya tahu waktu itu diiktiraf oleh *British Medical Council* (BMC). Sekarang tidak, tidak langsung.

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: [Menyampuk]

Dr. Tan Seng Giaw: Ketereh diam sedikit. Saya hendak buat satu cadangan ya dengan pendahuluan atau reformasi untuk pelajaran atau pendidikan perubatan. Dari segi kurikulum, dari segi pengambilan pelajar, dari segi keperluan (*requirement*) untuk sesuatu pelajar sebelum dia tamat dengan Sarjana Muda. Kemudian, selepas Sarjana Muda mesti kita ada sistem untuk Master, untuk M.D, *Doctorate of Medicine* dan juga untuk Ph.D. Semua ini mestilah kita kaji dengan teliti. Saya berharap Yang Berhormat Menteri Pengajian Tinggi mestilah begitu mengambil pusing apa yang disebutkan hari ini sebab saya nampak tidak menghiraukan langsung. Mengambil pusing itulah. Ketereh, kalau tidak faham bahasa, kita sabar dahululah. [Ketawa]

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: [Menyampuk] [Senyum]

Dr. Tan Seng Giaw: Dia kepala pusing dah sekarang.

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: [Menyampuk]

Dr. Tan Seng Giaw: Ya? Tidak faham, tidak apalah. Saya ajak Arau untuk memberi pendidikan kepada dia.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kepong, kalau tidak ada apa yang boleh bagi.....

Dr. Tan Seng Giaw: Ada, ada. Mesti ada *point*. [Ketawa] Saya sebutkan mengenai kurikulum, mengenai standard untuk pengambilan pelajar, untuk kelayakan keperluan untuk menamatkan Sarjana Muda dan untuk *postgraduate education* dan

juga program-program untuk pendidikan perubatan ini dan juga di sistem untuk melantik profesor, untuk melantik pensyarah, sistem untuk memberi ijazah ini mesti dikaji semula dan termasuklah undang-undang untuk mengendalikan semua ini. Tuan Pengerusi, ini termasuklah kolej atau universiti swasta kerana mereka bergantung kepada *fee-fee* yang dibayar oleh pelajar. Dengan itu, saya nampak pengambilan pelajar pun dilonggarkan. Standard tidak tinggi, sama ada IMU ataupun kolej perubatan yang lain termasuk di Perak dan Kubang Kerian pun kita nampak USM itu. USM Tuan Pengerusi, teruk sekali sekarang.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak apalah Yang Berhormat.....

Dr. Tan Seng Giaw: Memang teruk sekali standard.

Seorang Ahli: Dia memang teruk. Dia PAS.

Dr. Tan Seng Giaw: Macam mana PAS pula? Itu,

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, kita sama-sama doktor fahamlah itu, cukuplah.

Dr. Tan Seng Giaw: Ya? Doktor faham? Kita faham? Itu Ketereh tidak faham, dia hendak kacau sahajalah. Diam dululah. Kita berdeham.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dah, dah, cukuplah Yang Berhormat ya. *[Ketawa]*

Dr. Tan Seng Giaw: Dengan ini, saya bimbanglah. Kita minta sahaja hendak tambah tetapi itu MU saya nampak, saya pergi tengok sendiri. Dia tambah bilangan pelajar dengan begitu banyak tetapi kemudahan-kemudahan, bilangan profesor, bilangan pensyarah tidak ditambah, yang berkaliber itu, kurang.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dah, cukuplah Yang Berhormat. Kepong cukuplah.

Dr. Tan Seng Giaw: Yang berkaliber kurang.

Seorang Ahli: Cukup!

Dr. Tan Seng Giaw: Dan banyak lagilah. Saya berharaplah walaupun ada desakan daripada Tuan Pengerusi yang juga doktor yang baik.....

Seorang Ahli: *Hand phone* letak bawah.

Dr. Tan Seng Giaw: Tidak bawah pun *hand phone* itu. Walaupunnya Tuan Pengerusi itu seorang doktor.....

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tidak apalah Yang Berhormat, memang saya doktor.....

Dr. Tan Seng Giaw: doktor tinggi. Tetapi malam ini kurang sedikit. Kita mesti memberikan masa yang cukup supaya..... *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat bagi Kepong, cukuplah. Yang Berhormat boleh cakap hari Isnin.

Dr. Tan Seng Giaw: Ya?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Hari Isnin.

Dr. Tan Seng Giaw: Hari Isnin saya akan sambung tetapi malam ini siapa yang akan jawab semua?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Biar bagi peluang.

Dr. Tan Seng Giaw: Ada sini?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukuplah Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Yang Berhormat, saya berharaplah apa yang disebutkan malam ini walaupun diserang dengan begitu bertubi-tubi, saya berharap, mengambil pusing. Saya berharaplah dengan akhirnya Yang Berhormat dapat mengambil pusing apa yang saya cadangkan malam ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: Dia cakap berpusing-pusing.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, sila jawab.

10.29 mlm.

Timbalan Menteri Pengajian Tinggi [Dato' Fu Ah Kiow]: Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Kepong yang selalu pusingkan pandangan rakyat di negara ini. *[Ketawa]* Saya hairan macam mana Yang Berhormat boleh dapat satu rumusan bahawa standard kursus perubatan di IPTA negara ini kian merosot. Saya juga hairan apa asas Yang Berhormat mengatakan kita kian longgar dalam pengambilan pelajar untuk memasuki kursus perubatan.

Dr. Tan Seng Giaw: *[Bangun]*

Dato' Fu Ah Kiow: Nanti dulu, saya habis dulu. Belum bagilah, nanti saya bagi.

Dr. Tan Seng Giaw: *[Bercakap tanpa pembesar suara] [Menyampuk]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia belum bagi Yang Berhormat, duduk dulu, Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw: *[Menyampuk] [Bercakap tanpa pembesar suara]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tadi Yang Berhormat tanya, sekarang dia jawab.

Dr. Tan Seng Giaw: *[Bercakap tanpa pembesar suara] [Menyampuk]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukuplah Yang Berhormat, ya.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk] [Dewan gamat seketika]*

Dr. Tan Seng Giaw: *[Menyampuk]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukuplah Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw: *[Menyampuk] [Bercakap tanpa pembesar suara]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya Kepong, cukuplah. Timbalan Menteri teruskan.

Dato' Fu Ah Kiow: Yang pertama kalau kita lihat kriteria, mengambil pelajar untuk mengikuti kursus perubatan di negara kita, saya ingin maklumkan sebenarnya kriteria kian ketat tahun demi tahun. Ini disebabkan keputusan peperiksaan SPM pelajar kita kian baik tahun demi tahun. Kalau kita lihat dahulu mungkin mereka yang mempunyai CGPA 3.5 boleh memasuki kursus perubatan, tetapi kini cuma mereka yang dapat CGPA yang paling baik berpeluang untuk memasuki. Jadi ini adalah keadaannya.

Yang kedua, kita sentiasa memantau kualiti yang ditawarkan oleh

Dr. Tan Seng Giaw: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Apa lagi Yang Berhormat?

Dato' Fu Ah Kiow: Nantilah belum

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia belum bagi jalan Yang Berhormat.

Dato' Fu Ah Kiow: Sabarlah. Sebagai seorang doktor kena sabar. Kalau doktor pun tidak sabar macam mana boleh jadi seorang doktor yang baik. Tak sabar nak dengar pun pandangan daripada pesakit. Susah tu Yang Berhormat Kepong.

Tuan Pengerusi, kita lihat walaupun kita menambah bilangan pengambilan pelajar untuk mengikuti kursus perubatan, tetapi ia tidak menjejaskan kualiti dan kita sentiasa memantau proses pembelajaran, pengajaran yang dijalankan oleh IPTA dan IPTS negara ini. Misalnya kita masih mengekalkan syarat bahawa nisbah antara tenaga pengajar dan pelajar masih perlu dikekalkan kepada 6 pelajar dengan seorang pensyarah, itu adalah satu syarat yang amat ketat. Jadi saya tidak lihat ada apa-apa kesan mengatakan standard kita telah menurun, itu tidak berasas langsung.

Tentang isu pengiktirafan oleh GMC terhadap gerakan MBBSS yang diluluskan oleh Universiti Malaya, saya telah menerangkan isu ini pada akhir tahun lepas kalau tidak salah. Ingin saya maklumkan bahawa pengiktirafan Ijazah Perubatan Universiti Malaya tidak ditarik balik oleh GMC, tetapi dia tidak diperbaharui kerana berlaku perubahan pada Akta Perubatan United Kingdom akibat kemasukan UK ke dalam EU. Ijazah Perubatan yang diberi oleh Universiti Malaya sehingga tahun 1989 diiktiraf oleh pihak GMC. Dengan perubahan pada Akta Perubatan United Kingdom yang berkuat kuasa pada 2002, pengiktirafan tidak diberi kepada semua ijazah perubatan dari mana-mana institusi pengajian tinggi di dunia kecuali bagi negara-negara EU. Jadi UK telah membezakan kelayakan dari EU dan dari lain-lain negara. Sebab itu ia tidak memperbaharui pengiktirafan

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, saya berharap Menteri sendiri dapat datang ke sini untuk menerangkan keadaan dengan pengiktirafan itu.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, dia belum bagi.

Dato' Fu Ah Kiow: Kena ikut peraturanlah, orang lama ni. Tadi Yang Berhormat cakap saya tak pernah kacau pun. Jadi saya harap jangan pusingkan pandangan rakyat di Malaysia. Tadi Yang Berhormat juga sebut seolah-olah IMU mengambil pelajar tidak mengikut syarat dan tidak mengira kelayakan dan prestasi mereka dalam peperiksaan STPM. Itu pun tidak benar. Kalau kita lihat cara IMU memilih pelajar untuk masuk kursus mereka juga biasanya mempunyai CGPA yang tinggi. Kalau tidak salah saya ramai yang mempunyai CGPA melebihi 3.8 dan selain daripada itu mereka juga perlu lulus temu duga (*interview*) yang dijalankan. Ini adalah perkara kedua yang tidak tepat yang disebutkan oleh Yang Berhormat. Juga disebutkan bahawa MU telah menambah pengambilan begitu ramai, itu pun tidak benar. Sebenarnya sesi tahun 2005/2006 MU cuma menambah pengambilan 40 orang sahaja, bukan begitu ramai, dan oleh kerana penambahan yang telah dijalankan oleh MU dan lain-lain institusi, maka kita perlu juga memberi peruntukan yang banyak untuk menambah peralatan, mengupah lagi lebih ramai tenaga pengajar.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, hendak beri jalan ke Yang Berhormat?

Dato' Fu Ah Kiow: Jadi jumlah penambahan pengambilan ialah 178 orang sahaja. Saya harap ini adalah gambaran yang tepat dan janganlah Yang Berhormat Kepong menyeronongkan pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, habis Yang Berhormat menjawab?

Dato' Fu Ah Kiow: Tentang cadangan di mana kalau boleh mereka digalakkan untuk mengikuti kursus *postgraduate*, itu memang salah satu yang kita berharap pihak graduan-graduan dalam kursus perubatan akan mengambil berat. Janganlah menjadi doktor untuk mencari duit dan tidak ingin melanjutkan pelajaran mereka.

Dr. Tan Seng Giaw: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Hendak beri jalan Yang Berhormat?

Tuan Fu Ah Kiow: Baik, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Hendak beri jalan ke atau sudah habis?

Tuan Fu Ah Kiow: Bagi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Beri jalan. Ya, Kepong. Jangan pusing lagi Yang Berhormat Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya tidak pusing, saya memang tidak pusing tetapi mahu serius dalam hal ini.

Beberapa Ahli: [Menyampuk]

Dr. Tan Seng Giaw: Ha? Ambil pusinglah tu. Semua orang mesti mengambil pusing.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat tadi kata misalnya tambah 40 orang pelajar sahaja tahun ini, tetapi maklumlah doktor-doktor pakar berapa orang yang sudah meninggalkan ataupun tidak ada lagi dalam universiti tu, banyak yang tidak ada. Yang keluar dari universiti tu, yang letak jawatan. Banyak juga. Tadi dia kata, "Satu pensyarah kepada 6 pelajar", adakah ini benar?

Saya hendak satu kajian dibuat dahulu, kemudian kita keluarkan kenyataan seumpama ini dan kenyataan tadi mengenai pihak GMC menarik balik ijazah tu, Tuan Pengerusi pun tahu. Ini kenyataan kemudian. Saya pun pernah tanya naib cancellor 2 atau 3 tahun dahulu.

Tuan Haji Md Alwi bin Che Ahmad: Dia pusing, dia pusing.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukuplah. Kepong cukup dahulu.

Dato' Fu Ah Kiow: Tuan Pengerusi, kalau tidak disebabkan ada pensyarah yang telah meletak jawatan di Universiti Malaya, mungkin kita dapat menambah lagi bilangan pelajar. Tetapi kita tidak dapat membuat demikian walaupun kita didesak oleh orang ramai untuk menambah lagi pengambilan yang lebih ramai. Kita tidak boleh, sebab kita perlu memastikan segala peralatan adalah mencukupi dan tenaga pengajar juga mencukupi. Sebab itu penambahan adalah terhad dan tahun depan kita cuba menambah 178 sahaja. Dan tentang nisbah itu jangan kita mempertikaikan. Kalau nisbah itu tidak menepati syarat, maka MMC tidak akan mengiktiraf kelulusan yang diluluskan oleh MU.

Tadi Yang Berhormat juga ada kata Kubang Kerian – fakulti USM dekat Kota Bharu, seolah-olah mempunyai standard yang rendah. Itu juga tidak benar. Saya tidak tahu sama ada Yang Berhormat pernah melawat fakulti itu atau tidak.

Saya baru-baru ini melawat fakulti itu, saya merasa bangga bahawa kampus itu adalah kampus pertama yang memperkenalkan *intergrate approach* dalam proses pembelajaran iaitu pada tahun pertama mereka telah mulai dengan sebahagian pembelajaran secara klinikal. Jadi itu adalah satu perubahan yang penting. Selain daripada itu, USM Kubang Kerian itu juga merupakan hospital yang telah melahirkan dan melatih begitu ramai pakar iaitu *specialist* untuk doktor-doktor di Malaysia ini. Jadi saya harap saya sudah menjelaskan dan memberi gambaran yang sebenar dan supaya kita tidak mempertikaikan *standard* kursus perubatan Malaysia, sekian terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM131,171,134 untuk Maksud B.49 di bawah Kementerian Pengajian Tinggi jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM131,171,134 untuk Maksud B.49 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

**Maksud B.62 [Jadual] –
Maksud P.62 [Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil.1) 2005]**

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kepala Bekalan B.62 dan Kepala Pembangunan P.62 di bawah Kementerian Keselamatan Dalam Negeri terbuka untuk di bahas.

Dr. Tan Seng Giaw: [Bangun] [Menyampuk]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat tidur sudah selesai.

Dr. Tan Seng Giaw: Sudah selesaikah?

Seorang Ahli: Kementerian Pertahanan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tadi sudah jawab. Ya, Yang Berhormat Kapit.

10.42 mlm.

Tuan Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya ringkas sahaja. Saya hanya ingin menyentuh Butiran 13(2). Saya memang menyokong kementerian telah membelanjakan wang sejumlah RM34 juta bagi membiayai kos operasi Polis Diraja Malaysia berikutan kenaikan kadar elaun dan insentif kepada anggota polis.

Pada saya memang wajar, patutlah anggota polis kita diberi segala kemudahan kewangan seperti kenaikan elaun dan insentif kerana mereka ini memang menjalankan tanggungjawab yang begitu penting pada mesyuarat dan di mana-mana sahaja mereka berkhidmat di seluruh negara. Tuan Pengerusi sumbangan ini memang agak sukarlah bagi anggota-anggota polis menjalankan tugas mereka di kawasan pendalaman, seperti di Kapit di kawasan Parlimen saya. Kawasan Parlimen Kapit yang merangkumi dua buah daerah polis adalah sebesar 7,071 kilometer persegi luasnya dan penduduknya tidak kurang daripada 60 ribu orang. Tuan Pengerusi.....

Seorang Ahli: Polis? Polis?

Tuan Alexander Nanta Linggi: Polis? Nanti saya akan sampai ke sana. Saya telah difahamkan bagi daerah Kapit sepatutnya ada 130 jawatan tetapi sekarang yang sebenarnya hanya 70 anggota polis bertugas di Cawangan Polis Daerah Kapit. Maknanya hanya lebih 50% sahaja sedikit itu anggota polis bertugas di Kapit kawasan yang begitu luas. Saya prihatinlah pada anggota polis di Kapit ini kerana mereka sekarang dan selama ini telah bekerja lebih dari sepatutnya. Bayangkanlah hanya 70 orang anggota-anggota yang memikul tanggungjawab kerja yang sepatutnya untuk 130 anggota ini.

Ini memang membebankan setiap anggota polis di daerah polis Kapit dan daerah Song juga. Lagi prasarana logistik bagi polis daerah Song dan polis daerah Kapit juga memang tidak memuaskan, tidak memadai untuk polis di kedua-dua daerah ini menjalankan tanggungjawab mereka dengan baik. Mereka memang memerlukan beberapa buah bot laju dan enjin sangkut selain daripada kereta-kereta yang telah dibekalkan. Begitu juga dengan peruntukan yang mencukupi untuk kos minyak yang diperlukan, tidak perlulah saya berpanjang lebar tentang kos minyak ini.

Tuan Pengerusi, kalaulah bilangan anggota polis tidak ditambah dan prasarana logistik mereka tidak di naik taraf dengan segera di kawasan ini, saya risaulah anggota polis di kedua-dua daerah ini akan kehilangan motivasi dan kesungguhan mereka menjalankan tugas mereka.

Tuan Pengerusi, saya memanglah mengharapkan Kementerian Keselamatan Dalam Negeri akan mengambil berat tentang rayuan saya ini supaya mutu perkhidmatan polis di Kapit dan di Song tidak terjejas dan keselesaan anggota polis serta keseluruhan keluarga mereka lebih terjamin dan terbelas, sekian terima kasih.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat Sabak Bernam.

10.46 mlm.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak cuba ringkaskan kalau boleh. Yang pertama, Sabak Bernam ingin memberikan pandangan tambahan berkaitan dengan peruntukan RM45 juta bagi Agensi Anti Dadah Kebangsaan.

AADK adalah satu-satunya agensi yang dipertanggungjawabkan secara khusus untuk memerangi isu salah guna dadah dalam konteks pencegahan dan pemulihan. Sejak 20 tahun setelah dadah diisytiharkan sebagai musuh nombor satu negara, salah guna dadah ini bukan sahaja tidak boleh dibendung ataupun tidak boleh dikurangkan malah dibendung pun tidak boleh. Maknanya, pada dasarnya Agensi Antidadah gagal. Musuh kita sekarang ini telah menawan semua kawasan geografi di seluruh negara. Malah semua masyarakat dalam negara ini telah terpalit dalam musuh nombor satu negara.

Oleh kerana itu, kita ingin memberikan perhatian secara khusus kepada AADK, pertama kita telah dimaklumkan bahawa 80 peratus ibu bapa tidak mengambil ataupun tidak peduli anak mereka yang keluar daripada pusat serenti. Maknanya, kalau ada 100 orang akan keluar daripada pusat serenti hanya 20 sahaja ibu bapa yang

mengambilnya dan saya difahamkan 80 orang ini akan diberi RM100 dan disuruh pergi ke mana-mana. Agaknya mereka ini pergi ke mana agaknya? Ibu bapa sudah tidak menerima mereka.

Oleh kerana itulah kita ingin mencadangkan kepada agensi-agensi antidadah ini supaya 80% ibu bapa ini yang dikenal pasti tidak mahu menerima anak mereka kembali harus diberikan satu khusus orientasi supaya mereka menerima anak mereka balik.

Ini sangat penting, ini anak mereka, tidak masuk syurga mereka ini kalau mereka ini kalau mereka tidak ambil balik anak mereka ini. Saya ingat ustaz boleh bantu sayalah ayatnya. *[Ketawa]*

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: *[Bangun]*

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: Saya teruskan, jadi patut ada satu bentuk modul yang tertentu di mana ibu bapa ini 80 peratus ini diberikan latihan supaya mereka menerima balik anak mereka ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Tangga Batu bangun, Yang Berhormat hendak bagi?

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: Sila Yang Berhormat Tangga Batu.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Saya bantulah, ayatnya dia bunyi begini *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]* terima kasih.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: Terima kasih Tuan Pengerusi, *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]* terima kasih.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad: Dak kalau baca ayat itu, minta maaf - laluan.

Seorang Ahli: Allah!

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad: Kena terjemah, kalau tidak, tidak faham. *[Ketawa]*

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: Silakan, ini Hadhari ini.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad: "Wahai mereka-mereka beriman jagalah keluarga kamu, anak pinak kamu daripada terjerumus dalam api neraka."

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: Terima kasih, saya teruskan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ok Yang Berhormat ringkaskan Yang Berhormat tengah-tengah malam ini Yang Berhormat. *[Ketawa]*

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: Maaf Tuan Pengerusi, macam mana hendak ringkas ini sebab saya hendak buka apa yang ada kat dalam ini.

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, teruskan.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: Yang keduanya, pelatih daripada pusat serenti ini apabila kembali ke masyarakat mereka masalah mereka ialah kerjaya mereka, sumber pendapatan bagi mereka.

Oleh kerana itu, kita ingin menganjurkan supaya Agensi Antidadah memperkasakan unit kerjaya mereka supaya pelatih-pelatih ini dapat dibantu untuk mendapat pekerjaan, sumber pendapatan bagi mereka. Identiti manusia ini ialah kerana kerjaya mereka, manusia yang tidak ada pekerjaan tidak ada identiti, tidak ada harga diri. Oleh kerana itu kalau mereka dibiarkan maka pastinya mereka akan kembali kepada sifat asal mereka yang kita ingin elakkan.

Perkara yang ketiga, saya harap budaya hedonisme ini ataupun maknanya realiti TV ini dimanfaatkan. Maknanya anak-anak muda kita ramai yang menjadikan *celebrity* sebagai idola mereka, sama ada mereka itu artis ataupun mereka ahli sukan.

Oleh kerana itulah saya harap Agensi Antidadah ini memanfaatkan mereka, bersama mereka dan kalau boleh saya sangat berharap supaya Jamal Abdillah ini dijadikan anak angkat. Jamal Abdillah ini sudah banyak kali taubat saya difahamkan...

Seorang Ahli: Dia kaki dadah.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan:dia taubat kembali, taubat kembali dan akhirnya apa yang kita nampak ialah dia ini dimanfaatkan dalam konteks komersialnya semata-mata. Oleh kerana itu, kalau dia diletakkan di bawah Agensi Antidadah saya rasa boleh dapat dikawal supaya dia menjadi orang yang benar-benar baik, dan yang akhir sekali.

Dan yang akhir sekali, saya difahamkan perkara ini tidak berapa relevan, tetapi ia di bawah ke Kementerian Keselamatan Dalam Negeri. Siapa yang mengeluarkan permit ini? Saya rasa Kementerian Keselamatan Dalam Negeri, ini saya anggap sebagai buku-buku yang haprak, ya, buku haprak. Ini, bahan cetak ini terlibat, terdapat dalam pasaran begitu banyak sekali dan ia mencemari dan meracuni fikiran anak-anak muda kita.

Oleh sebab itu saya meminta supaya pihak Kementerian Keselamatan Dalam Negeri mengambil tindakan segera mengenai buku-buku yang mencemari fikiran anak-anak kita. Saya bagi satu contoh.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: Saya bacalah oleh sebab kawan, bolehkah Tuan Pengerusi?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, di bawah Kepala berapa tu Yang Berhormat?

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: Ha, saya ambil satu Variasari ya.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, di bawah Kepala berapa?

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: Ini nilai tambah, permit ini dikeluarkan oleh Kementerian Keselamatan Dalam Negeri.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cepat, Yang Berhormat.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: Tuan Pengerusi, saya takut kalau ini tidak diberikan tindakan segera maka anak-anak kita akan tercemar fikirannya. Saya mohon kebenaran daripada Tuan Pengerusi, saya bagilah sedikit sebagai contoh.

Datuk Ronald Kiandee: Baca mana yang mencemar tu, baca.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: "Kartini tidur 44 lelaki".

Beberapa Ahli: [Bersorak]

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: Okey, saya ambil satu lagi, ini bagus, "Seks dengan lampu terpasang lebih mengghairahkan".

Beberapa Ahli: [Bersorak]

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: Saya ingat yang lain Kalam tak dapat baca lagilah. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Jasin.

10.51 mlm.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Tuan Pengerusi, saya nak ringkas sahaja, saya bersama-sama dengan sahabat saya daripada Kapit. Kita mengucapkan ribuan terima kasih kepada anggota polis yang telah menjaga negara kita dengan begitu aman, tetapi malangnya Tuan Pengerusi sekarang ini saya lihat rata-rata anggota polis tidak mencukupi.

Di Jasin, kompleks perumahan polis begitu cantik dan indah, di Merlimau kawasan Parlimen Jasin, Kompleks Polis Merlimau begitu cantik dan indah. Malangnya Tuan Pengerusi, banyak kompleks isinya tidak ada. Anggota dia kurang dan kita berharap pasukan polis ini, kerana kita sedang menghadapi masalah pada hari ini

intake tahun 1969, yang kita ambil begitu ramai dah sampai masanya tahun 2005, 2006, 2007 ini dah sampai masanya, umur 56 tahun akan pencen. Jadi saya harap jabatan/kementerian kena pandang berat soal ini, kalau nak mengharapkan pusat latihan yang ada untuk menampung kekurangan ini, saya kena yakin dan percaya pusat latihan yang sedia ada tidak mampu untuk mengambil rekrut-rekrut baru.

Oleh yang demikian, kita kena fikir juga kerana soal ini jangan main-main kerana tugas dan tanggungjawab polis, kawan-kawan kita ini dah bertambah. Lebih-lebih lagi kita dengar sekarang ini kes ragut yang sedang berlaku membuatkan *tourist* daripada negeri China pada hari ini tak nak datang ke Malaysia Tuan Pengerusi. Kes ragut, dan banyak lagi kes-kes oleh sebab kita kekurangan pegawai keselamatan, membuatkan negara kita pada hari ini digelar kurang selamat.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, banyak pelancong China datang kena tangkap semalam - masuk surat khabar.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Yang itu dia kerja lain Tuan Pengerusi, yang itu yang menyeleweng, kena tangkap okeylah. Tapi laporan yang kita dapati pada hari ini, oleh sebab kes ragut ini dihighlightkan oleh surat khabar negeri China membuatkan pelancong China kurang datang. Dan kita takut hari ini negara kita telah menjadi tempat untuk pelancong-pelancong daripada negara-negara Asia Barat, Arab-Arab. Yang Arab ini pula Tuan Pengerusi, siang dia tidur, kata orang Melaka, "siang dia membuta", lepas Maghrib dia keluar, dia suka *shopping* sampai tengah malam. Jadi keselamatan mereka pun nak kena jaga kerana rezeki yang dia bawa.

Yang kedua Tuan Pengerusi, yang saya nak cepat ini ialah tentang Agensi Dadah Kebangsaan, saya amat sedih mengenai berita yang dikeluarkan baru-baru ini. Kita, dia nak berapa pun, kita bagi berapa Tuan Pengerusi, kerana kita tahu dadah ini musuh negara nombor satu. Dan kita sahaja serius, tetapi kakitangan Antidadah Kebangsaan ini saya lihat seolah-olah kurang serius, ini kerja bukan boleh kira hari Sabtu, hari minggu, tengah malam pun kita kena buat. Dadah pada hari ini makin lama makin bertambah, jadi mengapa?

Kalau Menteri boleh pergi di *night club* malam-malam, ajaklah Ahli Parlimen pergi sekali, apa salah kita boleh turun Tuan Pengerusi. Tapi Agensi Dadah Kebangsaan punya pegawai langsung tak ada, ha ini malang bagi kita pada hari ini. Dan kita berharap oleh sebab dadah ini musuh nombor satu negara, kita berharap benda ini jangan berulang lagi Tuan Pengerusi. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Dr. James Dawos Mamit: [Bangun]

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Bagi Mambong, lepas itu Tangga Batu. Tiga-tiga minit Yang Berhormat, lepas itu kementerian jawab.

10.55 mlm.

Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya terus masuk kepada Butiran 13.3 berkenaan dengan penjara. Pada bulan Februari tahun ini, timbalan menteri dan kontraktor baru, kita membuat perasmian kontrak baru Kompleks Penjara Mambong dan kontraktor berjanji akan mula kerja pada bulan Mac tahun 2005. Kenapa tidak buat sampai sekarang? Sampai sekarang tidak buat, kerana kontrak ini, kerja ini tidak diteruskan maka tempat itu menjadi sarang penagih dadah. Apa terjadi? Penagih dadah ramai dekat situ.

Saya bertanya bilakah kerja akan dimulakan untuk penjara Mambong ini? Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tangga Batu sila.

10.56 mlm.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya nak rujuk 13.1 - perbelanjaan operasi Agensi Antidadah Kebangsaan. Kita telah diberitahu oleh Yang Berhormat Sabak Bernam tadi yang kita gagal, jadi saya nampak di situ mungkin kerja-kerja ataupun tugas yang dilakukan oleh Agensi Dadah Kebangsaan ini tidak begitu objektif. Terutama sekali saya cadangkan supaya dengan

kos RM45 juta ini lihatlah operasi kita tertumpu di bandar umpamanya di Chow Kit Road, di Lorong Haji Taib, di mana di situ tidak kurang daripada 300 ke 400 penagih dadah pada setiap malam menyalahgunakan dadah. Jadi tumpuan di situ diminta secara berterusan dan tetap konsisten, yang pertama.

Yang kedua, di FELDA-FELDA, pengurusan dan pentadbiran membanteras kegiatan dadah di FELDA-FELDA ini perlu diberikan perhatian lebih di kampung-kampung.

Yang terakhir sekali Tuan Pengerusi ialah, pencegahan. Jadi kalau boleh sebahagian daripada perbelanjaan ini juga difokuskan kepada bagaimana kita boleh masuk ke sekolah-sekolah untuk mencegah pelajar-pelajar daripada berada dekat dengan dadah ini. Itu sahaja, terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kementerian Keselamatan Dalam Negeri, Setiausaha Parlimen sila.

10.58 mlm.

Setiausaha Parlimen Kementerian Keselamatan Dalam Negeri [Datuk Wira Abu Seman Yusop]: Terima kasih Tuan Pengerusi dan juga terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang terlibat membahaskan peruntukan tambahan kepada Kementerian Keselamatan Dalam Negeri. Terdapat Ahli-ahli Yang Berhormat bagi Kapit, Sabak Bernam, Jasin, Mambong dan Tangga Batu.

Berkaitan dengan isu yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Kapit dan juga Yang Berhormat Jasin berkaitan dengan *ratio* ataupun nisbah anggota polis, memang benar ada terdapat bahawa ada beberapa tempat di mana nisbah polis berbanding dengan penduduk memang tidak mencukupi. Tetapi oleh sebab keadaan negara kita yang membangun begitu pesat sekali. Oleh sebab itulah kadar pengambilan polis tidak terkejar dengan pembangunan yang kita nikmati dalam negara kita ini.

Walau bagaimanapun pihak polis sentiasa dari masa ke semasa mengambil pengambilan untuk menambah anggota-anggota polis ini. Boleh dikatakan bagi tiap-tiap tahun ada pengambilan polis dibuat, tapi kalau kita nak mencukupkan sekadar yang sepatutnya memang kita tidak terkejar untuk menambah *ratio* seperti yang ini. Dan begitu juga berkaitan dengan logistik-logistik seperti meningkatkan lagi infrastruktur seperti bot-bot untuk kegunaan tugas-tugas oleh anggota polis.

Polis memang sedar berkaitan dengan pentingnya logistik bagi memberi kesan kepada tindakan-tindakan untuk menjaga keselamatan negara dan dari semasa ke semasa polis tidak menafikan untuk meningkatkan berkaitan dengan keperluan logistik yang lebih efisien bagi menjaga keselamatan negara.

Berkaitan dengan isu atau kes-kes ragut yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Jasin, sebenarnya kalau kita lihat kebelakangan ini kes-kes ragut daripada segi datanya begitu berkurang tetapi kadang-kadang kita lihat bahawa yang membesar-besarkan oleh kerana publisiti yang kita dapat daripada akhbar-akhbar di negara kita. Tetapi pada hari ini kita lihat daripada publisiti pun sudah berkurangan dan mungkin kesan publisiti di negara Cina mungkin disebabkan publisiti yang dahulu tetapi saya percaya apa yang kita lihat pada hari ini begitu banyak pelancong-pelancong yang masuk dalam negara kita bahawa mereka merasakan lagi negara kita ini masih baik, masih maju dan masih selamat untuk hadir ataupun melancong di negara kita.

Tuan Pengerusi, berkaitan dengan isu yang ditimbulkan oleh Sabak Bernam. Pertamanya berkaitan dengan penyisihan ibu bapa yang tidak menerima anak-anak mereka selepas mereka dikeluarkan dari pusat pemulihan. Ini memang tidak boleh dinafikan bahawa ramai daripada ibu bapa tidak mahu menerima anak-anak mereka ini tetapi bagi pihak AADK atas kesedaran ini banyak ataupun pelbagai usaha telah diadakan seperti program-program mengorientasikan ibu bapa ini supaya mereka menerima anak-anak mereka kembali dan program-program ini adalah merupakan kaunseling, keluarga, bengkel kemahiran dan keibubapaan, mewujudkan *family association* atau *family support group*, menggalakkan lawatan keluarga, bengkel peranan ibu bapa dalam pemulihan, bengkel persediaan sebelum bebas melibatkan peranan keluarga dalam penempatan kerja, bengkel intervensi keluarga di pusat pemulihan. Tetapi kalau ada di antara penagih dadah yang keluar daripada pusat serenti yang mana tidak diterima oleh ibu bapa, pada hari ini AADK telah mewujudkan pusat khidmat di mana penagih-penagih atau bekas penagih dadah ini boleh tinggal di

pusat khidmat ini dan di samping itu semasa mereka di pusat khidmat ini mereka akan diberi kaunseling dan berbagai program lagi untuk memastikan mereka tidak kembali terlibat dalam dadah.

Berkaitan dengan pelatih tidak ada pekerjaan apabila mereka keluar daripada pusat serenti, ini memang sedar oleh AADK dan hari ini AADK telah pun mengambil tindakan dalam membantu penagih-penagih mendapatkan pekerjaan bagi memulihkan mereka ini. Apabila ada pekerjaan mereka boleh mengelakkan daripada terjebak dalam dadah balik.

Usaha-usaha yang dibuat oleh AADK ini adalah menyediakan latihan vokasional dengan kerjasama Giatmara dalam bidang binaan, automotif, elektrik, jahitan, katering, plumbing dan yang diadakan di pusat serenti sekarang ini ialah Sepang, Pusat Serenti Sungai Petani, Pusat Serenti Gambang, Pusat Serenti Tampin, Pusat Serenti Bachok, Pusat Serenti Janggus. Di samping itu kita AADK mengadakan program di mana pelatih-pelatih bekas penagih dadah ini diberi peluang untuk mendapatkan tempat untuk menjalankan kerja dalam latihan ataupun OJT (on-job-training). Dengan ini AADK ada bekerjasama dengan syarikat swasta atau TESCO, di Giant, Felda dan Golden Hope.

Seterusnya berkaitan dengan ...[Mencari-cari maklumat untuk dibaca] [Dewan menjadi riuh seketika] Tuan Pengerusi, saya rasa itu sahaja yang ingin saya sentuh dan ada perkara-perkara yang masih belum di sentuh saya memohon supaya dapat dikemukakan supaya KKDN dapat menjawab secara bertulis.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat. Masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM98,660,000 untuk Maksud B.62 di bawah Kementerian Keselamatan Dalam Negeri jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan dan disetujui.

Wang sebanyak RM98,660,000 untuk Maksud B.62 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Fasal 1 dan 2 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang. Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 2005 dan Usul Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama 2005 dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Bacaan Kali Yang Ketiga

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan bahawa Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan Pertama 2005 telah ditimbangkan dalam Jawatankuasa dan telah disetujui tanpa pindaan. Saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Setiausaha Parlimen Kementerian Keselamatan Dalam Negeri [Datuk Wira Abu Seman Yusop]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

USUL

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan iaitu Jawatankuasa telah menimbang Usul yang diedarkan kepadanya dan bersetuju dengan Usul itu. Seterusnya saya mencadangkan supaya Usul yang berbunyi:

“Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, memberi ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak tiga bilion dua ratus lapan puluh sembilan juta lapan ratus sembilan puluh tujuh ribu lapan ratus sembilan puluh ringgit (RM3,289,897,890) diperuntukkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun kewangan 2005, bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama, 2005 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 19 Tahun 2005 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesebelas dan duabelas penyata tersebut, hendaklah disahkan.”

Setiausaha Parlimen Kementerian Keselamatan Dalam Negeri [Datuk Wira Abu Seman Yusop]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa Usul seperti mana yang dibacakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan, hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

“Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, memberi ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak tiga bilion dua ratus lapan puluh sembilan juta lapan ratus sembilan puluh tujuh ribu lapan ratus sembilan puluh ringgit (RM3,289,897,890) diperuntukkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun kewangan 2005, bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama, 2005 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 19 Tahun 2005 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) dalam ruang kesebelas dan duabelas penyata tersebut, hendaklah disahkan.”

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ahli-ahli Yang Berhormat, kita semua sudah telah berjaya mengharungi persidangan yang panjang ini [Disorak]. Saya ucapkan terima kasih di atas kesabaran Ahli Yang Berhormat dan pegawai-pegawai. Dengan itu majlis sidang Dewan ini ditangguh sehingga jam 10.00 pagi esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 11.11 malam.